

Jumlah Bilangan Murid Sekolah Rendah Bantuan  
di Semenanjung Mengikut Aliran dan Keturunan Kaum  
Bagi Tahun 1971 - 1978

TAHUN	ALIRAN BAHASA MALAYSIA					BEKAS ALIRAN INGGERIS					ALIRAN CINA					ALIRAN TAMIL					SEMUA ALIRAN				
	M	C	T	L	Jumlah	M	C	T	L	Jumlah	M	C	T	L	Jumlah	M	C	T	L	Jumlah	M	C	T	L	Jumlah
1971	619163	1447	5290	3786	629686	156233	113843	63255	4219	337560	2530	409980	522	238	413270	335	16	76828	13	77192	778261	525286	145895	8256	1457698
1972	629672	1648	6309	4359	641988	166389	103675	62514	4190	336768	3323	431018	685	240	435266	329	17	78401	11	78758	799713	536358	147909	8800	1492780
1973	651935	1821	7962	4721	664399	173665	95219	61989	4424	335297	4381	445406	879	237	450903	336	22	78472	24	78854	830317	542468	149302	9406	1531493
1974	664320	1033	8656	4531	671540	175861	84273	60211	4231	324576	5462	458788	1044	247	465541	416	21	79227	10	79674	846059	544115	149138	8019	1547331
1975	696335	1720	9913	4491	712459	172650	75346	60738	4328	313060	6491	472980	1216	297	480984	499	18	79877	10	80404	875975	550064	151744	9126	1586909
1976	712975	1610	11013	4744	730342	169819	70065	60427	4002	304313	7300	478849	1393	335	487877	495	21	79578	9	80103	890589	550545	152411	9090	1602635
1977	716434	1754	11781	4267	734256	171224	66854	60962	3409	302449	7753	484198	1515	343	493809	467	25	78340	9	78841	895878	552831	152598	8028	1609335
1978	723906	2106	13428	3283	742723	170143	64916	62889	2805	300753	9617	486710	1586	402	498311	885	55	75502	4	76446	904547	553787	153405	6494	1618233

(Sumber: Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Pelajaran, Kementerian Pelajaran)

### RALAT

Halaman	Para & Baris	Salah	Betul
vi	Butiran 5.13	Agama	Ugama
7	Para 14, Baris 8	pepaduan	perpaduan
9	Para 17, Baris 6	setok	stok
70	Para 125, Baris 6	agama	ugama
70	Para 126, Baris 1	Pendidkan	Pendidikan
71	Para 126, Baris 21	pelakuan	prestasi
206	Para 403, Baris 1	Adalah didapati menurut amalan biasa hanya sekolah ini diberikan pula peruntukan wang untuk membeli buku sahaja dibekalkan dengan alat perabut perpustakaan.	Adalah didapati menurut amalan biasa, hanya sekolah yang dilengkapi dengan kemudahan perpustakaan sahaja dibekalkan dengan alat perabut perpustakaan.
207	Para 405, Baris 1	secara	cara
213	Para 418, Baris 5	sebilangan	bilangan
213	Para 418, Baris 8	yang	—

**LAPORAN**  
JAWATANKUASA KABINET  
MENGKAJI  
PELAKSANAAN DASAR PELAJARAN  
(7hb. November, 1979)

PENGERUSI  
YAB. Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad  
Timbalan Perdana Menteri  
Malaysia

Kementerian Pelajaran Malaysia  
Kuala Lumpur  
1979

Cetakan Pertama 1979

M  
399.0975  
K P

**1252.10**

Dicetak oleh  
Percetakan Dewan Bahasa dan Pustaka  
Kuala Lumpur

\$3.00

- 3 -  
Perpustakaan Negara  
Malaysia

## AHLI-AHLI JAWATANKUASA

- |    |  |  |
|----|--|--|
| 1. | Yang Amat Berhormat<br>Dato' Seri Dr. Mahathir b. Mohamad<br>SSDK, SSAP, SPMS.     | – Timbalan Perdana Menteri<br>– Pengerusi        |
| 2. | Yang Berhormat<br>Datuk Lee San Choon<br>SSIJ, SPMJ, KMN.                          | – Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam |
| 3. | Yang Berhormat<br>Tan Sri V. Manickavasagam<br>PMN, SPMS.                          | – Menteri Pengangkutan                           |
| 4. | Yang Berhormat<br>Datuk Hj. Mohd. Asri b. Hj. Muda<br>SPMK, SPDK (Hingga 2.11.77). | – Menteri Kemajuan Tanah dan Wilayah             |
| 5. | Yang Berhormat<br>Datuk Amar Hj. Abdul Taib<br>bin Mahmud<br>DA, PGDK, SPMJ.       | – Menteri Pertahanan                             |
| 6. | Yang Berhormat<br>Datuk Ali b. Hj. Ahmad<br>SPMJ (Hingga 4.12.77).                 | – Menteri Pertanian                              |
| 7. | Yang Berhormat<br>Dato' Michael Chen Wing Sum<br>DPMS.                             | – Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan        |
| 8. | Yang Berhormat<br>Dato' Musa b. Hitam<br>SSIJ, SPMJ.                               | – Menteri Pelajaran                              |

Setiausaha kepada Jawatankuasa ini ialah YB. Dato' Abdul Rahman Haji Arshad DKSJ, JSM, BSK, Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran. Penolongnya ialah Encik Mohd. Nashir bin Haji Ibrahim, Penolong Pengarah Penyelidikan, Kementerian Pelajaran dan mulai 2.8.78 beliau dibantu oleh Encik Abdul Rahman bin Mat, Penolong Pengarah Penyelidikan, Kementerian Pelajaran. Beberapa mesyuarat Jawatankuasa ini telah juga dihadiri oleh YB. Dato' Haji Othman bin Abdul Malek DKSJ, KMN, Ketua Setiausaha Kementerian Pelajaran dan YB. Tan Sri Dato' Haji Murad bin Mohd. Noor PSM, DSDK, JMN, KMN, PMK, SMK, Ketua Pengarah Pelajaran, kedua-duanya telah menjadi sumber perunding dalam perkara-perkara yang memerlukan penjelasan, nasihat dan sebagainya.

## KANDUNGAN

1. BAB I – BIDANGTUGAS, TAFSIRAN dan CARAKERJA	1–12
1.1 Penubuhan dan Bidangtugas	1
1.2 Dasar Pelajaran Kebangsaan	3
1.3 Pelaksanaan Tugas	3
1.4 Titik Permulaan	6
1.5 Susunan Laporan	11
2. BAB II – SISTEM PENDIDIKAN SEKARANG	13–65
2.1 Pendahuluan	13
2.2 Pendidikan Rendah	13
2.3 Pendidikan Menengah Rendah	21
2.4 Pendidikan Menengah Atas	31
2.5 Pendidikan Tingkatan VI	40
2.6 Pelajaran Lanjutan	45
2.7 Sekolah Swasta	46
2.8 Pendidikan Peringkat Maktab: Maktab Perguruan	57
2.9 Pendidikan Peringkat Maktab: Politeknik Institut Teknologi MARA Kolej Tunku Abdul Rahman	61
3. BAB III – KURIKULUM	66–114
3.1 Pendahuluan	66
3.2 Kurikulum dan Perpaduan Negara	67
3.2.1. Sukatan Pelajaran Yang Sama Kandungannya dan Peperiksaan Yang Seragam	67

3.2.2.	Pendidikan Agama	70
3.2.3	Pendidikan Sivik	73
3.2.4.	Pendidikan Sosial	75
3.2.5	Pendidikan Ilmu Hisab dan Sains	78
3.2.6	Kebudayaan dan Pendidikan Muzik	82
3.2.7	Bahasa Malaysia	84
3.2.8	Bahasa-Bahasa Lain	86
3.2.9	Kegiatan Ko-Kurikulum	91
3.3	Kurikulum dan Tenaga Rakyat	97
3.3.1	Pendahuluan	97
3.3.2	Peringkat Rendah	98
3.3.3	Peringkat Menengah Rendah	102
3.3.4	Peringkat Menengah Atas	105
3.3.5	Sekolah Menengah Vokasional	109
3.3.6	Sekolah Menengah Teknik	110
3.4	Meninggikan Taraf Pendidikan	112
3.5	Sekolah Swasta	113
<b>4.</b>	<b>BAB IV – DISIPLIN</b>	<b>115–127</b>
4.1	Pendahuluan.	115
4.2	Disiplin dan Masyarakat	116
4.3	Disiplin dan Perpaduan Negara	119
4.4	Disiplin Di Sekolah	120
<b>5.</b>	<b>BAB V – PENGURUSAN</b>	<b>128–193</b>
5.1	Pendahuluan	128
5.2	Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Pelajaran	131
5.3	Bahagian Sekolah-Sekolah	135
5.4	Bahagian Latihan Guru	143
5.5	Pusat Perkembangan Kurikulum	147
5.6	Lembaga Peperiksaan	151
5.7	Jemaah Nazir Sekolah	155
5.8	Bahagian Pelajaran Teknik dan Vokasional	159
5.9	Bahagian Perkhidmatan Sebaran Pendidikan	163
5.10	Bahagian Kewangan dan Akaun	166
5.11	Bahagian Pembangunan dan Bekalan	168
5.12	Bahagian Pelajaran Tinggi	173
5.13	Bahagian Pendidikan Agama Islam	175

5.14	Bahagian Perjawatan dan Perkhidmatan	178
5.15	Bahagian Hal Ehwal Luar Negeri	182
5.16	Bahagian Biasiswa dan Latihan	184
5.17	Bahagian Pendaftaran Sekolah dan Guru	187
5.18	Biro Buku Teks	189
5.19	Bahagian Pentadbiran	192
6.	<b>BAB VI – KEMUDAHAN dan PEF.BEKALAN PELAJARAN</b>	<b>194–225</b>
6.1	Pendahuluan	194
6.2	Kemudahan Fizikal	194
6.3	Asrama	199
6.4	Buku Teks	201
6.5	Perpustakaan	205
6.6	Biasiswa dan Lain-lain Bantuan Kewangan	210
6.7	Bantuan Makanan Tambahan	215
6.8	Sekolah Rendah Pusat	219
6.9	Pendidikan Kanak-Kanak Cacat	221
7.	<b>BAB VII – PENUTUP</b>	<b>226–228</b>
8.	<b>SENARAI PERAKUAN-PERAKUAN</b>	<b>229–265</b>
9.	<b>HUJUNGAN-HUJUNGAN</b>	<b>266–310</b>
	HUJUNGAN 1 – Senarai Makna Perkataan	266
	HUJUNGAN 2 – Keanggotaan Jawatankuasa Pegawai-Pegawai	274
	HUJUNGAN 3 – Keanggotaan Jawatankuasa Kecil Tenaga Rakyat	278
	HUJUNGAN 4 – Ahli-Ahli Kumpulan Kerja A	280
	HUJUNGAN 5 – Ahli-Ahli Kumpulan Kerja B	282
	HUJUNGAN 6 – Keanggotaan Jawatankuasa Kecil Perpaduan	284
	HUJUNGAN 7 – Senarai Memo-Memo Yang Diterima	286



## BAB I

### BIDANGTUGAS, TAFSIRAN DAN CARAKERJA

#### 1.1 PENUBUHAN DAN BIDANGTUGAS

##### 1. Bidangtugas Jawatankuasa Kabinet

Pada bulan September 1974 Kerajaan Malaysia telah menubuhkan satu Jawatankuasa Kabinet untuk mengkaji semula pelaksanaan sistem pelajaran kebangsaan sekarang. Bidangtugas untuk Jawatankuasa Kabinet itu ialah:—

Mengkaji semula matlamat dan kesannya sistem pelajaran sekarang, termasuk kurikulumnya, dalam rangka dasar pelajaran kebangsaan yang wujud, dengan tujuan untuk memastikan bahawa keperluan tenaga rakyat negara dapat dipenuhi sama ada dari segi jangka pendek mahupun jangka panjang, dan lebih-lebih lagi untuk memastikan bahawa sistem pelajaran itu dapat memenuhi matlamat negara ke arah melahirkan masyarakat yang bersatupadu, berdisiplin dan terlatih.

##### 2. Pembentukan Jawatankuasa Pegawai-Pegawai dan Tafsiran Bidangtugas

Untuk menjalankan tugas ini, Jawatankuasa Kabinet telah menubuhkan satu Jawatankuasa Pegawai-Pegawai sebagai jawatankuasa kerjanya. Bidangtugas yang diberi kepada Jawatankuasa Kabinet itu telah ditafsirkan oleh Jawatankuasa Pegawai-Pegawai seperti berikut:—

- (a) Mengkaji sejauhmana pelaksanaan dasar pelajaran kebangsaan menerusi sistem pelajarannya yang ada sekarang:
  - (i) boleh melahirkan tenaga rakyat jangka pan-

- jang dan jangka pendek yang diperlukan oleh negara.
- (ii) berjaya menghasilkan satu masyarakat yang bersatupadu, berdisiplin dan terlatih.
- (b) Hasil daripada kajian ini, membuat syor-syor yang sewajarnya.

Urusetia kepada Jawatankuasa Kabinet dan Jawatankuasa Pegawai-Pegawai ini ialah Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Pelajaran, Kementerian Pelajaran.

### 3. Pengertian Istilah

Kami mengertikan beberapa istilah dalam bidang tugas kajian semula ini seperti berikut:—

- (a) Tenaga rakyat jangka pendek dan jangka panjang.
  - (i) **Tenaga rakyat**  
Rakyat yang dapat menyumbangkan tenaga dalam kegiatan pembangunan negara dengan pengertian seluas-luasnya, baik di sektor kerajaan mahupun di sektor swasta.
  - (ii) **Tenaga rakyat jangka pendek**  
Tenaga rakyat untuk memenuhi keperluan negara dalam tempoh lima tahun berdasarkan kepada tempoh satu-satu rancangan pembangunan negara.
  - (iii) **Tenaga rakyat jangka panjang**  
Tenaga rakyat yang diperlukan dalam tempoh melebihi jangkawaktu lima tahun.
- (b) Masyarakat yang bersatupadu, berdisiplin dan terlatih.
  - (i) **Masyarakat bersatupadu**  
Masyarakat majmuk Malaysia yang mempunyai keazaman, kesanggupan dan kesediaan untuk hidup bersama dengan rukun dan damai serta mempunyai kesedaran, keperibadian dan nilai-nilai sebagai rakyat Malaysia.

(ii) Masyarakat berdisiplin

Masyarakat Malaysia yang menghormati dan mematuhi undang-undang serta peraturan, bersedia bekerja atau membuat sesuatu hingga sempurna, menghormati hak-hak individu, mengamalkan tingkah-laku yang baik dan tidak menjejaskan kepentingan orang lain, menghormati dan mempunyai semangat memperbaiki keadaan secara membina, dan bersedia berkhidmat untuk negara.

(iii) Masyarakat terlatih

Masyarakat Malaysia yang mendapat pendidikan dan latihan supaya boleh menyertai dengan berkesan dalam kegiatan pembangunan negara.

## 1.2 DASAR PELAJARAN KEBANGSAAN

4. Pengkajian semula pelaksanaan sistem pelajaran ini adalah berasaskan Dasar Pelajaran sekarang yang menurut Pendahuluan kepada Akta Pelajaran 1961 adalah bermaksud:

BAHAWASANYA dasar pelajaran seperti yang diisytiharkan dalam Ordinan Pelajaran, 1957 ialah untuk menubuhkan satu sistem pelajaran yang akan dapat memenuhi keperluan negara dan menggalakkan perkembangan kebudayaan, sosial, ekonomi dan politiknya;

BAHAWASANYA adalah difikirkan perlu bahawa setakat yang sejajar dengan dasar itu, dengan mengadakan pengajaran yang cekap dan dengan mengelakkan perbelanjaan awam yang tidak berpatutan, perhatian hendaklah diberi kepada prinsip bahawa murid-murid hendaklah dididik mengikut kemahuan-kemahuan ibubapa mereka;

DAN BAHAWASANYA peruntukan selanjutnya adalah dikehendaki untuk menentukan agar dasar tersebut dilaksanakan secara berkesan, termasuk, khususnya, peruntukan bagi perkembangan yang progresif bagi suatu sistem pelajaran dalam mana Bahasa Kebangsaan adalah menjadi bahasa pengantar utama.

## 1.3 PERLAKSANAAN TUGAS

### 5. Jawatankuasa Kecil

Dalam menjalankan tugasnya, Jawatankuasa Pegawai-Pegawai telah menubuhkan dua jawatankuasa kecil iaitu

Jawatankuasa Kecil Perpaduan dan Jawatankuasa Kecil Tenaga Rakyat. Urusetia kepada semua jawatankuasa ini ialah juga Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Pelajaran, Kementerian Pelajaran. Jawatankuasa Pegawai-Pegawai telah juga menubuhkan dua jawatankuasa peringkat negeri bagi Sabah dan Sarawak.

## 6. Tugas Tiap-Tiap Jawatankuasa

### (a) Jawatankuasa Pegawai-Pegawai.

Tugas Jawatankuasa ini ialah, setelah mengkaji:

- (i) laporan-laporan yang dikemukakan oleh semua jawatankuasa kecil, dan
- (ii) bidang-bidang lain yang tidak diliputi oleh jawatankuasa kecil.

mengemukakan pendapat-pendapat dan cadangan-cadangan kepada Jawatankuasa Kabinet untuk pertimbangan dan keputusan oleh jawatankuasa tersebut.

### (b) Jawatankuasa Kecil Tenaga Rakyat.

Tugas jawatankuasa kecil ini ialah mengkaji sama ada pelaksanaan sistem pelajaran dan kurikulumnya sekarang dapat melahirkan keperluan tenaga rakyat, jangka pendek dan jangka panjang. Untuk tugas ini, Jawatankuasa Kecil Tenaga Rakyat telah menubuhkan dua kumpulan kerja, satu mengkaji sistem pelajaran dan satu lagi mengkaji kurikulum di semua peringkat pelajaran dan kemudian keduanya mengemukakan syor-syor kepada Jawatankuasa Tenaga Rakyat. Dari semua kajian ini, Jawatankuasa Tenaga Rakyat pula membuat syor-syornya kepada Jawatankuasa Pegawai-Pegawai.

### (c) Jawatankuasa Kecil Perpaduan.

Tugas jawatankuasa kecil ini ialah mengkaji bahagian-bahagian dalam sistem pelajaran negara termasuk pelajaran swasta yang ada kaitan dengan disiplin dan perpaduan negara serta membuat syor-syor kepada Jawatankuasa Pegawai-Pegawai.

- (d) Jawatankuasa-Jawatankuasa Kecil di Sabah dan Sarawak.

Pada mulanya tugas jawatankuasa-jawatankuasa ini adalah mengkaji hal-hal yang sama di negeri masing-masing dan membuat syor-syor kepada Jawatankuasa Pegawai-Pegawai tetapi oleh kerana jawatankuasa-jawatankuasa tersebut tidak dapat menjalankan tugas ini maka beberapa orang ahli daripada jawatankuasa-jawatankuasa itu telah diserapkan ke dalam Jawatankuasa Pegawai-Pegawai untuk menyertai perbincangan dan kajian yang dibuat.

#### 7. Memorandum Yang Diterima

Jawatankuasa Pegawai-Pegawai dan Jawatankuasa-jawatankuasa kecilnya telah mengkaji semua 302 memorandum yang telah diterima daripada badan-badan dan orang-orang perseorangan seperti berikut:—

(a) Badan-badan politik	=	19
(b) Persatuan-persatuan, kesatuan-kesatuan, majlis-majlis dan kumpulan-kumpulan lain	=	101
(c) Orang-orang perseorangan	=	182
		<hr/>
		302

#### 8. Mesyuarat

Jawatankuasa Kabinet telah bermesyuarat sebanyak 23 kali. Tiap-tiap jawatankuasa dan kumpulan kerja yang lain pula telah mengadakan mesyuarat masing-masing seperti berikut:—

(a) Jawatankuasa Pegawai-Pegawai	=	80 mesyuarat
(b) Jawatankuasa Kecil Perpaduan	=	26 mesyuarat

(c) Jawatankuasa Kecil Tenaga Rakyat	=	5 mesyuarat
(i) Kumpulan Kerja A (Sistem Pelajaran)	=	29 mesyuarat
(ii) Kumpulan Kerja B (Kurikulum)	=	15 mesyuarat

## 9. Tahun Pengkajian

Kajian ini telah dibuat dengan menggunakan perangkaan dan data-data yang berkenaan berasaskan kepada tahun 1978 kecuali apabila rujukan dibuat kepada sesuatu laporan atau penyelidikan, maka dalam keadaan yang demikian perangkaan dan data-data yang digunakan adalah berasaskan kepada tahun laporan atau penyelidikan itu disediakan.

## 1.4 TITIK PERMULAAN

10. Dasar Pelajaran Kebangsaan yang termaktub dalam Akta Pelajaran, 1961 itu berasaskan Penyata Razak, 1956 dan Laporan Rahman Talib, 1960. Kedua-dua dokumen ini menitikberatkan aspek-aspek yang berkaitan dengan perpaduan negara dan penghasilan tenaga rakyat iaitu perkara-perkara yang menjadi tumpuan utama dalam kajian semula ini. Dari segi perpaduan, Penyata Razak, 1956 menyatakan:—

Tujuan dasar pelajaran di-dalam negeri ini ialah bermaksud hendak menyatukan budak2 daripada semua bangsa di-dalam negeri ini dengan memakai satu peratoran pelajaran yang meliputi semua bangsa dengan menggunakan bahasa kebangsaan sa-bagai bahasa pengantar yang besar, walau pun perkara ini tiada dapat di-laksanakan dengan serta-merta melainkan hendak-lah di-perbuat dengan beransor2. (Penyata Razak, perenggan 12).

11. Cara yang dicadangkan oleh Penyata Razak untuk menyatukan kaum-kaum di negara ini ialah menerusi satu sistem pelajaran "berchorak Tanah Melayu". (Penyata Razak, Perenggan 115).

Satu daripada umbi kemahuan dasar pelajaran Persekutuan Tanah Melayu ini ialah mengubah chorak semua sekolah2 rendah dan sekolah menengah supaya berchorak Tanah Melayu. Kami berpendapat bahawa chara-nya supaya sempurna perkara ini ia-lah dengan jalan menyamakan sukatan pelajaran semua sekolah2. (Penyata Razak, Perenggan 115).

12. Kesemuanya ini adalah dalam konteks bidang tugas Jawatankuasa Penyata Razak yang bertujuan antara lain:—

Memeriksa akan dasar pelajaran Negeri Persekutuan Tanah Melayu yang ada sekarang dan mengesahkan sa-barang perubahan kapadanya atau menasuaikan dengan-nya yang mana wajib, dengan tujuan hendak menubuhkan suatu peratoran pelajaran kebangsaan yang menasabah yang dapat di-terima oleh orang2 di-dalam Persekutuan Tanah Melayu ini 'am-nya dan yang dapat memenohi kemahuan mereka serta menggalakkan kemajuan mereka sa-bagai suatu bangsa di-dalam lapangan kebudayaan, masharakat, ekonomi dan politik, dengan tujuan hendak menjadikan bahasa Melayu itu bahasa kebangsaan negeri ini dan dalam pada itu pula memelihara akan bahasa dan kebudayaan lain2 bangsa yang diam di-dalam negeri ini. (Penyata Razak, Perenggan 1 (a). )

13. Penyata Razak dengan jelasnya mengutamakan perpaduan negara sebagai satu matlamat yang perlu dicapai. Ini bermakna bahawa unsur-unsur dan nilai-nilai perpaduan di-jadikan teras dasar pendidikan kebangsaan untuk menjamin kesejahteraan dan kepentingan masyarakat Malaysia yang terdiri dari berbilang kaum. Oleh kerana masyarakat di Malaysia berupa masyarakat majmuk, maka konsep perpaduan dalam konteks negara ini perlu difahamkan sebagai satu proses yang mengutamakan perpaduan rakyat berbilang kaum selaras dengan prinsip-prinsip Rukunegara. Perpaduan yang diwujudkan mesti berupaya menangkis gejala-gejala yang boleh memecah-belahkan rakyat. Gejala-gejala tersebut umpamanya adalah gejala-gejala perkauman, keturunan, ugama, bahasa, perasaan kedaerahan dan lain-lain lagi.

14. Untuk mencapai matlamat perpaduan negara ini melalui sistem pendidikan, Penyata Razak telah menggariskan dua asas utama, iaitu sistem persekolahan yang sama bagi semua dan kurikulum sekolah yang sama kandungannya dan bercorak kebangsaan. Dalam hubungn ini Penyata Razak tidak pula memberi penghuraian secara mendalam mengenai kedua-dua asas tersebut. Oleh itu, bagi tujuan untuk menjamin pencapaian matlamat pepaduan melalui bidang pendidikan maka kedua-dua asas tadi perlulah diteliti secara lebih terperinci. Dalam kajian ini aspek-aspek kepada kedua-dua asas tadi yang beri tumpuan perhatian adalah seperti berikut:—

(a) Sistem Persekolahan:

- (i) Struktur masa persekolahan, dan penjurusan.
- (ii) Rancangan alihbahasa.

- (iii) Peperiksaan yang sama.
- (iv) Pengurusan dan pentadbiran secara pusat.
- (v) Pengelolaan sekolah-sekolah swasta.
- (vi) Peluasan dan penyamarataan peluang dan kemudahan pelajaran.

(b) Kurikulum:

- (i) Sukatan pelajaran yang sama kandungannya dan peperiksaan yang sama.
- (ii) Bahasa Malaysia sebagai bahasa perpaduan.
- (iii) Buku-buku Teks.
- (iv) Pendidikan Sivik.
- (v) Pendidikan agama, moral dan etika.
- (vi) Pembentukan disiplin.
- (vii) Kegiatan ko-kurikulum.

15. Penyata Razak, 1956 tidak membincangkan secara langsung persoalan tenaga rakyat. Walau bagaimanapun secara tidak langsung persoalan ini dapat dikaitkan dengan perkataan 'economy' dalam petikan di bawah ini:—

Sa-telah tiba masa-nya apabila semua sekolah-sekolah bergerak menepati suatu sukatan pelajaran yang sama tiada-lah di-kirakan walau apa pun bahasa pengantar-nya, kami rasa negeri ini telah mengambil langkah yang teramat penting ka-arrah maksud menubuhkan suatu chara pelajaran kebangsaan yang akan memuaskan kemahuan orang-orang serta memajukan kebudayaan, masyarakat, economy dan politik sa-bagai suatu bangsa. (Penyata Razak, Perenggan 119).

16. Untuk memastikan dengan tepat sejauh mana perkembangan sistem pendidikan kebangsaan kita dapat memenuhi keperluan tenaga rakyat negara adalah satu perkara yang sukar. Antara sebab-sebabnya ialah kurangnya kajian-kajian dibuat yang khusus meneliti kedudukan dan keperluan tenaga rakyat bagi negara ini. Kajian memang sukar dilakukan oleh kerana dalam konteks sebuah negara yang sedang pesat membangun dengan perkembangan sektor-sektor ekonominya yang sukar dapat dijangkakan, maka keperluan tenaga rakyat memang sukar dapat ditentukan. Walau bagaimanapun untuk kajian ini satu gambaran mengenai kedudukan tenaga rakyat bagi negara ini telah diusahakan.

17. Kedudukan keperluan dan kedudukan tenaga rakyat (stock) pada tahun 1975 bagi bidang-bidang pekerjaan ikhtisas dan separa ikhtisas tertentu adalah seperti yang ditunjuk-



kan dalam Jadual 1 dan Jadual 2. Gambaran ini dihadkan kepada bidang-bidang ikhtisas dan separa ikhtisas tersebut kerana perangkaan mengenai setok di bidang-bidang lain tidak

Jadual 1  
Kedudukan Tenaga Rakyat Kumpulan Ikhtisas  
Pada Tahun 1975

Bil.	Pekerjaan	Keperluan	Yang Sedia* Ada	Kelebihan (+)/ Kekurangan (-)
1.	Guru Latihan Maktab	70,471	60,881**	- 9,590
2.	Guru Siswazah Sains	2,711	1,590	- 1,121
3.	Guru Siswazah Sastera	4,306	3,899	- 407
4.	Jurutera	4,300	3,556	- 744
5.	Doktor	2,700	2,511	- 189
6.	Doktor Pergigian	506	398	- 108
7.	Peguam	2,023	1,070	- 953
8.	Akitek	577	306	- 31
9.	Jurukur	260	219	- 41
10.	Doktor Haiwan	150	95	- 55

\*Sumber: Agensi, Institusi dan Persatuan Ikhtisas yang berkenaan

\*\*Tidak termasuk guru-guru agama.

Jadual 2  
Kedudukan Tenaga Rakyat Kumpulan Separa Ikhtisas  
Pada Tahun 1975  
(Sektor Awam Sahaja)

Bil.	Pekerjaan	Keperluan	Yang Sedia* Ada	Kelebihan (+)/ Kekurangan (-)
1.	Juruteknik	17,200	15,911	- 1,289
2.	Jururawat	7,540	4,107	- 3,433
3.	Pembantu Hospital	1,510	1,288	- 222
4.	Jururawat Pergigian	610	442	- 168
5.	Pembantu Doktor Haiwan	600	466	- 134

\*Stok 1973 dan tambahan pelajar-pelajar Lulusan Diploma bagi tahun 1974 dan 1975.

Sumber: Angka-angka didapati daripada agensi-agensinya berkenaan.

dapat diperolehi. Dari perangkaan yang terdapat berhubung dengan bidang-bidang ikhtisas dan separa ikhtisas ini ternyata bahawa kedudukan tenaga rakyat negara, khususnya dalam sektor pendidikan dan kejuruteraan tidak mencukupi.

18. Berdasarkan kepada kumpulan tenaga rakyat yang ada pada tahun 1975 ini dan dengan mengambil kira pengeluaran pelajar-pelajar dari universiti-universiti dan maktab-maktab tempatan, maka kumpulan tenaga rakyat yang ada pada tahun 1985 di bidang-bidang ikhtisas dan separa ikhtisas telah diunjurkan. Demikian juga dengan menggunakan kadar-kadar rasmi yang dijadikan asas bagi membuat anggaran mengenai keperluan tenaga rakyat, angka-angka keperluan bagi tahun 1985 telah dapat dijangkakan. Kedua-dua perangkaan ini, keperluan dan stok untuk kumpulan ikhtisas dan separa ikhtisas bagi tahun 1985, adalah ditunjukkan dalam Jadual 3 dan Jadual 4.

Jadual 3  
Kedudukan Tenaga Rakyat, Kumpulan Ikhtisas  
Pada Tahun 1985

Bil.	Pekerjaan	Keperluan	Stok	Kelebihan (+)/ Kekurangan(-)
1.	Guru Latihan Maktab	84,890*	86,965***	+ 2,075
2.	Guru Siswazah Sains	7,803*	9,570	+ 1,767**
3.	Guru Siswazah Sastera	9,178*	8,584	- 594**
4.	Jurutera	7,398	6,239	- 1,159
5.	Doktor	5,243	4,332	- 911
6.	Doktor Pergigian	1,363	759	- 604
7.	Peguam	2,726	1,726	- 1,000
8.	Akitek	454	366	- 88
9.	Jurukur	469	413	- 56
10.	Doktor Haiwan	447	341	- 106

\*Angka ini adalah berdasarkan kepada keperluan guru mengikut kadar yang wujud sekarang.

\*\*Tidak termasuk guru-guru terlatih yang kemudiannya memasuki universiti.

\*\*\*Tidak termasuk guru-guru agama.

Sumber: Angka-angka adalah berdasarkan kepada pengeluaran sebenar dan unjuran pengeluaran institusi-institusi pengajian tinggi tempatan.

**Jadual 4**  
**Kedudukan Tenaga Rakyat, Kumpulan Separa Ikhtisas**  
**Pada Tahun 1985**  
**(Sektor Awam Sahaja)**

Bil.	Pekerjaan	Keperluan	Setok	Kelebihan(+)/ Kekurangan(-)
1.	Juruteknik	29,592	23,170	- 6,422
2.	Jururawat	9,630	9,140	- 490
3.	Pembantu Hospital	1,780	1,590	- 190
4.	Jururawat Pergigian	1,000	620	- 380
5.	Pembantu Doktor Haiwan	1,788	814	- 974

Sumber: Angka-angka didapati daripada agensi-agensi berkenaan.

19. Berdasarkan kepada angka-angka dalam Jadual 3 dan Jadual 4, beberapa rumusan dapat dibuat untuk dijadikan garis panduan dalam menentukan haluan bagi sistem pendidikan di negara ini agar ianya dapat memainkan peranan yang berkesan sebagai agen utama membekalkan tenaga rakyat yang selaras dengan keperluan negara. Gambaran yang dapat dilihat ialah sistem pendidikan kebangsaan mengikut keupayaannya sekarang adalah tidak berkemampuan memenuhi keperluan tenaga rakyat dalam bidang-bidang ikhtisas dan separa ikhtisas kecuali dalam bidang perguruan di peringkat menengah untuk guru siswazah sains. Jika dibandingkan dengan kedudukan pada tahun 1975, kekurangan dalam tahun 1985 dalam bidang-bidang ikhtisas dan separa ikhtisas adalah lebih besar, terutamanya dalam bidang kejuruteraan, perubatan dan perguaman.

### 1.5 SUSUNAN LAPORAN

20. Kajian ini telah dibuat dengan meneliti bidang-bidang yang difikirkan ada hubungan dengan bidang tugas yang telah

ditetapkan. Bab I menghuraikan Bidangtugas, Tafsiran dan Carakerja; Bab II pula meneliti Latar Sistem Pendidikan Kebangsaan seperti yang wujud sekarang. Ini diikuti dengan Bab III yang mengkaji Kurikulum manakala Bab IV pula menumpukan perhatian kepada Disiplin yang merupakan satu perkara yang terjalin rapat dengan Perpaduan dan Tenaga Rakyat.

21. Seterusnya, Bab V membicarakan Pengurusan Pelajaran yang dianggap sebagai salah satu faktor yang penting untuk menggerak dan melicinkan perjalanan sistem pelajaran. Dalam Bab VI, perbincangan ditumpukan pula kepada Kemudahan dan Perbekalan Pelajaran. Laporan ini berakhir dengan Bab VII sebagai penutupnya.

22. Untuk memudahkan rujukan, perakuan-perakuan yang telah dibuat sepanjang perbincangan pada tiap-tiap Bab dikumpulkan semula dan disenaraikan selepas Bab VII.

## BAB II SISTEM PENDIDIKAN SEKARANG

### 2.1 PENDAHULUAN

23. Sistem pendidikan sekarang meliputi beberapa peringkat. Peringkat-peringkat tersebut ialah peringkat Rendah yang memakan masa selama enam tahun, peringkat Menengah Rendah selama tiga tahun, peringkat Menengah Atas selama dua tahun dan peringkat Tingkatan VI juga selama dua tahun. Peringkat Tingkatan VI diikuti dengan peringkat Pendidikan Tinggi yang terdiri daripada dua jenis institusi iaitu maktab dan universiti. Bab II membincang peringkat-peringkat persekolahan hingga ke Tingkatan VI. Di peringkat Pendidikan Tinggi bab ini hanya menyentuh institusi perguruan dan bukan perguruan. Di samping itu bab ini membincangkan juga sekolah-sekolah swasta dan Pelajaran Lanjutan. Kesemua institusi ini, kecuali yang dikelolakan oleh pihak swasta, mendapat bantuan dari Kerajaan.

### 2.2 PENDIDIKAN RENDAH

24. Sekolah-sekolah di peringkat pendidikan Rendah terbahagi kepada tiga kumpulan:--

- (a) Sekolah Kebangsaan,
- (b) Sekolah Rendah Kebangsaan, dan
- (c) Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan.

Kanak-kanak yang memasuki Darjah I di sekolah-sekolah ini telah berumur enam tahun tetapi belum mencapai umur tujuh tahun pada 1hb. Januari tahun yang berkenaan. Jangka

masa pendidikan di peringkat ini dijalankan ialah selama enam tahun. Pendidikannya pula bercorak umum.

25. Bahasa pengantar di Sekolah Kebangsaan di seluruh Malaysia ialah Bahasa Malaysia. Walau bagaimanapun sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Cina) menggunakan Bahasa Cina sebagai bahasa pengantar sementara Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Tamil) pula menggunakan Bahasa Tamil sebagai bahasa pengantar. Di Semenanjung dan di Sabah Sekolah Rendah Kebangsaan yang dahulunya Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Inggeris) telah menggunakan Bahasa Malaysia sepenuhnya semenjak 1975. Di Sarawak pula rancangan alih-bahasa ke Bahasa Malaysia di Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Inggeris) telah dilaksanakan pada tahun 1977 bermula dengan Darjah I.

26. Jumlah bilangan murid di sekolah-sekolah rendah bertambah pada setiap tahun. Pada tahun 1970 jumlah bilangan murid Darjah I di Semenanjung Malaysia ialah 261,152 orang dan pada tahun 1978 jumlah bilangan murid itu meningkat kepada 287,505. Di Sarawak angka tersebut meningkat daripada 28,037 pada tahun 1970 kepada 38,733 pada tahun 1978. Di Sabah pula jumlah bilangan murid tersebut pada tahun 1970 ialah 21,470 dan pada tahun 1978 angka itu meningkat kepada 24,008 orang. Pertambahan jumlah bilangan murid Darjah I bagi jangka masa lapan tahun kebelakangan ini ialah 10.0% di Semenanjung, 38.1% di Sarawak dan 11.8% di Sabah. Pertambahan purata setahun ialah 1.3% di Semenanjung, 4.8% di Sarawak dan 1.5% di Sabah.

27. Murid-murid di peringkat sekolah rendah iaitu daripada Darjah I hingga Darjah VI dinaikkan darjah secara terus menerus atau automatik. Ini bermakna semua murid yang memasuki Darjah I dalam sesuatu tahun akan meningkat naik darjah di penghujung tiap-tiap tahun dan sampai ke Darjah VI dalam tempoh enam tahun. Sungguhpun murid-murid dinaikkan darjah secara automatik di penghujung tiap-tiap tahun didapati ada murid-murid yang tidak meneruskan pelajaran mereka hingga ke Darjah VI. Umpamanya bilangan murid di Darjah I pada tahun 1971 di Semenanjung ialah 268,518 orang tetapi dari jumlah itu hanya 256,223 orang sahaja yang sampai ke Darjah VI dalam tahun 1976. Di Sarawak bilangan

murid Darjah I pada tahun 1971 ialah 29,319 orang dan yang sampai ke Darjah VI pada tahun 1976 ialah 23,276 orang. Keadaan di Sabah pula ialah seramai 22,347 orang murid memasuki Darjah I pada tahun 1971 tetapi bilangan itu turun kepada 19,595 orang di Darjah VI pada tahun 1976. Ini bermakna 95.4% sahaja murid yang belajar di Darjah I pada tahun 1971 yang sampai ke Darjah VI pada tahun 1976 di Semenanjung, 79.3% di Sarawak dan 87.3% di Sabah. Bagi tahun 1978 pula angka-angka ini ialah 95.5% bagi Semenanjung, 80.8% bagi Sarawak dan 84.7% bagi Sabah. Ini menunjukkan bahawa peratus keciciran atau murid-murid yang tidak menghabiskan pelajaran mereka di peringkat sekolah rendah semakin berkurangan di Semenanjung iaitu dari 13.9% dalam tahun 1971 kepada 4.5% dalam tahun 1978 dan di Sarawak dari 34.9% pada tahun 1971 kepada 19.2% pada tahun 1978.\*

28. Peperiksaan Masuk ke Sekolah Menengah dimansuhkan di Semenanjung pada tahun 1964. Oleh yang demikian semenjak tahun 1965 kenaikan darjah daripada Darjah VI sekolah rendah ke Tingkatan I atau Kelas Peralihan di sekolah menengah telah berjalan secara automatik. Langkah ini sedikit-sebanyak telah menjejaskan proses pembelajaran dan pengajaran di peringkat sekolah rendah. Hal ini telah disedari oleh Kementerian Pelajaran dan tindakan diambil untuk mengadakan ujian bagi menilai kebolehan dan kecapaian murid di peringkat persekolahan rendah. Hasilnya Peperiksaan Penilaian Darjah V telah dimulakan pada tahun 1967 dan Ujian Diagnostik Darjah III pada tahun 1973.

29. Peperiksaan Penilaian Darjah V mula diadakan di Sabah pada tahun 1978 tetapi Ujian Diagnostik Darjah III belum dimulakan lagi. Di Sarawak juga murid-murid mula mengambil Peperiksaan Penilaian Darjah V pada tahun 1978 tetapi Ujian Diagnostik Darjah III belum dimulakan lagi.

30. Di dalam Peperiksaan Penilaian Darjah V, murid-murid diuji dalam matapelajaran-matapelajaran Bahasa Malaysia, Bahasa Inggeris, Ilmu Hisab, Sains Awalan dan Ilmu Alam dengan Tawarikh. Murid-murid dari Sekolah Rendah Jenis

---

\*Angka keciciran bagi Sabah untuk tahun-tahun yang lebih awal tidak diperolehi.

Kebangsaan (Cina) mengambil matapelajaran Bahasa Cina dan murid-murid dari Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Tamil) mengambil matapelajaran Bahasa Tamil di samping mengambil matapelajaran-matapelajaran biasa yang tersebut di atas. Semua soal-an di dalam kertas ujian berbentuk objektif aneka pilihan.

31. Dalam perenggan 25 ada dinyatakan bahawa bekas Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Inggeris) telah menggunakan Bahasa Malaysia sebagai bahasa pengantar dengan sepenuhnya semenjak 1975, hasil daripada rancangan alihbahasa yang telah mula dilaksanakan pada tahun 1970. Adalah ternyata bahawa rancangan alihbahasa dari bahasa Inggeris kepada Bahasa Malaysia telah berjalan dengan lancar dan penggunaan Bahasa Malaysia sebagai bahasa pengantar di peringkat sekolah rendah telah dapat diperluaskan. Di samping itu, rancangan ini membolehkan murid-murid dari berbagai keturunan kaum bercampur gaul dan mendapat didikan dalam suatu suasana pembelajaran yang menggunakan bahasa pengantar yang sama. Seperti yang dinyatakan di atas, rancangan ini adalah dilaksanakan di SRJK (I) dan tidak melibatkan SRJK (C) dan SRJK (T). Jadual 5A menunjukkan jumlah bilangan murid di sekolah rendah bantuan mengikut aliran dan keturunan kaum di Semenanjung bagi tahun 1971 hingga 1978. Jadual 5B pula menunjukkan jumlah bilangan murid sekolah rendah Kerajaan dan bantuan di Sabah dan Sarawak mengikut aliran bagi tahun 1971 hingga 1978.

31.1 Pada masa ini sekolah-sekolah menggunakan tiga bahasa pengantar. Sekolah Kebangsaan dan Sekolah Rendah Kebangsaan menggunakan Bahasa Malaysia sebagai bahasa pengantar, SRJK (C) menggunakan bahasa Cina dan SRJK (T) pula menggunakan bahasa Tamil sebagai bahasa pengantar. Memandangkan keadaan sekarang ini, adalah diperakukan supaya sistem persekolahan peringkat rendah yang sedia ada diteruskan.

32. Dari kajian yang dijalankan Jawatankuasa ini mendapati bahawa corak pendidikan di peringkat ini memperlihatkan ciri-ciri berikut:—



Jumlah Bilangan Murid Sekolah Rendah Kerajaan Dan  
Bantuan di Sabah dan Sarawak Mengikut Aliran Bagi  
Tahun 1971 - 1978

SARAWAK

SABAH

Aliran Tahun	ALIRAN				ALIRAN			
	B. Malaysia	Inggeris	Cina	Jumlah	B. Malaysia	Inggeris	Cina	Jumlah
1971				113,570	1,751	99,253	45,380	146,384
1972				117,831	6,208	98,175	46,259	150,642
1973	74,449	24,606	22,857	121,912	12,169	98,167	46,934	157,270
1974	75,677	24,734	23,008	123,419	19,308	98,329	47,185	164,822
1975	77,443	24,780	23,369	125,592	26,802	97,675	48,945	173,422
1976	103,610	-	23,661	127,271	35,128	96,969	49,447	181,544
1977	104,708	-	23,553	128,261	61,215	79,740	51,734	192,689
1978	105,369	-	24,665	130,034	145,557	1,741	51,680	198,978

(Sumber: Jabatan Pelajaran Sabah dan Jabatan Pelajaran Sarawak)

- (a) Kurikulum pada peringkat ini berupa pendidikan umum dan bukannya pendidikan asas. Pendidikan umum ialah pendidikan yang mempunyai kurikulum yang terlalu memberatkan sifat akademik. Pendidikan asas ialah pendidikan yang kurikulumnya pula menitikberatkan kemahiran yang dapat membantu keupayaan kanak-kanak untuk dapat berfungsi dengan lebih berkesan dalam penghidupan sesudah meninggalkan pendidikan peringkat rendah ini.
- (b) Kurikulum tersebut adalah amat padat kerana pembaharuan mengenai sesuatu matapelajaran dibuat dengan tambahan-tambahan isi kandungan dan kurang menyesuaikan masa yang diperuntukkan baginya. Tambahan lagi, kaitan sukatan pelajaran baru itu dengan sukatan pelajaran lain dalam kurikulum tersebut kurang diberikan perhatian. Pembinaan kurikulum itu juga didasarkan kepada matapelajaran dan bukan kepada jenis-jenis kemahiran yang diterima sebagai kemahiran-kemahiran asas untuk peringkat itu.

32.1 Sesuai dengan dapatan mengenai corak pendidikan rendah yang ada sekarang ini, adalah di perakukan:—

- (a) Kementerian Pelajaran mengambil langkah tertentu supaya pendidikan di peringkat rendah bercorak pendidikan asas dengan memberi penegasan kepada pendidikan dalam bidang 3M iaitu membaca, menulis dan mengira.
  - (b) Kurikulum untuk pendidikan asas hendaklah juga ditinjau dari segi jenis kemahiran yang diperlukan dan bukannya dari segi kepentingan tiap-tiap satu matapelajaran. Kemahiran-kemahiran tersebut hendaklah dicapai menerusi bidang-bidang pelajaran yang berkenaan tanpa mengakibatkan pengurangan masa belajar seperti yang ada sekarang.
33. Dengan mengamalkan kenaikan darjah secara automatik,

murid-murid dianggap seolah-olah mempunyai persediaan dan keupayaan yang sama untuk mempelajari kurikulum yang sama dalam tempoh masa yang sama pula. Akan tetapi dalam sesuatu kumpulan murid memang terdapat mereka yang lemah yang mungkin tidak dapat mengikuti kurikulum yang sama itu. Oleh yang demikian bagi menampung murid-murid yang lemah dalam matapelajaran yang tertentu, maka pengajaran pemulihan amatlah diperlukan. Didapati bahawa Kementerian Pelajaran telah menyedari perlunya diadakan pengajaran pemulihan, tetapi pelaksanaannya di sekolah-sekolah masih belum meluas lagi.

33.1 Adalah diperakukan supaya kenaikan darjah secara automatik seperti yang berjalan sekarang dikekalkan. Walau bagaimanapun, mereka yang lemah dalam bidang kemahiran tertentu hendaklah diberi pengajaran pemulihan secara teratur dan bagi mereka yang terlalu lemah pada keseluruhannya, kemudahan hendaklah diberi untuk membolehkan mereka mengulangi tahun pengajiannya. Adalah dirasakan langkah ini tidak akan menjejaskan prinsip kenaikan darjah secara automatik kerana pada amnya hampir semua akan naik darjah pada tiap-tiap tahun.

34. Berkaitan dengan kesedaran untuk mengadakan pengajaran pemulihan, didapati pula bahawa tujuan kedua-dua ujian yang dinyatakan dalam perenggan 28 ialah untuk membolehkan pengajaran pemulihan dijalankan sesudah ujian-ujian tersebut diadakan. Walau bagaimanapun adalah didapati hasil ujian-ujian tersebut tidak dapat membolehkan pengajaran pemulihan dijalankan kerana:—

(a) Cara-cara pemeriksaan dan pelaporan keputusan di dalam Peperiksaan Penilaian Darjah V adalah kurang sesuai untuk membolehkan guru-guru mendapat pandangan dalam menjalankan pengajaran pemulihan.

(b) Cara-cara pemeriksaan dan pelaporan keputusan dalam Ujian Diagnostik Darjah III masih belum sempurna untuk menjadikan ujian ini betul-betul ujian diagnostik.

(c) Guru-guru belum dilatih untuk mentafsirkan kepu-

tusan ujian diagnostik dan mengendalikan pengajaran pemulihan.

(d) Teknik penilaian secara ujian diagnostik dan rancangan pengajaran pemulihan adalah perkara baru dalam kurikulum pendidikan di negara ini.

35. Di samping kedua-dua ujian di atas, didapati bahawa sekolah-sekolah juga mengadakan ujian bulanan dan penggal. Maka seperti terdapat di dalam Peperiksaan Penilaian Darjah V, soalan-soalan dibuat tidak dengan tujuan untuk mencari punca-punca kelemahan murid-murid, tetapi sebaliknya menjadi ujian kecapaian semata-mata. Sekiranya soalan-soalan dapat pula dibuat dengan tujuan untuk mencari maklumat tentang punca kelemahan murid, guru-guru masih belum tentu dapat menyusun dan mengadakan pengajaran pemulihan. Ini adalah disebabkan terdapatnya kekurangan guru, kekurangan bilik khas untuk mengadakan kelas pemulihan dan bilangan murid dalam darjah terlalu ramai. Di samping itu pada masa ini tidak ada usaha yang kemaskini untuk melatih guru-guru dalam bidang pengajaran pemulihan.

35.1 Memandangkan kepada kekurangan dan kelemahan dalam usaha menjalankan pengajaran pemulihan, adalah diperakukan supaya kerja-kerja untuk membina Ujian Rujukan-Kriteria (Criterion-Referenced Test) yang telah pun dimulakan oleh Kementerian Pelajaran di peringkat ini, diperluaskan lagi. Apabila kerja-kerja ini telah lengkap dan sempurna kelak ujian tersebut hendaklah menggantikan Ujian Diagnostik Darjah III serta Peperiksaan Penilaian Darjah V.

35.2 Adalah juga diperakukan supaya perkara-perkara yang berkaitan dengan langkah-langkah mengadakan pengajaran pemulihan selepas daripada Ujian Rujukan Kriteria dijalankan diteliti dan diperbaiki. Antara lain perkara-perkara tersebut termasuklah kaedah-kaedah mengajar, bahan-bahan bantu mengajar yang sesuai, saiz kelas yang lebih kecil, peruntukan guru bagi mengendalikan pengajaran pemulihan serta penggunaan bahan-bahan tertentu.

## 2.3 PENDIDIKAN MENENGAH RENDAH

36. Pendidikan di peringkat menengah rendah menggunakan sama ada Bahasa Malaysia atau bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar.

37. Pendidikan di peringkat ini diberi dalam jangka masa tiga tahun kecuali bagi murid-murid yang berasal dari Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina atau Tamil yang perlu mengikuti Kelas Peralihan sebelum memasuki Tingkatan I aliran Bahasa Malaysia atau bahasa Inggeris. Bagi mereka kursus pengajian di peringkat ini ialah selama empat tahun.

38. Kelas Peralihan diadakan khusus dengan tujuan untuk meningkatkan kebolehan bahasa murid-murid sama ada dalam Bahasa Malaysia atau bahasa Inggeris sesuai dengan aliran-aliran bahasa pengantar yang terdapat di peringkat menengah rendah. Tetapi semenjak tahun 1975, iaitu lanjutan daripada rancangan alihbahasa yang bermula di Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Inggeris di Semenanjung pada tahun 1970 Kelas Peralihan hanya diadakan dalam Bahasa Malaysia untuk menampung murid-murid dari Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina dan Tamil. Di peringkat menengah rendah pelaksanaan rancangan alihbahasa di Tingkatan I telah dijalankan sepenuhnya pada tahun 1976, diikuti oleh Tingkatan II pada tahun 1977 dan kemudian Tingkatan III pada tahun 1978.

39. Kemasukan dari Darjah VI di peringkat rendah ke Tingkatan I atau Kelas Peralihan di Semenanjung berjalan secara automatik semenjak tahun 1965, iaitu berikutan dari pemsuhan Peperiksaan Masuk ke Sekolah Menengah di Semenanjung pada tahun 1964. Kenaikan dari Tingkatan I hingga Tingkatan III berjalan secara automatik. Langkah ini adalah selaras dengan cita-cita kerajaan hendak memberi pendidikan umum selama sekurang-kurangnya sembilan tahun kepada semua kanak-kanak. Di Sarawak peperiksaan memasuki sekolah menengah yang diberi nama *Common Entrance Selection Examination* hanya dimansuhkan pada tahun 1974. Di Sabah pula peperiksaan yang serupa yang diberi nama Peperiksaan Darjah Enam Negeri Sabah telah dimansuhkan pada tahun 1978.

40. Dengan termansuhnya Peperiksaan Masuk ke Sekolah

Bilangan Murid Darjah VI, Bilangan Murid Tingkatan I dan Kelas Peralihan dan Peratus Murid Tingkatan I dan Kelas Peralihan Berdasarkan Jumlah Bilangan Murid Darjah VI Pada Tahun Sebelumnya di Semenanjung, Sabah dan Sarawak Bagi Tahun 1971 - 1978

Tahun	Bilangan Murid Darjah VI			Bilangan Murid Tingkatan I dan Kelas Peralihan			Peratus Murid Tingkatan I dan Kelas Peralihan berdasarkan Jumlah Murid Darjah VI Tahun Sebelumnya		
	Semenanjung	Sabah	Sarawak	Semenanjung	Sabah	Sarawak	Semenanjung	Sabah	Sarawak
1970	200,665	18,820	18,432	-	-	-	-	-	-
1971	207,561	20,898	22,242	137,669	11,103	8,293	68.6%	59.0%	45.0%
1972	214,279	20,808	19,856	148,496	12,517	9,876	71.5%	59.9%	44.5%
1973	235,220	21,344	22,266	162,680	12,566	10,757	76.4%	60.4%	54.2%
1974	234,359	20,846	22,301	187,639	13,017	15,290	79.8%	60.9%	54.2%
1975	244,069	20,383	22,864	192,941	14,851	19,009	82.3%	71.2%	85.2%
1976	256,223	19,595	25,115	204,471	15,854	19,246	83.8%	77.7%	84.2%
1977	250,214	19,886	27,607	218,773	15,826	19,803	85.4%	80.8%	78.8%
1978	-	-	-	214,187	17,382	22,370	85.6%	87.4%	81.0%

(Sumber: Bahagian Ferancangan dan Penyelidikan Pelajaran, Jabatan Pelajaran Sabah dan Jabatan Pelajaran Sarawak).

Jumlah Bilangan Murid Sekolah Menengah Rendah  
Semenanjung Malaysia Mengikut Aliran dan Keturunan Kaum  
Bagi Tahun 1971 - 1978

JADUAL 7A

Tahun	Bahasa Pengantar B. Malaysia					Bahasa Pengantar B. Inggeris					JUMLAH				
	M	C	I & P	L	Jumlah	M	C	I & P	L	Jumlah	M	C	I & P	L	Jumlah
1971	113833	1098	5099	283	120313	91946	155539	33651	2116	283252	205779	156637	38750	2399	403565
1972	135843	2347	7866	437	146493	94361	161456	33676	2027	291520	230204	163803	41542	2464	438013
1973	159716	5016	11872	565	177169	92491	165039	32521	2156	292007	252207	170055	44193	2721	469176
1974	182359	7171	15471	655	205856	100618	176236	33105	2308	312267	282977	183607	48576	2963	518123
1975	201814	18476	18712	712	239714	103886	180017	35578	2276	321757	305700	198493	54290	2988	561471
1976	260759	114044	37192	1452	413447	71485	90715	20635	1438	184273	332244	204759	57827	2890	597720
1977	329105	189758	55642	2779	577284	19248	29043	7369	410	56070	348355	218801	63011	3189	633554
1978	355747	229526	65561	2854	653688	-	-	-	-	-	355747	229526	65561	2854	653688

(Sumber: Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Pelajaran, Kementerian Pelajaran)

Menengah di Semenanjung, bilangan murid-murid yang dapat meneruskan pelajaran dari Darjah VI ke Tingkatan I dan Kelas Peralihan telah bertambah. Jumlah murid di Darjah VI di Semenanjung pada tahun 1963, iaitu pada masa peperiksaan pemilihan ke sekolah menengah belum dimansuhkan ialah 148,751 orang. Dari jumlah ini yang berjaya memasuki Tingkatan I serta Kelas Peralihan pada tahun 1964, iaitu selepas lulus peperiksaan pemilihan tersebut, berjumlah 63,519 orang atau 42.7%. Pada tahun 1964 pula selepas dihapuskan peperiksaan itu jumlah murid di Darjah VI di Semenanjung ialah 160,792 orang. Sepatutnya jumlah ini secara automatik masuk ke Tingkatan I dan Kelas Peralihan tetapi bilangan yang betul-betul masuk ke peringkat sekolah menengah rendah dalam tahun 1965 ialah 127,528 yang bersamaan 79.3%. Walau bagaimanapun peratus ini merupakan satu pertambahan besar jika dibandingkan dengan peratus bagi tahun 1964 iaitu 42.7% sahaja. Peratus kemasukan ini terus meningkat menjadi 86.7% pada tahun 1978.

41. Di Sarawak, walaupun pemansuhan peperiksaan itu hanya dilakukan pada tahun 1974, peratus kemasukan ke peringkat pendidikan menengah rendah terus meningkat daripada 45.0% pada tahun 1971 kepada 81.0% pada tahun 1978. Di Sabah, walaupun peperiksaan pemilihan itu masih dijalankan pada tahun 1977 namun peratus murid-murid yang melanjutkan pelajaran ke peringkat pendidikan menengah rendah bertambah baik iaitu daripada 59.0% pada tahun 1971 kepada 80.8% pada tahun 1977. Jadual 6 menunjukkan kadar peralihan murid-murid Darjah VI ke Tingkatan I dan Kelas Peralihan bagi Semenanjung, Sabah dan Sarawak untuk tahun 1971 hingga 1978.

42. Semenjak tahun 1965, jumlah bilangan murid di peringkat pendidikan menengah rendah telah berkembang dengan pesatnya. Jumlah bilangan murid di peringkat ini di Semenanjung pada tahun 1965 ialah 231,555 dan pada tahun 1978 ialah 653,688. Di Sarawak jumlahnya pada tahun 1971 ialah 17,632 dan pada tahun 1978 seramai 65,049. Di Sabah pula jumlahnya pada tahun 1971 ialah 26,286 dan pada tahun 1978 seramai 45,292. Jadual 7A menunjukkan jumlah bilangan murid di peringkat pendidikan menengah rendah di Se-



menanjung mengikut aliran dan keturunan kaum bagi tahun 1971 hingga 1978. Jadual 7B menunjukkan jumlah bilangan murid di peringkat pendidikan menengah rendah di Sabah dan Sarawak mengikut aliran bagi tahun 1971 hingga 1978.

43. Semenjak tahun 1965 pendidikan di peringkat menengah rendah telah berubah kepada corak aneka jurusan. Matlamatnya ialah untuk:—

- (a) menyediakan pendidikan menengah untuk semua murid selama tiga tahun selepas peringkat rendah selaras dengan dasar Kerajaan untuk memberi peluang kepada murid bersekolah sehingga mereka berumur lima belas tahun;
- (b) membolehkan semua murid mendapatkan pendidikan menengah selama tiga tahun dengan cara menanggung peperiksaan pemilihan ke tahun yang kesembilan dalam pendidikannya. Dengan langkah ini adalah dianggap murid-murid lebih bersedia untuk memasuki pasaran pekerjaan;
- (c) memberi peluang murid-murid mengikuti beberapa jenis kursus agar dalam tahun pendidikannya yang kesepuluh mereka boleh, berdasarkan bakat dan kemampuannya, menentukan bidang pekerjaannya untuk masa depan;
- (d) mempelbagaikan kursus pengajian di peringkat menengah rendah supaya dengan pemilihan sendiri ibu bapa dan murid-murid terhadap kursus-kursus pengajian tersebut, sistem pendidikan kita dapat memenuhi keperluan tenaga rakyat bagi semua bidang pekerjaan. Kemudian juga di peringkat selepas pendidikan menengah rendah diadakan kemudahan agar murid-murid tersebut dapat memenfaatkan pengalaman yang diperolehi di peringkat menengah rendah; dan
- (e) membolehkan satu bidang kurikulum yang luas disediakan di peringkat Tingkatan IV ke atas (selepas pendidikan aneka jurusan) untuk murid-murid mengikuti latihan khusus sama ada untuk melanjutkan pendidikan teknik, akademik atau untuk mencari pekerjaan.

JADUAL 7B

Jumlah Bilangan Murid Sekolah Menengah Rendah  
di Sabah dan Sarawak Mengikut Aliran Bagi  
Tahun 1971 - 1978

Aliran Tahun	SABAH				SARAWAK		
	B. Malaysia	Inggeris	Cina	Jumlah	B. Malaysia	Inggeris	Jumlah
1971				26,286	182	17,450	17,632
1972				32,825	348	19,101	19,449
1973				34,942	738	22,237	23,025
1974				36,422	1,205	29,932	31,137
1975				38,889	4,671	37,619	42,290
1976	2,843	37,473	3,460	43,776	7,940	43,016	50,956
1977	3,987	40,751	2,596	47,134	13,080	45,288	58,368
1978	4,562	*38,389	2,341	45,292	19,566	45,483	65,049

(Sumber: Jabatan Pelajaran Sabah dan Jabatan Pelajaran Sarawak)

\*Aliran Bahasa Inggeris/Bahasa Malaysia.

44. Pendidikan aneka jurusan berasaskan kepada kurikulum yang terdiri daripada matapelajaran-matapelajaran teras untuk semua dan matapelajaran-matapelajaran elektif yang dipilih dari:—

Seni Perusahaan  
Sains Rumah tangga  
Sains Pertanian, dan  
Perdagangan.

45. Murid-murid dibenarkan memilih satu daripada matapelajaran elektif yang dinyatakan di atas. Matapelajaran elektif merupakan sebahagian daripada pendidikan umum dan bukannya latihan kemahiran.

46. Semua murid di peringkat pendidikan menengah rendah dinaikkan tingkatan secara automatik dari Tingkatan I hingga ke Tingkatan III dan di akhir Tingkatan III mereka mengambil peperiksaan awam iaitu Peperiksaan Sijil Rendah Pelajaran atau Peperiksaan Lower Certificate of Education. Peperiksaan ini dikendalikan dalam kedua-dua bahasa pengantar, Bahasa Malaysia dan bahasa Inggeris. Bahasa Malaysia ialah untuk Peperiksaan Sijil Rendah pelajaran dan bahasa Inggeris untuk Peperiksaan Lower Certificate of Education dan Sarawak Junior School Certificate. Mulai tahun 1978 Peperiksaan Sijil Rendah Pelajaran sahaja dikekalkan di Semenanjung dan di Sabah. Di Sarawak pula, Peperiksaan Sarawak Junior School Certificate dihapuskan mulai tahun 1977 dan digantikan dengan Peperiksaan Lower Certificate of Education. Pada tahun 1977 itu juga Peperiksaan Sijil Rendah Pelajaran dimulakan di Sarawak.

47. Dengan adanya pendidikan bercorak aneka jurusan murid-murid di peringkat menengah rendah diberi peluang mengambil satu matapelajaran elektif di samping mendapatkan pendidikan umum. Tujuannya ialah untuk memberi murid-murid peluang samarata mendapatkan pendidikan di samping mengadakan juga peluang bagi mereka untuk memilih satu bidang pelajaran pra vokasional mengikut kecenderungan, bakat dan minat mereka masing-masing. Namun demikian adalah didapati bahawa tujuan mengadakan peluang kepada murid-murid untuk memilih satu matapelajaran elektif mengikut kecenderungan, bakat dan minat mereka sendiri telah

tidak tercapai sepenuhnya kerana terdapat kekurangan kemudahan untuk mengajar matapelajaran tersebut. Walaupun bilangan murid-murid yang mengambil matapelajaran elektif telah meningkat tetapi kebanyakan daripada mereka tidak mengambilnya melalui pilihan yang dibuat sendiri tetapi berasaskan kepada kemudahan dan keupayaan yang terdapat di sesebuah sekolah itu. Di samping itu pengajaran matapelajaran elektif seperti yang dijalankan sekarang menekankan ciri-ciri pengkhususan dalam bidang elektif yang diambil sahaja tanpa dihubungkan dengan pengetahuan dari bidang-bidang elektif yang lain. Oleh kerana itu pelaksanaan pengajaran matapelajaran elektif di peringkat menengah rendah ini didapati terlalu terpisah dan ini menyebabkan pengetahuan yang diperolehi kurang berguna dan fungsional. Jadual 8 menunjukkan bilangan dan peratus murid di peringkat pendidikan menengah rendah di Semenanjung yang mengambil tiap-tiap matapelajaran elektif mengikut bahasa pengantar bagi tahun 1971 hingga 1978.

47.1 Pendedahan murid-murid kepada bidang teknik dan vokasional di peringkat menengah rendah amatlah terpisah sehinggakan ia merupakan suatu usaha ke arah pengkhususan. Oleh yang demikian adalah diperakukan supaya kurikulum matapelajaran-matapelajaran elektif di peringkat ini diubah pada strukturnya. Sukatan pelajaran-sukatan pelajaran yang ada hendaklah digubal semula dengan tujuan supaya pendedahan murid-murid kepada pelajaran teknik dan vokasional tidak hanya terhad kepada bidang satu matapelajaran elektif sahaja tetapi juga kepada ilmu pengetahuan yang penting dari bidang-bidang elektif lain.

48. Dari keempat-empat elektif seperti yang tertera di Jadual 8 bilangan murid-murid pengantar Bahasa Malaysia yang mengambil matapelajaran perdagangan adalah yang paling kecil sekali. Keadaan ini tidak memuaskan jika dibandingkan dengan keadaan murid-murid pengantar bahasa Inggeris. Faktor utama yang melambatkan perkembangan ini ialah kerana kekurangan guru perdagangan.

**Bilangan dan Peratus Murid-Tingkatan I - III\*  
Yang Mengambil Tiap-Tiap Jenis Matapelajaran  
Efektif Mengikut Bahasa Pengantar Bagi  
Tahun 1971 - 1978**

JADUAL 8

Tahun	Pengantar Bahasa Malaysia						Pengantar Bahasa Inggeris					
	Bilangan Murid Tingkatan I - III	Bilangan dan Peratus Murid Matapelajaran Efektif	Semi-Perusahaan	Sains Pertanian	Sains Rumah tangga	Perdagangan	Bilangan Murid Tingkatan I - III	Bilangan dan Peratus Murid Matapelajaran Efektif	Industrial Science	Agricultural Science	Home Science	Commerce
1971	117,363	94,700 (80.7)	32,707 (34.5)	324,757 (26.1)	34,837 (36.8)	2,399 (2.6)	238,342	226,389 (95.0)	74,545 (32.9)	41,118 (18.2)	76,163 (33.6)	34,554 (15.3)
1972	141,123	12,630 (89.7)	45,437 (35.9)	30,275 (23.9)	46,411 (36.6)	4,507 (3.6)	244,675	221,135 (90.4)	73,113 (33.1)	36,336 (14.6)	72,960 (32.4)	38,126 (23.2)
1973	159,233	161,937 (95.7)	54,589 (33.7)	37,518 (23.2)	61,476 (37.9)	8,354 (5.2)	244,184	242,857 (99.5)	71,951 (29.6)	35,652 (14.6)	78,802 (32.4)	36,452 (23.2)
1974	196,744	183,348 (93.2)	56,452 (30.8)	43,523 (23.7)	68,386 (37.7)	14,987 (8.2)	259,993	240,663 (92.6)	67,275 (27.9)	41,676 (17.8)	66,309 (27.5)	65,403 (27.2)
1975	222,110	214,264 (96.5)	65,796 (30.7)	46,963 (21.9)	78,755 (36.7)	22,750 (10.6)	282,547	281,769 (99.7)	76,814 (27.3)	36,792 (13.1)	88,562 (33.1)	79,602 (28.5)
1976	335,587	286,234 (85.3)	82,789 (28.9)	62,106 (21.7)	103,068 (36.0)	38,271 (13.4)	199,550*	245,678 (123.1)	65,601 (26.7)	28,724 (11.7)	81,341 (33.1)	70,012 (28.5)
1977	468,888	448,045 (95.6)	123,808 (26.4)	62,509 (13.4)	162,745 (34.7)	98,983 (21.1)	94,597***	87,537 (92.5)	25,487 (26.1)	7,078 (7.5)	29,873 (31.6)	25,099 (26.5)
1978	585,193	582,286 (99.5)	151,823 (26.0)	104,586 (18.0)	193,890 (33.5)	131,987 (22.7)	-	-	-	-	-	-

(Sumber: Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Pelajaran, Kementerian Pelajaran)

\* Tidak termasuk Kelas Peralihan/Remove.

\*\* Jumlah bilangan murid Tingkatan I dimasukkan dalam aliran Bahasa Malaysia.

\*\*\* Jumlah bilangan murid Tingkatan I dan II dimasukkan dalam aliran Bahasa Malaysia.

- 48.1 Oleh kerana pelajaran perdagangan adalah penting dalam pembangunan negara, dan oleh kerana kemudahan yang didapati di sekolah-sekolah berhubung dengan pendidikan ini tidak memuaskan, maka adalah diperakukan agar pendidikan dalam jurusan perdagangan ini diberi perhatian khas.
49. Murid-murid di peringkat pendidikan menengah rendah mengambil peperiksaan awam di penghujung tahun Tingkatan III. Peperiksaan tersebut, sama ada Peperiksaan Sijil Rendah Pelajaran/Lower Certificate of Education atau Peperiksaan Sarawak Junior Certificate of Education diadakan untuk memilih murid-murid yang layak masuk ke Tingkatan IV di seluruh negara. Kelulusan peperiksaan ini juga diterima sebagai kelayakan minima bagi pekerjaan tertentu. Untuk tujuan ini sistem pensijilan yang berdasarkan pangkat (A, B dan C) tidaklah sesuai. Sebagai contoh, pihak majikan mengutamakan pemegang sijil pangkat A walaupun pemegang sijil pangkat B mungkin mempunyai keputusan yang lebih baik dalam matapelajaran yang berkaitan dengan keperluan pekerjaan itu.
- 49.1 Adalah diperakukan supaya Peperiksaan Sijil Rendah Pelajaran diteruskan, tetapi cara mencatatkan keputusan peperiksaan hendaklah diubah daripada sistem mencatatkan pangkat pencapaian keseluruhan dalam peperiksaan kepada sistem yang mencatatkan pangkat pencapaian dalam tiap-tiap matapelajaran yang lulus sahaja.
50. Di samping peperiksaan awam, sekolah-sekolah sentiasa mengadakan ujian bulanan dan penggal. Seperti yang dilakukan di sekolah rendah, ujian-ujian itu lazimnya adalah lebih mementingkan pencapaian murid-murid dan dengan ini kelemahan murid-murid tidak dapat dikesan.
- 50.1 Ujian Rujukan Kriteria yang diikuti dengan pengajaran pemulihan, seperti yang telah diperakukan untuk sekolah rendah, hendaklah diteruskan ke peringkat menengah rendah.
51. Peperiksaan Sijil Rendah Pelajaran atau Lower Certificate of Education atau Sarawak Junior School Certificate

digunakan untuk memilih murid-murid ke Tingkatan IV. Bagi tahun 1971 hingga 1978, didapati antara 45.0% ke 39.6% murid Tingkatan III tidak berjaya melanjutkan pelajaran ke Tingkatan IV. Murid-murid yang tidak berjaya melanjutkan pelajaran ke Tingkatan IV dan tidak pula dibenarkan mengulang di Tingkatan III adalah dalam lingkungan umur 15 tahun. Mereka ini adalah terlalu muda untuk masuk pasaran pekerjaan.

51.1 Adalah juga diperakukan, sebagai satu langkah jangka panjang, iaitu masa persekolahan untuk pendidikan umum bagi semua murid dilanjutkan dari 9 tahun hingga ke-11 tahun. Pelaksanaan perakuan ini adalah tertakluk kepada kemampuan dan keperluan Kementerian Pelajaran. Walau bagaimanapun dari segi taraf pendidikan keseluruhannya, keutamaan hendaklah diberikan dahulu kepada usaha-usaha untuk membaiki dan meninggikan taraf pendidikan di sekolah-sekolah di kawasan-kawasan yang mundur, sejajar dengan dasar kerajaan.

## 2.4 PENDIDIKAN MENENGAH ATAS

52. Sekolah-sekolah di peringkat pendidikan menengah atas, seperti juga di peringkat pendidikan menengah rendah, menggunakan dua bahasa pengantar, iaitu Bahasa Malaysia dan bahasa Inggeris. Berdasarkan kepada rancangan alihbahasa, pendidikan di peringkat ini akan diberi menerusi bahasa Malaysia sebagai bahasa pengantar sepenuhnya dari Tingkatan IV hingga ke Tingkatan V pada tahun 1980.

53. Pendidikan di peringkat ini diadakan dalam jangka masa dua tahun. Pendidikan ini tidak lagi bercorak umum. Murid-murid memasuki Tingkatan IV setelah lulus dalam Peperiksaan Sijil Rendah Pelajaran atau Peperiksaan *Lower Certificate of Education*. Selain daripada itu di Sarawak pula murid-murid boleh memasuki Tingkatan IV dengan kelulusan *Sarawak Junior School Certificate*.

54. Pada tahun 1971, murid-murid dalam Tingkatan IV di Semenanjung ialah 53.5% daripada jumlah murid Tingkatan

III dalam tahun 1970. Peratus ini meningkat menjadi 60.4% dalam tahun 1978.

55. Di Sarawak, 60% daripada murid-murid Tingkatan III yang telah mengambil Peperiksaan Sarawak Junior School Certificate pada tahun 1970 telah naik ke Tingkatan IV pada tahun 1971. Pada tahun 1977 apabila Sarawak mula-mula mengambil Peperiksaan Lower Certificate of Education, peratus murid-murid yang naik ke Tingkatan IV ialah 57% sahaja. Pada tahun 1978 peratus ini turun kepada 45.0%. Peratus kenaikan ini berkurangan dari peratus dalam tahun 1971 mungkin kerana inilah kali pertamanya Peperiksaan Lower Certificate of Education itu diadakan di Sarawak. Di Sabah pula 66% murid-murid dari Tingkatan III pada tahun 1971 yang telah mengambil Peperiksaan Sabah Junior naik ke Tingkatan IV pada tahun 1972. Pada tahun 1974 apabila murid-murid mengambil Peperiksaan Lower Certificate of Education peratus murid-murid yang naik ke Tingkatan IV berjumlah hanya 47%. Pada tahun 1978 peratus kenaikan ini turun menjadi 35.5%. Kurangnya peratus kenaikan ke Tingkatan IV di negeri ini mungkin juga disebabkan oleh Peperiksaan Lower Certificate of Education diadakan kali pertamanya di negeri tersebut. Jadual 9 menunjukkan jumlah bilangan murid bagi peringkat pendidikan menengah atas di Semenanjung, Sarawak dan Sabah mengikut bahasa pengantar untuk tahun 1971 hingga 1978.

56. Murid-murid yang naik ke Tingkatan IV disalurkan kepada tiga jenis sekolah:—

- Sekolah Menengah Biasa,
- Sekolah Menengah Teknik, dan
- Sekolah Menengah Vokasional.

57. Di sekolah menengah biasa, termasuk sekolah berasrama penuh, terdapat dua jurusan iaitu jurusan sastera dan jurusan sains. Pada tahun 1978, 61.8% daripada murid-murid di Tingkatan IV dan V di Semenanjung berada dalam jurusan sastera, 31.2% dalam jurusan sains, 2.4% dalam jurusan teknik dan 4.6% dalam jurusan vokasional. Di Sarawak, 57.0% berada dalam jurusan sastera, 38.3% dalam jurusan sains dan 4.7% dalam jurusan vokasional. Di Sabah pula 77.4% berada dalam jurusan sastera, 18.6% dalam jurusan sains dan 4.0% dalam jurusan vokasional.



Jumlah Murid Sekolah Menengah Atas Kerajaan dan Bantuan di Semenanjung, Sabah dan Sarawak Mengikut Bahasa Pengantar Bagi Tahun 1971 - 1978

Bahasa Pengantar. Tahun	SEMENANJUNG			SABAH			SARAWAK		
	Bahasa Malaysia	Bahasa Inggeris	Jumlah	Bahasa Malaysia	Bahasa Inggeris	Jumlah	Bahasa Malaysia	Bahasa Inggeris	Jumlah
1971	32829	63425	96254			4074	*	4595	4595
1972	35206	76466	111672			5900	*	5322	5322
1973	43663	81715	125378			7148	*	6046	6046
1974	52932	90534	143466			6534	35	6370	6405
1975	68290	96774	165064			6619	118	7128	7246
1976	76859	98915	175774	174	6150	7996	246	8105	8351
1977	97163	100119	197282	200	6581	8452	439	11008	10569
1978	103163	111465	214628	253	8231	8484	686	11503	11989

(Sumber: Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Pelajaran, Kementerian Pelajaran, dan Jabatan Pelajaran Sabah dan Jabatan Pelajaran Sarawak).

\*Tidak ada Sekolah Menengah Atas Aliran Bahasa Malaysia bagi tahun 1971 - 1973.

58. Sekolah Menengah biasa menyediakan murid-murid sama ada untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat pendidikan Tingkatan VI atau masuk ke maktab-maktab. Mereka yang tidak berjaya melanjutkan pelajaran ke peringkat Tingkatan VI atau maktab akan keluar dari sistem persekolahan dan memasuki pasaran pekerjaan. Jumlah sekolah menengah biasa di Semenanjung pada tahun 1978 ialah 739 buah, di Sarawak 80 buah dan di Sabah 83 buah.

59. Sekolah menengah teknik menitikberatkan matapelajaran teknik. Tujuannya ialah untuk menyediakan murid-murid bagi pekerjaan dalam bidang teknik atau untuk melanjutkan pelajaran mereka ke institusi pendidikan tinggi. Kemasukan ke sekolah ini adalah berdasarkan pilihan murid-murid sendiri, tetapi tertakluk kepada syarat-syarat pencapaian yang tertentu. Pada tahun 1978 terdapat 9 buah sekolah jenis ini di Semenanjung.

60. Sekolah Menengah vokasional menitikberatkan matapelajaran vokasional. Matlamat utamanya ialah untuk melengkapkan murid-murid dengan asas kemahiran amali yang dapat membantu mereka mendapatkan pekerjaan di bidang perusahaannya. Bilangan sekolah ini pada tahun 1978 di Semenanjung ialah 23 buah, di Sarawak 3 buah, dan di Sabah 2 buah.

61. Sekolah-sekolah menengah vokasional di Sabah dan Sarawak berbeza dengan sekolah-sekolah menengah vokasional di Semenanjung kerana semua kursus yang dijalankan memakan masa selama tiga tahun, kecuali kursus perdagangan. Sekolah-sekolah tersebut menjalankan peperiksaannya sendiri. Kelayakan minima untuk masuk ialah lulus dalam peperiksaan Sijil Rendah Pelajaran atau Peperiksaan Lower Certificate of Education.

62. Pendidikan menengah atas berakhir dengan Peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia atau Peperiksaan **Malaysia Certificate of Education**. Peperiksaan ini diambil oleh murid-murid dari sekolah menengah biasa dan sekolah menengah teknik. Murid-murid sekolah menengah vokasional mengambil peperiksaan Sijil Pelajaran Vokasional Malaysia.

63. Pada akhir kursus pendidikan menengah atas, murid-murid di Sarawak boleh mengambil sama ada Peperiksaan Sijil

Pelajaran Malaysia/Malaysia Certificate of Education atau Peperiksaan Cambridge Overseas School Certificate. Keadaan di Sabah adalah sama seperti di Semenanjung.

64. Peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia dan Peperiksaan Malaysia Certificate of Education adalah sama dari segi kandungan tetapi berbeza dari segi bahasa pengantar. Peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia diadakan dalam Bahasa Malaysia dan Peperiksaan Malaysia Certificate of Education pula dalam bahasa Inggeris. Bagi kedua-dua peperiksaan ini calon-calon mesti mengambil sekurang-kurangnya enam matapelajaran dan selebih-lebihnya sembilan matapelajaran. Semua calon diwajibkan mengambil matapelajaran-matapelajaran berikut:—

- (a) Bahasa Malaysia
- (b) Sekurang-kurangnya satu matapelajaran dari Kumpulan II (D) (Ilmu Alam, Tawarikh dan Hal Ehwal Malaysia) dan
- (c) Bahasa Inggeris Khas bagi penuntut pengantar Bahasa Malaysia atau bahasa Inggeris bagi penuntut pengantar bahasa Inggeris.

65. Keputusan peperiksaan ini menjadi kelayakan untuk memasuki perkhidmatan bagi kategori-kategori tertentu dalam sektor-sektor awam dan swasta. Di samping itu ia juga menjadi asas bagi pemilihan calon-calon ke Tingkatan VI dan bagi kursus-kursus tertentu di beberapa institusi pendidikan tinggi.

66. Calon-calon di Semenanjung boleh mengambil Peperiksaan Sijil Pelajaran Vokasional Malaysia dalam Bahasa Malaysia atau bahasa Inggeris. Mulai tahun 1980, peperiksaan ini akan dijalankan dalam Bahasa Malaysia sahaja. Calon-calon bagi peperiksaan ini mesti mengambil matapelajaran-matapelajaran berikut:—

- (a) Bahasa Malaysia
- (b) Bahasa Inggeris I (untuk calon pengantar Bahasa Malaysia) atau Bahasa Inggeris II (untuk calon pengantar bahasa Inggeris),
- (c) Dua atau selebih-lebihnya tiga matapelajaran lain dalam kumpulan matapelajaran Am (Ilmu Hisab,

Sains Pengajian Kemasyarakatan, Pengajian Islam), dan

- (d) Satu kursus dipilih dari **sebelas** kursus vokasional:
- (i) Kerjakayu dan Binaan Bangunan.
  - (ii) Kajisawat Motor.
  - (iii) Kerja Kepingan Logam dan Kimpalan.
  - (iv) Menggegas dan Memesin.
  - (v) Penyamanan Udara dan Penyejukan.
  - (vi) Pemasangan dan Penyelenggaraan Letrik
  - (vii) Perdagangan.
  - (viii) Pertanian.
  - (ix) Rawatan Radio dan T.V. dan Letronik.
  - (x) Sains Rumahtangga Kursus A.
  - (xi) Sains Rumahtangga Kursus B.

Bilangan kertas peperiksaan yang boleh diambil bagi setiap kursus pengajian ternyata di atas ialah antara empat hingga lapan.

67. Kelayakan dalam peperiksaan ini membolehkan seseorang itu dipertimbangkan untuk pekerjaan tertentu. Murid-murid yang mempunyai keputusan yang baik boleh melanjutkan pelajaran ke politeknik, maktab perguruan atau ke Universiti Pertanian Malaysia untuk mengikuti kursus peringkat diploma.

68. Penyaluran murid-murid ke dalam jurusan-jurusan sains, sastera dan teknik didapati tidak selaras dengan konsep pendidikan umum. Di samping itu adalah didapati kaedah pemilihan yang telah dijalankan selama ini mengandungi beberapa kelemahan. Di antaranya ialah:—

- (a) Peperiksaan Sijil Rendah Pelajaran atau **Lower Certificate of Education** ialah ujian pencapaian dan bukannya ujian untuk mengukur bakat dan minat. Oleh kerana itu keputusan ini tidak boleh digunakan sebagai kriteria penjurusan yang dimulakan selepas Peperiksaan Sijil Rendah Pelajaran atau Peperiksaan **Lower Certificate of Education**. Penjurusan pada peringkat ini adalah terlalu awal kerana bakat dan minat murid-murid belum dapat dipastikan lagi.

- (b) Penjurusan di peringkat pendidikan menengah atas tidak ada kaitannya dengan pekerjaan oleh kerana murid-murid lulusan Sijil Pelajaran Malaysia atau Malaysia Certificate of Education tidaklah diambil bekerja berdasarkan kepada jurusan pendidikan mereka.

68.1 Adalah diperakukan supaya penjurusan kepada sastera, sains dan teknik di peringkat pendidikan menengah atas dimansuhkan. Murid-murid di peringkat ini hendaklah terus diberi pendidikan umum. Namun begitu adalah diperakukan juga sekolah menengah vokasional hendaklah diteruskan.

69. Dalam beberapa tahun kebelakangan ini didapati lebih kurang 60% sahaja murid-murid lulus Peperiksaan SRP/LCE. Ini bermakna lebih kurang 40% tidak dapat meneruskan pelajaran mereka ke peringkat menengah atas. Pada ketika ini mereka baru berumur 16 tahun dan tidak boleh masuk ke pasaran pekerjaan. Di samping itu mereka juga belum mempunyai sesuatu kemahiran untuk membolehkan mereka diterima untuk bekerja. Mereka mungkin boleh disalurkan ke sekolah-sekolah menengah vokasional untuk mendapatkan sesuatu kemahiran tetapi oleh kerana kemudahan tempat belajar di sekolah-sekolah tersebut amat terhad maka hanya kira-kira 4.6% murid sahaja dapat diterima belajar di sekolah-sekolah vokasional di Semenanjung pada tahun 1978.

69.1 Sekolah-sekolah vokasional di Semenanjung dapat menampung hanya 4.6% daripada murid-murid Tingkatan III pada tahun 1978. Peratus ini amatlah kecil. Oleh itu adalah diperakukan supaya lebih banyak lagi sekolah vokasional didirikan.

70. Murid-murid di sekolah menengah vokasional diberikan pendidikan asas untuk kemahiran dan juga pendidikan umum. Adalah didapati bahawa nisbah peruntukan masa di antara kursus pertukangan dengan pendidikan umum ialah 7:3. Latihan amali diberikan dalam bengkel sekolah sahaja dan tidak di kilang atau di tempat kerja. Cara ini tidaklah

mencukupi kerana murid tidak dapat membiasakan diri dengan keadaan yang terdapat dalam alam pekerjaan yang sebenar.

70.1 Adalah diperakukan supaya kurikulum pendidikan vokasional dikaji semula agar kurikulum itu diubahsuaikan supaya ia lebih mirip kepada penyediaan murid-murid memasuki pasaran pekerjaan sebagai pekerja mahir dalam bidang-bidang tertentu.

70.2 Oleh kerana latihan amali murid-murid sekolah menengah vokasional tidak mencukupi, adalah diperakukan supaya mereka diberi latihan amali di kilang-kilang. Ini membolehkan mereka memahami dan menyesuaikan diri dengan kehendak-kehendak sektor perusahaan.

71. Berkaitan dengan Peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia atau *Malaysia Certificate of Education* dan Peperiksaan Sijil Pelajaran Vokasional Malaysia, adalah didapati sistem pensijilan yang mencatatkan keputusan berdasarkan pangkat I, II, III dan pangkat IV dan IX tidak memuaskan. Calon yang mendapat sijil pangkat rendah mungkin lebih baik keputusannya dalam satu atau dua matapelajaran tertentu yang mungkin lebih sesuai pula dengan pekerjaan yang dipohon. Mengikut amalan pada hari ini pihak majikan mementingkan pangkat sijil dan kurang kepada pencapaian dalam matapelajaran-matapelajaran yang mungkin ada kaitan rapat dengan jenis kerja-kerja yang dipohon.

71.1 Memandangkan kepada kelemahan sistem pensijilan yang ada pada peperiksaan di akhir Tingkatan V sekarang, maka adalah diperakukan perubahan dilakukan kepada syarat-syarat mengambil Peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia atau *Malaysia Certificate of Education* dan Peperiksaan Sijil Pelajaran Vokasional Malaysia. Calon-calon untuk Peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia atau *Malaysia Certificate of Education* hendaklah memenuhi syarat-syarat berikut:—

- (a) Wajib mengambil Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris

dan

- (b) Syarat dan peraturan-peraturan lain seperti yang ditetapkan oleh Pengarah Peperiksaan.

71.2 Calon-calon untuk Peperiksaan Sijil Pelajaran Vokasional Malaysia diperakukan agar memenuhi syarat-syarat yang akan ditentukan kelak iaitu sesuai dengan semakan semula kurikulum yang berkenaan seperti yang diperakukan dalam perenggan 70.1.

71.3 Berikut dari perubahan dalam pelaporan gred dalam Peperiksaan Sijil Rendah Pelajaran atau **Lower Certificate of Education** adalah diperakukan juga supaya sistem memberi gred Sijil Pelajaran Malaysia atau **Malaysia Certificate of Education** dan Sijil Pelajaran Vokasional Malaysia diganti dengan sistem pensijilan terbuka dalam bentuk yang mencatatkan pangkat pencapaian bagi tiap-tiap matapelajaran yang lulus sahaja.

72. Biasanya pada masa yang sudah-sudah seseorang calon yang tidak berjaya mendapat kelulusan pangkat A atau B dalam peperiksaan SRP/LCE boleh juga mengambil peperiksaan SPM/MCE kesudahannya dengan syarat ia mestilah lulus Ujian Kelayakan terlebih dahulu. Akan tetapi dengan perubahan pensijilan SRP/LCE yang tidak lagi mencatatkan gred A, B atau C, maka Ujian Kelayakan ini tidak lagi diperlukan kerana semua calon yang telah mengambil peperiksaan SRP/LCE boleh mengambil peperiksaan SPM/MCE dua tahun kemudiannya.

72.1 Sistem persekolahan menengah sekarang mengandungi dua peringkat yang memakan masa selama lima tahun. Pada penghujung peringkat pertama iaitu selama tiga tahun, semasa murid-murid berumur antara 15 – 16 tahun mereka

mengambil peperiksaan SRP/LCE. Selepas peringkat ini mereka mendapat pendedahan selama dua tahun lagi yang berakhir dengan peperiksaan SPM/MCE. Untuk menentukan supaya calon-calon persendirian mendapat persediaan yang sewajarnya, maka adalah juga diperakukan supaya mereka hanya dibenarkan mengambil peperiksaan SPM/MCE dua tahun selepas mereka mengambil peperiksaan SRP/LCE.

## 2.5 PENDIDIKAN TINGKATAN ENAM

73. Pendidikan Tingkatan VI adalah lanjutan daripada pendidikan peringkat menengah atas. Peringkat ini memakan masa dua tahun. Pendidikan di peringkat ini disampaikan dalam dua bahasa pengantar, Bahasa Malaysia dan bahasa Inggeris. Menurut rancangan alihbahasa, pendidikan di peringkat ini di Semenanjung dan di Sabah akan diadakan sepenuhnya dalam Bahasa Malaysia pada tahun 1982. Di Sarawak proses alihbahasa ini dimulakan di peringkat Darjah I hanya pada tahun 1977 dan Bahasa Malaysia akan digunakan sepenuhnya sebagai bahasa pengantar di Tingkatan VI pada tahun 1988.

74. Murid-murid dipilih masuk ke Tingkatan VI berdasarkan pencapaian mereka dalam Peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia atau Peperiksaan Malaysia Certificate of Education. Mereka disalurkan ke salah satu daripada dua jurusan iaitu sains atau sastera. Langkah ini adalah lanjutan daripada penjurusan yang dilakukan di peringkat pendidikan menengah atas. Peratus purata murid yang dipilih memasuki Tingkatan VI bagi tahun 1971 hingga 1978 ialah kira-kira 13% sahaja setahun daripada jumlah murid-murid dalam Tingkatan V. Jadual 10A menunjukkan jumlah bilangan murid Tingkatan VI dari tahun 1971 hingga 1978 mengikut bahasa pengantar dan jurusan di sekolah-sekolah bantuan di Semenanjung. Jadual 10B ialah bagi Sabah dan Jadual 10C bagi Sarawak.

75. Pada penghujung tahun kedua, murid-murid di peringkat ini akan mengambil Peperiksaan Higher School Certificate yang diadakan sama ada dalam Bahasa Malaysia atau bahasa



Jumlah Bilangan Murid Tingkatan VI di Sekolah-Sekolah  
Bantuan di Semenanjung Mengikut Bahasa Pengantar  
Bagi Tahun 1971 - 1978

Tahun	Jumlah Murid Tingkatan VI Mengikut Bahasa Pengantar												
	Bahasa Malaysia						Bahasa Inggeris						
	VI Rendah			VI Atas			VI Rendah			VI Atas			
	Sastera	Sains	Jumlah	Sastera	Sains	Jumlah	Sastera	Sains	Jumlah	Sastera	Sains	Jumlah	
1971	1120	381	878	314	2800	2078	2800	1809	2550	3198	3181	2687	2864
1972	1170	561	1123	422	1905	2864	1905	2864	1990	2763	3075	3113	3185
1973	1189	802	1200	535	3659	2103	3659	1891	2671	3292	4461	3091	3206
1974	1073	602	1158	416	3807	2434	3807	1847	2842	3507	4409	3005	3258
1975	1631	843	1205	626	4075	2960	4075	2084	3103	4591	4918	3289	3729
1976	2492	1511	1689	539	4286	3496	4286	2588	2768	5988	5007	5975	3307
1977	3114	2002	2887	1215	4694	3574	4694	2661	2881	6688	6696	5548	4096
1978	2263	1622	2955	1298	4344	3241	4344	3308	3411	5504	5966	6263	4709

(Sumber: Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Pelajaran, Kementerian Pelajaran)

Jumlah Bilangan Murid Tingkatan VI di Sekolah-Sekolah Bantuan  
di Sabah Mengikut Bahasa Pengantar dan Jurusan Bagi  
Tahun 1971 - 1978

Tahun	Jumlah Murid Tingkatan VI Mengikut Bahasa Pengantar											
	Bahasa Malaysia					Bahasa Inggeris						
	VI Rendah		VI Atas		VI Rendah		VI Atas		VI Rendah		VI Atas	
	Sastera	Sains	Sastera	Sains	Sastera	Sains	Sastera	Sains	Sastera	Sains	Sastera	Sains
1971*	-	-	-	-	101	91	89	69	101	91	89	69
1972*	-	-	-	-	107	109	94	70	107	109	94	70
1973*	22	-	-	35	166	124	117	78	188	124	117	113
1974*	40	-	29	51	114	112	130	95	154	112	159	146
1975	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-
1976	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-
1977	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-
1978	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-

Sumber: Jabatan Pelajaran Sabah

\*Data bagi tahun-tahun 1971 - 1974 tidak diperolehi.

Jumlah Bilangan Murid Tingkatan VI di Sekolah Kerajaan dan Bantuan di Sarawak Mengikuti Bahasa Pengantar dan Jurusan Bagi Tahun 1971 - 1978

Tahun	Jumlah Murid Tingkatan VI Mengikuti Bahasa Pengantar											
	Bahasa Malaysia						Bahasa Inggeris					
	VI Rendah		VI Atas		VI Rendah		VI Atas		VI Rendah		VI Atas	
	Sastera	Sains	Sastera	Sains	Sastera	Sains	Sastera	Sains	Sastera	Sains	Sastera	Sains
1971	-	-	-	-	199	193	127	190	199	193	127	190
1972	-	-	-	-	174	266	199	193	174	266	199	193
1973	-	-	-	-	229	346	174	266	229	346	174	266
1974	-	-	-	-	280	385	229	346	280	385	229	346
1975	-	-	-	-	370	407	229	284	370	407	229	284
1976	-	-	-	-	355	494	311	317	355	494	311	317
1977	23*	-	-	-	452	499	332	361	475	499	332	361
1978	121	90	24	-	415	518	436	343	536	608	460	343

Sumber: Jabatan Pelajaran Sarawak

\*Pengantar Bahasa Malaysia hanya bermula pada tahun 1977.

Inggeris. Pencapaian tertentu dalam peperiksaan ini menjadi asas pemilihan calon masuk ke universiti-universiti tempatan. Di samping itu kelulusan ini juga menjadi kelayakan asas bagi beberapa pekerjaan tertentu.

76. Adalah jelas bahawa tujuan asal pendidikan Tingkatan VI ialah sebagai persediaan bagi calon-calon mengambil Peperiksaan Higher School Certificate bagi melayakkan diri memasuki universiti. Di samping menggunakan kelayakan ini, didapati universiti tempatan menggunakan juga ukuran lain dalam pengambilan penuntut-penuntutnya. Universiti Pertanian Malaysia dan Universiti Teknologi Malaysia mengambil calon-calon untuk kursus ijazah berasaskan pencapaian dalam Peperiksaan Higher School Certificate dan kelulusan diploma dari penuntut-penuntut mereka sendiri. Untuk kursus diploma pula kedua-dua universiti ini mengambil calon-calonnya berasaskan pencapaian dalam Peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia atau Malaysia Certificate of Education. Di Universiti Kebangsaan Malaysia pula calon-calon lulusan Sijil Pelajaran Malaysia atau Malaysia Certificate of Education diambil untuk mengikuti kursus matrikulasi dan mereka yang lulus Peperiksaan Higher School Certificate diambil untuk mengikuti kursus ijazah.

77. Didapati bahawa corak penjurusan kepada sains dan sastera di peringkat Tingkatan VI dijalankan tanpa kelonggaran dan ini menyebabkan penuntut-penuntut bagi satu-satu jurusan itu tidak berpeluang mendapat sebarang pendidikan dari jurusan yang lain. Keadaan ini dianggap tidak sesuai dengan matlamat pendidikan yang bertujuan untuk melahirkan penuntut-penuntut yang berkeperibadian seimbang.

77.1 Adalah diperakukan supaya pendidikan Tingkatan VI diteruskan. Akan tetapi memandangkan kepada syarat-syarat yang ketat dalam penjurusan sekarang, corak pendidikan di peringkat ini hendaklah dikaji semula untuk membolehkan penuntut-penuntut jurusan sains diberi juga peluang mendapatkan pendedahan dalam bidang sastera. Sebaliknya juga penuntut-penuntut sastera diberi peluang untuk mendapatkan pendedahan di bidang sains.

## 2.6 PELAJARAN LANJUTAN

78. Pelajaran Lanjutan sebagaimana yang ditakrifkan mengikut Bahagian I dalam Akta Pelajaran 1961 ialah "Pelajaran untuk orang yang umurnya melebihi dari yang ditetapkan untuk mengulangi pelajarannya di sekolah rendah."\*

79. Pelajaran Lanjutan mula ditaja pada tahun 1957 dengan tujuan untuk membasmi buta huruf. Kemudian ia berubah corak kepada memberi pelajaran akademik dari Darjah I hingga ke Tingkatan III, khasnya untuk mereka yang cicir dari sistem persekolahan. Pada tahun 1967, pelajaran akademik dari Darjah I hingga ke Tingkatan II diberhentikan dan mulai tahun 1968 kemudahan yang disediakan ialah untuk pelajaran Tingkatan III hingga ke Tingkatan VI. Pada tahun 1978 terdapat 106 Pusat Pelajaran Lanjutan di Semenanjung dengan pelajar-pelajar seramai 13,894 orang. Selain daripada kursus akademik, kursus-kursus lain yang disediakan dalam rancangan ini adalah seperti berikut:—

- (a) Kursus Pelajaran Perdagangan,
- (b) Kursus Pelajaran Teknik, dan
- (c) Kursus Pelajaran Khas untuk Orang Pekak.

80. Pelajaran Lanjutan boleh memainkan peranan penting bagi menyediakan sebahagian daripada tenaga rakyat yang diperlukan oleh negara ini. Kemudahan pelajaran teknik dan perdagangan ada disediakan, tetapi didapati sambutan orang ramai terhadap pelajaran ini tidak menggalakkan. Orang ramai masih tertarik untuk mengikuti pelajaran akademik.

80.1 Adalah diperakukan sesuai dengan kehendak-kehendak pembangunan negara, rancangan Pelajaran Lanjutan hendaklah lebih mengutamakan pelajaran teknik dan perdagangan daripada pelajaran akademik. Langkah-langkah tertentu hendaklah diambil supaya orang ramai lebih berminat kepada pelajaran tersebut.

---

\*Terjemahan dari *PART I - INTERPRETATION*, Akta Pelajaran, 1961.

81. Pelajaran Lanjutan pada hari ini telah berkembang luas ke kawasan-kawasan luar bandar. Akan tetapi pelajaran yang diberi adalah bercorak akademik dan perkembangannya dalam bidang-bidang teknik dan perdagangan, khususnya di kawasan-kawasan luar bandar, adalah terhad. Sekiranya Pelajaran Lanjutan dianggap sebagai alat untuk membantu penduduk-penduduk luar bandar membaiki keadaan hidup mereka, maka corak pelajaran ini hendaklah diubah untuk mengutamakan bidang-bidang teknik dan perdagangan. Cara yang demikian akan dapat membolehkan penduduk-penduduk luar bandar memberi sumbangan yang lebih berkesan terhadap peningkatan taraf hidup mereka sendiri khususnya dalam pembangunan alam sekitar mereka. Oleh kerana tanggungjawab memperkembangkan pelajaran teknik dan perdagangan ini ke luar bandar ialah tugas yang berat dan rumit maka adalah perlu tanggungjawab ini dipikul bersama oleh semua pihak yang berkewajipan.

81.1 Adalah diperakukan, sesuai dengan hasrat untuk membangunkan kawasan-kawasan luar bandar, Pelajaran Lanjutan dalam bidang teknik dan perdagangan diperbanyakkan lagi di kawasan-kawasan tersebut. Walau bagaimanapun penyediaan kemudahan jenis ini hendaklah dikendalikan bukan sahaja oleh Kementerian Pelajaran bahkan juga oleh agensi-agensi lain yang berkaitan.

## 2.7 SEKOLAH SWASTA

82. Mengikut peruntukan Seksyen 44 dalam Akta Pelajaran 1961, semua sekolah swasta di semua peringkat berdaftar dengan Kementerian Pelajaran. Syarat-syarat pendaftaran adalah seperti berikut:-

- (a) Bangunan sekolah hendaklah disahkan sesuai oleh Jabatan Kesihatan dan Pejabat Perancangan Bandar.
- (b) Sekolah, guru dan ahli Lembaga Sekolah didaftarkan dengan Pendaftar Sekolah-sekolah Negeri.

- (c) Pelajaran diadakan untuk peperiksaan tertentu sahaja.
- (d) Bilangan murid dalam tiap-tiap kelas dan bayaran bagi tiap-tiap murid dihadkan.
- (e) Kelengkapan atau kemudahan untuk menjalankan kursus hendaklah mencukupi.
- (f) Bayaran sekolah dan kursus pelajaran yang diajar tidak boleh ditambah tanpa mendapat kebenaran daripada Pendaftar Sekolah di Jabatan Pelajaran Negeri.
- (g) Nama sekolah yang dicadangkan hendaklah sesuai.
- (h) Lain-lain syarat yang difikirkan perlu.

83. Pendaftar Sekolah juga diberi kuasa, di bawah peruntukan Seksyen 54 (1) Akta Pelajaran 1961, untuk membatalkan pendaftaran sesebuah sekolah jika pelajaran di sekolah tersebut merosakkan kepentingan pendidikan, murid-murid, orang ramai atau menyeleweng dan melanggar syarat-syarat pendaftaran.

84. Dalam tahun 1978 terdapat 21 buah sekolah rendah swasta di Semenanjung, 6 di Sarawak dan 11 di Sabah. Bilangan sekolah menengah swasta pada tahun yang sama ialah 196 di Semenanjung, 38 di Sarawak dan 14 di Sabah. Jadual 11A bagi peringkat sekolah rendah dan jadual 11B bagi peringkat sekolah menengah menunjukkan bilangan sekolah, guru dan murid di sekolah-sekolah swasta di Semenanjung, Sabah dan Sarawak bagi tahun 1978.

85. Murid-murid di sekolah menengah rendah swasta di Semenanjung mengambil Peperiksaan Sijil Rendah Pelajaran atau Peperiksaan Lower Certificate of Education, di Sarawak Peperiksaan Sarawak Junior Certificate dan di Sabah pula mereka mengambil Peperiksaan Sabah Junior Certificate. Di peringkat menengah atas, murid-murid tersebut mengambil Peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia atau Peperiksaan Malaysia Certificate of Education di Semenanjung sementara di Sarawak dan di Sabah pula mereka mengambil Peperiksaan Cambridge Overseas School Certificate.

86. Di samping mengambil peperiksaan-peperiksaan di atas,

Bilangan Sekolah, Guru dan Murid di Sekolah Rendah Swasta di Sememanjung, Sabah dan Sarawak Pada Tahun 1978

Bahasa Pengantar	Bilangan Sekolah			Bilangan Guru			Bilangan Murid		
	Sem.	Sabah	Sarawak	Sem.	Sabah	Sarawak	Sem.	Sabah	Sarawak
Bahasa Malaysia	-	-	-	-	-	-	-	-	-
Bahasa Inggeris	8	11	4	-	22	-	-	481	63
Bahasa Cina	11	-	-	52	-	11	1796	-	73
Bahasa Tamil	2	-	-	2	-	-	35	-	-
Jumlah	21	11	4	54	22	11	1831	481	136

Sumber: Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Pelajaran, Jabatan Pelajaran Sabah dan Jabatan Pelajaran Sarawak.



Bilangan Sekolah, Guru dan Murid di Sekolah Menengah Swasta di Semenanjung, Sabah dan Sarawak Pada Tahun 1978

Bahasa Pengantar	Bilangan Sekolah			Bilangan Guru			Bilangan Murid		
	Sem.	Sabah	Sarawak	Sem.	Sabah	Sarawak	Sem.	Sabah	Sarawak
Bahasa Melayu	59	-	-	639	-	-	14978	-	-
Bahasa Inggeris	95	5	26	893	} 179*	} 324*	29017	-	4195
Bahasa Cina	37	9	11	802			-	-	3451
Bahasa Malaysia dan Inggeris	5	-	-	63	-	-	2054	1065	-
Bahasa Inggeris dan Cina	-	-	1	-	-	-	-	-	416
Jumlah	196	14	38	2597	179	324	70808	4516	6772

Sumber: Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Pelajaran, Jabatan Pelajaran Sabah dan Jabatan Pelajaran Sarawak.

\*Pecahan mengikut aliran bahasa pengantar tidak diperolehi.

murid-murid di sekolah swasta Cina mengambil juga peperiksaan yang dianjurkan oleh sekolah masing-masing dan ini termasuklah Peperiksaan Junior Middle III dan Senior Middle III.

87. Di Sabah terdapat sekolah di peringkat rendah dikenali sebagai Sekolah Sukarela Rakyat yang ditadbirkan oleh Jawatankuasa kampung yang berkenaan. Pada masa ini bilangannya telah berkurangan kerana sebilangan daripada sekolah-sekolah tersebut telah diambilalih oleh Kerajaan Negeri Sabah. Pada tahun 1978 masih terdapat 19 buah sekolah dengan murid seramai 2,896 orang dan guru seramai 121 orang. Bagi sekolah yang belum diambilalih oleh Kerajaan, jabatan pelajaran negeri menghantarkan guru atas permintaan jawatankuasa yang mentadbirkan sekolah tersebut.

88. Di peringkat menengah atas, di samping terdapat sekolah akademik terdapat juga sekolah-sekolah swasta perdagangan, vokasional dan teknik. Sekolah-sekolah ini mengadakan berbagai-bagai kursus. Pada tahun 1978 terdapat 191 buah sekolah jenis ini dengan 928 orang guru dan 37,709 orang murid. Jadual 12 menunjukkan bilangan sekolah swasta yang memberi pendidikan perdagangan, vokasional dan teknik, jumlah guru dan murid bagi Semenanjung, Sarawak dan Sabah.

89. Sekolah-sekolah ini mengadakan peperiksaan persendirian dan juga menyediakan murid-muridnya untuk peperiksaan-peperiksaan seperti berikut:—

- (a) Sijil Perdagangan Malaysia.
- (b) City and Guilds of London Institute.
- (c) London Chamber of Commerce and Industry.
- (d) Council of Legal Education London.
- (e) Dan lain-lain Peperiksaan.

90. Beberapa buah sekolah menengah swasta menyediakan pendidikan Tingkatan VI. Jadual 13A menunjukkan bilangan murid yang memasuki Tingkatan VI swasta mengikut jurusan bagi tahun 1971 hingga 1978, di Semenanjung, sementara Jadual 13B menunjukkan kedudukan di Sabah dan Sarawak pula.

**Sekolah Swasta Perdagangan/Vokasional/Teknik  
Bilangan Sekolah Guru dan Murid Mengikut Negeri  
Pada Tahun 1978**

Negeri	Bilangan Sekolah	Bilangan Guru	Bilangan Murid
Johor	26	101	6,815
Kedah	7	14	421
Kelantan	9	16	1,275
Melaka	4	28	1,395
Negeri Sembilan	9	33	1,333
Pahang	9	18	1,125
Perak	36	83	3,260
Perlis	3	5	283
Pulau Pinang	12	51	1,449
Selangor/Wilayah Persekutuan	46	449	16,126
Trengganu	7	10	537
Sabah	4	25	752
Sarawak	18	37	1,341
(a) Jumlah	190	870	36,112
(b) Institut Teknologi Federal, K. Lumpur	1	58	1,597
Jumlah (a) + (b)	191	928	37,709

Sumber: Bahagian Pendaftaran Sekolah/Guru, Kementerian Pelajaran.

Jumlah Bilangan Murid Tingkatan VI Swasta di Semenanjung  
Mengikut Jurusan Bagi Tahun 1971 - 1978

Tahun	Tingkatan VI Rendah		Tingkatan VI Atas			Jumlah
	Sains	Sastera	Jumlah	Sains	Sastera	
1971	244	1,393	1,637	403	1,116	3,156
1972	164	1,776	1,940	139	2,878	4,957
1973	449	2,069	2,518	171	2,032	4,721
1974	500	3,126	3,626	828	4,124	8,578
1975	602	4,238	4,840	1,598	4,834	11,272
1976	346	4,181	4,527	932	5,058	10,517
1977	332	6,078	6,410	740	6,571	13,721
1978	361	5,211	5,572	1,031	6,747	13,350

Sumber: Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Pelajaran dan Bahagian Penilaian Kementerian Pelajaran.

Jumlah Bilangan Murid Tingkatan VI Swasta di Sabah dan Sarawak Mengikut Jurusan Bagi Tahun 1971 - 1978

Tahun	S A B A H						S A R A W A K								
	Tingkatan VI Rendah			Tingkatan VI Atas			Jumlah			Tingkatan VI Rendah			Tingkatan VI Atas		
	Sains	Sastera	Jumlah	Sains	Sastera	Jumlah	Sains	Sastera	Jumlah	Sains	Sastera	Jumlah	Sains	Sastera	Jumlah
1971	-	-	-	-	-	-	-	20	20	-	-	-	-	-	20
1972	-	-	-	-	-	-	-	81	81	-	12	12	-	12	93
1973	-	-	-	-	-	-	-	141	141	-	65	65	-	65	206
1974	-	-	-	-	-	-	-	237	237	-	118	118	-	118	355
1975	-	-	-	-	-	-	-	319	319	-	194	194	-	194	513
1976	-	-	-	-	-	-	-	404	404	-	242	242	-	242	646
1977	-	25	25	-	25	50	-	376	376	-	315	315	-	315	691
1978	-	14	14	-	55	69	68	990	458	-	315	315	-	315	773

(Sumber: Jabatan Pelajaran Sabah dan Jabatan Pelajaran Sarawak)

91. Pada amnya sekolah swasta menampung murid-murid yang tidak mendapat tempat di sekolah kerajaan atau murid-murid yang sengaja dihantar oleh ibubapa mereka ke sekolah jenis ini. Di samping itu ada juga sekolah-sekolah swasta yang mengadakan kelas khas untuk memberi tuition kepada murid-murid sekolah Kerajaan.

92. Sekolah swasta perdagangan, vokasional dan teknik dapat membantu Kerajaan dalam menyediakan tenaga rakyat yang diperlukan oleh negara. Sekolah ini juga memberi peluang kepada orang yang telah bekerja mengambil kursus sambilan dan cara pos untuk memajukan diri mereka dalam sesuatu bidang atau pekerjaan. Walaupun sekolah-sekolah ini dapat memainkan peranan yang berguna, namun demikian perkembangannya perlu dikawal dengan satu sistem pendaftaran yang lebih berkesan.

93. Didapati bahawa sebahagian daripada sekolah-sekolah swasta mengenakan yuran yang mahal yang lazimnya mampu dibayar oleh segolongan masyarakat sahaja. Di samping itu tidaklah dapat diketahui pula sama ada sekolah-sekolah swasta betul-betul mengikuti atau mematuhi syarat-syarat pendaftaran yang ditentukan oleh Kementerian Pelajaran sebab sekolah-sekolah tersebut jarang sekali dapat dilawati. Selain daripada itu ada pula yang tidak mendaftar langsung dengan Kementerian Pelajaran, sungguhpun institusi tersebut tetap berfungsi sebagai institusi pendidikan. Lazimnya institusi itu didaftarkan dengan Kementerian lain dan hal yang demikian menyukarkan Kementerian Pelajaran mengambil sebarang tindakan ke atas institusi ini walaupun institusi ini ialah institusi pendidikan sebenarnya.

94. Di samping itu didapati ada beberapa kelemahan dalam syarat-syarat pendaftaran bagi sekolah-sekolah swasta. Kelemahan-kelemahan tersebut ialah seperti berikut:—

- (a) Walaupun pihak Kementerian Pelajaran mempunyai kuasa untuk membatalkan dan menolak pendaftaran sesebuah sekolah, tetapi Pendaftar Besar Sekolah dan Guru tidak mempunyai kuasa untuk menutup sesebuah sekolah jika didapati perlu.
- (b) Takrif 'sekolah' seperti yang tercatat dalam Akta

- Pelajaran 1961 tidak meliputi badan atau orang yang menjadi wakil institusi pendidikan cara pos yang berpusat di luar negeri.
- (c) Pendaftar Besar Sekolah dan Guru tidak mempunyai kuasa untuk memutuskan sesuatu institusi atau tempat itu adalah sebuah sekolah, sekiranya timbul keadaan yang memerlukan keputusan seperti itu.
  - (d) Apabila pendaftaran sesebuah sekolah diluluskan tidak pula disyaratkan bahawa:-
    - (i) Satu bahasa tertentu dijadikan bahasa pengan-tar di sekolah itu.
    - (ii) Sekolah-sekolah yang menyediakan pendi-dikan hingga ke Tingkatan V menggunakan sukatan pelajaran yang disediakan oleh Ke-menterian Pelajaran.

94.1 Memandangkan kelemahan-kelemahan ini adalah diperakukan supaya semua kelas, sekolah atau institusi pendidikan swasta yang belum berdaftar dikehendaki mendaftar dengan Kementerian Pe-lajaran. Sekolah-sekolah yang telah berdaftar tidak perlu mendaftar lagi. Seperti mana yang diamalkan sekarang, apabila didaftarkan semula hendaklah ditentukan bagi pendidikan hingga ke Tingkatan V, agar kelas, sekolah atau institusi pendidikan swasta itu hendaklah mengandungi sukatan pelajaran yang sama kandungannya seperti yang digunakan dalam sistem pendidikan kebangsaan.

94.2 Oleh kerana syarat-syarat pendaftaran menge-nai sekolah-sekolah swasta yang ada sekarang tidak mencukupi, syarat-syarat ini perlu diper-kemaskan. Tujuannya bukanlah untuk menyekat perjalanan sekolah-sekolah tersebut tetapi untuk membolehkan sekolah-sekolah itu me-nyumbangkan khidmat yang lebih positif kepada masyarakat dan negara. Dengan itu adalah di-

perakukan syarat-syarat pendaftaran hendaklah diperkemaskan supaya antara lain:—

- (a) Ditentukan sekolah atau institusi pendidikan swasta berdaftar terlebih dahulu dengan Pendaftar Sekolah dan Guru sebelum berdaftar dengan Pendaftar Perniagaan atau Pendaftar Syarikat.
- (b) Diberi kuasa kepada Pendaftar Besar Sekolah dan Guru untuk menutup dengan sertamerta sesebuah sekolah atau institusi pendidikan swasta yang tidak berdaftar ataupun melanggar syarat pendaftarannya.
- (c) Apabila timbul sesuatu kekeliruan berhubung dengan kedudukan sesuatu organisasi, Menteri Pelajaran diberi kuasa menentukan sama ada badan atau organisasi itu dianggap sekolah atau institusi pendidikan atau sebaliknya.
- (d) Pendaftar Besar Sekolah dan Guru diberi kuasa untuk mengawas kurikulum, yuran sekolah, bahasa pengantar dan peperiksaan yang dijalankan.
- (e) Pendaftar Besar Sekolah dan Guru diberi kuasa untuk menolak pendaftaran sesebuah sekolah atau institusi pendidikan swasta tanpa memberi sebab.

94.3 Adalah diperakukan juga langkah-langkah diambil supaya sekolah-sekolah swasta diberi penyeliaan yang sewajarnya.

95. Adalah juga didapati sekolah-sekolah swasta menyediakan murid-muridnya untuk mengambil berbagai jenis peperiksaan terutama di peringkat selepas Tingkatan V. Sebenarnya dalam keadaan sekarang mana-mana pihak bebas boleh mengendalikan sebarang peperiksaan. Akibatnya berjenis-jenis peperiksaan dikendalikan dan ada di antara peperiksaan-peperiksaan ini yang tidak berfaedah dan berguna kepada murid-murid dan negara.



- 95.1 Memandangkan bahawa pada ketika ini berjenis-jenis peperiksaan dikendalikan oleh banyak institusi terutama di peringkat selepas Tingkatan V, dan ada di antara peperiksaan-peperiksaan ini tidak berfaedah kepada murid-murid dan negara, maka adalah diperakukan bahawa Pengarah Peperiksaan diberi kuasa untuk melarang sesuatu peperiksaan daripada dikendalikan sekiranya peperiksaan itu difikirkan bertentangan dengan atau menjejaskan kepentingan negara, kecuali peperiksaan-peperiksaan yang di bawah kuatkuasa Majlis Peperiksaan Malaysia.

## 2.8 PENDIDIKAN PERINGKAT MAKTAB Maktab Perguruan

96. Pada tahun 1975 terdapat 14 buah maktab perguruan di Semenanjung, 3 buah di Sabah dan 3 buah di Sarawak. Dalam tahun 1976, untuk mengatasi kekurangan guru terlatih yang begitu mendesak, empat buah maktab perguruan sementara telah dibuka di Semenanjung. Pada tahun 1977 sebuah maktab bagi melatih guru-guru untuk mengajar Ugama Islam telah dibuka di Semenanjung. Kesemua maktab perguruan adalah di bawah kelolaan Kementerian Pelajaran. Bakal-bakal guru dilatih untuk mengajar di sekolah-sekolah rendah dan menengah. Jadual 14 menunjukkan bilangan calon yang diambil memasuki maktab perguruan di negara ini bagi tahun 1971 hingga 1978.
97. Calon-calun yang memohon memasuki latihan perguruan di maktab-maktab ini mesti mempunyai kelayakan minima Sijil Pelajaran Malaysia atau Malaysia Certificate of Education atau Sijil Pelajaran Vokasional Malaysia. Biasanya maktab-maktab perguruan mengendalikan kursus-kursus latihan perguruan asas selama dua tahun kecuali Maktab Perguruan Teknik. Di Maktab Perguruan Teknik ada tiga jenis kursus iaitu Kursus Perdagangan, Kursus Pertukangan dan Kursus Seni Perusahaan. Kursus Perdagangan mengandungi dua kumpulan calon. Calon-calun yang berkelulusan dari politeknik diberi kursus selama satu tahun sahaja sementara calon-calun yang

Pengambilan Calon-Calon Guru Memasuki Maktab  
Perguruan di Semenanjung, Sabah dan Sarawak  
Bagi tahun 1971 - 1978

Tahun	Jumlah Calon Guru Yang Diambil		
	Sem.	Sabah	Sarawak
1971	1568	269	370
1972	2454	312	326
1973	2668	341	295
1974	3693	407	279
1975	3927	502	408
1976	5963	869	628
1977	5884	895	716
1978	5822	894	716

Sumber: Bahagian Latihan Guru, Kementerian  
Pelajaran, Jabatan Pelajaran Sabah  
dan Sarawak.

berkelulusan SPVM mengikuti kursus selama dua tahun. Kursus Pertukangan dijalankan selama tiga tahun dan calon-calonnya terdiri dari mereka yang berkelulusan SPVM. Kursus Seni Perusahaan pula mengambil masa selama dua tahun dan calon-calonnya terdiri dari mereka yang lulus SPM/MCE atau SPVM.

98. Pada tahun 1975 terdapat kekurangan seramai 17,242 orang guru di Semenanjung, Sarawak dan Sabah. Kekurangan ini akan terus meningkat dan menjadi buruk sekiranya pengeluaran guru terlatih tidak dipesatkan seimbang dengan pertambahan bilangan murid. Pada hari ini bilangan murid bagi tiap-tiap darjah adalah besar dan perlu dikurangkan. Di samping itu peruntukan guru bagi tiap-tiap kelas tidak memuaskan dan perlu dibaiki. Ada pula guru-guru yang mem-

punyai tugas-tugas tertentu untuk mengendalikan perpustakaan, urusan bimbingan murid dan lain-lain dan untuk mereka melaksanakan tugas mereka dengan lebih sempurna bererti bahawa beban tugas mengajar mereka hendaklah dikurangkan. Adalah jelas bahawa segala-gala keperluan ini akan memerlukan pengeluaran guru terlatih yang lebih ramai. Buat sementara waktu, dalam usaha memenuhi keperluan-keperluan tersebut Kementerian Pelajaran telah membuka empat buah maktab perguruan yang ditempatkan di bangunan-bangunan sementara. Pada tahun 1976 bilangan guru pelatih yang diambil di Semenanjung telah meningkat kepada 5,900 orang. Selain daripada itu, empat buah maktab perguruan sedang dirancang untuk dibina dalam Rancangan Malaysia Ketiga (1976 - 1980).

99. Dalam usaha untuk menambah bilangan guru terlatih, maka pada tahun 1976 kira-kira 2,188 orang guru sementara telah diberi latihan perguruan. Dengan langkah-langkah yang telah diambil itu maka pada awal tahun 1978 masalah kekurangan guru di sekolah hampir selesai kecuali di peringkat menengah atas. Di peringkat ini kekurangan masih terdapat dalam bidang-bidang sains, ilmu hisab dan bahasa Inggeris.

100. Kemudahan untuk guru-guru melanjutkan pengkhususan dalam bidang tertentu seperti pendidikan kanak-kanak cacat, perpustakaan dan lain-lain juga tidak mencukupi. Oleh kerana itu guru-guru untuk bidang-bidang tersebut dihantar berkursus ke luar negeri.

101. Masalah-masalah yang besar yang dihadapi oleh sekolah seperti yang dijelaskan dalam perenggan 98, iaitu berhubung dengan saiz kelas yang besar dan peruntukan guru ke sekolah yang kurang memuaskan, masih belum diselesaikan. Dalam usaha untuk mengatasi masalah-masalah ini kita akan memerlukan bilangan guru terlatih yang lebih ramai.

101.1 Kita sedang mengalami kekurangan guru terlatih dalam bidang-bidang tertentu seperti sains, hisab, perdagangan dan sebagainya. Pada masa ini kekurangan itu diatasi dengan melantik guru-guru sementara. Guru-guru tersebut tidak mem-

punyai latihan dan pengajaran mereka sudah tentu mempengaruhi mutu pelajaran. Oleh karena itu adalah diperakukan supaya langkah tertentu diambil dengan segera bagi mencukupkan bilangan guru yang terlatih dengan tujuan untuk mengatasi kekurangan sekarang dan mencapai matlamat hendak mengecilkan saiz kelas di semua peringkat persekolahan. Pengeluaran guru-guru terlatih ini hendaklah mengikut pengkhususan dalam bidang yang mengalami kekurangan sekarang.

102. Di samping maktab perguruan, universiti juga menyediakan guru terlatih untuk mengajar di sekolah menengah atas dan Tingkatan VI. Maktab perguruan pula menyediakan guru untuk sekolah rendah dan sekolah menengah rendah. Sungguhpun kedua-dua pihak ini mempunyai peranan yang sama, adalah didapati pada ketika ini tidak ada penyelarasan antara institusi-institusi tersebut iaitu yang melatih guru-guru sekolah menengah atas termasuk Tingkatan VI dan maktab-maktab perguruan yang melatih guru-guru sekolah rendah dan sekolah menengah rendah.

102.1 Adalah diperakukan agar kerjasama yang rapat serta penyelarasan hendaklah diadakan antara maktab perguruan dan universiti yang turut melatih guru-guru. Untuk melaksanakan cadangan ini sebuah badan penasihat mengenai hal ikhtisas dalam latihan perguruan hendaklah ditubuhkan. Memandangkan kemajuan dan perkembangan pendidikan pada masa ini, adalah juga diperakukan bahawa kemudahan hendaklah diadakan untuk guru-guru terlatih mendapatkan latihan lanjutan dalam bidang-bidang tertentu untuk tugas-tugas tertentu.

103. Tiap-tiap guru pelatih yang mengikuti latihan asas sama ada di maktab perguruan mahupun di universiti menjalani latihan mengajar dalam jangka waktu yang ditetapkan. Tempoh latihan mengajar bagi seseorang guru pelatih di maktab perguruan yang mengikuti kursus dua atau tiga tahun ialah selama dua belas minggu. Sementara itu tempoh latihan me-

ngajar bagi guru-guru pelatih yang menjalani kursus latihan perguruan di universiti pula adalah berbeza-beza. Umpamanya, guru-guru pelatih di Universiti Malaya dan di Universiti Kebangsaan Malaysia, menjalani latihan mengajar selama sepuluh minggu, di Universiti Teknologi Malaysia dan Universiti Pertanian Malaysia selama dua belas minggu dan di Universiti Sains Malaysia selama enam belas minggu. Pada hari ini juga terdapat banyak pembaharuan dilakukan dalam bidang kurikulum sekolah dan agar latihan perguruan kita tidak ketinggalan maka orientasi-orientasi baru dalam latihan perguruan adalah diperlukan. Untuk maksud ini tempoh latihan perguruan, teori dan amali selama dua tahun di maktab perguruan tidaklah mencukupi.

- 103.1 Adalah diperakukan supaya tempoh latihan mengajar sama ada bagi guru-guru dari maktab mahupun dari universiti diselaraskan dengan tujuan untuk memastikan bahawa tempoh latihan mengajar guru-guru tersebut benar-benar mencukupi. Memandangkan tempoh kursus latihan perguruan yang berjalan sekarang tidak mencukupi, adalah diperakukan supaya kursus dua tahun itu dilanjutkan menjadi tiga tahun.

## 2.9 PENDIDIKAN PERINGKAT MAKTAB

Politeknik  
Institut Teknologi MARA  
Kolej Tunku Abdul Rahman

104. Pendidikan di peringkat maktab adalah tertakluk di bawah Akta Pelajaran 1961. Semua institusi ini berada di bawah Kementerian Pelajaran. Maktab-maktab tersebut ialah:—

- (a) Politeknik
- (b) Institut Teknologi MARA, dan
- (c) Kolej Tunku Abdul Rahman.

105. Politeknik Ungku Omar di Ipoh ditubuhkan pada tahun 1969 dan politeknik di Kuantan pada tahun 1976. Tujuannya

ialah untuk mengeluarkan tenaga rakyat mahir di peringkat separa ikhtisas dalam bidang teknik dan perdagangan. Kelayakan masuk adalah berdasarkan kelulusan Sijil Pelajaran Malaysia atau Malaysia Certificate of Education atau Sijil Pelajaran Vokasional Malaysia, dengan kepujian dalam Ilmu Hisab atau Sains. Kursus di politeknik terbahagi kepada empat bidang berikut:—

Kejuruteraan Letrik  
Kejuruteraan Jentera  
Kejuruteraan Awam, dan  
Perdagangan dan Perakaunan.

Di samping itu kursus Kejuruteraan Laut diadakan di Politeknik Ungku Omar sahaja.

106. Institut Teknologi MARA bermula sebagai sebuah pusat latihan yang ditubuhkan oleh Lembaga Kemajuan Perusahaan Luar Bandar (RIDA) pada tahun 1954 untuk melatih orang Melayu dalam bidang perdagangan. Namanya diubah kepada Maktab MARA pada tahun 1965 dan kepada Institut Teknologi MARA pada tahun 1967. Pada masa ini ia mempunyai cawangan di Sabah, Sarawak, Perlis dan Trengganu. Tujuannya ialah untuk melatih bumiputera dalam lapangan perdagangan, perusahaan dan lain-lain bidang separa ikhtisas.

107. Kelayakan minima untuk mengikuti kebanyakan kursus ialah Sijil Pelajaran Malaysia atau Malaysia Certificate of Education. Untuk beberapa kursus pula kelayakan minimanya ialah kelulusan peringkat prinsipal dalam beberapa mata-pelajaran dalam Peperiksaan Higher School Certificate. Pada tahun 1978 institusi ini menyediakan sebanyak tiga belas jenis pengajian. Jenis-jenis pengajian tersebut adalah seperti berikut:—

Perakaunan  
Hisab dan Sains Komputer  
Kejuruteraan  
Pentadbiran dan Undang-Undang  
Pengurusan Hotel dan Penyediaan Makanan  
Senibina, Perancangan dan Ukur  
Perdagangan dan Pengurusan

Sebaran Am  
Sains Gunaan  
Sains Kesetiausahaan  
Sains Perpustakaan  
Senilukis dan Senireka  
Kursus-Kursus Persediaan

108. Kolej Tunku Abdul Rahman ditubuhkan pada tahun 1969 dengan tujuan untuk mengadakan kemudahan pelajaran bagi peringkat selepas peringkat menengah.

109. Kelayakan untuk mengikuti kebanyakan kursus ialah Sijil Pelajaran Malaysia atau Malaysia Certificate of Education. Ada juga kursus-kursus yang memerlukan Higher School Certificate sebagai syarat kelayakan masuk. Kursus-kursus di Kolej ini dibahagikan kepada empat jurusan yang dinamakan sekolah. Sekolah-sekolah itu adalah seperti berikut:—

Sekolah Pengajian Pra Universiti  
Sekolah Pengajian Perdagangan  
Sekolah Teknologi, dan  
Sekolah Sastera dan Sains.

Pada tahun 1972 pula Kolej ini telah menubuhkan satu jabatan yang dinamakan Jabatan Extra-Mural.

110. Didapati bahawa kursus-kursus perguruan di semua maktab perguruan telah menggunakan Bahasa Malaysia sebagai bahasa pengantar sepenuhnya mulai tahun 1975 kecuali beberapa buah maktab perguruan di Sarawak dan Sabah. Sebaliknya pula masih didapati kursus-kursus separa ikhtisas di beberapa maktab yang bukan maktab perguruan, dikelolakan melalui dua bahasa pengantar. Bahasa Inggeris digunakan untuk kursus-kursus separa ikhtisas yang terikat kepada badan-badan ikhtisas di luar negeri sementara Bahasa Malaysia pula digunakan bagi kursus-kursus yang dikendalikan untuk peperiksaan dalam negeri.

111. Peranan tenaga pengajar adalah penting bagi menentukan kejayaan rancangan alihbahasa. Berkaitan dengan ini di dapati ada tenaga pengajar tempatan dan luar negeri yang tidak boleh menyampaikan kuliah dalam Bahasa Malaysia.

Walaupun proses alihbahasa dijadualkan selesai pada tahun 1981 bagi peringkat maktab dan 1983 bagi universiti, perediaan untuk melengkapkan tenaga pengajar bagi mencapai matlamat ini perlulah dilakukan dari sekarang.

112. Politeknik mengeluarkan tenaga rakyat mahir di peringkat pertengahan. Tenaga kerja di peringkat ini amatlah diperlukan oleh negara bagi melaksanakan rancangan-rancangan pembangunannya. Oleh itu peranan politeknik sebagai sumber pengeluaran tenaga rakyat mahir di peringkat pertengahan adalah sangat penting. Walau bagaimanapun negara ini mempunyai hanya dua buah politeknik sahaja dan bilangan yang kecil ini memanglah tidak mencukupi bagi mengeluarkan tenaga rakyat yang diperlukan.

112.1 Memandangkan bahawa negara ini amat memerlukan tenaga rakyat mahir di peringkat pertengahan untuk pembangunan negara, maka adalah diperakukan agar pengeluaran tenaga rakyat di peringkat pertengahan ini dipertingkatkan.

112.2 Adalah diperakukan juga supaya bilangan politeknik ditambah dengan tujuan untuk melatih dan mengeluarkan bilangan juruteknik yang cukup untuk keperluan negara.

112.3 Adalah diperakukan bahawa kursus-kursus yang diberi di politeknik hendaklah dipelbagaikan untuk meliputi semua bidang yang diperlukan dengan berasaskan keperluan pembangunan negara. Pengendalian kursus-kursus di politeknik hendaklah ditinjau kembali dengan tujuan supaya lebih ramai lagi penuntut-penuntut dapat mengikutinya. Dalam konteks ini, adalah juga diperakukan bahawa politeknik mengendalikannya kursus yang boleh diikuti sama ada secara penuh masa atau secara sambilan.

112.4 Akhirnya, adalah diperakukan juga bahawa kursus-kursus di politeknik dibuka kepada



bukan saja lepasan-lepasan sekolah bahkan kepada mereka yang sudah bekerja termasuk pegawai-pegawai Kerajaan.

## BAB III KURIKULUM

### 3.1 PENDAHULUAN

#### Pengertian dan Peranan Kurikulum dalam Pendidikan

113. Dalam laporan ini kurikulum bermaksud segala rancangan pendidikan yang dikendalikan oleh sesebuah sekolah ataupun sesebuah institusi pelajaran untuk mencapai matlamat pendidikan. Oleh itu kurikulum sekolah boleh dibahagikan kepada dua bahagian yang besar, iaitu:

- (a) Bahagian yang meliputi sukatan pelajaran dan kandungan matapelajaran serta segala kegiatan pengajaran dan pembelajaran, dan
- (b) Bahagian yang meliputi kegiatan pendidikan luar bilik darjah (ko-kurikulum) seperti kegiatan-kegiatan sukan, persatuan, pasukan pakaian seragam dan lain-lain.

114. Kurikulum itu ialah suatu rancangan pendidikan yang membendung segala ilmu pengetahuan serta kemahiran, nilai-nilai dan norma, unsur-unsur kebudayaan dan kepercayaan yang telah menjadi pilihan masyarakat untuk diperturunkan kepada ahli-ahlinya. Peranan kurikulum dalam pendidikan adalah untuk membina perkembangan murid yang lengkap dari segi jasmani, rohani, akal dan emosi serta menyemai, menanam dan memupuk nilai-nilai akhlak yang diingini, di samping menyampaikan ilmu pengetahuan. Dalam konteks negara Malaysia, kurikulum itu juga berperanan

untuk melahirkan rakyat yang mendukung cita-cita negara dalam mewujudkan perpaduan yang berpandukan Rukunegara di samping menghasilkan tenaga rakyat yang terlatih untuk keperluan negara.

### 3.2. KURIKULUM DAN PERPADUAN NEGARA

115. Perpaduan itu sebenarnya ialah ciri-ciri afektif individu yang meliputi perasaan, emosi, sentimen, sikap dan nilai. Di sekolah, murid-murid dibimbing dan dididik untuk membina sifat-sifat yang sihat yang boleh membawa ke arah perpaduan negara.

116. Hubungan kurikulum sekolah dengan perpaduan negara adalah rapat, dan ini adalah kerana selain daripada memberi ilmu pengetahuan, kurikulum itu boleh juga membentuk keperibadian dan perwatakan murid yang baik yang boleh membawa ke arah perpaduan. Murid-murid sekolah dari semua kaum dan lapisan masyarakat mengikuti kurikulum yang seragam melalui sukatan pelajaran yang sama kandungannya, kegiatan-kegiatan luar bilik darjah yang sama dan juga mengambil peperiksaan awam yang sama.

117. Malaysia perlu mewujudkan sebuah masyarakat yang bersatupadu yang berpandukan Rukunegara. Dalam masyarakat yang bersatupadu, setiap individu wajib mempunyai kesedaran, keperibadian dan nilai-nilai sebagai rakyat Malaysia yang sanggup mengeneppikan unsur-unsur perkauman, keturunan dan kedaerahan yang biasanya boleh memecah-belahkan perpaduan rakyat.

#### 3.2.1 SUKATAN PELAJARAN YANG SAMA KANDUNGANNYA DAN PEPERIKSAAN YANG SERAGAM

118. Sukatan Pelajaran yang sama isi kandungannya yang disyorkan oleh Penyata Razak adalah dianggap sebagai

salah satu asas sistem pelajaran kebangsaan bagi mewujudkan perpaduan negara. Penyata itu memperakukan bahawa:

Kami tidak-lah dapat hendak menegaskan dengan lebih berat lagi daripada ini akan pendapatan kami bahawa perkara menggunakan Sukatan Pelajaran yang sama oleh semua sekolah-sekolah dalam Negeri Persekutuan Tanah Melayu ini ialah kemahuan yang wajib kepada dasar pelajaran Tanah Melayu ini. Ini-lah suatu perkara yang mustahak bagi kemajuan kebangsaan Tanah Melayu yang satu.

(Penyata Razak, 1956, Perenggan 119)

119. Jawatankuasa Sukatan Pelajaran Am dan Jadual Waktu yang ditubuhkan pada tahun 1956 telah membentuk sukatan pelajaran yang sama kandungannya bagi semua matapelajaran dan semua aliran sekolah. Sukatan pelajaran dan peraturan kursus pengajian yang telah ditetapkan mula dikuatkuasakan di Semenanjung Malaysia sejak tahun 1957.

120. Dalam tahun 1960 Penyata Rahman Talib yang menyemak semula Penyata Razak 1956 telah juga menitikberatkan perlunya kurikulum sekolah disesuaikan dengan keadaan dan keperluan negara, iaitu dengan mengadakan sukatan pelajaran yang sama kandungannya dan peruntukan masa yang seragam bagi semua sekolah.

121. Rancangan kerajaan untuk mensekukan kurikulum di sekolah-sekolah telah diperkukuhkan lagi dengan mewujudkan satu sistem peperiksaan awam yang sama. Murid-murid di peringkat pendidikan menengah mengambil Peperiksaan Sijil Rendah Pelajaran (SRP)/Lower Certificate of Education (LCE) dan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM)/Malaysia Certificate of Education (MCE). Mereka boleh mengambil peperiksaan-peperiksaan tersebut dalam salah satu bahasa pengantar, iaitu dalam Bahasa Malaysia untuk Peperiksaan SRP dan SPM dan dalam bahasa Inggeris untuk Peperiksaan LCE dan MCE. Di peringkat pendidikan Tingkatan VI, murid-murid disediakan untuk mengambil Peperiksaan Higher School Certificate (HSC). Peperiksaan ini disediakan dalam Bahasa Malaysia dan bahasa Inggeris. Peperiksaan SRP/LCE dan SPM/MCE dikelolakan oleh Kementerian Pelajaran melalui Lembaga Peperiksaan, sementara Peperiksaan HSC dikelolakan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia bersama dengan Lembaga Peperiksaan Universiti Cambridge.

122. Dengan adanya sukatan pelajaran yang sama kandungannya dan peperiksaan yang sama ini pelajaran murid-murid tidaklah terganggu apabila terpaksa berpindah sekolah. Sukatan pelajaran yang sama kandungannya yang diikuti oleh murid-murid dari berbagai aliran bahasa pengantar juga membolehkan mereka mendapat pendidikan yang sama. Langkah ini boleh menolong proses menyatupadukan murid-murid yang berbilang kaum di negara ini di samping mewujudkan keperibadian kebangsaan yang sama. Sebaliknya pula, sekiranya murid-murid tidak mengikuti sukatan pelajaran yang sama kandungannya malahan mengikuti sukatan pelajaran yang berlainan, maka rupa bangsa dan keperibadian kebangsaan tidak dapat diwujudkan. Berkaitan dengan perkara ini, ada terdapat beberapa buah sekolah/maktab swasta yang tidak mengikuti sukatan pelajaran yang sama kandungannya seperti di sekolah-sekolah dalam sistem kebangsaan. Sekolah dan maktab ini menggunakan kurikulum yang berlainan kerana menyediakan murid-murid untuk mengambil berbagai peperiksaan mereka sendiri atau peperiksaan luar negeri. Kurikulum sekolah/maktab ini kurang menumpukan perhatian kepada perkara-perkara yang ada hubungan dengan negara ini yang boleh memupuk semangat cintakan negara.

122.1 Dengan tujuan untuk mewujudkan keperibadian kebangsaan, maka adalah diperakukan supaya pendidikan yang diberikan kepada semua murid hingga ke Tingkatan V di sekolah-sekolah, termasuk sekolah-sekolah swasta, hendaklah menggunakan sukatan pelajaran yang sama kandungannya serta mengambil peperiksaan awam yang sama iaitu SRP/LCE dan SPM/MCE.

123. Adalah didapati bahawa Undang-undang (Peperiksaan) 1966 yang berjalan sekarang membenarkan calon-calon persembahan mengambil apa sahaja peperiksaan luar negeri asalkan ada pertubuhan yang sanggup mengendalikan peperiksaan itu. Keadaan ini telah menjadikan banyak pertubuhan mengendalikan berbagai jenis peperiksaan dan ada di antara peperiksaan-peperiksaan ini tidak berfaedah kepada murid-murid dan negara.

- 123.1 Memandangkan bahawa pada ketika ini berjenis-jenis peperiksaan dikendalikan oleh banyak institusi, terutama di peringkat selepas Tingkatan V, dan ada di antara peperiksaan-peperiksaan ini tidak berfaedah kepada murid-murid dan negara, maka adalah diperakukan bahawa Pengarah Peperiksaan diberi kuasa untuk melarang sesuatu peperiksaan itu daripada dikendalikan sekiranya peperiksaan itu difikirkan bertentangan dengan atau menjejaskan kepentingan negara, kecuali peperiksaan-peperiksaan yang di bawah kuatkuasa Majlis Peperiksaan Malaysia.

### 3.2.2 PENDIDIKAN UGAMA

124. Pendidikan agama Islam melalui matapelajaran Pengetahuan Agama Islam adalah diwajibkan kepada semua murid sekolah yang beragama Islam. Akta Pelajaran 1961, Seksyen 36 (1) menentukan bahawa pendidikan Agama Islam hendaklah diberikan kepada murid-murid Islam sekiranya terdapat 15 orang ataupun lebih di sesebuah sekolah.

125. Sementara pendidikan Agama Islam diwajibkan kepada semua murid Islam, pendidikan agama lain tidak boleh dipaksakan kepada murid-murid lain yang bukan penganutnya kecuali dengan persetujuan bertulis daripada ibubapa mereka. Akta Pelajaran 1961 menentukan bahawa pendidikan agama selain dari Agama Islam boleh diberikan kepada murid-murid sekolah sekiranya pendidikan itu diberikan di luar masa sekolah dan tidak melibatkan wang yang diperuntukkan oleh Parlimen.

126. Pendidikan Agama Islam bertujuan mewujudkan masyarakat yang berdisiplin dengan nilai akhlak yang tinggi. Unsur disiplin dan nilai akhlak ini merupakan asas yang kukuh bagi membentuk sebuah masyarakat yang bersatu-padu, kerana pendidikan Agama Islam menanamkan nilai-nilai dan sikap hidup yang baik serta membentuk kelakuan yang bersopan santun dan hormat-menghormati di antara

satu dengan lain. Mengikuti apa yang berlaku sekarang ialah walaupun semua murid yang beragama Islam diwajibkan mengambil matapelajaran Pengetahuan Ugama Islam, tetapi mereka tidak pula diwajibkan mengambil matapelajaran ini dalam peperiksaan SRP/LCE dan SPM/MCE. Oleh yang demikian, terdapat setengah daripada mereka tidak begitu mengambil berat atau belajar bersungguh-sungguh dalam matapelajaran ini. Satu langkah untuk menguat dan meningkatkan lagi kecenderungan serta penglibatan murid-murid Islam dalam matapelajaran ini ialah mewajibkan mereka mengambil matapelajaran Pengetahuan Ugama Islam dalam peperiksaan awam. Kemasukan matapelajaran Pengetahuan Ugama Islam dalam peperiksaan sebagai matapelajaran yang wajib diambil mungkin boleh menjejaskan pelakuan (performance) murid-murid yang berkenaan dalam sesuatu peperiksaan. Untuk mengatasi masalah ini keputusan dalam matapelajaran Pengetahuan Ugama Islam jangan dijadikan satu syarat untuk lulus peperiksaan.

126.1 Memandangkan pentingnya matapelajaran Pengetahuan Ugama Islam ini, maka diperakukan semua murid Islam bukan sahaja mesti mengikuti matapelajaran ini tetapi hendaklah diwajibkan mengambilnya dalam peperiksaan awam.

127. Menurut amalan sekarang, murid-murid bukan Islam boleh mengambil matapelajaran agama pilihannya di luar masa sekolah, tetapi tidak semua mereka yang mengambil matapelajaran itu. Adanya keadaan ini menjadikan faedah pendidikan moral dan etika melalui pendidikan agama tidak dapat disampaikan kepada semua murid. Di samping murid-murid Islam mendapat pendidikan Islam, murid-murid bukan Islam perlu diberikan pendidikan moral dan etika untuk menanamkan nilai-nilai dan sikap hidup yang baik serta membentuk kelakuan yang bersopan santun dan hormat-menghormati di antara satu dengan lain selaras dengan hakikat bahawa moral dan etika menjadi asas dalam pembinaan sebuah masyarakat yang berdisiplin, bertatasusila dan bersatupadu. Pada hari ini apa yang dapat dilakukan ia-

lah pendidikan moral dan etika diberikan secara tidak langsung menerusi beberapa matapelajaran lain mengikut budi-bicara dan kebijaksanaan guru yang mengajar matapelajaran-matapelajaran tersebut.

127.1 Untuk membina sebuah masyarakat yang berdisiplin, bertatasusila dan bersatupadu, adalah diperakukan bahawa semasa murid-murid Islam mengikuti matapelajaran Pengetahuan Ugama Islam dan ini termasuklah murid-murid yang lain yang memilih mengikuti matapelajaran Pengetahuan Ugama Islam, murid-murid bukan Islam hendaklah diberi pendidikan moral dan etika. Semua murid yang mempelajari matapelajaran moral dan etika ini diwajibkan mengambilnya di dalam peperiksaan. Dalam kedua-dua matapelajaran ini hendaklah disemaikan perasaan untuk menghormati kebebasan masyarakat yang berbilang agama menganuti agama masing-masing.

128. Pada masa ini apabila murid-murid Islam mengambil matapelajaran Pengetahuan Ugama Islam, murid-murid yang lain mengambil matapelajaran 'bahasa ibunda' dengan menggunakan waktu yang sama. Dengan langkah yang telah diperakukan dalam perenggan 127.1 itu peruntukan masa bagi matapelajaran 'bahasa ibunda' telah digunakan dan sebagai gantinya satu peruntukan masa yang baru perlu diadakan pada ketika yang lain.

128.1 Untuk membolehkan murid-murid mempelajari bahasa ibunda\* masing-masing, satu peruntukan masa baru hendaklah diadakan. Pada masa yang sama ini, murid-murid Melayu/Bumiputera pula diajar bahasa ketiga.

---

\*Dalam konteks Semenanjung Malaysia Bahasa Ibunda meliputi bahasa Cina dan bahasa Tamil sahaja. Peruntukan ini hendaklah disesuaikan bagi negeri Sabah dan Sarawak.



129. Mutu pengajaran dan pembelajaran matapelajaran Pengetahuan Ugama Islam di sekolah-sekolah sekarang ini belumlah lagi mencapai suatu peringkat yang diharapkan. Keadaan ini timbul kerana kebanyakan guru ugama ini tidak mempunyai kelayakan ikhtisas yang diperlukan. Di samping itu mereka juga telah tidak mendapat bimbingan dan penyeliaan yang sewajarnya.

129.1 Untuk meninggikan lagi mutu pengajaran dan pembelajaran matapelajaran Pengetahuan Ugama Islam, adalah diperakukan bahawa guru-guru yang mengajar matapelajaran ini hendaklah diberikan latihan ikhtisas yang cukup. Seterusnya tugas-tugas penyeliaan juga perlu ditingkatkan lagi.

### 3.2.3 PENDIDIKAN SIVIK

130. Pendidikan Sivik sebagai satu matapelajaran adalah dimulakan di Darjah IV dan diteruskan hingga ke Tingkatan V. Di Darjah I hingga ke Darjah III unsur-unsur sivik adalah dimasukkan ke dalam matapelajaran Hal Ehwal Tempatan. Sivik atau Hal Ehwal Tempatan tidaklah menjadi matapelajaran-matapelajaran untuk peperiksaan. Objektif utama pendidikan ini ialah untuk menyemai, menanam dan memupuk semangat cintakan negara, sifat bertimbang rasa dan toleransi, sikap berdikari, jayadiri dan semangat mahu dan sanggup memahami masalah-masalah masyarakat serta bersedia untuk bertindak atau melibatkan diri bagi menyelesaikan masalah-masalah itu. Pada amnya sukatan pelajaran sivik di semua peringkat persekolahan adalah diasaskan kepada Rukunegara dan Perlembagaan Malaysia.

131. Objektif sukatan pelajaran sivik didapati memuaskan setelah ianya disemak semula. Namun demikian pengajaran dan pembelajaran sivik tidak dapat dijalankan dengan memuaskan. Oleh kerana matapelajaran ini tidak merupakan satu matapelajaran peperiksaan, maka kebanyakan guru dan murid menganggap matapelajaran ini tidak penting. Di setengah-setengah sekolah matapelajaran sivik ini dipandang

sungguh ringan sekali dan diajar dengan sambil lewa sahaja. Kadang-kala menjelang hari peperiksaan masa untuk mata-pelajaran ini digunakan untuk mengajar matapelajaran lain yang dianggap lebih mustahak dari segi peperiksaan. Kebanyakan guru bukan sahaja tidak tahu kaedah mengajar matapelajaran sivik bahkan bersikap negatif pula terhadap matapelajaran ini. Akibatnya murid-murid tidak tertarik kepada matapelajaran ini.

132. Pada hakikatnya, sivik boleh merupakan satu mata-pelajaran yang penting untuk menyemai, menanam dan memupuk semangat cintakan negara, membentuk disiplin diri dan sikap menghormati orang lain serta memahami dasar Kerajaan untuk membina sebuah masyarakat yang bersatu-padu dan bertatasusila. Tegasnya melalui pendidikan sivik ini maka dapatlah dilahirkan generasi akan datang yang bertanggungjawab dan berguna kepada negara.

133. Pendidikan sivik di sekolah pada hari ini didapati kurang memuaskan kerana kelemahan-kelemahan yang tersebut di atas. Di samping itu unsur-unsur matapelajaran ini tidak diserapkan ke dalam pengajaran matapelajaran-mata-pelajaran lain dan kegiatan ko-kurikulum. Pendidikan sivik sebenarnya boleh disampaikan dengan berkesan dan meluas sekiranya ianya diserapkan menerusi bidang pengajian kemanusiaan, bahasa dan sastera.

133.1 Sesuai dengan hasrat untuk membaiki mutu pendidikan sivik di semua peringkat persekolahan, maka diperakukan bahawa:

- (a) Pelajaran sivik hendaklah dimasukkan ke dalam kursus dalam perkhidmatan bagi guru dan guru besar dan juga dengan cara yang lebih berkesan lagi ke dalam kursus latihan perguruan pra khidmat.
- (b) Di samping sivik diajar sebagai satu mata-pelajaran, unsur-unsur sivik hendaklah juga diserapkan ke dalam pengajaran

matapelajaran-matapelajaran lain yang sesuai.

- (c) Untuk meningkatkan lagi kepentingan pendidikan sivik, pencapaian murid-murid dalam matapelajaran ini baikpun meliputi aspek-aspek kognitif dan afektif hendaklah dimasukkan ke dalam kriteria pemberian hadiah di sekolah. Pendidikan sivik hendaklah disampaikan melalui amalan sehari-hari seperti dalam perhimpunan mingguan, upacara menaikkan bendera, menyanyi serta menghormati lagu kebangsaan.
- (d) Kegiatan-kegiatan sivik di luar bilik darjah yang berbentuk perkhidmatan dan pembangunan masyarakat hendaklah digalakkan.

#### 3.2.4 PENDIDIKAN SOSIAL

##### Sejarah

134. Matapelajaran sejarah diajar di kedua-dua peringkat persekolahan, rendah dan menengah. Di peringkat Darjah I hingga Darjah III murid-murid tidak diberi pendidikan sejarah secara langsung kerana unsur-unsur sejarah hanya diserapkan ke dalam matapelajaran Pengajian Hal Ehwal Tempatan. Sebelum merdeka dahulu sukatan pelajaran matapelajaran ini telahpun menitikberatkan keagungan negara penjajah tetapi pada masa ini sukatan pelajaran itu telah disusun semula dan tumpuan utama telah diberi kepada perkembangan dan pembangunan ekonomi, sosial dan politik di Malaysia dan Asia Tenggara.

135. Kementerian Pelajaran telah menyusun semula sukatan pelajaran sejarah bagi Darjah IV hingga ke Tingkatan III. Sukatan pelajaran baru ini menekankan proses perkembangan masyarakat dan negara serta mengandungi unsur-unsur perpaduan.

136. Di peringkat pendidikan menengah atas, sukatan pelajaran sejarah adalah dibahagikan kepada dua bahagian, iaitu bahagian Sejarah Malaysia dan bahagian Sejarah Asia Tenggara dan Sejarah Komanwel. Semua murid yang mengambil matapelajaran sejarah wajib mempelajari sejarah Malaysia dan mereka juga dikehendaki memilih sejarah Asia Tenggara atau sejarah Komanwel. Kini sukatan pelajaran yang baru bagi peringkat ini adalah dalam proses penyusunan semula.

137. Pendidikan sejarah adalah penting untuk membolehkan murid-murid memahami latarbelakang sejarah negara daripada beberapa aspek seperti aspek politik, aspek sosial dan aspek ekonomi. Dalam sebuah negara yang mempunyai penduduk yang berbilang kaum, kesedaran terhadap sejarah masyarakat majmuk yang terdapat di Malaysia hari ini dapat menolong murid-murid untuk memahami peri mustahaknya perpaduan di negara ini.

138. Pada masa ini murid-murid dibenarkan memilih sejarah Komanwel dalam peperiksaan SPM/MCE. Sukatan pelajaran sejarah Komanwel tidak menekankan sejarah tempatan, sebaliknya pula banyak memberi perhatian kepada sejarah Empayar British. Cara ini tidaklah dapat memupuk kesedaran murid-murid terhadap negara kita. Adalah difikirkan lebih baik sekiranya matapelajaran sejarah ditumpukan kepada sejarah tanahair sendiri, sejarah negara-negara Asean dan sejarah negara-negara lain di Asia Tenggara.

139. Peruntukan masa bagi pelajaran sejarah di setengah-setengah sekolah, terutama di Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan (*conforming schools*) didapati tidak mengikut peruntukan masa yang telah ditetapkan, iaitu 120 minit seminggu. Sebahagian dari sekolah-sekolah ini hanya menguntukkan sebanyak 80 minit sahaja seminggu bagi pelajaran sejarah.

139.1 Untuk melahirkan rakyat Malaysia yang memahami sejarah tanahairnya dan juga sejarah rantau ini, maka diperakukan:-

(a) Supaya sukatan pelajaran sejarah yang

baru hendaklah menitikberatkan sejarah rakyat Malaysia dan perjuangannya; demikian jugalah hendaknya dilakukan kepada sejarah negara-negara Asia Tenggara.

- (b) Peruntukan masa yang telah ditetapkan bagi matapelajaran sejarah hendaklah dipatuhi oleh semua sekolah.

## Ilmu Alam

140. Pendidikan ilmu alam diberikan di semua peringkat persekolahan bermula dari Darjah IV. Dari Darjah I hingga Darjah III, ianya disampaikan menerusi matapelajaran Pengajian Hal Ehwal Tempatan. Tujuannya ialah untuk mengenali dan memahami keadaan negara sendiri dari segi alam fizikal dan sosial dan ilmu alam negara-negara lain.

141. Sungguhpun sukatan pelajaran ilmu alam banyak menitikberatkan hal-hal tempatan, adalah didapati liputannya tidak menyeluruh kerana kurangnya perhatian yang diberikan kepada ilmu alam negeri-negeri Sabah dan Sarawak. Di samping itu fakta-fakta yang terkandung dalam buku-buku teks ilmu alam lebih mirip kepada lunas-lunas perkauman, sebagai contoh cara hidup sesuatu kaum biasanya dihubungkan dengan sesuatu jenis pekerjaan. Gambaran ini telah mula berubah kerana keadaan mengenai hal ini pun telah banyak berubah. Keadaan ini jika dibenarkan berlanjutan akan melambatkan proses ke arah perpaduan negara.

- 141.1 Untuk mempercepatkan proses ke arah perpaduan adalah diperakukan bahawa pendidikan ilmu alam hendaklah memberi tumpuan yang lebih kepada hal ehwal tempatan secara menyeluruh dan juga mempunyai objektif yang jelas, khasnya bertujuan untuk membolehkan murid-murid memahami latarbelakang alam sekeliling, fizikal dan sosial.

### 3.2.5 PENDIDIKAN ILMU HISAB DAN SAINS

#### Ilmu Hisab

142. Pendidikan ilmu hisab adalah penting di semua peringkat persekolahan. Semua murid adalah dikehendaki mempelajari matapelajaran ini mulai dari Darjah I hinggalah ke Tingkatan III. Mereka diwajibkan lulus matapelajaran ilmu hisab bagi mendapatkan sijil SRP/LCE. Ilmu Hisab Moden telah mula diajar di beberapa buah sekolah menengah rendah sejak tahun 1970 dan matapelajaran ini diajar di semua sekolah menengah di Tingkatan I pada tahun 1975. Menjelang tahun 1978 semua murid di peringkat menengah rendah mempelajari matapelajaran ini. Walau bagaimanapun ilmu hisab di peringkat sekolah rendah masih merupakan matapelajaran ilmu hisab tradisional. Sukatan pelajarannya masih berasaskan kepada sukatan pelajaran lama tetapi cara penyampaian matapelajaran ini banyak menggunakan kaedah-kaedah baru yang menitikberatkan fahaman dan kemahiran. Sementara itu, di peringkat menengah rendah pula, matapelajaran ini adalah dikenali sebagai Ilmu Hisab Moden kerana adanya penambahan beberapa tajuk baru dan juga penggunaan kaedah mengajar yang menekankan fahaman dan kemahiran.

143. Sungguhpun ilmu hisab moden disampaikan dengan menggunakan kaedah-kaedah baru tetapi masih terdapat sebahagian besar murid-murid terutama sekali di peringkat rendah, tidak mempunyai kemahiran mencongak dengan cepat dan cekap. Ini adalah kerana unsur-unsur latih-tubi dan penghafalan seperti yang diperaktikkan pada masa dahulu tidak lagi diutamakan. Adalah difikirkan bahawa kemampuan penaakulan dan memahami secara rasional tidak begitu penting di peringkat ini jika dibandingkan dengan kemahiran kira-mengira secara spontan. Kemahiran menaakul memangnya mustahak tetapi ianya boleh dicapai sesudah murid-murid cekap menguasai kemahiran kira-mengira cara spontan tadi.

144. Mutu pengajaran ilmu hisab yang diberikan kepada murid-murid luar bandar masih didapati kurang memuaskan.

Kebanyakan guru matapelajaran ilmu hisab adalah terdiri daripada mereka yang tidak terlatih dan kurang berpengalaman dalam pengajaran matapelajaran itu. Di sekolah menengah atas pula, guru-guru siswazah yang mengajar matapelajaran ini bukanlah semuanya guru siswazah yang khusus terlatih dalam pengajaran ilmu hisab.

144.1 untuk memperbaiki mutu pengajaran dan pembelajaran ilmu hisab di sekolah-sekolah khususnya di luar bandar, maka adalah diperakukan supaya langkah-langkah berikut diambil:-

- (a) Pendidikan ilmu hisab di peringkat rendah hendaklah bertujuan memberi kemahiran kira-mengira secara spontan yang kemudiannya diikuti dengan penguasaan terhadap kefahaman secara rasional. Di samping menggunakan pendekatan yang baru dalam pengajaran ilmu hisab, guru-guru hendaklah sama sekali jangan mengeneipikan cara tradisional.
- (b) Lebih ramai lagi guru terlatih dalam matapelajaran ilmu hisab hendaklah dihantar ke sekolah-sekolah rendah dan menengah rendah di luar bandar. Di samping itu, lebih ramai guru siswazah ilmu hisab hendaklah juga dihantar ke sekolah-sekolah menengah atas di luar bandar.
- (c) Guru-guru yang terlibat dalam pengajaran ilmu hisab hendaklah diberikan pendedahan ikhtisas yang cukup dan lebih intensif dalam pengajaran matapelajaran itu sama ada di peringkat pra dan/atau dalam perkhidmatan.
- (d) Kurikulum ilmu hisab moden yang baru dilaksanakan di negara ini hendaklah dikaji semula selepas satu jangka masa

yang ditentukan untuk menentukan kesesuaiannya dalam konteks negara ini.

## Sains

145. Pendidikan sains adalah penting di semua peringkat persekolahan rendah dan menengah.

146. Pada tahun 1969 satu sukatan pelajaran baru, iaitu sains paduan telah mula diperkenalkan di beberapa buah sekolah menengah rendah pada peringkat Tingkatan I sebagai satu program perintis. Penggunaan sukatan pelajaran ini telah diperluaskan ke sekolah-sekolah secara beransur-ansur, dan pada tahun 1975 sukatan pelajaran itu telah digunakan di Tingkatan I di semua sekolah menengah rendah.

147. Di peringkat menengah atas terdapat dua sukatan pelajaran yang berlainan untuk pendidikan sains yang terdiri dari sains am dan sains tulen. Sains am ialah untuk jurusan sastera dan sains tulen untuk jurusan sains. Sukatan pelajaran sains tulen yang baru yang dikenali sebagai sains moden telah mula diperkenalkan di beberapa buah sekolah pada tahun 1972. Murid-murid yang mengikuti pelajaran sains moden adalah mereka yang telah mendapat pendedahan dalam sains paduan di peringkat menengah rendah sejak tahun 1969. Pada tahun 1978 sekolah-sekolah yang selama ini menggunakan sukatan pelajaran sains tulen mula menggunakan sukatan pelajaran sains moden. Sains am juga telah mengalami perubahan dan sukatan pelajarannya yang baru adalah sekarang dikenali sebagai Sains Am Sukatan Pelajaran Malaysia. Sukatan Pelajaran ini mula diperkenalkan di sekolah-sekolah menengah atas akademik jurusan sastera pada tahun 1974 dan dijangka akan diajar di semua sekolah jenis ini menjelang tahun 1983.

148. Pada amnya isi kandungan sains paduan di Tingkatan I hingga III dan sains moden di Tingkatan IV dan V tidak banyak berbeza daripada sukatan pelajaran lama. Perbezaan yang terdapat ialah dari segi pendekatan dan kaedah mengajar kerana sains paduan dan sains moden kedua-duanya menitik-



beratkan fahaman dan proses penyampaian mengikut tertib maujud kepada yang mujarad atau senang kepada yang susah. Bahan-bahan pengajaran adalah disesuaikan dengan kebolehan murid dan dalam pengajaran hari-hari guru lebih menggunakan kerja-kerja amali.

149. Sukatan pelajaran sains paduan dan sains moden ini didapati sesuai digunakan di sekolah-sekolah di negara ini walaupun pelaksanaannya pada ketika ini menghadapi berbagai masalah. Pendekatan dan kaedah pengajaran baru yang digunakan bagi matapelajaran-matapelajaran ini memerlukan kemudahan-kemudahan fizikal seperti radas, bilik makmal dan lain-lain kerana penekanannya yang lebih terhadap kerja-kerja amali. Sungguhpun Kementerian Pelajaran telah berusaha sejak tahun 1969 untuk menyediakan kemudahan-kemudahan tersebut, tetapi kemudahan-kemudahan itu masih belum dapat dilengkapkan dengan sepenuhnya terutama di sekolah-sekolah luar bandar.

150. Untuk menjayakan pendidikan sains paduan dan sains moden, guru-guru yang dilatih khas untuk mengajar matapelajaran-matapelajaran tersebut sangat-sangat diperlukan. Sungguhpun telah ramai guru dilatih untuk mengajar matapelajaran-matapelajaran ini tetapi mutu pendidikan sains pada keseluruhannya belumlah dapat dikatakan memuaskan.

150.1 Untuk meningkatkan lagi mutu pengajaran dan pembelajaran matapelajaran-matapelajaran sains di sekolah-sekolah luar bandar, maka langkah-langkah berikut adalah diperakukan:-

- (a) Lebih ramai lagi guru sains terlatih hendaklah dihantar untuk berkhidmat di sekolah-sekolah menengah luar bandar.
- (b) Taraf latihan ikhtisas guru-guru sains ini hendaklah ditingkatkan lagi kerana sekiranya latihan yang dijalankan sekarang ini didapati belum lagi memadai.

- (c) Kemudahan-kemudahan yang cukup untuk kepentingan pendidikan sains hendaklah diberikan kepada semua sekolah menengah terutama sekolah-sekolah di luar bandar.
- (d) Untuk menjamin mutu pendidikan sains di sekolah-sekolah, suatu penilaian yang menyeluruh ke atas rancangan dan program sains paduan dan sains moden hendaklah diadakan pada suatu masa yang difikirkan sesuai.

### 3.2.6 KEBUDAYAAN DAN PENDIDIKAN MUZIK

151. Kebudayaan kebangsaan berteraskan kepada kebudayaan Melayu. Kebudayaan Melayu yang terdapat pada hari ini telah juga menerima pengaruh unsur-unsur kebudayaan kaum-kaum pendatang. Ini jelas kelihatan dalam beberapa tarian, nyanyian dan muzik Melayu pada hari ini. Di samping itu terdapat juga alat-alat muzik yang pada asalnya bukan kepunyaan orang Melayu yang kini sama-sama digunakan untuk memainkan muzik-muzik Melayu. Dengan ini terbukti bahawa apa yang dikatakan kebudayaan kebangsaan yang berteraskan kebudayaan Melayu, dengan disedari atau dengan tidak disedari telahpun mengandungi unsur-unsur berbagai kebudayaan rakyat negara ini.

152. Tujuan memperkenalkan muzik, lagu, dan tarian kepada murid-murid ialah untuk mendedahkan mereka kepada unsur-unsur kebudayaan kebangsaan di samping memupuk perasaan seni. Murid-murid di sekolah rendah diajar menyanyi lagu-lagu yang sesuai serta menarikan tarian yang mudah dalam kegiatan-kegiatan di luar bilik darjah. Pendidikan muzik juga boleh diikuti melalui siaran radio ke sekolah-sekolah.

153. Di sekolah menengah kegiatan-kegiatan muzik, lagu dan tarian adalah dijalankan sebagai kegiatan luar bilik darjah. Pelaksanaannya adalah mengikut kebijaksanaan guru-

guru yang berkenaan di sekolah itu. Di setengah-setengah sekolah ada juga ditubuhkan pasukan pancaragam, kompang, koir dan sebagainya.

154. Dalam sebuah negara yang mempunyai berbagai kaum maka sudah tentu terdapat berbagai corak kebudayaan. Seperti yang diterangkan di atas tadi, tiap-tiap corak kebudayaan ini telah sedikit sebanyak memberi sumbangan kepada pembentukan kebudayaan kebangsaan. Murid-murid sekolah didedahkan kepada unsur-unsur kebudayaan kebangsaan ini supaya mereka dapat mencintai kebudayaan kebangsaan dan berperasaan seni.

155. Kebanyakan sekolah didapati tidak mempunyai guru muzik, malah jika ada pun ramai yang tidak berkelayakan. Di samping itu kebanyakan sekolah tidak mempunyai alat-alat muzik. Di setengah-setengah sekolah pula murid-murid tidak mengikuti rancangan muzik melalui siaran radio. Selain daripada muzik, tarian-tarian kebangsaan juga tidak diberi perhatian yang sewajarnya, lebih-lebih lagi di sekolah-sekolah yang tidak mempunyai guru yang boleh mengajar tarian-tarian kebangsaan kepada murid-murid.

156. Menerusi kegiatan-kegiatan muzik, nyanyian dan tarian murid-murid daripada berbagai kaum dan lapisan masyarakat dapat bercampur gaul serta mengetahui asas-asas kebudayaan suku kaum lain di samping menghayati kebudayaan kebangsaan dan kebudayaan mereka sendiri. Pendedahan ini boleh mengalakkan perpaduan.

156.1 Memandangkan bahawa muzik, lagu dan tarian di sekolah boleh merapatkan hubungan murid-murid daripada berbagai kaum, dan seterusnya menjalinkan perpaduan maka adalah diperakukan:-

- (a) Unsur-unsur kebudayaan kebangsaan seperti yang terdapat dalam muzik, lagu, tarian dan lakunan hendaklah dipupuk dan digalakkan di sekolah dengan menjadikannya sebahagian daripada kegiatan

sekolah. Sebagai satu langkah ke arah pencapaian matlamat ini, maka sekolah-sekolah adalah digalakkan menubuhkan kelab seni tari atau seni muzik, seperti kelab angklung, seni lakon, pasukan pan-caragam dan koir.

- (b) Bahan-bahan alat bantu mengajar untuk matapelajaran muzik yang bermutu tinggi hendaklah dibekalkan ke sekolah. Selain daripada itu, alat-alat seperti radio transistor, alat rakaman (tape recorder) dan peti televisyen hendaklah dibekalkan ke sekolah supaya murid-murid dapat mengikuti pelajaran muzik, lagu dan tarian yang disiarkan melalui Rancangan Perkhidmatan Sebaran Pendidikan.
- (c) Siaran televisyen pendidikan hendaklah digunakan untuk memperkenalkan dan mengajar tarian kebangsaan.
- (d) Lebih ramai lagi calon guru yang berkecualan dalam bidang muzik hendaklah diambil untuk mengikuti kursus latihan perguruan.
- (e) Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan bersama-sama Kementerian Pelajaran hendaklah mengadakan Pesta Kebudayaan bagi murid-murid.

### 3.2.7 BAHASA MALAYSIA

157. Pendidikan Bahasa Malaysia bertujuan menyatukan rakyat berbilang kaum di negara ini. Sesuai dengan matlamat ini Bahasa Malaysia telah dijadikan satu matapelajaran wajib di semua peringkat dan jenis sekolah dan kelulusan dalam matapelajaran ini adalah dijadikan syarat utama untuk mendapatkan kelulusan dalam peperiksaan awam seperti SRP/LCE, SPM/MCE dan SPVM/MCVE.

158. Pada masa ini Bahasa Malaysia telah digunakan dengan meluasnya di sekolah, malah di luar sekolah pun ianya tidak kurang penting sebagai bahasa perantaraan berbagai kaum di negara ini. Dengan itu Bahasa Malaysia memainkan peranan sebagai alat untuk menyatupadukan rakyat dalam proses untuk mencapai perpaduan negara yang dicita-citakan. Akan tetapi isi kandungan sukatan pelajaran serta pengajaran dan pembelajaran Bahasa Malaysia di sekolah bagi mencapai matlamat perpaduan kurang diperincikan. Demikian juga objektif yang bertujuan untuk menguasai kemahiran bahasa tersebut sebagai bahasa ilmu pengetahuan dan kefasihan untuk perhubungan di dalam konteks menjadikan Bahasa Malaysia sebagai Lingua Franca kurang dititikberatkan. Dalam konteks negara Malaysia masa kini dan sesuai dengan taraf Bahasa Malaysia sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi utama, adalah wajar dan munasabah Bahasa Malaysia dijadikan sebagai bahasa ilmu pengetahuan, bahasa Lingua Franca bagi keseluruhan rakyat negara ini dan bahasa perpaduan. Oleh itu pengajaran Bahasa Malaysia di sekolah perlulah berlandaskan objektif-objektif yang berkaitan dengan peranan tersebut tadi.

159. Taraf pencapaian murid dalam Bahasa Malaysia mempunyai pertalian yang rapat dengan mutu pengajaran dan pembelajarannya di sekolah. Setakat ini pada amnya taraf pencapaian, mutu pengajaran dan pembelajaran dalam matapelajaran ini adalah memuaskan tetapi keadaan ini boleh diperbaiki lagi, terutama sekali di SRJK (Cina) dan SRJK (Tamil). Pengajaran Bahasa Malaysia tidak keseluruhannya dikendalikan oleh guru-guru yang telah dilatih khas untuk mengajar matapelajaran ini.

160. Kementerian Pelajaran telah menjalankan kursus dalam perkhidmatan yang intensif bagi Bahasa Malaysia untuk guru-guru terlatih yang lemah dalam bahasa itu dengan tujuan untuk membolehkan mereka menggunakan Bahasa Malaysia sebagai bahasa pengantar di sekolah-sekolah. Sungguhpun kursus itu telah dijalankan sejak tahun 1970, tetapi hingga sekarang Kementerian Pelajaran belum lagi menjalankan suatu penilaian untuk menentukan sama ada

untuk g. dlm. mengikut kursus itu sebagai mnggr  
atau b. ke atas sebagai knggr.

mereka yang telah mengikuti kursus itu cekap mengajar dalam Bahasa Malaysia atau sebaliknya.

160.1 Untuk memastikan Bahasa Malaysia akan terus memainkan peranan yang penting di sekolah dan seterusnya digunakan dengan lebih meluas dalam masyarakat, dan untuk meninggikan lagi mutu pengajaran bahasa ini maka tindakan-tindakan berikut adalah diperakukan:-

- (a) Matlamat pendidikan Bahasa Malaysia sebagai bahasa ilmu pengetahuan, bahasa perhubungan utama dan bahasa paduan hendaklah dijelaskan secara lebih terperinci supaya guru-guru mendapat panduan yang tegas dan tepat dalam pengajaran mereka sehari-hari.
- (b) Guru-guru yang mengajar matapelajaran ini di semua peringkat persekolahan hendaklah diberi latihan khas. Ini termasuklah guru-guru siswazah dalam bidang Pengajian Melayu kerana mereka biasanya disalah-anggapkan sebagai telah mendapat latihan ikhtisas yang cukup sebagai guru-guru bahasa.
- (c) Kursus Bahasa Malaysia untuk guru-guru dalam perkhidmatan hendaklah dikaji semula dan satu penilaian kecekapan mereka yang telah menerima kursus Bahasa Malaysia di bawah rancangan kursus dalam perkhidmatan hendaklah dijalankan secepat mungkin.

### 3.2.8 BAHASA-BAHASA LAIN

#### Bahasa Inggeris

161. Sebelum merdeka bahasa Inggeris digunakan sebagai

bahasa pengantar di semua peringkat persekolahan aliran Inggeris, di samping ianya menjadi bahasa perantaraan bagi golongan-golongan menengah dan atasan. Keadaan ini telah berubah sejak merdeka kerana Bahasa Malaysia secara berperingkat-peringkat telah dijadikan bahasa pengantar utama di semua jenis sekolah dengan tujuan menjadikannya sebagai alat untuk menyatupadukan rakyat. Walau bagaimanapun bahasa Inggeris masih diajar di semua peringkat persekolahan memandangkan pentingnya bahasa itu khasnya dalam bidang pengetahuan. Sekarang Bahasa Inggeris diajar sebagai bahasa kedua di semua sekolah kebangsaan, sekolah-sekolah pengantar bahasa Cina dan pengantar bahasa Tamil. Oleh itu peranannya sekarang adalah berbeza daripada peranannya pada masa dahulu. Sungguhpun begitu pada tahun 1978 bahasa Inggeris masih lagi menjadi bahasa pengantar di Tingkatan V hingga ke Tingkatan VI, di sekolah-sekolah menengah yang belum lagi diliputi sepenuhnya oleh rancangan alihbahasa.

162. Objektif pelajaran bahasa Inggeris, sesuai dengan tarafnya sebagai bahasa kedua, ialah untuk memberi kemahiran dan pengetahuan asas bagi dua tujuan tertentu, pertama untuk membolehkan murid-murid menggunakan bahasa Inggeris kelak dalam kerja-kerja dan kegiatan-kegiatan tertentu dan kedua, bagi kumpulan yang kecil, untuk membolehkan mereka menambah kemahiran dan pengetahuan dalam bahasa itu supaya dapat mereka menggunakannya untuk keperluan-keperluan tertentu di peringkat pendidikan tinggi.

163. Pada masa ini bahasa Inggeris menjadi matapelajaran wajib di sekolah dan wajib diambil dalam semua peperiksaan awam, meskipun calon-calon tidaklah dimestikan lulus dalam matapelajaran ini. Sukatan pelajaran bahasa Inggeris yang baru telahpun dibentuk untuk memenuhi objektif pengajaran bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua dari peringkat Kelas Peralihan hingga ke peringkat menengah atas.

164. Bahasa Inggeris merupakan salah satu bahasa antarabangsa dan juga bahasa yang penting dalam bidang pengetahuan terutama sekali dalam bidang sains dan teknologi.

Memandangkan bahawa negara kita mendukung cita-cita membina satu masyarakat progresif yang berasaskan sains dan teknologi moden, maka sudah sewajarnya bahasa Inggeris dijadikan alat untuk mencapai cita-cita itu. Oleh hal yang demikian bahasa Inggeris diletakkan di tempat yang penting sesuai dengan tarafnya sebagai bahasa kedua bukan sahaja di sekolah bahkan juga dalam masyarakat umum.

165. Mutu pengajaran dan pembelajaran bahasa Inggeris di sekolah terutama sekali di sekolah kebangsaan didapati kurang memuaskan. Setengah daripada murid-murid tidak tahu membaca dan menulis dalam bahasa Inggeris walaupun dalam bentuk yang mudah. Peratus kelulusan bagi matapelajaran ini dalam peperiksaan-peperiksaan awam bagi sekolah kebangsaan amatlah rendah.

166. Kebanyakan guru-guru yang mengajar bahasa Inggeris di sekolah kebangsaan dan jenis kebangsaan adalah terdiri daripada guru-guru yang tidak berkelayakan dan berpengalaman mengajar dalam bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua. Guru-guru yang dilatih khas untuk mengajar bahasa itu adalah kecil sekali bilangannya. Di samping itu kemudahan-kemudahan seperti bahan-bahan bantu mengajar didapati tidak mencukupi.

167. Murid-murid di Sekolah Kebangsaan dan di Sekolah Rendah Kebangsaan mulai belajar bahasa Inggeris dalam Darjah I dengan peruntukan masa sebanyak 300 minit seminggu. Pengajaran bahasa Inggeris di Darjah I ini didapati agak formal. Sepatutnya pengajaran bahasa Inggeris di peringkat ini hendaklah ditumpukan kepada kegiatan-kegiatan yang memperkenalkan bunyi-bunyi bahasa dan perbendaharaan kata yang mudah-mudah.

167.1 Oleh kerana bahasa Inggeris merupakan bahasa antarabangsa dan penting dalam bidang ilmu pengetahuan, perhubungan dan perdagangan, maka adalah diperakukan:-

- (a) Bahasa Inggeris hendaklah diajar sebagai bahasa kedua, sesuai dengan ob-



jektif pengajaran bahasa itu sebagai bahasa kedua dan selaras dengan peranan yang akan dimainkannya seperti yang dijelaskan dalam perenggan 161 dan 162.

- (b) Peringkat bagi bahasa Inggeris mula diajarkan di sekolah-sekolah rendah adalah seperti yang berjalan sekarang. Pengajarannya di peringkat Darjah I hingga Darjah III hendaklah ditumpukan kepada perkara-perkara asas seperti kegiatan-kegiatan lisan terutama sekali dalam pengenalan bunyi-bunyi bahasa, nama benda-benda yang biasa dilihat dan perbendaharaan kata yang mudah.
- (c) Kementerian Pelajaran hendaklah menubuhkan pusat-pusat sumber bahasa Inggeris di peringkat negeri untuk memastikan supaya sekolah dibekalkan dengan bahan-bahan mengajar yang cukup dan untuk menjamin guru didedahkan kepada cara mengajar bahasa Inggeris yang paling berkesan. Pusat-pusat ini hendaklah dilengkapi dengan bahan-bantu mengajar, perpustakaan, unit membuat persediaan dan pengedaran bahan-bantu mengajar. Ia juga patutlah dipertanggungjawabkan dengan tugas membuat penilaian terhadap pengajaran dan pembelajaran bahasa tersebut. Pusat-pusat ini hendaklah dikelolakan oleh kakitangan yang terlatih.
- (d) Guru-guru terlatih yang mempunyai keayakan mengajar bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua hendaklah dihantar ke sekolah-sekolah di kawasan luar bandar untuk memberi peluang kepada murid-murid di luar bandar menerima pelajaran bahasa Inggeris dengan lebih sempurna.

## Bahasa Cina

168. Bahasa Cina menjadi bahasa pengantar di SRJK (Cina). Di peringkat menengah dan juga peringkat rendah yang bukan SRJK (Cina), bahasa ini diajar kepada murid-murid sekiranya terdapat 15 orang ibubapa murid atau lebih memohon supaya bahasa itu diajarkan. Pada hari ini peruntukan untuk belajar bahasa Cina tidak dapat dilayani dengan sepenuhnya kerana kekurangan guru.

168.1 Sesuai dengan peruntukan dalam Akta Pelajaran 1961, maka pengajaran bahasa Cina hendaklah diikhtiarkan dan guru-guru baginya disediakan.

169. Sungguhpun bahasa Cina itu biasanya diajarkan kepada murid-murid Cina adalah dipercayai murid-murid lain juga ada yang berminat untuk mempelajarinya.

169.1 Dengan itu adalah diperakukan supaya murid-murid lain bukan dari keturunan Cina hendaklah diberi peluang belajar bahasa Cina di sekolah sekiranya ada permohonan daripada mereka dan sekiranya ada kemudahan untuk mempelajari bahasa itu di sekolah berkenaan.

## Bahasa Tamil

170. Bahasa Tamil menjadi bahasa pengantar di SRJK (Tamil). Bahasa ini diajar sebagai satu matapelajaran di SRK, di SRJK (Cina), SMK dan SMJK (Inggeris) sekiranya didapati ada permohonan daripada 15 orang ibubapa murid atau lebih meminta supaya bahasa itu diajarkan.

171. Adalah juga didapati bahawa ada murid-murid lain daripada keturunan India yang berminat mempelajari bahasa Tamil sungguhpun bahasa itu lazimnya diajarkan kepada murid-murid India sahaja.

- 171.1 Dengan itu adalah diperakukan supaya murid-murid lain bukan dari keturunan India hendaklah diberi peluang belajar bahasa Tamil sekiranya mereka memohon dan ada kemudahan untuk memperelajari bahasa itu di sekolah berkenaan.

### 3.2.9 KEGIATAN KO-KURIKULUM

172. Kegiatan ko-kurikulum adalah penting di semua peringkat persekolahan. Kegiatan ko-kurikulum di sekolah adalah dibahagikan kepada tiga kumpulan iaitu pasukan pakaian seragam, kelab atau persatuan dan sukan. Semua murid sekolah diwajibkan sekurang-kurangnya mengambil bahagian dalam sebuah kelab atau persatuan dan juga digalakkan mengambil sekurang-kurangnya satu jenis permainan/sukan.

173. Kegiatan ko-kurikulum yang dijalankan di luar bilik darjah adalah penting untuk menyemai, memupuk dan menanam perasaan kekitaan ataupun *esprit de corps* di antara murid-murid berbagai keturunan yang mempunyai latarbelakang dan cara hidup yang berlainan. Ia juga bertujuan melatih murid-murid supaya bersikap bertanggungjawab. Kegiatan ini juga boleh melatih mereka berdisiplin, berdikari dan berkemahiran dalam sesuatu lapangan yang mereka sertai.

174. Adalah didapati kebanyakan kegiatan ko-kurikulum kurang dijalankan di sekolah-sekolah kecil terutama di sekolah-sekolah luar bandar. Ini adalah disebabkan oleh beberapa faktor di antaranya termasuklah kekurangan kemudahan, kewangan dan galakan daripada sekolah itu sendiri. Sebaliknya pula kegiatan ko-kurikulum dapat dijalankan dengan giatnya di sekolah-sekolah dalam bandar kerana sekolah-sekolah ini mempunyai persekitaran sosial dan fizikal yang menggalakkan. Keadaan yang tidak seimbang yang terdapat di sekolah-sekolah kecil di luar bandar ini menghalang perkembangan murid-murid dalam serba kegiatan.

175. Kegiatan-kegiatan ko-kurikulum di sekolah dapat dijayakan dengan sepenuhnya sekiranya guru-guru yang mengendalikan kegiatan-kegiatan itu mengetahui akan tugas mereka serta menjalankan tugas itu dengan penuh minat, jujur dan dedikasi. Guru-guru yang berkenaan hendaklah sentiasa sedar akan objektif-objektif yang hendak dicapai menerusi kegiatan-kegiatan ko-kurikulum. Pada masa kini sebab utama guru-guru kurang berminat mengendalikan kegiatan ko-kurikulum ini ialah kerana khidmat mereka dalam bidang ini pada amnya tidak diberi pengiktirafan.

175.1 Semua murid hendaklah digalakkan supaya mengambil bahagian secara lebih aktif dalam kegiatan ko-kurikulum. Guru-guru hendaklah didedahkan kepada pendekatan yang menarik dalam pengendalian kegiatan-kegiatan ko-kurikulum apabila mereka menjalani kursus latihan perguruan. Guru-guru yang telah banyak berjasa dalam kegiatan-kegiatan ko-kurikulum hendaklah diberi pengiktirafan yang sewajarnya.

### Pasukan Pakaian Seragam

176. Semua murid sekolah adalah digalakkan mengambil bahagian sekurang-kurangnya dalam satu pasukan pakaian seragam. Pasukan-pasukan yang terdapat di sekolah pada hari ini adalah seperti berikut:

- (a) Pasukan Anak Serigala, Pasukan Pengakap, Pasukan Brownie dan Pasukan Pandu Puteri.
- (b) Pasukan pertolongan kecemasan, seperti Pasukan St. John dan Pasukan Bulan Sabit Merah.
- (c) Pasukan Kadet Tentera dan Kadet Polis.

177. Di antara pasukan-pasukan pakaian seragam yang terdapat di sekolah, Pasukan Anak Serigala, Pasukan Pengakap,

Pasukan Brownie dan Pasukan Pandu Puterilah yang paling ramai sekali bilangan keanggotaannya. Hampir semua sekolah ada menubuhkan pasukan-pasukan tersebut. Di setengah-setengah sekolah, pasukan-pasukan ini bergerak dengan giatnya dan di setengah-setengah sekolah yang lain pula, pergerakan pasukan-pasukan ini sangatlah lembab akibat dari kepimpinan yang kurang berkesan. Ada guru-guru pengakap dan pandu puteri yang tidak mengambil berat tentang pergerakan ini. Ini menyebabkan ramai murid berasa kecewa dan akhirnya mereka meninggalkan pergerakan itu. Ada juga guru-guru yang tidak memahami objektif dan cara-cara mengendalikan kegiatan-kegiatan pasukan tersebut.

178. Kegiatan Pasukan Kadet Tentera dan Pasukan Kadet Polis adalah baik dan sesuai untuk menyemai sikap bertanggungjawab, berdisiplin, berdikari dan kecekalan hati di kalangan murid-murid sekolah. Pada masa ini kegiatan pasukan-pasukan kadet adalah terbatas kepada sekolah besar dan yang terkenal sahaja yang kesemuanya terletak di kawasan bandar.

178.1 Untuk meninggikan lagi mutu kegiatan pasukan pakaian seragam di sekolah-sekolah, maka adalah diperakukan supaya guru-guru yang memimpin pasukan tersebut hendaklah terdiri daripada mereka yang telah menerima latihan kepimpinan dan pengendalian dalam pergerakan-pergerakan tersebut.

178.2 Memandangkan latihan Pasukan Kadet Tentera dan Pasukan Kadet Polis adalah sangat berfaedah untuk menyemai disiplin dan semangat berdikari, maka adalah diperakukan supaya pasukan-pasukan tersebut hendaklah diperluaskan ke seberapa banyak sekolah yang boleh.

#### **Kelab/Persatuan**

179. Kelab/Persatuan di sekolah boleh dibahagikan kepada dua kategori, iaitu:-

(a) Kelab/Persatuan yang berasaskan sesuatu

matapelajaran dan bertujuan untuk menambahkan minat dan kemahiran murid-murid dalam matapelajaran itu. Persatuan-persatuan dalam kategori ini adalah Persatuan Bahasa Malaysia, Persatuan Sains, Persatuan Ilmu Hisab, Persatuan Sejarah dan sebagainya.

- (b) Persatuan/kelab hobi yang bertujuan untuk menarik minat dan memberi ilmu pengetahuan dalam sesuatu bidang atau hobi yang tertentu. Persatuan-persatuan ataupun kelab-kelab dalam kumpulan ini ialah Persatuan Senifoto, Seni Mempertahankan Diri, Drama dan sebagainya.

180. Matlamat penubuhan sesebuah persatuan/kelab di sekolah adalah baik kerana ianya menggalakkan murid-murid berkenalan sesama sendiri, memberi perkhidmatan kepada masyarakat dan juga dari segi membolehkan murid-murid mencapai kemahiran di dalam sesuatu lapangan atau hobi. Di setengah-setengah sekolah usaha kurang dijalankan untuk merapatkan hubungan dan mengukuhkan perpaduan di kalangan murid-murid daripada berbagai keturunan dan lapisan masyarakat. Ini dapat dilihat dengan adanya murid-murid daripada sesuatu kaum ataupun lapisan masyarakat yang tertentu sahaja menceburkan diri dalam sesebuah persatuan/kelab di sekolah.

181. Penubuhan sesebuah persatuan atau kelab di setengah-setengah sekolah tidak menimbangkan faedah yang boleh didapati daripada kegiatan-kegiatan persatuan/kelab itu mengikut keadaan persekitaran tempatan. Ini telah mengakibatkan kegiatan-kegiatan sesebuah persatuan/kelab itu tidak dapat dilaksanakan dengan jayanya.

182. Untuk menggalakkan murid berminat dalam kegiatan-kegiatan persatuan-persatuan bahasa dan sastera maka sekolah-sekolah banyak menubuhkan persatuan-persatuan bahasa seperti Persatuan Bahasa Malaysia, Persatuan Bahasa Inggeris, Persatuan Bahasa Cina, Persatuan Bahasa Tamil

dan sebagainya. Kegiatan-kegiatan yang biasa dijalankan oleh persatuan-persatuan ini ialah mengadakan pertandingan syarahan, berpantun, berbahas dan sebagainya. Di kebanyakan sekolah sebahagian besar daripada ahli-ahli persatuan-persatuan ini adalah terdiri daripada murid-murid daripada kaum yang menggunakan bahasa itu sahaja. Keadaan ini tidak banyak memberi penggalakan ke arah pembentukan perpaduan di kalangan murid-murid.

182.1 Untuk menjamin supaya persatuan-persatuan atau kelab-kelab di sekolah-sekolah dapat memainkan peranan dalam pembentukan perpaduan di kalangan murid-murid, adalah diperakukan bahawa:-

- (a) Sekolah-sekolah digalakkan menubuhkan persatuan/kelab yang boleh mendaftarkan faedah kepada murid-murid. Pemilihan persatuan/kelab yang hendak ditubuhkan itu hendaklah berasaskan kepada kemudahan yang ada dan kesesuaiannya dengan suasana dan persekitaran serta keperluan tempatan.
- (b) Persatuan bahasa seperti Persatuan Bahasa Malaysia, Persatuan Bahasa Inggeris, Persatuan Bahasa Cina, Persatuan Bahasa Tamil dan sebagainya, hendaklah ditubuhkan dengan tujuan untuk menyemai, memupuk dan menanam minat murid-murid dan meningkatkan kemajuan mereka dalam penggunaan sesuatu bahasa itu. Murid-murid dari berbagai kaum hendaklah juga digalakkan menyertai persatuan bahasa selain daripada persatuan bahasa ibunda mereka sendiri.

### Sukan dan Pendidikan Jasmani

183. Sukan adalah dimestikan di semua sekolah. Kegiatan sukan di sekolah adalah meliputi permainan-permainan yang

populer umpamanya bola sepak, bulu tangkis, bola jaring, hoki, ragbi, bola keranjang dan sebagainya. Pertandingan olahraga tahunan juga diadakan oleh sekolah-sekolah.

184. Melalui Majlis Sukan Sekolah-Sekolah di peringkat daerah, negeri dan kebangsaan, pertandingan sukan di antara sekolah-sekolah dan juga negeri-negeri ada dijalankan.

185. Sukan adalah merupakan satu saluran yang berkesan untuk menanamkan semangat kesukanan, memupuk persefahaman serta perpaduan di kalangan murid-murid di negara ini. Kementerian Pelajaran sendiri telah mengeluarkan arahan kepada sekolah-sekolah supaya memajukan sukan dan juga menggalakkan penyertaan murid dari semua kaum dan lapisan. Namun demikian masih lagi terdapat keadaan di mana sesuatu jenis sukan itu hanya digemari dan disertai oleh murid-murid dari sesuatu kaum yang tertentu sahaja.

186. Satu gejala yang kurang diingini yang berlaku di kebanyakan sekolah ialah tidak semua murid mengambil bahagian dalam kegiatan sukan. Sukan adalah penting untuk kesihatan dan perkembangan jasmani, rohani dan kesihatan mental murid-murid. Pendidikan jasmani yang diadakan di sekolah adalah tidak mencukupi untuk memberikan gerakerja tubuh badan kepada murid-murid. Pada hari ini juga didapati sekolah-sekolah kurang mengadakan kegiatan-kegiatan sukan yang boleh melibatkan penyertaan oleh ramai murid seperti lumba jalan kaki, merentas desa dan sebagainya.

187. Senaman juga merupakan salah satu daripada kegiatan-kegiatan sukan. Senaman beramai-ramai (mass drill) hendaklah dijadikan satu amalan yang boleh melibatkan penyertaan semua murid. Oleh itu senaman beramai-ramai ini hendaklah dijadikan sebahagian daripada kegiatan-kegiatan pendidikan jasmani di sekolah-sekolah. Salah satu langkah lagi untuk melibatkan murid yang ramai ialah melalui pertandingan senaman berpasukan di antara pasukan-pasukan sekolah. Sementara itu murid-murid yang berbakat dalam sebarang bidang sukan boleh pula diasingkan untuk diberi penumpuan mengajar kemahiran-kemahiran sukan secara khusus atau di peringkat yang lebih tinggi.



187.1 Untuk memastikan supaya kegiatan sukan dan olahraga dapat mencapai matlamat yang ditentukan adalah diperakukan:-

- (a) Sekolah-sekolah hendaklah mengadakan senaman beramai-ramai yang melibatkan penyertaan semua murid. Pertandingan senaman beramai-ramai di antara pasukan-pasukan di sesebuah sekolah dan di antara sekolah-sekolah hendaklah dijalankan.
- (b) Permainan-permainan di sekolah seberapa yang boleh hendaklah melibatkan penyertaan murid yang ramai seperti dalam perlumbaan merentas desa, jalan kaki dan sebagainya. Di samping itu mereka yang hendak diberikan latihan atau kemahiran peringkat tinggi hendaklah dilayani juga.
- (c) Kegiatan sukan dan olahraga di peringkat sekolah, daerah, negeri, dan kebangsaan hendaklah terus dipergiatkan supaya matlamat perpaduan antara murid-murid berbilang kaum dan lapisan masyarakat dapat dicapai.

### 3.3 KURIKULUM DAN TENAGA RAKYAT

#### 3.3.1 PENDAHULUAN

188. Hubungan kurikulum sekolah dengan penghasilan tenaga rakyat adalah berkait rapat dengan kemampuan kurikulum itu membekalkan kebolehan-kebolehan, kemahiran-kemahiran dan sifat-sifat peribadi yang lain, mengikut kesesuaiannya pada peringkat-peringkat pendidikan dalam sistem persekolahan, kepada setiap murid iaitu individu yang bakal menjadi sebahagian daripada tenaga rakyat negara.

189. Di peringkat sekolah rendah kurikulum berdasarkan kepada pendidikan umum. Di peringkat menengah rendah murid-murid dikenalkan pula kepada pendidikan aneka jurusan yang mengandungi pelajaran teras dan pelajaran pilihan (Seni Perusahaan atau Sains Pertanian, atau Perdagangan atau Sains rumahtangga). Di peringkat menengah atas pula murid-murid mengikuti sesuatu jurusan pendidikan tertentu iaitu sama ada jurusan sains, jurusan sastera, jurusan teknik atau jurusan vokasional.

### 3.3.2 PERINGKAT RENDAH

190. Kurikulum bagi peringkat rendah yang dilaksanakan sekarang bertujuan untuk memberi pendidikan umum dan kurikulum itu boleh dibahagikan kepada empat aspek seperti berikut:-

- (a) Kebolehan asas dalam aspek-aspek komunikasi (Bidang Bahasa dan bidang Ilmu Hisab)

Lebih kurang 50.7% daripada jumlah peruntukan masa dalam seminggu adalah untuk mempelajari kemahiran-kemahiran komunikasi dalam bidang bahasa dan ilmu hisab. Kemahiran-kemahiran ini adalah penting untuk membantu murid-murid menguasai pelajaran-pelajaran mereka dengan lebih mudah dan berkesan. Bahasa-bahasa yang diajar ialah Bahasa Malaysia dan bahasa Inggeris di semua aliran sekolah. Bahasa Cina diajar-di SRJK (Cina) dan bahasa Tamil di SRJK (Tamil), di mana bahasa-bahasa tersebut merupakan bahasa pengantar dan di SK, SRK dan SMK di mana bahasa-bahasa itu diajar sebagai bahasa ibunda.

- (b) Kebolehan memahami alam sekitar

Lebih kurang 21.3% daripada jumlah peruntukan masa dalam seminggu diberikan kepada murid-murid untuk mengetahui dan memahami alam sekitarnya. Matapelajaran yang termasuk

dalam kumpulan ini ialah Pengajian Hal Ehwal Tempatan (Darjah I hingga Darjah III), Sivik, Ilmu Alam dan Tawarikh (Darjah IV hingga Darjah VI), dan sains.

(c) **Perkembangan jasmani dan seni**

Lebih kurang 20% daripada jumlah peruntukan masa dalam seminggu diberi kepada kumpulan matapelajaran ini yang terdiri daripada matapelajaran-matapelajaran pendidikan jasmani dan kesihatan, lukisan dan seni pertukangan tangan dan kegiatan-kegiatan ko-kurikulum.

(d) **Pertumbuhan nilai-nilai Ugama Islam**

Lebih kurang 8% daripada jumlah peruntukan masa dalam seminggu ditumpukan kepada pendidikan Ugama Islam bagi murid-murid Islam dan murid-murid lain yang berminat.

191. Kurikulum sekolah rendah yang terdapat pada masa ini pada keseluruhannya dirancang berasaskan isi kandungan matapelajaran dan tidak sangat menitikberatkan perkembangan bakat kanak-kanak. Sepatutnya pendidikan di sekolah rendah menitikberatkan kemahiran-kemahiran asas iaitu membaca, menulis dan mengira. Di samping itu pendidikan di peringkat rendah hendaklah bertujuan untuk mencapai perkembangan individu yang menyeluruh dengan memberi pendidikan permulaan dalam bidang jasmani dan kesihatan, perhubungan kuantitatif dan perkembangan estatika, alam sekitar sosial dan fizikal, perkembangan sosial dan emosi, dan membina sikap dan nilai-nilai etika.

192. Di peringkat rendah ini pembelajaran haruslah diorientasikan kepada mempelajari dan mengingat fakta-fakta pelajaran, dan di samping itu murid-murid diperkenalkan kepada cara-cara belajar yang akan membolehkan mereka bertaakul kemudiannya. Ini adalah untuk menjamin supaya murid-murid yang telah tamat enam tahun pendidikan rendah dapat menguasai kemahiran-kemahiran asas dan membina asas kepada keupayaan dan proses penaakulan.

193. Isi kandungan kurikulum sekolah rendah kini terlalu padat bagi kanak-kanak yang berumur di antara enam hingga dua belas tahun. Setengah-setengah murid tidak dapat mengikutinya dan akibatnya sedikit sahaja kemahiran yang dapat dikuasai oleh mereka.

194. Di samping keadaannya yang padat, didapati peruntukan masa kurikulum itu juga terlalu ketat yang menjadikannya sukar hendak dilaksanakan mengikut keperluan murid-murid yang sudah semestinya mempunyai kebolehan yang berbeza-beza, ada yang cerdas dan ada pula yang lemah. Kurikulum itu digubal berasaskan kemampuan murid-murid yang sederhana kebolehannya, oleh itu kurikulum sekarang tidak mencabar murid-murid yang pandai dan terlalu tinggi pula bagi mereka yang lemah. Kurikulum itu juga digubal secara terpisah mengikut pembahagian matapelajaran dan terdapat sedikit sangat integrasi di antara matapelajaran-matapelajaran yang terkandung di dalamnya. Akibatnya wujud pembelajaran secara berasingan dan kurang bermakna kepada murid-murid.

195. Kurikulum yang terdapat pada masa ini juga digubalkan tanpa mengambil pertimbangan perkara-perkara yang berkaitan dengan suasana dan alam sekitar murid-murid. Banyak perkara yang terkandung dalam kurikulum adalah asing dan kurang bermakna kepada mereka dan ini menyukarkan mereka memahaminya. Dalam pembelajaran, murid-murid lebih cepat memahami sesuatu sekiranya bahan-bahan itu ada di dalam pengalaman mereka, misalnya perkara-perkara dan bahan-bahan yang terdapat ataupun yang berlaku dalam lingkungan alam pengalaman mereka sendiri.

196. Selain daripada kelemahan dalam kurikulum didapati juga kelemahan-kelemahan dalam beberapa aspek lain yang ada hubungannya dengan pengajaran dan pembelajaran yang baik. Kelemahan-kelemahan ini terdapat dalam mutu latihan perguruan, penempatan guru-guru terlatih, penyeliaan guru dan penggunaan alat-alat bantu mengajar. Di samping itu pelan dan rekabentuk sekolah juga didapati kurang menggalakkan bagi mewujudkan suatu suasana pengajaran dan pembelajaran yang unggul.

- 196.1 Adalah diperakukan bahawa kurikulum sekolah rendah hendaklah dikaji semula supaya pendidikan yang diberi berkemampuan untuk memenuhi kehendak pendidikan bagi perkembangan individu yang menyeluruh yang merangkumi aspek-aspek pendidikan asas (membaca, menulis dan mengira) dan perkembangan bakat kanak-kanak.
- 196.2 Cara-cara mengajar yang sesuai dengan pendekatan pendidikan yang baru hendaklah digunakan di dalam dan di luar bilik darjah supaya murid-murid mampu mengingat pelajaran mereka serta boleh juga menaakul.
- 196.3 Untuk mencapai matlamat pendidikan bagi perkembangan individu yang menyeluruh maka perubahan-perubahan dalam kurikulum yang disarankan di bawah ini hendaklah dilakukan:-
- (a) Kurikulum sekolah rendah itu hendaklah dirancang untuk membolehkan murid-murid mencapai kemahiran dalam tiga bidang asas, iaitu bidang komunikasi, bidang manusia dengan alam kelilingnya dan bidang perkembangan diri individu sesuai dengan keperluan, minat, bakat dan kemampuan mental serta kesediaan murid-murid itu.
  - (b) Kurikulum yang ada sekarang ini hendaklah disusun semula supaya dapat diubahsuaikan bagi membolehkan bukan sahaja untuk memenuhi keperluan murid-murid yang lemah mencapai kemahiran-kemahiran asas bahkan juga membolehkan murid-murid yang cerdas terus maju.
  - (c) Selaras dengan perubahan-perubahan yang dicadangkan berhubung dengan

kurikulum tadi, maka satu kajian semula hendaklah dilakukan untuk menentukan cara penyediaan guru-guru dan jenis perkhidmatan yang perlu diadakan di sekolah-sekolah rendah.

- (d) Pelan dan rekabentuk sekolah hendaklah dikaji semula sesuai dengan kehendak-kehendak pendekatan moden dalam pengajaran dan pembelajaran. Di samping itu perabot yang sesuai hendaklah diadakan.

### 3.3.3. PERINGKAT MENENGAH RENDAH

197. Kurikulum pendidikan di peringkat menengah rendah sekarang ialah bertujuan untuk memberi pendidikan umum di samping menyediakan peluang kepada murid-murid mempelajari satu matapelajaran elektif yang bercorak pra vokasional, berasaskan pilihan mereka sendiri.

198. Pembahagian isi kandungan kurikulum itu dan peratusan peruntukan masa sesuatu kumpulan matapelajaran itu adalah seperti berikut:-

	Kumpulan	Matapelajaran/Kegiatan	Peratus
(i)	Bahasa	Bahasa Malaysia Bahasa Inggeris	27%
(ii)	Ugama/Bahasa Ibunda	Ugama Islam	7%
(iii)	Pengajian Sivik	Sivik	2%
(iv)	Sains dan Teknologi	Sains Am Ilmu Hisab	22%
(v)	Kajian Kemasyarakatan	Sejarah Ilmu Alam	7%
(iv)	Penghidupan Sihat	Pendidikan Jasmani	12%

		Kesihatan Seni Pertukangan Tangan	
(vii)	Pra-Vokasional	Seni Perusahaan, Sains Rumahtangga, Perdagangan atau Sains Pertanian (Murid-murid memilih salah satu daripada matapelajaran-matapela- jaran yang ditawarkan).	9%
(viii)	Matapelajaran pilihan mengikut kebijaksanaan guru besar	Muzik Bahasa Asing Pengetahuan Ugama dan sebagainya	4%
(ix)	Kegiatan Ko-Kurikulum	Sukan/Olahraga Persatuan/Kelab Pasukan Pakaian Seragam dan sebagainya.	10%

199. Di akhir Tingkatan III, murid-murid mengambil Peperiksaan Sijil Rendah Pelajaran (SRP), ataupun Lower Certificate of Education (LCE) yang diadakan bagi maksud pensijilan dan pemilihan ke peringkat menengah atas.

200. Kurikulum di peringkat menengah rendah yang terdapat pada masa ini tidak merupakan lanjutan daripada kurikulum sekolah rendah bahkan terpisah daripadanya sama sekali. Didapati juga kurikulum itu terlalu akademik. Di dalam kumpulan matapelajaran-matapelajaran elektif, orientasinya lebih menekankan aspek-aspek teori daripada aspek-aspek amali sama seperti dalam pelajaran akademik. Kurikulum di peringkat ini patut bercorak umum dan untuk persediaan pendidikan menengah atas. Pendidikan di peringkat ini adalah untuk memperkukuhkan lagi pendidikan asas di samping memperkenalkan asas pelajaran vokasional. Kini kurikulum itu terlalu bercorak akademik dan matapelajaran-matapelajaran elektif yang diambil oleh murid-murid tidak pula merupakan pilihan murid-murid sendiri.

Ini adalah disebabkan oleh kekurangan kemudahan di kebanyakan sekolah untuk mengajar mana-mana satu di antara empat matapelajaran elektif tersebut yang menjadi pilihan setiap murid.

201. Selaras dengan perubahan-perubahan yang diperakukan dalam laporan ini mengenai corak dan bentuk pendidikan di peringkat menengah rendah, maka Peperiksaan Sijil Rendah Pelajaran dalam bentuknya sekarang didapati tidak sesuai lagi. Peperiksaan Sijil Rendah Pelajaran yang ada sekarang hanya menilai pencapaian calon-calon dalam aspek-aspek akademik tanpa memperhitungkan bakat, minat, kecenderungan dan sikap mereka.

201.1 Adalah diperakukan bahawa kurikulum di peringkat menengah rendah hendaklah berupa perkembangan dari kurikulum sekolah rendah, iaitu memperkukuhkan lagi pendidikan asas dan memperkenalkan pendidikan umum yang juga merangkumi aspek-aspek pendidikan pra-vokasional

201.2 Pendedahan murid-murid kepada bidang teknik dan vokasional di peringkat menengah rendah amatlah terpisah sehingga ia merupakan suatu usaha ke arah pengkhususan. Oleh yang demikian adalah diperakukan supaya kurikulum matapelajaran-matapelajaran elektif di peringkat ini diubah pada strukturnya. Sukatan pelajaran-sukatan pelajaran yang ada hendaklah digubal semula dengan tujuan supaya pendedahan murid-murid kepada pelajaran teknik dan vokasional tidak hanya terhad kepada bidang satu matapelajaran elektif sahaja tetapi juga kepada ilmu pengetahuan yang penting dari bidang-bidang elektif lain.

201.3 Peperiksaan Sijil Rendah Pelajaran yang berjalan sekarang hendaklah disesuaikan dengan kurikulum baru yang dicadangkan



bagi peringkat ini. Peperiksaan itu juga hendaklah disesuaikan supaya bukan sahaja dapat mengukur pencapaian murid-murid dalam bidang akademik tetapi juga mengukur bakat, minat, kecenderungan dan sikap mereka. Penyesuaian ini hendaklah dilakukan sejajar dengan perubahan sistem pensijilan keputusan peperiksaan yang telah diputuskan.

### 3.3.4 PERINGKAT MENENGAH ATAS

202. Kemasukan murid-murid ke sekolah-sekolah menengah atas adalah berdasarkan kepada taraf pencapaian mereka di dalam Peperiksaan Sijil Rendah Pelajaran. Di sekolah-sekolah menengah atas murid-murid disalurkan sama ada ke jurusan akademik, teknik atau vokasional. Dalam jurusan akademik murid-murid boleh mengikuti jurusan sastera atau jurusan sains.

#### Jurusan Akademik

203. Kurikulum yang digunakan di sekolah menengah atas akademik adalah dibahagikan kepada bidang-bidang dan peratus pecahan masa seperti berikut:-

Bidang	Sastera (%)	Sains (%)
(i) Kemahiran bahasa (Bahasa Malaysia dan Inggeris).	18.5	20
(ii) Pendidikan Ugama Islam Pelajaran Bahasa-Bahasa Ibunda	6	6.5
(iii) Kesedaran Sivik (Ketatanegaraan)	2	2
(iv) Penyesuaian kepada sains/teknologi:		
Hisab	10.5	9

	Hisab Gunaan/Tambahan	—	—
	Sains Am	10.5	—
	Sains Tambahan	8.5	9
	Sains Tulen	—	34
(v)	Penghidupan Sihat:		
	Pendidikan Jasmani	4	4.5
	Seni Lukis dan Seni		
	Pertukangan Tangan	4	—
(vi)	Kajian Kemasyarakatan/ Alam Sekitar:		
	Sejarah	6	—
	Ilmu Alam	6	—
	Sejarah/Ilmu Alam	—	7
	Kesusasteraan	6	—
(vii)	Matapelajaran Pilihan (Atas Kebijaksanaan Guru Besar)	8.5	—
(viii)	Kegiatan Kumpulan	9.5	8
	Jumlah	<u>100</u>	<u>100</u>

204. Penjurusan di peringkat menengah atas akademik dilakukan dengan anggapan bahawa murid-murid perlu disalurkan kepada jurusan sastera dan jurusan sains supaya mereka mendapat persediaan yang cukup untuk pendidikan di peringkat tinggi dalam jurusan tersebut. Tetapi langkah ini dilaksanakan tanpa menyedari bahawa sebahagian besar daripada murid-murid yang berkenaan tidak meneruskan pelajaran ke Tingkatan VI atau ke universiti tetapi menamatkan pelajaran mereka di akhir Tingkatan V sahaja.

205. Penyaluran murid-murid kepada kedua-dua jurusan tadi tidak mengikut prinsip pendidikan yang kukuh. Um-

pamanya penjurusan murid-murid itu diputuskan di peringkat Kementerian Pelajaran berdasarkan pencapaian mereka dalam peperiksaan SRP/LCE sedangkan peperiksaan ini tidak mempertimbangkan soal bakat, minat, kecenderungan dan sikap. Kalau faktor bakat, minat, kecenderungan dan sikap ini diketahui sekalipun adalah tidak mungkin dapat dibuat sesuatu jangkaan yang tepat bagi mengetahui kecenderungan murid-murid yang sebenarnya kerana semuanya ini masih boleh berubah. Tambahan pula murid-murid tidak diberi kesempatan untuk memilih sendiri jurusan yang mereka cenderung. Keadaan ini menimbulkan masalah kerana ada murid-murid yang dipilih untuk mengikuti sesuatu jurusan tertentu, terutamanya jurusan sains, tidak berminat kepada jurusan itu, dan kesudahannya mereka gagal dalam peperiksaan. Oleh itu tindakan menjuruskan murid-murid di peringkat ini adalah terlalu awal.

206. Pendidikan di peringkat ini bukan merupakan pendidikan umum dan tidak pula merupakan sambungan daripada pendidikan di peringkat menengah rendah. Pendidikan yang begini rupa kurang memberi sumbangan terhadap perkembangan pendidikan seumur hidup.

206.1 Kurikulum di peringkat sekolah menengah atas hendaklah bercorak pendidikan umum sesuai bukan sahaja bagi murid-murid yang akan bekerja bahkan bagi mereka yang akan terus menyambung pelajaran. Oleh itu adalah diperakukan bahawa penjurusan kepada jurusan sastera, jurusan sains dan jurusan teknik dalam pendidikan di peringkat menengah atas ini dihapuskan. Pendidikan di peringkat ini diadakan dalam dua jurusan sahaja iaitu jurusan akademik dan jurusan vokasional.

206.2 Diperakukan juga bahawa satu kurikulum baru bagi jurusan akademik ini digubal dengan mengambil pertimbangan bahawa kurikulum menengah atas ini merupakan sambungan daripada sembilan tahun pendidikan di peringkat

kat-peringkat sebelumnya. Langkah ini adalah satu usaha ke arah perkembangan pendidikan seumur hidup.

207. Sistem pemilihan yang dijalankan di akhir Tingkatan III dalam sistem persekolahan sekarang untuk menapis murid-murid naik ke Tingkatan IV menimbulkan beberapa masalah seperti berikut:-

- (a) Peperiksaan SRP/LCE yang menapis murid-murid di akhir Tingkatan III telah menyebabkan lebih kurang 40% murid dalam lengkongan umur 15-16 tahun gagal dan terpaksa keluar dari sistem pendidikan pada tiap-tiap tahun. Murid-murid yang semula ini mendapati sukar mendapatkan pekerjaan kerana mereka masih di bawah umur, lebih-lebih lagi mereka tidak dibekalkan dengan sebarang kemahiran pekerjaan.
- (b) Kurikulum di peringkat menengah rendah memang tidak bertujuan melatih murid-murid untuk menguasai kemahiran yang dapat memenuhi permintaan pasaran pekerjaan. Oleh itu murid-murid yang terpaksa meninggalkan sekolah di akhir Tingkatan III tidaklah dibekalkan dengan sebarang kemahiran.
- (c) Walaupun diakui di antara murid-murid yang terpaksa keluar ramai mendapat tempat di sekolah-sekolah swasta, bilangan mereka yang 'terbuang' pada puratanya ialah 60,000 pada tiap-tiap tahun. Ini membuktikan pembaziran tenaga kerja yang besar dan jika keadaan ini berterusan ia akan menimbulkan berbagai masalah sosial yang buruk.

207.1 Memandangkan masalah-masalah di atas adalah diperakukan, sebagai satu langkah jangka

panjang, masa persekolahan bagi semua murid hendaklah dilanjutkan dari sembilan tahun ke sebelas tahun. Pelaksanaan langkah di atas adalah tertakluk kepada kemampuan dan keperluan Kementerian Pelajaran. Walau bagaimanapun dari segi taraf pendidikan keseluruhannya, keutamaan hendaklah diberi terlebih dahulu kepada usaha-usaha untuk membaiki dan meninggikan taraf pendidikan di sekolah-sekolah di kawasan-kawasan mundur sejajar dengan dasar kerajaan.

### 3.3.5 SEKOLAH MENENGAH VOKASIONAL

208. Objektif utama sekolah-sekolah menengah vokasional ialah untuk melengkapkan murid-murid dengan asas kemahiran amali dengan tujuan menyediakan mereka mendapatkan pekerjaan. Untuk maksud ini kursus-kursus yang ditawarkan ialah Pertukangan, Seni Perusahaan, Sains Pertanian, Perdagangan dan Sains Rumahtangga. Bidang vokasional ini menekankan dua aspek pengajian, teori dan amali. Di samping itu murid-murid juga diberikan pendidikan umum yang kurikulumnya terdiri daripada bahasa (Bahasa Malaysia dan bahasa Inggeris), kajian sosial, ilmu hisab, sains dan kegiatan ko-kurikulum. Bidang vokasional tadi diperuntukkan 70% daripada keseluruhan masa belajar, sementara bidang pendidikan umum pula diperuntukkan 30% masa belajar. Di akhir kursus yang memakan masa selama dua tahun, murid-murid akan mengambil peperiksaan Sijil Pelajaran Vokasional Malaysia (SPVM).

209. Pendidikan vokasional pada asalnya dirancang untuk menampung murid-murid yang gagal meneruskan pelajaran mereka ke peringkat menengah atas akademik atau teknik. Peranan asal ini didapati tidaklah sesuai lagi kerana adanya permintaan yang kian berubah berikutan daripada perkembangan sektor perindustrian di negara ini. Di samping itu juga didapati sekolah menengah vokasional sekarang bukan sahaja menampung murid-murid yang gagal bahkan

juga telah menerima murid-murid yang lulus SRP/LCE dengan pangkat yang lebih baik.

209.1 Adalah diperakukan supaya kurikulum sekolah menengah vokasional yang ada sekarang disemak dan digubal semula sesuai dengan permintaan yang semakin mendesak sejajar dengan perkembangan perindustrian yang pesat. Langkah ini adalah sesuai bagi meningkatkan imej dan status sekolah ini.

209.2 Pendidikan sekolah menengah vokasional akan diasaskan kepada satu kurikulum yang dibahagikan kepada dua komponen; komponen umum dan komponen vokasional. Komponen vokasional bertujuan melatih murid-murid menguasai kemahiran dan kecekapan tertentu sesuai dengan perkembangan perindustrian dan pembangunan negara. Isi kandungan kurikulum ini seharusnya lebih cenderung kepada penekanan terhadap aspek-aspek amali dari aspek-aspek teori. Penekanan ini juga hendaklah dicerminkan dalam segala peperiksaan yang diambil oleh murid-murid. Liputan kurikulum yang baru ini hendaklah luas serta anjal pula strukturnya. Kurikulum tersebut hendaklah sanggup memenuhi kemungkinan berbagai permintaan yang timbul akibat dari perubahan teknologi yang tidak dapat dijangkakan.

### 3.3.6 SEKOLAH MENENGAH TEKNIK

210. Matlamat pendidikan jurusan teknik yang ada sekarang ialah untuk menyediakan asas dalam pelajaran teknik dan sains untuk membolehkan murid-murid mendapatkan pekerjaan atau melanjutkan pelajaran mereka ke institusi-institusi pelajaran tinggi. Kurikulum untuk sekolah menengah teknik adalah terdiri daripada bidang-bidang yang berikut:

Bidang	Peratus (%)
1. Bahasa	
Bahasa Malaysia )	20
Bahasa Inggeris )	
2. Ugama	
Ugama Islam	6.5
3. Kesedaran Sivik	2
4. Sains	
Sains Tulen	20
5. Ilmu Hisab	11.5
6. Teknikal	
Lukisan geometri dan binaan atau )	22.5
Lukisan geometri dan mekanik. )	
Ukur/Ilmu Hisab Tambahan )	
Latihan Woksyop Kejuruteraan/ )	
Pembinaan bangunan )	
7. Kehidupan Sihat	4.5
Pendidikan Jasmani	
8. Ilmu Kemasyarakatan/Ilmu Alam/ Sejarah	7
9. Ko-Kurikulum	6
	<hr/>
	100
	<hr/>

211. Kurikulum sekolah menengah teknik ini keseluruhannya menitikberatkan matapelajaran-matapelajaran Ilmu Hisab, Sains dan Teknik. Jika dibandingkan dengan sekolah

menengah akademik, murid-murid di sekolah menengah teknik kurang menerima pendidikan dalam matapelajaran-matapelajaran kemanusiaan. Memandangkan bahawa pendidikan akademik, sama ada di peringkat menengah rendah mahupun di peringkat menengah atas akan berubah kepada pendidikan umum, maka pendidikan bercorak teknik tidak lagi dianggap sesuai. Juga, pengetahuan teknik, setakat yang diperlukan boleh disalurkan menerusi kurikulum pendidikan umum.

- 211.1 Sesuai dengan perakuan hendak mengadakan pendidikan umum di peringkat sekolah menengah atas, maka adalah diperakukan jurusan teknik di sekolah menengah atas dimansuhkan.

### 3.4 MENINGGIKAN TARAF PENDIDIKAN

212. Mutu perpaduan dan mutu tenaga rakyat yang boleh dihasilkan oleh sistem persekolahan bergantung kepada mutu pendidikan yang dapat diberikan. Mutu pendidikan ini ditentukan oleh suasana persekolahan dan kejayaan sesebuah sekolah itu melaksanakan kurikulumnya. Dari segi kurikulum, beberapa perakuan telah dibuat khusus bertujuan untuk memastikan bahawa lepasan-lepasan dari sistem persekolahan kita mempunyai ciri-ciri individu, ilmu pengetahuan dan perwatakan yang boleh menjamin mutu perpaduan dan tenaga rakyat seperti yang disebutkan di atas tadi. Seterusnya untuk menjayakan pendidikan bagi sesebuah sekolah maka perlulah diambil kira beberapa faktor penting seperti saiz sekolah, saiz kelas, peruntukan dan beban tugas guru, latihan yang sesuai, kemampuan guru mengimbuh keadaan yang mundur serta mengendalikan pengajaran pemulihan dan kemudahan-kemudahan bagi sekolah itu.

- 212.1 Guru-guru perlu boleh memberi perhatian yang rapi kepada setiap orang muridnya. Dalam hubungan ini, iaitu untuk meninggikan taraf pendidikan pada keseluruhannya, maka adalah diperakukan, di antara lain, Peke-liling Pentadbiran Bil. 3/67 hendaklah dikaji semula.



### 3.5 SEKOLAH SWASTA

213. Sekolah-sekolah swasta boleh dibahagikan kepada dua jenis. Pertama sekolah-sekolah yang menyediakan murid-muridnya mengambil peperiksaan-peperiksaan awam peringkat kebangsaan dengan menggunakan kurikulum Kementerian Pelajaran, kedua sekolah-sekolah yang menggunakan berbagai kurikulum lain untuk menyediakan murid-murid mengambil berbagai peperiksaan lain termasuk peperiksaan-peperiksaan luar negeri.

214. Sekolah-sekolah swasta memberi pendidikan akademik kepada murid-murid yang ingin menyambung pelajaran mereka setelah gagal dalam peperiksaan SRP/LCE, SPM/MCE atau HSC. Selain daripada itu, sekolah-sekolah swasta juga memberi pendidikan perdagangan, vokasional, teknikal dan sebagainya kepada lepasan-lepasan sekolah.

215. Kebanyakan sekolah swasta menggunakan kurikulum Kementerian Pelajaran kerana sekolah-sekolah ini menyediakan murid-murid mengambil peperiksaan awam yang seragam dianjurkan oleh Lembaga Peperiksaan. Di samping itu ada juga sebilangan sekolah swasta menyediakan murid-muridnya mengambil peperiksaan lain atau peperiksaan luar negeri. Oleh yang demikian sekolah-sekolah ini terpaksa menggunakan berbagai kurikulum yang lazimnya ditentukan oleh jenis peperiksaan yang diambil. Didapati ada di antara peperiksaan-peperiksaan luar negeri itu dikendalikan menerusi Lembaga Peperiksaan, tetapi banyak juga yang ditadbir dan dikendalikan sendiri oleh sekolah masing-masing.

215.1 Adalah diperakukan semua sekolah swasta hendaklah menggunakan kurikulum Kementerian Pelajaran bagi semua peringkat persekolahan sehingga ke Tingkatan V dan mengambil peperiksaan awam yang seragam yang dianjurkan oleh Lembaga Peperiksaan. Selepas Tingkatan V, sekolah-sekolah swasta boleh menggunakan kurikulum lain mengikut peperiksaan yang hendak diambil dengan

syarat Pengarah Peperiksaan boleh menggunakan kuasanya untuk melarang sesuatu peperiksaan kecuali peperiksaan-peperiksaan yang di bawah kuatkuasa Majlis Peperiksaan Malaysia. Kuasa melarang ini hanya boleh dikenakan sekiranya peperiksaan itu bertentangan dengan dan menjejaskan kepentingan negara.

## BAB IV

### DISIPLIN

#### 4.1 PENDAHULUAN

216. Dalam kajian ini, disiplin dimaksudkan sebagai kesanggupan seseorang individu menghormati dan mematuhi undang-undang sama ada disiplin itu dikenakan dari luar atau dengan kerelaan sendiri. Disiplin juga bermakna kesanggupan seseorang itu bekerja atau membuat sesuatu dengan cukup tertib, kesanggupan menghormati hak individu lain, kesanggupan mengamalkan tingkahlaku yang baik dan tidak mengganggu kepentingan orang lain, kesanggupan hormat-menghormati di antara satu dengan lain dan mempunyai semangat tolong-menolong dan kesanggupan membaiki keadaan yang sedia ada menerusi usaha yang membina serta sanggup berkhidmat kepada masyarakat.

217. Salah satu daripada matlamat pendidikan ialah untuk melahirkan individu-individu yang berdisiplin. Mereka yang berdisiplin adalah sedar akan tanggungjawab terhadap diri sendiri, keluarga, masyarakat, institusi-institusi pelajaran dan soisal serta negara. Disiplin diri adalah mustahak dalam usaha kita hendak mewujudkan satu masyarakat yang bertatasusila, bersatupadu, demokratik, adil, liberal dan progresif.

218. Disiplin seseorang murid bukan ditentukan oleh sekolah sahaja. Alam sekitar dan masyarakat juga mempunyai pengaruh terhadap pembentukan disiplin seseorang murid. Masyarakat sekeliling dan persekitaran murid-murid di luar

sekolah amat kuat pengaruhnya di dalam pembentukan disiplin murid.

219. Dalam kajian ini disiplin dihuraikan di bawah tajuk-tajuk kecil seperti berikut:-

- (a) Disiplin dan masyarakat.
- (b) Disiplin dan perpaduan negara.
- (c) Disiplin di sekolah.

#### 4.2 DISIPLIN DAN MASYARAKAT

220. Dalam mewujudkan dan mengembangkan disiplin yang diingini di kalangan murid-murid, penglibatan ibubapa secara aktif adalah diperlukan. Hubungan yang rapat di antara sekolah dengan rumah dan masyarakat membolehkan wujudnya hubungan timbal balik di antara guru-guru dengan ibubapa. Dengan terjalinnya hubungan ini maka ibubapa akan dapat memahami murid-murid di sekolah dan guru-guru pula akan dapat memahami masalah di rumah. Justeru itu kedua-dua pihak dapat berusaha untuk mengatasi masalah murid-murid secara bersama dan berkesan. Usaha penyeliaan begini dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan lagi melalui Persatuan Ibubapa dan Guru (PIBG). Memandangkan pentingnya fungsi PIBG ini, Kementerian Pelajaran telah mensyaratkan penubuhan PIBG di tiap-tiap sekolah.

221. Adalah didapati ramai ibubapa kurang mengambil berat terhadap kegiatan-kegiatan PIBG. Tidak begitu ramai ibubapa menghadiri mesyuarat-mesyuarat PIBG. Kegiatan-kegiatan PIBG juga tidak banyak mendapat sokongan.

221.1 Dalam usaha untuk merapatkan hubungan di antara sekolah dengan masyarakat, adalah diperakukan supaya diperkemas lagi kegiatan-kegiatan PIBG agar tujuan-tujuan pertubuhan itu dapat dicapai dengan lebih memuaskan, dan ini termasuklah soal mewujudkan

kan disiplin yang diinginkan di kalangan murid-murid.

222. Murid-murid sekolah dan golongan muda-mudi amat mudah terpengaruh oleh apa yang dilihat dan didengarnya. Dalam hubungan ini mass-media menjadi satu sumber pengaruh yang kuat. Didapati pada masa-masa kebelakangan ini ada muda-mudi yang mudah terpengaruh oleh unsur-unsur kebudayaan yang kurang sihat dari luar. Anasir-anasir luar ini telah menimbulkan gejala-gejala seperti penyalahgunaan dadah, kebudayaan-kebudayaan kuning, kebebasan individu yang berketerlaluan tanpa mementingkan kepentingan masyarakat umum dan sebagainya. Pengaruh-pengaruh luar ini biasanya meresap melalui majalah-majalah, piring hitam dan pita perakam, filem-filem dan mass-media yang lain, serta kumpulan-kumpulan hippies dan sebagainya.

222.1 Sungguhpun pengaruh luar itu tidak kesemuanya buruk, adalah diperakukan langkah-langkah hendaklah diambil agar murid-murid sekolah tidak dipengaruhi oleh anasir-anasir kebudayaan luar yang kurang sihat.

223. Setiap sekolah mempunyai peraturan-peraturan yang perlu dipatuhi oleh murid-murid. Peraturan-peraturan tersebut dikenakan dengan tujuan untuk mendidik murid-murid supaya berkelakuan baik, menghormati hak orang ramai dan mempunyai disiplin diri.

224. Mematuhi peraturan-peraturan itu merupakan disiplin diri yang baik kepada murid-murid. Kebanyakan perbuatan melanggar peraturan-peraturan berlaku disebabkan kerana murid-murid tidak diterangkan kenapa peraturan-peraturan itu perlu diadakan. Lebih-lebih lagi dalam hidup secara berkumpulan tidak pula dijelaskan bahawa kepentingan ramai seharusnya diberi keutamaan, dan kebebasan atau kepentingan perseorangan hanya boleh diberi setakat yang munasabah.

224.1 Memandangkan bahawa mematuhi peraturan-peraturan sekolah itu merupakan satu latihan

disiplin yang baik kepada murid-murid, maka adalah sangat-sangat mustahak segala peraturan di sekolah diterangkan kepada murid-murid supaya mereka betul-betul faham dan mematuhi peraturan-peraturan itu dengan penuh tanggungjawab.

225. Di samping mewujudkan hubungan yang baik di antara sekolah dengan rumah dan masyarakat untuk membentuk disiplin di kalangan murid-murid, adalah disedari bahawa persekitaran murid-murid di luar sekolah dan masyarakat sekeliling juga memberi pengaruh kuat kepada mereka. Ini adalah disebabkan kesukaan meniru-niru dan mencontohi orang lain sudah menjadi sifat semula jadi kanak-kanak walaupun kadang-kadang perkara yang ditiru-tirunya itu menyalahi norma-norma sosial di dalam masyarakatnya.

226. Sifat semula jadi kanak-kanak yang suka mencontohi apa yang dilihat dan didengarnya itu adalah baik. Akan tetapi, jika pelakuan tidak diawasi, kanak-kanak akan meniru-niru perbuatan orang dewasa walaupun pelakuan itu hanya sesuai bagi orang dewasa sahaja tetapi tidak sesuai dilakukan oleh kanak-kanak atau murid-murid. Seterusnya, orang dewasa seharusnya menyedari bahawa apa yang diamalkan di luar sekolah tidak selalunya selari dengan nilai-nilai yang diajar di sekolah. Keadaan ini melahirkan konflik dalam pemikiran murid-murid dan mereka menjadi serba salah tentang apa yang patut mereka lakukan.

226.1 Untuk menghindarkan kekeliruan di kalangan murid-murid, adalah diperakukan langkah-langkah diambil untuk menjelaskan kenapa kadang-kadang terdapat perbezaan antara amalan orang dewasa dengan nilai yang diajar di sekolah. Murid-murid perlu tahu bahawa geraklaku dan perbuatan yang sesuai bagi alam orang dewasa ada kalanya dianggap tidak sesuai bagi kanak-kanak atau murid-murid.

226.2 Namun demikian mereka yang sentiasa

berdamping rapat dengan murid-murid seperti ibubapa dan guru-guru hendaklah sebolch-bolchnya menunjukkan contoh dan tauladan yang baik.



### 4.3 DISIPLIN DAN PERPADUAN NEGARA

227. Disiplin dan perpaduan negara merupakan faktor-faktor penting dalam pembentukan masyarakat Malaysia yang dicita-citakan.

228. Adalah didapati bahawa perhimpunan murid-murid (assembly), istiadat menghormati bendera kebangsaan, nyanyian lagu-lagu kebangsaan dan gerak-kerja yang serupa itu adalah merupakan asas-asas penting dalam pembentukan disiplin dan perpaduan murid-murid serta menyemaikan perasaan cintakan negara.

229. Pada hari ini masih terdapat sekolah-sekolah yang jarang mengadakan perhimpunan murid-murid. Jika ada pun pihak sekolah kurang menekankan kegiatan-kegiatan yang sesuai untuk menyemaikan perasaan cintakan negara.

229.1 Adalah diperakukan semua sekolah hendaklah menggunakan perhimpunan murid-murid untuk menyemai, menanam dan memupuk perasaan cintakan negara di kalangan murid-murid.

230. Kegiatan-kegiatan ko-kurikulum menggalakkan semangat perkumpulan, berkerjasama dan menghormati peraturan. Kegiatan-kegiatan seperti sukan, pergerakan pengakap, persatuan bulan sabit merah, persatuan sejarah dan lain-lain yang seumpamanya memberi murid-murid pengalaman yang boleh memupuk semangat tersebut di atas yang merupakan faktor-faktor positif dalam pembentukan disiplin yang diingini. Kegiatan-kegiatan ini melibatkan penyertaan murid beramai-ramai dan ini merupakan satu cara yang sesuai untuk menyemaikan semangat kekitaan dan perpaduan antara murid. Kegiatan-kegiatan ini juga menggalakkan hubung-

an antara murid-murid dengan anggota masyarakat dari berbagai lapisan. Didapati kegiatan-kegiatan ini belum lagi dijalankan dengan memuaskan dan berkesan, mungkin juga disebabkan oleh kurangnya penyeliaan, tambahan pula guru-guru kurang mempunyai dayausaha kerana tidak ada pengiktirafan yang sewajarnya.

- 230.1 Adalah diperakukan bahawa semua sekolah memperkemaskan lagi program-program ko-kurikulum dan dalam pelaksanaan program-program ini keutamaan hendaklah juga diberikan kepada kegiatan-kegiatan yang boleh memupuk disiplin di kalangan murid-murid. Di samping itu guru-guru yang mengendalikan kegiatan ko-kurikulum hendaklah diberi pengiktirafan yang sewajarnya supaya mereka lebih bergiat lagi terutama dari segi penyeliaan kegiatan-kegiatan tersebut.

#### 4.4 DISIPLIN DI SEKOLAH

231. Di peringkat sekolah, pelaksanaan dan penyerapan disiplin itu dilakukan dengan dua cara:-

- (a) Dengan cara langsung – apabila disiplin dikenakan dari luar (Externally imposed), dan
- (b) Dengan cara tidak langsung – apabila disiplin disemai dan dihayati dalam diri seseorang (Internally induced).

232. Cara yang pertama dilaksanakan dengan mengadakan peraturan-peraturan dan hukuman. Semenjak 1956 pihak Kementerian Pelajaran telah mengeluarkan berbagai-bagai surat pekeliling mengenai peraturan-peraturan yang perlu dilaksanakan di sekolah-sekolah. Di antaranya ialah Peraturan Persatuan-Persatuan Sekolah, Peraturan Lawatan-lawatan Sekolah, Peraturan Majalah-majalah Sekolah, Peraturan Tata-Tertib Sekolah, Peraturan Pembuangan Murid-Murid Dari-pada Sekolah, Peraturan Pakaian Seragam, Peraturan Potongan Rambut, Peraturan Larangan Merokok, Peraturan



Salahguna Dadah, Peraturan Asrama Sekolah, Peraturan Perkara-Perkara Tatatertib yang Dianggap Berat dan Peraturan Am.

233. Konsep disiplin mengalami perubahan dari masa ke semasa. Pemansuhan hukuman dera telah membuktikan adanya perubahan-perubahan ini. Perubahan-perubahan ini bukan sahaja dirasai oleh murid-murid, malahan juga dirasai oleh guru-guru mereka. Guru-guru ini menganggap bahawa penyemaian dan pengawasan disiplin di kalangan murid-murid bukan lagi menjadi tanggungjawab mereka bahkan menjadi tanggungjawab guru besar dan guru disiplin semata-mata.

233.1 Adalah diperakukan bahawa:-

- (a) Langkah-langkah yang positif hendaklah diambil untuk menyemai dan mengawas disiplin murid-murid di sekolah dengan melibatkan semua guru, dan bukan setakat guru-guru pengawas disiplin dan pengawas murid-murid sahaja.
- (b) Hukuman dera kepada murid-murid seperti merotan hendaklah dikekalkan. Guru Besar dan guru-guru lain yang tertentu diberi kuasa untuk merotan. Di samping itu guru-guru tersebut hendaklah diberi garis-garis panduan dalam menggunakan hukuman dera serta cara dan bila hukuman itu boleh dikenakan.

234. Mengikut Pekeliling Pentadbiran Bil. 3/67 saiz kelas mengikut peringkat-peringkat persekolahan adalah seperti berikut:-

Sekolah Rendah = 50 orang murid  
Sekolah Menengah = 45 orang murid  
(Tingkatan I - V)

Nisbah guru/kelas pula bagi peringkat-peringkat tersebut adalah seperti berikut:

Sekolah Rendah	= 1.2 bagi satu kelas
Sekolah Menengah	= 1.43 bagi satu kelas
Tingkatan VI	= 1.6 bagi satu kelas

235. Sebelum pelaksanaan Pekeliling Pentadbiran Bil. 3/67 peruntukan guru bagi tiap-tiap kelas adalah lebih. Keadaan ini telah membolehkan guru-guru memberikan perhatian yang lebih rapi kepada murid-muridnya. Pada hari ini bukan saja peruntukan guru bagi tiap-tiap kelas telah berkurangan bahkan bilangan murid dalam tiap-tiap kelas telah bertambah. Sekolah juga telah menjadi besar, dan oleh kerana bilangan bilik darjah tidak mencukupi maka kebanyakan sekolah terpaksa mengadakan dua sidang persekolahan, pagi dan petang. Keadaan seperti ini, dengan sekolah yang bertambah besar, bilangan murid-murid dalam darjah bertambah ramai dan dengan adanya persekolahan dua sidang serta nisbah guru/kelas yang ketat, maka bukan saja masalah disiplin telah bertambah bahkan penyeliaan disiplin juga telah menjadi bertambah sukar.

235.1 Oleh kerana disiplin merupakan satu masalah di sekolah-sekolah pada hari ini, maka adalah diperakukan Kementerian Pelajaran menyegerakan perancangannya untuk:—

- (a) Mengkaji semula nisbah guru/kelas seperti yang diperakukan dalam Pekeliling Pentadbiran Bil. 3/67.
- (b) Mengkaji semula saiz kelas dan sekolah.
- (c) Mengkaji semula kedudukan sekolah-sekolah yang mengadakan dua sidang.

236. Keperluan bagi mewujudkan dan mengokohkan disiplin di semua sekolah telah disedari oleh semua golongan. Ada golongan berpendapat bahawa kesedaran terhadap disiplin perlu ditingkatkan dan kepentingannya dijelaskan di kalangan murid-murid supaya mereka memahami, mengawal dan memperkembangkannya. Dengan menyedari hakikat ini Kementerian Pelajaran menganjurkan kursus dalam perkhidmatan untuk guru besar mengenai bentuk dan jenis disiplin yang

perlu disemai dan dipupuk di kalangan murid-murid. Di samping itu guru-guru digalakkan menjadi contoh kepada murid-murid mereka dalam mewujudkan dan mengembangkan disiplin.

237. Dalam perenggan 233 telah diterangkan adanya sikap segolongan guru yang menganggap bahawa disiplin itu adalah semata-mata tanggungjawab sebilangan guru-guru sahaja. Sikap serupa ini amatlah merbahaya dan merugikan kerana peraturan di sekolah tidak akan dapat dilaksanakan dengan sepenuh-penuhnya jika seorang atau beberapa orang guru sahaja memikul tanggungjawab tersebut. Oleh kerana semua guru di sesebuah sekolah tidak dilibatkan secara langsung dalam tanggungjawab membentuk dan mengawal disiplin, kebanyakan daripada mereka mengambil sikap lepas tangan sama sekali dalam perkara ini. Di samping itu ada juga di antara guru-guru yang kurang memberi sumbangan dalam pembentukan persekitaran pendidikan yang baik di sekolah. Malahan kadang-kala terdapat sebahagian daripada mereka menunjukkan tingkahlaku yang tidak boleh dicontohi.

237.1 Adalah diperakukan bahawa guru-guru hendaklah menunjukkan tauladan yang baik supaya murid-murid sentiasa dapat mencontohi mereka. Guru Besar hendaklah memainkan peranannya memperbaiki sikap guru-guru yang kurang memberi sumbangan dalam pembentukan persekitaran pendidikan yang baik di sekolah. Jika perlu, tindakan disiplin hendaklah diambil terhadap guru-guru yang menunjukkan tingkahlaku dan sifat peribadi yang tidak diingini.

238. Dalam Rancangan Perkhidmatan Bimbingan dan Kerjaya Sekolah-sekolah sehingga ke tahun 1978, sejumlah 3,208 guru termasuk guru besar telah diberi kursus/latihan asas di dalam perkhidmatan bimbingan dan kerjaya.

239. Murid-murid mudah sekali dipengaruhi dan terpengaruh oleh sesuatu yang menarik yang dapat dilihat dalam persekitaran mereka. Walaupun diakui bahawa sifat semula jadi kanak-kanak suka meniru-niru sesuatu yang me-

narik itu adalah baik tetapi peniruan yang dilakukan hendaklah sentiasa diawasi supaya peniruan itu tidak menghasilkan kemerosotan dan keruntuhan disiplin. Dalam hal ini bimbingan daripada guru-guru amatlah diperlukan.

239.1 Adalah diperakukan Perkhidmatan Panduan dan Kerjaya di sekolah-sekolah hendaklah dilaksanakan dengan sepenuhnya. Perkhidmatan ini hendaklah menitikberatkan kegiatan-kegiatan bimbingan dan tidak semata-mata kegiatan-kegiatan panduan kerjaya sahaja.

240. Pada amnya, semua sekolah mempunyai peraturan-peraturan atau tata tertib sekolah. Di samping itu di dalam sesebuah sekolah terdapat juga guru-guru disiplin dan pengawas murid yang mempunyai tanggungjawab khas untuk melaksanakan peraturan-peraturan dan mengawas disiplin. Di sekolah-sekolah menengah dan di setengah-setengah sekolah rendah terdapat pula satu Badan Pengawas Murid yang terdiri daripada murid-murid sekolah yang diberi tugas untuk mengawal disiplin sekolah di bawah pimpinan guru-guru disiplin.

241. Untuk melaksanakan peraturan-peraturan sekolah murid-murid yang menganggotai Badan Pengawas Murid boleh dilatih supaya bertanggungjawab dan mempunyai sifat-sifat kepimpinan. Dalam hal ini adalah perlu guru-guru dan murid-murid saling bantu-membantu agar disiplin yang baik dapat diwujudkan dan dipelihara di kalangan murid-murid.

241.1 Adalah diperakukan murid-murid sendiri hendaklah dilibatkan dalam tanggungjawab membentuk disiplin di kalangan mereka. Hubungan antara murid dengan guru hendaklah sentiasa rapat dan saling bantu-membantu khasnya apabila murid-murid menghadapi suasana kemusykilan.

242. Dalam sistem persekolahan sekarang ada beberapa

peperiksaan awam yang dianjurkan oleh Lembaga Peperiksaan untuk tujuan-tujuan tertentu. Secara langsung atau tidak langsung peperiksaan mempunyai pengaruhnya tersendiri dalam pembentukan disiplin murid-murid.

243. Sistem pendidikan hari ini didapati terlalu menitik-beratkan peperiksaan. Dari satu segi, tekanan peperiksaan boleh menggalakkan murid-murid berdisiplin kerana tekanan peperiksaan itu sendiri boleh melatih mereka mengamalkan tingkahlaku yang berperaturan. Dari segi lain pula, tekanan peperiksaan itu boleh melahirkan suasana persaingan yang hebat di kalangan murid-murid. Persaingan ini jika dialami berterusan oleh murid-murid yang lemah akan membawa kepada perkembangan-perkembangan yang kurang sihat. Keadaan ini diburukkan lagi oleh masalah saiz kelas yang besar dan merumitkan guru-guru mengawal disiplin murid-murid. Dalam keadaan begini ada murid-murid yang kurang mendapat perhatian rapi atau kurang dilayani oleh guru-guru. Kesudahannya murid-murid yang terbiar ini merasa kecewa. Ini menyebabkan perhatian serta minat mereka terhadap pelajaran mula merosot dan ada di antara mereka mencari jalan keluar dengan cara melakukan perbuatan-perbuatan yang menyalahi disiplin seperti merosakkan harta-benda sekolah dan sebagainya. Kesannya membawa kepada kemerosotan disiplin di kalangan murid-murid tersebut.

243.1 Adalah diperakukan bahawa langkah-langkah hendaklah diambil supaya peranan peperiksaan dalam sistem persekolahan tidak melibatkan kemerosotan disiplin. Bentuk dan corak peperiksaan awam hendaklah dikaji semula supaya bukan sahaja murid-murid yang pandai merasai kejayaan dalam sesuatu peperiksaan bahkan murid-murid yang lemah juga boleh merasainya.

244. Cara yang kedua untuk melaksana dan menyerapkan disiplin ialah menerusi penanaman disiplin dari dalam diri murid-murid itu sendiri (*internally induced discipline*) melalui kurikulum sekolah yang meliputi keseluruhan kegiatan-kegiatannya.

245. Didapati kurikulum sekolah sekarang lebih menekankan perkembangan aspek-aspek kognitif seseorang murid. Penekanan seumpama ini melahirkan individu-individu yang tidak seimbang dari segi pertumbuhan bidang kognitif, afektif dan psiko-motornya.

245.1 Dari segi pembentukan disiplin pertumbuhan sifat-sifat yang diinginkan mengenai sikap, perasaan, semangat dan sebagainya (bidang afektif) lebih penting daripada penguasaan bidang ilmu pengetahuan semata-mata (bidang kognitif). Oleh yang demikian adalah diperakukan kurikulum sekolah hendaklah juga menitikberatkan perkembangan sikap, minat, perasaan, value judgement, dan semangat yang diinginkan dari segi disiplin.

246. Semua jenis sekolah di negara ini menggunakan kurikulum yang sama dari segi isi kandungan dan peruntukan masa.

247. Dalam merancang pelajaran sehari-hari, guru-guru di peringkat menengah kurang memperkenalkan tajuk-tajuk dalam setiap matapelajaran yang berkaitan dengan isu-isu moral dan etika untuk diperbincangkan oleh murid-murid. Ini mungkin disebabkan oleh kurikulum yang padat dan terikat pula kepada jadual waktu mengajar yang ketat.

247.1 Adalah diperakukan bahawa kurikulum sekolah menengah hendaklah jangan terlalu ketat dan terlampau terikat kepada jadual waktu supaya membolehkan murid-murid di peringkat sekolah menengah meneroka, mengkaji dan memahami isu-isu yang berkaitan dengan moral dan etika. Rancangan-rancangan Radio dan TV Pendidikan serta bahan-bahan bacaan yang mempunyai nilai-nilai moral hendaklah juga digunakan untuk mencapai matlamat ini.

248. Kerja-kerja menggubal kurikulum, membuat penyesuaian, menilai dan melaksana bahan-bahan kurikulum adalah tanggungjawab pusat Perkembangan Kurikulum.

249. Didapati ada juga perubahan-perubahan melalui kaedah mengajar yang baru dari luar jika tidak cukup diteliti dan disesuaikan dengan objektif-objektif pendidikan negara ini menyebabkan kemerosotan disiplin, misalnya kaedah-kaedah pengajaran baru yang terlalu mengutamakan 'kebebasan' murid-murid dalam berbagai kegiatan bilik darjah hingga menimbulkan anggapan dan sikap menentang peraturan-peraturan sekolah. Pendidikan yang terlalu menekankan kebebasan individu pada peringkat kanak-kanak jelas lebih banyak membawa keburukan daripada kebaikan. Di negara-negara barat misalnya, di mana nilai-nilai tradisional telah diketepikan sama sekali, anak-anak tidak lagi menghormati ibubapa dan murid-murid pula kurang menghormati guru-guru mereka. Kepincangan ini patut menyedarkan kita untuk berhati-hati dalam memberi kebebasan individu pada peringkat umur yang lebih tinggi sesuai dengan kematangan dan peranan yang akan dimainkan oleh murid-murid di sekolah, di rumah dan seterusnya dalam masyarakat sekelilingnya.

249.1 Adalah diperakukan supaya konsep kebebasan individu hendaklah dinilai semula dalam konteks kehidupan rumahtangga, sekolah dan masyarakat sekeliling murid-murid supaya kebebasan individu yang diberikan kepada mereka dapat digunakan dengan sepenuhnya kebijaksanaan. Di samping itu nilai-nilai tradisional yang menggalakkan sikap bersopan santun dan sikap hormat-menghormati di antara individu dan di antara golongan muda dengan golongan tua hendaklah terus disemai dan dipupuk.

## Bab V PENGURUSAN

### 5.1 PENDAHULUAN

250. Sistem pendidikan negara ini ialah sistem pusat. Struktur pentadbirannya terbahagi kepada tiga peringkat iaitu peringkat persekutuan (pusat), peringkat negeri dan peringkat sekolah. Di samping itu terdapat sedikit perbezaan dalam struktur pentadbiran di negeri-negeri Sabah, Sarawak dan beberapa buah negeri di Semenanjung Malaysia di mana terdapat jentera pentadbiran di peringkat daerah yang menjadi perantaraan di antara peringkat negeri dan peringkat sekolah.

251. Di peringkat pusat, Kementerian Pelajaran bertanggungjawab membuat keputusan dan melaksanakan segala perkara dasar serta bertanggungjawab mentadbir seluruh sistem pelajaran. Pentadbirannya dijalankan bersama oleh pegawai-pegawai ikhtisas dan pegawai-pegawai tadbir di bawah arahan Menteri Pelajaran yang bertanggungjawab membuat segala keputusan mengenai semua perkara dasar. Ketua Setiausaha Kementerian Pelajaran selaku Ketua Pentadbir, bertanggungjawab penuh kepada Menteri Pelajaran dalam segala operasi Kementerian Pelajaran. Ketua Pengarah Pelajaran mengetuai dan bertanggungjawab penuh dalam bidang ikhtisas. Ketua Setiausaha Kementerian dan Ketua Pengarah Pelajaran, kedua-duanya, menjadi sumber rundingan Menteri Pelajaran mengenai keseluruhan dasar pelajaran dan pelaksanaannya. Ketua Setiausaha Kementerian dibantu oleh dua orang Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian dan Ketua



Pengarah Pelajaran pula dibantu oleh dua orang Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran.

252. Di peringkat pusat terdapat lapan belas Bahagian dan tiap-tiap satunya mempunyai tugas tertentu. Bahagian-Bahagian itu adalah seperti berikut:—

- (i) Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Pelajaran.
- (ii) Bahagian Sekolah-Sekolah.
- (iii) Bahagian Latihan Guru.
- (iv) Pusat Perkembangan Kurikulum.
- (v) Lembaga Peperiksaan.
- (vi) Jemaah Nazir Sekolah.
- (vii) Bahagian Pelajaran Teknik dan Vokasional.
- (viii) Bahagian Perkhidmatan Sebaran Pendidikan.
- (ix) Bahagian Kewangan dan Akaun.
- (x) Bahagian Pembangunan dan Bekalan.
- (xi) Bahagian Pelajaran Tinggi.
- (xii) Bahagian Pendidikan Ugama Islam.
- (xiii) Bahagian Perjawatan dan Perkhidmatan.
- (xiv) Bahagian Hal Ehwal Luar Negeri.
- (xv) Bahagian Biasiswa dan Latihan.
- (xvi) Bahagian Pendaftaran Sekolah dan Guru.
- (xvii) Biro Buku Teks.
- (xviii) Bahagian Pentadbiran.

253. Untuk menyelaraskan semua kegiatan dan projek Kementerian Pelajaran bagi mencapai matlamat dan objektif negara, Jawatankuasa Perancangan Pelajaran (JPP), iaitu sebuah jawatankuasa tertinggi di Kementerian Pelajaran telah ditubuhkan pada tahun 1971. Pengerusi Jawatankuasa ini ialah Menteri Pelajaran sendiri. Ahli-ahlinya terdiri daripada kedua-dua Timbalan Menteri, Ketua Setiausaha Kementerian, Ketua Pengarah Pelajaran serta kedua-dua Timbalan Ketua

Setiausaha Kementerian dan kedua-dua Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran. Pengarah Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Pelajaran (BPPP), ialah Setiausaha Jawatankuasa ini. Tugas jawatankuasa ini ialah membuat keputusan mengenai perkara-perkara dasar.

254. Untuk menyelaras dan menentukan rangka bidang kurikulum, satu jawatankuasa yang diberi nama Jawatankuasa Pusat Kurikulum (JPK) telah ditubuhkan pada tahun 1967. Jawatankuasa ini juga bertanggungjawab membentuk dasar kurikulum dan menentukan dasar pelaksanaannya. Pengerusi Jawatankuasa ini ialah Ketua Pengarah Pelajaran, dan anggota Jawatankuasa ini terdiri dari kedua-dua Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran dan semua Ketua Bahagian yang berkenaan. Pusat Perkembangan Kurikulum (PPK) adalah urusetia kepada jawatankuasa ini.

255. Untuk mengawal hal ehwal kewangan/perbelanjaan, satu jawatankuasa yang diberi nama Jawatankuasa Kewangan (JK) telah ditubuhkan pada tahun 1975. Jawatankuasa ini dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Kementerian dan dianggotai oleh pegawai-pegawai terkanan Kementerian Pelajaran. Urusetia jawatankuasa ini ialah Bahagian Kewangan dan Akaun (BKA).

256. Untuk menentukan supaya proses perancangan dan pelaksanaan pembangunan fizikal Kementerian Pelajaran berjalan dengan lancar dan teratur, sebuah Jawatankuasa Pembangunan (JP) telah ditubuhkan pada bulan Januari, 1976. Jawatankuasa Pembangunan ini dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Kementerian dan dianggotai oleh pegawai-pegawai terkanan Kementerian Pelajaran serta Pengarah Jabatan Kerja Raya (Cawangan Pelajaran). Bahagian Pembangunan dan Bekalan (BPB) adalah urusetia kepada jawatankuasa ini. Peranan utama jawatankuasa ini ialah untuk menentukan supaya rancangan pembangunan dalam bidang pendidikan yang dijalankan adalah selaras dengan Akta Pelajaran, 1961 serta mengubahsuaikan di mana perlu supaya dapat mencapai tujuan penting Kerajaan ke arah pembinaan perpaduan negara. Jawatankuasa ini juga bertanggungjawab menentukan strategi dan keutamaan pembangunan yang dijalankan oleh Kement-

rian Pelajaran untuk mencapai matlamat pendidikan selaras dengan kehendak-kehendak Dasar Ekonomi Baru (DEB).

## 5.2 BAHAGIAN PERANCANGAN DAN PENYELIDIKAN PELAJARAN

257. Perancangan dan penyelidikan pelajaran merupakan satu konsep baru di Malaysia dan perkembangannya mempunyai sejarah yang singkat. Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Pelajaran (BPPP) telah ditubuhkan pada tahun 1963 dengan fungsinya yang terhad kepada penilaian dan pengujian serta pengumpulan maklumat dan data asas mengenai pelajaran.

258. Bahagian ini terus berkembang dengan meluaskan bidang tugasnya yang meliputi pengutipan perangkaan pelajaran yang lebih sofistikated, perancangan kurikulum dan buku teks, dan perkhidmatan bimbingan sekolah. Pada tahun 1970 fungsinya bertambah dengan ianya menjadi urusetia kepada Jawatankuasa Perancangan Pelajaran. Fungsi baru ini membolehkan BPPP bertindak sebagai kuasa penyelaras perancangan dan penyelidikan pelajaran di peringkat Kementerian dan Negara.

259. Sesuai dengan beban tugasnya yang semakin berat, BPPP telah menyusun semula struktur organisasinya supaya menjadi lebih kemas. Struktur barunya meliputi Unit Perancangan, Unit Penyelidikan, Unit Penilaian, Unit Projek Khas, Seksyen Pinjaman Bank Dunia dan Seksyen Data Bank. BPPP kini bertanggungjawab mengawas dan mengesani isu dan masalah pelajaran bagi maksud merancang dan menganalisa dasar, dan menentukan strategi pelajaran yang lebih tepat untuk mencapai matlamat pendidikan selaras dengan kehendak-kehendak Dasar Ekonomi Baru.

260. Dalam melaksanakan peranannya, BPPP adalah sebagai payung dan pusat nadi kepada Kementerian Pelajaran. Selaras dengan peranannya ini tugas Bahagian ini di antara lain ialah:—

- (a) Mengadakan pelan pembangunan pelajaran ke-

bangsaan yang menyeluruh yang mengandungi rancangan pembangunan jangka panjang, jangka pertengahan dan jangka pendek.

- (b) Mempastikan bahawa segala projek pembangunan pelajaran disatukan ke dalam rancangan pelajaran yang menyeluruh dan selaras dengan dasar pelajaran kebangsaan.
- (c) Menyediakan beberapa alternatif bagi maksud pelaksanaan sesuatu projek atau program pelajaran.
- (d) Merancang sesuatu yang baru serta menguji kesesuaian dan kesempurnaan perancangan yang dicadangkan itu.
- (e) Menyediakan analisa teknikal mengenai perangkaan pelajaran yang berkaitan, kos kapital dan kos berulang, keperluan tenaga manusia dan khidmat khas bagi menjalankan projek tertentu dengan berkesan.
- (f) Monitor, menyelaraskan dan menilai rancangan-rancangan pelajaran yang sedang berjalan dengan menitikberatkan kepada sejauh manakah rancangan-rancangan itu mencapai objektifnya selaras dengan matlamat dasar sosio-ekonomi negara.
- (g) Menjalankan penyelidikan dan penilaian ke atas aspek-aspek pelajaran yang boleh membantu dalam proses perancangan dasar.
- (h) Menjadi pusat perkhidmatan maklumat Kementerian Pelajaran.

261. Perancangan pelajaran yang terdapat pada hari ini dijalankan di beberapa peringkat seperti di peringkat sekolah, Jabatan Pelajaran Negeri dan peringkat Kementerian Pelajaran. Di peringkat Kementerian pula sebahagian besar perancangan pelajaran dibuat secara berasingan oleh Bahagian-Bahagian itu sendiri. Oleh yang demikian perancangan dijalankan tanpa penyelarasan yang berkesan. Keadaan ini telah tidak menghasilkan satu rancangan pembangunan pelajaran

yang bersepadu bagi seluruh negara. Perancangan yang sedemikian telah menimbulkan masalah-masalah yang serius seperti wujudnya perkembangan institusi dan unit pentadbiran yang tidak seimbang dengan fungsi dan peranan asalnya. Keadaan ini membawa kepada pembangunan pelajaran yang tidak sama rata dan tidak sejajar dengan matlamat pendidikan selaras dengan kehendak-kehendak Dasar Ekonomi Baru.

161.1 Sesuai dengan fungsinya sebagai payung dan pusat nadi, adalah diperakukan supaya BPPP:—

- (a) Menjadi agensi utama untuk merancang segala kegiatan pendidikan bagi seluruh negara. Selepas menentukan perancangan ini BPPP juga bertanggungjawab menyelaras dan mengawas supaya pelaksanaannya lebih berkesan. Dalam hubungan ini, BPPP menentukan garis paduan untuk diikuti oleh Bahagian-Bahagian lain dalam melaksanakan kegiatan-kegiatan perancangan. Kesemuanya ini adalah perlu dalam usaha untuk menghasilkan satu perancangan pelajaran yang menyeluruh dan bersepadu.
- (b) Mempunyai sekumpulan pegawai-pegawai yang berpengalaman serta dilatih khas dalam bidang-bidang yang berkaitan dengan perancangan. Untuk mengelakkan pegawai-pegawai ini daripada ditukarkan ke Bahagian-Bahagian lain apabila wujudnya peluang-peluang kenaikan pangkat, adalah diperakukan juga supaya satu sistem kenaikan pangkat diadakan yang membolehkan mereka menerima tawaran kenaikan pangkat itu di dalam BPPP sendiri.

262. Pembangunan Pendidikan melibatkan berbagai disiplin dan agensi. Sesuai dengan fungsinya sebagai agensi peran-

cangan utama BPPP seharusnya bertindak sebagai badan yang bertanggungjawab untuk memikir dan menentukan secara terperinci dasar am mengenai pembangunan pendidikan untuk dijadikan panduan oleh pihak-pihak yang berkenaan, sama ada di dalam mahupun di luar Kementerian Pelajaran. Dalam keadaan sekarang, sungguhpun JPP merupakan badan tertinggi dalam perancangan pelajaran, tetapi dalam amalnya JPP tidak dapat menjalankan tugasnya secara berkesan, kerana BPPP sebagai urusetianya mempunyai kuasa yang terhad dalam memperaktikkan tatakkerja yang telah ditetapkan.

262.1 Adalah diperakukan supaya BPPP diberi kemudahan dan keupayaan yang lebih untuk menjalankan tugasnya. Di samping itu kedudukan BPPP hendaklah diletakkan di peringkat yang setanding dengan fungsi dan peranannya sebagai payung dan pusat nadi kepada Kementerian Pelajaran.

263. Proses perancangan pelajaran memerlukan maklumat, data dan idea baru dalam bidang pelajaran sebagai input. Kesemuanya ini juga boleh digunakan untuk maksud berikut:—

- (a) Mengemukakan maklumatbalik kepada unit-unit lain yang melaksanakan rancangan-rancangan tertentu dalam Kementerian Pelajaran khususnya.
- (b) Mencadangkan pengubahsuaian kepada rancangan-rancangan pelajaran yang sedang dijalankan.
- (c) Mengusulkan rancangan-rancangan baru kepada JPP.
- (d) Memberi maklumat yang diperlukan untuk membantu membuat satu-satu keputusan dengan lebih cepat dan tepat.

264. Pengumpulan maklumat, data dan idea baru dari semua Bahagian dan peringkat pelajaran ini hendaklah dilakukan dengan lebih cekap, lebih sistematik dan berterusan. Unit Data Pelajaran di BPPP sekarang ini adalah bertanggungjawab menjalankan tugas ini. Tetapi tugas ini tidak dapat dilaksana-

kan dengan sempurna kerana unit ini kekurangan pegawai, tenaga terlatih serta sistem simpanan dan dapatan-balik yang berkesan.

- 264.1 Oleh sebab pentingnya maklumat, data dan idea pelajaran sebagai faktor pembantu kepada perancangan pelajaran, adalah diperakukan supaya Unit Data Pelajaran (Unit Data Bank) bukan sahaja menjadi unit data bahkan juga sebagai unit idea. Untuk menjadikan unit ini sebagai unit yang berkesan, keupayaan tenaga pegawai serta sistem simpanan dan dapatan-balik hendaklah diperkukuhkan.

### 5.3 BAHAGIAN SEKOLAH-SEKOLAH

265. Bahagian Sekolah-Sekolah adalah badan yang bertanggungjawab untuk mengawas pelaksanaan projek dan rancangan pelajaran yang dikendalikan oleh semua sekolah di bawah tadbiran Kementerian Pelajaran. Bahagian ini walau bagaimanapun tidaklah mentadbir sesebuah sekolah secara langsung.

266. Fungsi dan tugas Bahagian ini ialah:—

- (a) Menyelaras serta melaksanakan segala kegiatan ikhtias seperti rancangan dan projek pelajaran termasuklah projek kurikulum. Di samping itu Bahagian ini juga memberi perkhidmatan pimpinan ikhtias kepada pegawai-pegawai di bawah pentadbirannya.
- (b) Menyelaras serta melaksanakan kegiatan-kegiatan lain yang berkaitan dengan pengurusan sekolah seperti organisasi, penyeliaan, perjawatan dan kewangan.
- (c) Mengelolakan hal-hal yang berkaitan dengan sekolah berasrama penuh, pengajaran bahasa, pengajaran sains dan ilmu hisab, pelajaran kesihatan dan penilaian pemakanan, panduan pelajaran dan kerjaya, pendidikan kanak-kanak ca-

cat, perpustakaan, pelajaran lanjutan, kegiatan ko-kurikulum dan biasiswa kecil persekutuan.

- (d) Menempat dan mengatur pertukaran guru terlatih ke semua negeri di Semenanjung Malaysia mengikut keperluan dan bekalan guru yang ada.
- (e) Menghubungi ibubapa murid, orang ramai dan juga persatuan/kesatuan guru mengenai hal ehwal murid, guru dan sekolah.
- (f) Menerima laporan dari Jemaah Nazir Sekolah dan Jabatan Pelajaran Negeri untuk dikaji supaya dapat diambil tindakan yang sewajarnya.

267. Walaupun salah satu dari fungsi Bahagian Sekolah-Sekolah ialah memberi kepimpinan ikhtisas kepada semua sekolah di bidang organisasi, pentadbiran dan penyeliaan, tetapi adalah didapati bahawa kepimpinan ikhtisas yang diberikan kepada sekolah rendah jauh lebih kurang dari panduan yang diberikan kepada sekolah menengah. Keadaan ini timbul mungkin kerana pengurusan dan pentadbiran sekolah rendah adalah berbeza daripada apa yang berlaku di sekolah menengah dan bukanlah kerana kekurangan pegawai-pegawai yang berkelayakan. Oleh itu mungkin tidak diperlukan ramai pakar untuk Unit Sekolah Rendah seperti yang diberikan kepada Unit Sekolah Menengah kerana corak pengajaran dan pembelajaran di sekolah-sekolah menengah itu lebih mengambil bentuk pengkhususan. Di samping itu ketidakseimbangan dalam pembahagian pegawai-pegawai kepada kedua-dua unit ini mungkin juga disebabkan oleh penyusunan fungsi-fungsi yang kurang kemas dan penggunaan pegawai-pegawai yang tidak menepati latihan dan kepakaran masing-masing.

- 267.1 Untuk mengseimbangkan kemahiran dan kepakaran pegawai dengan satu-satu jawatan adalah diperakukan supaya diadakan satu kajian yang menyeluruh terhadap pengurusan supaya struktur, keperluan pengurusan dan pegawai yang sesuai serta seimbang untuk Bahagian ini dapat ditentukan. Malah kajian menyeluruh ini diperakukan juga su-



paya dijalankan bagi semua Bahagian di Kementerian Pelajaran.

### Sekolah Besar

268. Dasar Kerajaan untuk memberi pelajaran percuma yang dilaksanakan di sekolah rendah bermula pada tahun 1962 dan keputusan Kerajaan memansuhkan peperiksaan masuk ke sekolah menengah rendah bermula pada tahun 1964. Kedua-dua perubahan ini telah mengakibatkan satu pertambahan yang paling pesat dari segi jumlah bilangan murid (enrolmen) di kedua peringkat persekolahan; rendah dan menengah. Pertambahan penduduk yang pesat juga telah melipat-gandakan kemasukan murid-murid ke sekolah, dan ini mempercepatkan lagi perkembangan persekolahan yang di antara lain telah mengakibatkan beberapa buah sekolah menjadi terlampau besar.

### Sekolah Kecil

269. Peruntukan guru untuk sesebuah sekolah adalah tertakluk kepada Surat Pekeliling Pentadbiran Bil. 3/67 yang telah dikuatkuasakan mulai tahun 1968. Bagi sekolah rendah yang kecil Pekeliling ini menetapkan bahawa peruntukan guru adalah mengikut jumlah bilangan murid di sekolah berkenaan dan kadarnya adalah seperti di bawah ini:—

Jumlah Bilangan Murid	Bilangan Guru
20 – 29	1
30 – 39	2
40 – 59	3
60 – 99	4
100 – 139	5
180 dan lebih	Mengikut peruntukan sekolah rendah biasa.

270. Mengikut tinjauan yang telah dibuat pada tahun 1978 bilangan sekolah rendah yang mempunyai jumlah bilangan murid yang kecil adalah seperti berikut:—

Aliran	0-44	45-99	100-149	150-179	Jumlah
Sekolah Kebangsaan	86	222	248	171	727
SRJK (Cina)	40	91	105	48	284
SRJK (Tamil)	74	209	123	51	457
Jumlah	200	522	476	270	1,468

Sumber: Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Pelajaran, Kementerian Pelajaran, 1978.

Didapati kebanyakan daripada sekolah kecil, iaitu yang mempunyai jumlah bilangan murid kurang daripada 180 orang menghadapi masalah kekurangan guru. Dengan itu sekolah tersebut terpaksa mencantumkan dua atau tiga kelas, dan kelas bercantum ini diajar oleh seorang guru pada satu waktu. Kebanyakan sekolah ini adalah terletak di kawasan luar bandar. Kelas bercantum ini tidak boleh mewujudkan dan menjamin suasana pengajaran dan pembelajaran yang berkesan.

270.1 Usaha untuk menyatukan sekolah-sekolah kecil hendaklah diteruskan di mana yang mungkin. Jika penyatuan ini menimbulkan masalah pengangkutan murid-murid, maka kemudahan yang sewajarnya hendaklah disediakan dan sekolah yang menampung murid-murid itu hendaklah diberi kemudahan yang diperlukan.

270.2 Jika penyatuan tidak dapat dijalankan adalah dipraktikkan:—

- (a) Bilangan guru yang sewajarnya hendaklah ditambah, dan peruntukan Surat Pekeliling Pentadbiran Bil. 3/67 hendaklah disemak semula.
- (b) Diadakan peruntukan khas bertujuan untuk membaiki keadaan pengajaran dan pembelajaran dan bantuan ini hen-

daklah diasaskan mengikut keperluan setiap sekolah itu secara berasingan.

271. Pertambahan murid dengan pesat telah mengakibatkan pertambahan jumlah bilangan murid, dan saiz sekolah menjadi semakin besar. Keadaan sekolah bertambah sesak, untuk mengelakkan kesesakan ini pihak sekolah terpaksa mengadakan dua sidang; pagi dan petang. Keadaan scumpama ini menimbulkan masalah kerana pengurusan sekolah menjadi bertambah sukar dan kompleks. Oleh itu perlu ditentukan bahawa mereka yang dilantik sebagai guru besar perlu terdiri dari orang-orang yang betul-betul layak. Dengan demikian, memang wajarlah mereka yang paling kanan mengendalikan sekolah yang lebih besar.

271.1 Dalam kontek pengurusan sekolah-sekolah yang bertambah sukar dan rumit, maka adalah diperakukan supaya sekolah-sekolah perlu digredkan mengikut beban peranan masing-masing. Langkah pengredan sekolah-sekolah ini memang sesuai dengan syor Suruhanjaya Gaji Aziz, dan hendaklah dilakukan dari semasa ke semasa mengikut keperluan keadaan.

### Jabatan Pelajaran Negeri

272. Jabatan Pelajaran Negeri (JPN) diketuai oleh Pengarah Pelajaran Negeri, seorang pegawai ikhtisas yang bertanggungjawab untuk melaksanakan dasar, projek dan program pelajaran di peringkat negeri. Sebagai ketua jabatan, ia menjadi ketua dalam bidang ikhtisas dan pentadbiran. Pengarah Pelajaran Negeri bertanggungjawab terus kepada Kementerian Pelajaran.

273. Pada umumnya Jabatan Pelajaran Negeri mempunyai fungsi seperti berikut:—

- (a) Melaksanakan dasar pelajaran bagi pihak Kementerian Pelajaran seperti yang diperuntukkan dalam Akta Pelajaran, 1961.
- (b) Melaksanakan rancangan pelajaran di negeri

masing-masing dengan mengurus, menyelia dan mengawasi perkara yang berkait dengan kurikulum, radio dan TV pendidikan, sekim pinjaman buku teks, perpustakaan, kegiatan ko-kurikulum, panduan pelajaran dan kerjaya, rancangan bahasa, pelajaran kesihatan dan penilaian pemarkahan, majlis sukan sekolah-sekolah, serta hal-hal perjawatan, kewangan dan pembangunan.

274. Untuk melaksanakan tugasnya, Pengarah Pelajaran Negeri dibantu oleh seorang Timbalan Pengarah Pelajaran, beberapa orang Pengelola Sekolah, Penolong Pengelola Sekolah dan beberapa orang pegawai ikhtisas yang lain serta pegawai perkeranian. Dengan bantuan pegawai-pegawai yang tersebut, Pengarah Pelajaran Negeri melaksanakan semua rancangan pelajaran yang dipertanggungjawabkan oleh Kementerian Pelajaran yang melibatkan pengurusan di bidang pentadbiran am dan ikhtisas.

275. Perkembangan dan pembangunan yang pesat dalam bidang pendidikan adalah satu kenyataan yang tidak dapat dinafikan dengan adanya pertambahan yang pesat dalam bilangan sekolah, guru dan murid dari setahun ke setahun. Adalah didapati perkembangan dan pertumbuhan dari segi ini di sesebuah negeri telah melipatgandakan lagi beban tugas Jabatan Pelajaran Negeri, dan ini termasuklah pertambahan tugas pentadbiran. Tugas-tugas pentadbiran ini terpaksa dipikul juga oleh pegawai-pegawai ikhtisas selain daripada tugas-tugas profesional mereka. Ini didapati perlu dilakukan kerana tugas profesional dan tugas pentadbiran merupakan dua unsur yang tidak dapat dipisahkan di mana tugas profesional menjadi terasnya dan tugas pentadbiran pula menjadi perkhidmatan sokongannya. Oleh yang demikian tugas-tugas pentadbiran ini memerlukan pengetahuan serta kefahaman di bidang ikhtisas agar keseluruhan jentera pengurusan ikhtisas di Jabatan Pelajaran Negeri itu dapat bergerak dengan lebih licin dan lebih berkesan lagi.

276. Jabatan Pelajaran Negeri ialah nadi kepada jentera keseluruhan kegiatan pendidikan di peringkat negeri. Tegasnya Jabatan Pelajaran Negeri ialah faktor penentu yang utama,

yang berarti jika segala-galanya berjalan dengan licin dan lancar di Jabatan Pelajaran Negeri maka pasti akan terjaminlah pengurusan pendidikan di peringkat daerah dan sekolah. Satu-satunya cara untuk meninggikan lagi kejayaan-tugas Jabatan ini ialah dengan meningkatkan lagi kemampuannya melalui penambahan bilangan kakitangan ikhtisas yang berkelayakan, berpengalaman serta cekap, sesuai dengan fungsi dan peranannya yang sebenar pada hari ini.

276.1 Adalah diperakukan supaya satu kajian yang menyeluruh dijalankan ke atas struktur dan organisasi Jabatan Pelajaran Negeri dengan memberi tumpuan khas kepada aspek menentukan struktur yang mencukupi supaya keperluan kepegawaian yang sebenar dapat diketahui selaras dengan fungsi dan beban tugas yang kian bertambah.

277. Adalah baik jika pelajaran dan persekolahan dapat dihubungkan dengan kuasa tempatan di peringkat negeri, tetapi dalam konteks negara sekarang di mana perpaduan negara menjadi matlamat ulung pendidikan, maka sistem pengurusan pusat (centralization) yang sedia wujud sekarang yang bertujuan untuk melahirkan dan memupuk perpaduan ini perlu diteruskan. Sistem pengurusan pusat ini juga boleh menjamin penggunaan optima sumber-sumber fizikal dan kepakaran dalam sektor pelajaran serta mengelakkan tugas-tugas yang bertindih-tindan yang membazirkan.

277.1 Untuk memelihara perpaduan negara adalah diperakukan supaya sistem pengurusan yang diarahkan dari pusat dikekalkan. Ini bermakna perancangan pelajaran hendaklah dari pusat dengan menggunakan input dan maklumat yang dibekalkan dari peringkat negeri menerusi Jawatankuasa Perancangan Pelajaran Negeri yang perlu ditubuhkan di setiap Jabatan Pelajaran Negeri.

### Peringkat Sekolah

278. Di peringkat sekolah, guru besar bertanggungjawab

untuk menguruskan sekolah dalam semua bidang. Biasanya guru besar dibantu oleh seorang guru penolong kanan, beberapa orang guru biasa, kerani dan kakitangan yang lain. Pada umumnya tugas guru besar adalah seperti berikut:—

- (a) Melaksanakan semua rancangan pendidikan yang ditetapkan oleh Kementerian Pelajaran.
- (b) Mengawas dan membimbing guru-guru di sekolah untuk menjamin mutu pengajaran-pembelajaran di sekolah.
- (c) Mengawas dan menyelia murid-murid dalam pelajaran mereka dan dalam hal seperti disiplin, kegiatan sukan, persatuan, kerja-kerja amal dan sebagainya.
- (d) Mengadakan perhubungan yang baik dan berkesan dengan ibubapa dan orang ramai melalui Persatuan Ibubapa dan Guru (PIBG) serta Jemaah Pengurus/Lembaga Pengelola Sekolah.

279. Didapati taraf pengurusan dan pentadbiran di setengah-setengah sekolah kurang memuaskan. Ini adalah kerana guru besar yang berkenaan kurang mempunyai latihan dalam pentadbiran. Dan dengan itu mereka menjalankan tugas pentadbiran mengikut budibicara dan daya intuitif mereka sendiri. Didapati juga setengah-setengah guru besar kurang mengikuti perkembangan baru dalam bidang pengurusan pendidikan.

279.1 Untuk menjaga taraf pengurusan di peringkat sekolah adalah diperakukan guru besar hendaklah diberi latihan dalam bidang pengurusan. Kursus ini hendaklah juga mendedahkan perkembangan baru dalam bidang pengurusan kepada semua guru besar itu agar mereka dapat memberi kepimpinan ikhtisas yang lebih berkesan.

280. Kerani sekolah merupakan tenaga pembantu yang tidak kurang pentingnya dalam pentadbiran sekolah. Mereka dihantar terus berkhidmat ke sesebuah sekolah tanpa sebarang latihan. Amalan ini merugikan kerana seseorang kerani

itu tidak dapat mempelajari dahulu tugasnya dari kerani lain kerana menurut kelaziman hanya seorang kerani sahaja diperuntukan bagi sesebuah sekolah. Oleh itu latihan pra khidmat adalah sangat perlu baginya.

280.1 Dalam hal ini adalah diperakukan:—

- (a) Kerani baru hendaklah diberi kursus pra khidmat sebelum ia dihantar ke sekolah.
- (b) Kerani-kerani yang sedang bertugas di sekolah hendaklah diberi latihan dalam perkhidmatan yang cukup dalam bidang perkeranian dan yang berkaitan dengan dasar pelajaran. Langkah ini sangatlah perlu untuk membina kesedaran di kalangan mereka melalui orientasi yang betul.

281. Adalah difahamkan bahawa semua sekolah, tanpa mengira saiz dan penempatannya mesti menjalankan urusan perkeranian. Beban tugas ini lebih dirasai lagi di sekolah-sekolah kecil berpunca dari keadaan serba-serbi yang kurang lengkap. Dalam keadaan sekarang, oleh kerana terdapat kekurangan kerani, guru-guru terpaksa menjalankan tugas-tugas bukan ikhtisas dan ini menjejaskan prestasi mereka dalam bidang ikhtisas. Adalah difikirkan bahawa sepatutnya setiap sekolah dibekalkan sekurang-kurangnya dengan seorang pegawai kerani.

281.1 Adalah diperakukan supaya satu kajian dijalankan untuk mengetahui keadaan sebenar mengenai tugas pentadbiran dan perkeranian di sekolah supaya dapat digunakan sebagai asas bagi menentukan peruntukan pegawai kerani.

#### 5.4 BAHAGIAN LATIHAN GURU

282. Bahagian Latihan Guru (BLG) bertanggungjawab melatih calon-calon guru untuk memenuhi keperluan tenaga pe-

ngajar sekolah rendah dan menengah bantuan kerajaan kecuali latihan guru siswazah yang dikelolakan sendiri oleh universiti. Pada tahun 1978 terdapat 19 buah maktab perguruan yang memberi latihan pra khidmat selama dua tahun kepada guru-guru pelatih, kecuali kursus pertukangan yang dijalankan selama tiga tahun di Maktab Perguruan Teknik di samping mengendalikan juga kursus dua tahun untuk Seni Perusahaan dan kursus Perdagangan. Manakala di Sabah dan Sarawak pula terdapat enam buah maktab perguruan, iaitu tiga buah di Sabah dan tiga lagi di Sarawak.

283. Bahagian ini juga mengendalikan kursus dalam perkhidmatan yang terbahagi kepada dua jenis iaitu:—

- (a) Latihan dalam perkhidmatan selama tiga tahun bagi guru sementara yang telah mempunyai pengalaman mengajar selama sekurang-kurangnya tiga tahun.
- (b) Latihan bagi guru terlatih yang bertujuan untuk mengemaskinikan pengetahuan ikhtisas mereka dalam kaedah dan teknik mengajar. Di samping itu Bahagian ini juga menjalankan kursus dalam perkhidmatan bagi Bahasa Malaysia sebagai bahasa pengantar untuk guru-guru bukan Melayu sesuai dengan rancangan alih-bahasa yang berjalan secara berperingkat-peringkat dalam sistem persekolahan negara kita.

284. Sejak dimulakan rancangan alihbahasa, Bahagian Latihan Guru telah menyelenggarakan kursus dalam Perkhidmatan untuk guru-guru bukan Melayu yang belum cekap mengajar dalam Bahasa Malaysia. Kecekapan mengajar seseorang guru tidak dapat dipastikan setelah tamat sahaja ia dari latihan. Adalah difikirkan kecekapannya itu hanya dapat diketahui melalui penilaian yang dilakukan secara berterusan.

284.1 Untuk memastikan kecekapan guru-guru bukan Melayu mengajar dalam Bahasa Malaysia maka adalah diperakukan penilaian berterusan dibuat untuk mengetahui penguasaan dan kecekapan dalam penggunaan Bahasa Malaysia. Sekiranya perlu, latihan se-



lanjutnya sebagai usaha pengukuh hendaklah diberi agar guru yang telah mengikuti kursus dalam perkhidmatan ini akan lebih mahir mengajar dalam Bahasa Malaysia.

285. Setakat ini belum ada sebuah maktab atau institusi pelajaran tempatan yang menawarkan latihan bagi pegawai-pegawai di bawah Kementerian Pelajaran untuk meninggikan taraf ikhtisas mereka. Pada masa ini kebanyakan pegawai ikhtisas yang memerlukan latihan lanjutan biasanya dihantar ke luar negeri. Amalan ini melibatkan perbelanjaan yang tinggi dan bilangan pegawai yang dapat dihantar adalah terhad. Selain daripada itu, bidang kajian yang mereka ikuti dan juga cara pemikiran terhadap sesuatu isu pendidikan mempunyai orientasi yang asing. Ini tidak mungkin memberikan faedah yang maksima kepada negara.

285.1 Memandangkan betapa pesatnya perkembangan pendidikan di negara ini, dan perlunya latihan bagi pegawai ikhtisas dan kakitangan lain di bawah Kementerian Pelajaran untuk menghasilkan kerja dan output yang lebih bermutu, maka sudah sampailah masanya supaya sebuah Institut Latihan Kakitangan Pendidikan Negara (National Educational Staff Training Institute) ditubuhkan.

286. Masyarakat hari ini memandang berat terhadap kualiti guru yang dihasilkan, malah ramai pula yang merasa bimbang kerana ada di antara guru-guru yang tidak menunjukkan disiplin dan nilai-nilai etika seperti mana yang diharap-harapkan. Ada juga pendapat yang mengatakan bahawa jika lebih ramai lagi guru kita tidak betul-betul ditanamkan dengan disiplin dan nilai-nilai yang diinginkan ini, mereka akan gagal dalam menjalankan tugas mereka sebagai agen pendidikan dan pembimbing yang penting kepada generasi akan datang bagi pembentukan sebuah masyarakat yang berdisiplin dan bersepadu.

287. Sistem pengambilan calon-calon ke maktab-maktab perguruan pada hari ini adalah melalui proses temuduga

yang dilakukan oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran (SPP). Mereka yang berjaya dalam temuduga tadi akan diberi latihan di maktab perguruan, dan selepas lulus latihan ini bakal-bakal guru tadi selalunya diterima terus masuk ke dalam Perkhidmatan Pelajaran, seolah-olah memberi jaminan kerja secara otomatik. Dari pengalaman yang lepas, jaminan kerja seperti ini boleh melahirkan sikap negatif di kalangan guru-guru terlatih.

287.1 Pemilihan bakal-bakal guru ke dalam Perkhidmatan Pelajaran mestilah berasaskan kepada kesesuaian calon-calon dari segi kebolehan, minat, sikap, dedikasi, sahsiah dan watak calon-calon tersebut. Kelulusan dalam latihan perguruan sahaja tidaklah memadai dan boleh menjamin bahawa mereka itu akan dilantik sebagai Pegawai Perkhidmatan Pelajaran. Dengan itu diperakukan bahawa pemilihan calon-calon untuk masuk ke maktab-maktab perguruan dilakukan oleh Kementerian Pelajaran sendiri. Selepas guru-guru pelatih ini lulus latihan perguruan barulah mereka boleh memohon untuk memasuki Perkhidmatan Pelajaran.

288. Mutu latihan perguruan berkait rapat dengan kualiti pensyarah-pensyarah yang menjalankan latihan itu. Untuk menghasilkan mutu latihan yang tinggi para pensyarah maktab perguruan perlu mempunyai kelulusan akademik dan ikhtisas yang lebih tinggi di samping mempunyai ciri-ciri peribadi yang bersesuaian dengan fungsi dan peranan mereka sebagai pelatih guru. Pada masa ini didapati tidak ada suatu sistem pemilihan pensyarah yang kemas yang dapat menjamin kualiti mereka. Cara-cara pemilihan yang lebih rapi dan sesuai patut dikenakan ke atas pegawai perkhidmatan pelajaran yang ingin menjadi pensyarah.

288.1 Adalah diperakukan satu sistem pemilihan pensyarah-pensyarah perlu diadakan supaya pegawai-pegawai yang dipilih itu bukan sahaja sesuai dari segi kelayakan akademik

dan ikhtisas tetapi juga dari segi peribadi dan sahsiah. Calon-calon yang terpilih hendaklah diberi peluang berkhidmat sebagai pensyarah dalam satu tempoh jangka waktu percubaan, jika didapati tidak layak mereka hendaklah dihantar balik memegang jawatan asal mereka.

## 5.5 PUSAT PERKEMBANGAN KURIKULUM

289. Pusat Perkembangan Kurikulum ditubuhkan dalam tahun 1973 untuk menyatukan berbagai usaha penggubalan kurikulum yang dahulunya dibuat oleh beberapa Bahagian tertentu di Kementerian Pelajaran. Pada masa ini segala kegiatan yang dijalankan oleh Pusat Perkembangan Kurikulum bertujuan untuk menghasilkan kaedah perkembangan kurikulum yang sistematik dan rancangan kurikulum untuk semua peringkat persekolahan; rendah dan menengah dalam semua matapelajaran melainkan matapelajaran teknik dan vokasional, matapelajaran kesihatan dan matapelajaran Penguasaan Agama Islam.

290. Tugas utama Bahagian ini adalah seperti berikut:

- (a) Menjalankan penyelidikan terhadap perkembangan murid dari segi pertumbuhan jasmani, mental, emosi, sosial dan bahasa; kesan pembelajaran dari berbagai rancangan kurikulum yang dilaksanakan dalam pelbagai keadaan dan situasi; dan keperibadian serta peranan guru dalam bidang persekolahan.
- (b) Membuat penilaian untuk menjamin kesesuaian dan kesan kurikulum serta menentukan bidang yang memerlukan kajian semula.
- (c) Menggubal rancangan kurikulum dengan berpandukan hasil penyelidikan dan penilaian bagi mencapai matlamat pendidikan di peringkat rendah dan menengah, menyediakan bahan sokongan untuk guru-guru berkaitan dengan kaedah mengajar yang berkesan dengan tujuan

meninggikan lagi mutu pengajaran dan pembelajaran di sekolah.

- (d) Mencuba dan menguji secara terkawal di dalam bilik darjah berbagai rancangan dan bahan kurikulum.
- (e) Melatih para guru besar dan guru dalam penggunaan rancangan dan bahan yang disediakan supaya mereka mendapat orientasi yang betul dalam menggunakan bahan kurikulum yang dikeluarkan.
- (f) Menyebarkan pengetahuan mengenai pembaharuan dan amalan kurikulum.
- (g) Menjadi urusetia kepada Jawatankuasa Pusat Kurikulum, Kementerian Pelajaran.

291. Kegiatan menggubal kurikulum dan menyediakan bahan-bahan pengajaran dan pembelajaran dijalankan mengikut langkah-langkah dan peringkat perkembangan yang tertentu, iaitu penentuan garis panduan, penyediaan bahan-bahan prototaip dan percubaan bahan-bahan di bilik darjah oleh guru-guru dan murid-murid. Berdasarkan maklumatbalik dari percubaan tadi, bahan-bahan kurikulum itu disemak sebelum digunakan secara meluas di sekolah-sekolah. Proses menyediakan kurikulum ini memerlukan kemahiran khusus dan masa yang cukup.

292. Untuk menjaga mutu kurikulum yang dihasilkan itu, adalah didapati bahawa pegawai-pegawai yang bertanggungjawab untuk menjalankan tugas itu mestilah terdiri daripada pegawai-pegawai yang mempunyai pengalaman mengajar yang cukup di dalam pengajaran di bilik darjah, serta mempunyai pengetahuan dan kemahiran yang khusus di dalam teknik perkembangan, penilaian dan penyelidikan kurikulum. Pegawai-pegawai ini haruslah diberi latihan khusus dan selepas itu mestilah berkhidmat di Pusat Perkembangan Kurikulum dalam jangka masa yang sesuai. Dalam keadaan sekarang pegawai-pegawai yang terlatih tidak dapat dikekalkan perkhidmatan mereka di Pusat Perkembangan Kurikulum seperti yang diperlukan. Ini adalah kerana pegawai-pegawai itu terpaksa keluar untuk menerima tawaran kenaikan pangkat

di Bahagian-Bahagian lain. Amalan ini merugikan Pusat Perkembangan Kurikulum kerana pengalaman, latihan dan kepakaran mereka tidak dapat digunakan dengan sebaiknya di Pusat ini.

293. Adalah juga dirasai bahawa kumpulan yang menghasilkan kurikulum itu perlu terdiri daripada pegawai-pegawai yang berkebolehan di dalam bidang teori dan dasar pelajaran, serta guru-guru yang berpengalaman di dalam bilik darjah. Di samping itu dalam melaksanakan sesuatu perancangan projek, Pusat Perkembangan Kurikulum akan memerlukan tambahan pegawai-pegawai untuk tempoh jangka masa tertentu. Untuk tujuan ini adalah didapati perlu diwujudkan satu peraturan yang membolehkan guru-guru berkhidmat di Pusat Perkembangan Kurikulum dalam jangka masa pendek dan di samping itu pihak sekolah pula boleh mendapatkan guru penggantinya.

293.1 Untuk menjamin dan meninggikan mutu rancangan kurikulum yang diusahakan di Pusat Perkembangan Kurikulum, adalah diperakukan bahawa pegawai-pegawai yang dipilih untuk bertugas di Pusat Perkembangan Kurikulum mestilah mempunyai kelayakan dan pengalaman mengajar di bilik darjah yang cukup. Latihan yang sesuai hendaklah diberikan kepada mereka. Untuk menentukan bahawa pegawai-pegawai ini dapat berkhidmat di Pusat Perkembangan Kurikulum dalam jangka masa yang sesuai, satu sistem kenaikan pangkat yang membolehkan mereka mendapat dan menerima tawaran kenaikan pangkat dan terus berkhidmat di Pusat Perkembangan Kurikulum hendaklah diwujudkan.

293.2 Untuk menentukan supaya setiap rancangan kurikulum yang dihasilkan oleh Pusat Perkembangan Kurikulum itu sesuai untuk dilaksanakan di sekolah-sekolah, adalah diperakukan supaya kumpulan yang menjalankan

sesuatu projek itu hendaklah terdiri daripada pegawai-pegawai yang terlatih serta guru-guru yang berpengalaman. Satu peraturan hendaklah diadakan untuk membolehkan guru-guru ini berkhidmat dalam jangka masa pendek di Pusat Perkembangan Kurikulum dan sekolah-sekolah yang berkenaan mendapatkan guru-guru ganti.

294. Walaupun Pusat Perkembangan Kurikulum bertanggungjawab menyediakan kurikulum untuk kegunaan sekolah-sekolah, terdapat beberapa Bahagian lain di Kementerian Pelajaran yang ada juga menjalankan tugas yang hampir sama atau berkaitan dengan penyediaan kurikulum. Bahagian-bahagian ini adalah seperti Biro Buku Teks yang terlibat di dalam penilaian bahan bacaan dan buku teks, Bahagian Perkhidmatan Sebaran Pendidikan dalam Penghasilan bahan sokongan mengajar terutamanya alat pandang dengar. Walaupun amalan ini boleh menimbulkan pergandaan dan pembaziran kepegawaian dan bahan, hal ini tidaklah dapat dielakkan demi untuk mempelbagaikan bahan kurikulum di samping meninggikan mutu bahan yang dihasilkan. Amalan ini boleh diteruskan dengan mengadakan pakatan dan kerjasama yang erat di antara Bahagian-Bahagian yang berkenaan dengan Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Pelajaran menjadi agensi penyelaras bagi menentukan supaya penghasilan kurikulum menepati rancangan pelajaran yang bersepadu bagi seluruh negara. Tugas penyelaras dari segi kurikulum ini sebaik-baiknya dilakukan oleh Pusat Perkembangan Kurikulum, sebagai Bahagian utama di dalam kegiatan kurikulum.

294.1 Untuk mempelbagaikan dan meninggikan mutu bahan kurikulum yang dihasilkan, bahagian-bahagian lain yang menjalankan tugas yang hampir sama atau berkaitan dengan penyediaan kurikulum hendaklah terus menjalankan kegiatan-kegiatan ini, tetapi kegiatan-kegiatan tersebut hendaklah berteraskan pakatan dan kerjasama yang erat di antara Bahagian-Bahagian yang berkenaan. Adalah diperakukan supaya Pusat

Perkembangan Kurikulum menjalankan tugas penyelarasan kepada semua kegiatan perkembangan kurikulum yang dilakukan oleh Bahagian-Bahagian lain di Kementerian Pelajaran. Satu sistem penyelarasan yang berkesan hendaklah diwujudkan di Pusat Perkembangan Kurikulum dengan Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Pelajaran memainkan peranan untuk menjamin penghasilan kurikulum supaya selaras dengan dasar pelajaran bersepadu bagi seluruh negara. Untuk tujuan ini hendaklah ditentukan supaya Pusat Perkembangan Kurikulum mempunyai keupayaan dari segi kepegawaian dan cara kerja.

## 5.6 LEMBAGA PEPERIKSAAN

295. Mengikut Akta Pelajaran, 1961, Lembaga Peperiksaan adalah bertanggungjawab untuk mengendalikan peperiksaan-peperiksaan awam di Malaysia, sama ada dikelolakan sendiri olehnya atau dengan kerjasama badan-badan peperiksaan luar negeri. Di samping itu Lembaga Peperiksaan juga mengendalikan peperiksaan-peperiksaan lain bagi pihak badan-badan peperiksaan luar negeri.

296. Lembaga Peperiksaan bermula sebagai satu unit kecil di Kementerian Pelajaran dan kini sudah menjadi sebuah badan yang besar. Sejak penubuhannya Lembaga Peperiksaan telah mengendalikan beberapa jenis peperiksaan dan ujian di beberapa peringkat. Dalam kegiatannya, Lembaga ini juga menggariskan kepada guru-guru tentang cara-cara mengesan kelemahan murid-murid dalam pembelajaran sehari-hari di bilik darjah dengan berpandukan keputusan yang diperolehi dari Ujian Diagnostik Darjah III. Unit komputer di Lembaga Peperiksaan membolehkan Lembaga ini menganalisa data dengan sistematik dan berkesan dalam usaha membuat pembaharuan dan pemodenan mengenai aspek kerja dan bentuk ujian.

297. Tugas Lembaga ini adalah seperti berikut:

- (a) Mengelola dan mentadbir peperiksaan-peperiksaan Sijil Rendah Pelajaran/Lower Certificate of Education, Sijil Pelajaran Malaysia/Malaysia Certificate of Education, Higher School Certificate dan lain-lain ujian di peringkat sekolah mengikut keperluan sistem pendidikan negara.
- (b) Menguruskan lebih kurang 22 peperiksaan besar bagi pihak badan-badan peperiksaan luar negeri seperti London University, London Chamber of Commerce dan lain-lain agensi.
- (c) Mengelolakan bengkel untuk guru-guru mengenai pembinaan ujian dan pemeriksaan kertas jawapan bagi beberapa peperiksaan yang tertentu.
- (d) Memberi khidmat komputer kepada Bahagian-Bahagian lain di Kementerian Pelajaran, agensi-agensi Kerajaan dan badan-badan berkanun.

298. Lembaga Peperiksaan dibantu oleh Jabatan Pelajaran Negeri dalam tugasnya mengendalikan peperiksaan tersebut di dalam perenggan 297(a) dan 297(b).

299. Kini sudah 21 tahun Lembaga Peperiksaan menjalankan peranan dan fungsi seperti yang telah digariskan dalam Akta Pelajaran, 1961. Tugas-tugas yang digariskan dalam Akta ini melibatkan kerja-kerja penilaian (evaluation), pemilihan (selection) dan pensijilan (certification). Dengan berkembangnya kegiatan Lembaga Peperiksaan dan berlipatgandanya bilangan peperiksaan yang dikendalikannya, maka segala usaha perlu diambil untuk mengekal, bahkan membaiki lagi kelincinan dan kecekapan pengurusan peperiksaan. Dalam usaha untuk mengambil-alih secara beransur-ansur tanggungjawab mengelolakan semua peperiksaan awam peringkat persekolahan yang kini di bawah kelolaan badan-badan peperiksaan luar negeri, maka matlamat untuk mengekalkan taraf serta memelihara keutuhan peperiksaan tersebut amatlah mustahak diberi keutamaan.

299.1 Dalam usaha mengambil-alih tanggungjawab mengelolakan semua peperiksaan awam,



adalah diperakukan supaya usaha ditumpukan kepada langkah-langkah untuk menjamin kelicinan pengurusan dan taraf peperiksaan yang diuruskan supaya keyakinan masyarakat terhadap peperiksaan sentiasa teguh.

300. Adalah didapati kegiatan Lembaga Peperiksaan telah berkembang dengan pesatnya. Pada tahun 1956 hanya dua jenis ujian percubaan dikelolakan. Pada tahun 1977 Lembaga ini mengendalikan 32 jenis peperiksaan kesemuanya yang terdiri dari tujuh peperiksaan tempatan yang dikelolaknya sendiri, tiga peperiksaan gabungan yang dikelolakan dengan kerjasama pihak Cambridge dan 22 peperiksaan luar yang diuruskan bagi pihak badan-badan peperiksaan luar negeri. Ketiga-tiga kumpulan peperiksaan ini melibatkan lebih dari satu juta calon pada tahun 1978 dan belanja mengurusnya adalah berjumlah sebanyak \$19 juta. Pada tahun 1978 buat pertama kalinya pengelolaan Peperiksaan SPM/MCE diambil alih sepenuhnya daripada pihak Lembaga Peperiksaan Universiti Cambridge. Dengan berlipatgandanya bilangan peperiksaan yang diuruskan maka beban kerjanya juga turut bertambah. Bidang pengurusan peperiksaan perlu mematuhi jadual kerja yang ketat supaya peperiksaan dapat dijalankan tepat mengikut jadual waktunya. Calon-calon membayar yuran untuk mengambil peperiksaan dan dengan itu mereka berhak mendapatkan khidmat yang licin dan cekap. Perkhidmatan yang cekap ini memerlukan peruntukan kewangan yang cukup dan kuasa untuk menggunakannya tanpa banyak halangan seperti yang terdapat sekarang.

300.1 Untuk membolehkan Lembaga ini berkhidmat dengan lebih cekap maka adalah diperakukan supaya sebuah Tabung Amanah diadakan bagi semua peperiksaan yang dikendalikan oleh Lembaga Peperiksaan. Peraturan bagi Tabung Amanah ini hendaklah juga disesuaikan untuk membolehkan Lembaga Peperiksaan menggunakan wang itu pada bila-bila masa sahaja diperlukan dan dengan sekatan atau kawalan yang minima

supaya tidak menghindarkan pentadbiran kewangan peperiksaan yang memerlukan tindakan segera.

301. Adalah juga difikirkan dengan wujudnya sistem dan alat penilaian pelajaran yang bertambah luas maka penyelidikan perlu diselenggarakan untuk menentukan keesahan dan kesan ujian yang dibina dan ditadbirkan itu. Dengan ini juga pegawai yang mengendalikan tugas yang terlibat itu hendaklah cekap, terlatih dan sentiasa mengemaskinikan kemahiran dan kepakarannya.

301.1 Untuk mengekalkan peperiksaan sebagai alat penilaian yang berkesan adalah diperakukan supaya kakitangan Lembaga Peperiksaan diberi latihan dengan tujuan menokok dan mengemaskinikan kemahiran dan keupayaan mereka mengendalikan kerja-kerja yang berhubung dengan peperiksaan sesuai dengan perkembangannya yang pesat pada hari ini.

302. Terdapat pada masa ini berbagai peperiksaan awam luar negeri yang dikendali dan dikelolakan oleh banyak agensi secara bebas; kadang-kadang di luar langsung daripada pengetahuan Lembaga Peperiksaan. Namun begitu ada juga setengah-setengah peperiksaan ini secara tidak langsung melibatkan pihak Lembaga. Walaupun memang tidak terdaya bagi Lembaga ini untuk mengawal dan mengendalikan segala jenis peperiksaan yang ada sekarang ini, tetapi sekurang-kurangnya Lembaga ini patut diperalatkan dengan suatu peraturan atau kaedah untuk membolehkannya menapis serta mengenakan tindakannya ke atas mana-mana peperiksaan tadi yang didapati mempunyai unsur-unsur yang bertentangan dengan kepentingan negara.

302.1 Kementerian Pelajaran tidaklah berniat untuk menolak atau menyekat sama sekali segala peperiksaan awam luar negeri daripada dikendalikan oleh berbagai pihak swasta di negara ini, sekiranya peperiksaan-pepe-

riksaan itu tidak menyusahkan Kementerian Pelajaran. Oleh itu adalah diperakukan bahawa Pengarah Peperiksaan diberi kuasa pembatal ke atas sesuatu peperiksaan, kecuali peperiksaan-peperiksaan yang di bawah kuatkuasa Majlis Peperiksaan Malaysia. Kuasa membatalkan ini hanya boleh digunakan sekiranya sesuatu peperiksaan itu difikirkan boleh menggugat imej Kementerian Pelajaran dan menjejaskan kepentingan negara.

303. Sebahagian besar beban pengurusan peperiksaan awam diserahkan kepada Jabatan Pelajaran Negeri, dan pegawai yang bertanggungjawab menguruskannya ialah Setiausaha Peperiksaan Negeri. Jawatan Setiausaha Peperiksaan ini telah dinaikkan taraf tetapi kebanyakan pegawai yang memegangnya tidak mempunyai kelayakan akademik yang disyaratkan.

303.1 Setiausaha Peperiksaan Negeri hendaklah terdiri dari pegawai-pegawai yang mempunyai kelayakan, pengalaman dan kepakaran dalam bidang pengurusan peperiksaan. Walau bagaimanapun jawatan ini telah dinaikkan tarafnya dan pemegangnya sekarang tidak mempunyai kelayakan akademik seperti yang disyaratkan. Oleh itu adalah diperakukan satu tangga gaji khas sebagai alternatif hendaklah diadakan bagi mereka setimpal dengan beban tugas yang dipertanggungjawabkan kepada mereka.

## 5.7 JEMAAH NAZIR SEKOLAH

304. Jemaah Nazir Sekolah Persekutuan telah ditubuhkan pada bulan Oktober, 1956 atas perakuan yang terkandung dalam Penyata Razak (1956) perenggan 42 hingga perenggan 45 dan seterusnya diberi pengesahan oleh Ordinan Pelajaran 1957, perenggan 92 - 96. Pada mulanya Jemaah Nazir Sekolah Persekutuan ialah sebuah jabatan bebas yang bertanggung-

jawab terus kepada Menteri Pelajaran. Mulai tahun 1961, Jemaah Nazir Sekolah dijadikan salah sebuah Bahagian di Kementerian Pelajaran.

305. Di Sarawak sebuah Jemaah Nazir Sekolah telah ditubuhkan pada tahun 1962 dan di Sabah pada tahun 1964.

306. Tujuan Jemaah Nazir Sekolah ditubuhkan ialah untuk memerhati, mengawasi dan menasihati guru supaya mutu pengajaran dan pembelajaran serta pengelolaan pentabiran di sekolah terpelihara dan seterusnya dapat diperbaiki.

307. Dalam menjalankan tugasnya, ahli Jemaah Nazir melakukan pemeriksaan semua jenis sekolah. Pemeriksaan dilakukan dengan berbagai cara termasuk pemeriksaan menyeluruh yang dilakukan untuk menilai setiap aspek persekolahan. Bilangan nazir yang terlibat dalam sesuatu pemeriksaan itu bergantung kepada jenis dan saiz sesebuah sekolah itu. Biasanya pemeriksaan menyeluruh mengambil masa seminggu, pemeriksaan matapelajaran mengambil masa satu atau dua hari, dan pemeriksaan biasa mengambil masa sehari sahaja.

308. Laporan bertulis mengenai sesuatu pemeriksaan digunakan dengan berbagai cara mengikut tujuan pemeriksaan itu dilakukan. Mengikut amalan yang lama, laporan pemeriksaan menyeluruh dihantar terus kepada Menteri Pelajaran sementara laporan-laporan pemeriksaan biasa bagi sekolah-sekolah di sesebuah kawasan dihantar kepada Pengarah Pelajaran Negeri yang berkenaan. Laporan bagi pemeriksaan lain seperti pemeriksaan matapelajaran atau pentadbiran diberikan kepada guru besar dan salinannya dihantar kepada Pengarah Bahagian Sekolah-sekolah di Kementerian Pelajaran dan Pengarah Pelajaran Negeri yang berkenaan.

309. Mulai tahun 1977, Jemaah Nazir Sekolah telah melaksanakan satu sistem penyampaian laporan dengan lebih berkesan, iaitu selepas sesuatu pemeriksaan dilakukan tiga jenis laporan disediakan mengikut peringkat. Peringkat pertama dikemukakan kepada guru besar sekolah untuk makluman dan tindakannya tentang perkara-perkara yang di bawah pengelolaan dan pelaksanaannya; peringkat kedua kepada Pengarah Pelajaran Negeri berhubung dengan perkara-perkara

yang sepatutnya mendapat perhatian dan pertimbangannya, dan peringkat ketiga laporan dihantar kepada Menteri Pelajaran melalui Ketua Pengarah Pelajaran sekiranya terdapat isu-isu penting untuk makluman dan tindakannya.

310. Selain daripada tugas biasa, Jemaah Nazir juga mengendalikan kursus, ceramah, seminar dan kajiselicik yang ada hubungan dengan tujuan untuk meninggikan lagi mutu pelajaran. Jemaah Nazir Sekolah juga melakukan lawatan ke pusat peperiksaan, memeriksa guru dalam latihan, mengeluarkan Jurnal Kementerian Pelajaran dengan kerjasama lain-lain Bahagian di Kementerian Pelajaran, dan melaksanakan beberapa lagi tugas yang lain.

311. Pemeriksaan penuh hendaklah dilakukan oleh Jemaah Nazir ke atas tiap-tiap buah sekolah; rendah dan menengah, sekurang-kurangnya sekali setahun. Untuk melaksanakan tugas-tugas ini dan tugas-tugas lain yang perlu juga dilaksanakan, maka bilangan nazir perlu ditambah berasaskan nisbah 1 : 360 (nazir-guru).

312. Didapati bahawa bilangan ahli Jemaah Nazir pada tahun 1978 yang berjumlah 77 orang bagi Semenanjung Malaysia (termasuk 7 orang Nazir Kanan) adalah tidak mencukupi untuk memeriksa sebanyak 5,112 buah sekolah (sekolah rendah dan menengah bantuan penuh). Dengan bilangan nazir yang ada, tujuan Jemaah Nazir Sekolah untuk memeriksa semua sekolah rendah dan menengah, sekurang-kurangnya sekali setahun tidak dapat dicapai. Seringkali mereka tidak dapat membuat pemeriksaan sekolah seperti yang diperlukan oleh kerana mereka dikehendaki membuat tugas-tugas lain seperti menyertai mesyuarat jawatankuasa-jawatankuasa ikhtisas di Kementerian Pelajaran. Ada kalanya nazir juga terpaksa meninggalkan tugas rasmi mereka untuk membuat tugas-tugas ad hoc.

313. Sabah dan Sarawak juga menghadapi kekurangan nazir malah kekurangan ini lebih mengecewakan oleh kerana keadaan yang lebih ketinggalan di kedua-dua negeri ini. Anggota Jemaah Nazir bagi negeri Sabah pada tahun 1978 adalah 17 orang (termasuk seorang Nazir Kanan) untuk mengawasi 887 buah sekolah; dan Sarawak mempunyai 30 orang nazir

(termasuk seorang Nazir Kanan) untuk mengawas 1,337 buah sekolah. Tugas memeriksa sekolah jauh lebih berat kerana keadaan perhubungan dan pengangkutan di kedua-dua buah negeri ini adalah lebih sukar berbanding dengan keadaan di Semenanjung. Di Sabah dan Sarawak, nisbah nazir-guru yang dianggap ideal ialah 1 : 150.

314. Berpunca dari bilangan nazir yang tidak mencukupi tadi didapati banyak sekolah, terutama yang terdapat di kawasan terpencil, yang belum diperiksa ataupun yang jarang sekali diperiksa oleh nazir. Bagi sekolah yang telah diperiksa pula langkah tindak-ikut kurang dilaksanakan di peringkat sekolah ke atas syor-syor yang dicadangkan oleh Jemaah Nazir Sekolah. Tambahan pula pengelola-pengelola yang lazimnya membantu dalam pelaksanaan tindak-ikut sekarang selalu sibuk dengan berbagai tugas dan jarang dapat mengawasi pengajaran dan pembelajaran di sekolah. Oleh kerana bilangan sekolah telah bertambah adalah didapati bilangan nazir yang ada tidak lagi mencukupi dan tidak dapat memberi perkhidmatan yang lebih berkesan.

314.1 Bilangan ahli Jemaah Nazir yang ada sekarang adalah terlalu kecil. Dengan itu adalah diperakukan supaya bilangan ahli Jemaah Nazir ditambah sepadan dengan beban tugas yang dipertanggungjawabkan kepada mereka. Sebahagian daripada mereka hendaklah ditempatkan di setiap buah negeri untuk memudahkan tugas naziran di peringkat ini.

315. Didapati laporan lengkap yang dibuat oleh Jemaah Nazir mengenai sesuatu pemeriksaan yang dikemukakan kepada pihak berkenaan termasuk sekolah yang telah diperiksa tidak mendapat perhatian yang memuaskan. Ini berlaku mungkin kerana tidak adanya badan tertentu yang mengkaji semua laporan Jemaah Nazir dan menentukan tindakan yang perlu diambil. Walau bagaimanapun dengan adanya sistem baru menyampaikan laporan yang berdasarkan kepada tiga peringkat, adalah diharapkan bahawa segala laporan yang dikemukakan mendapat perhatian dan tindakan perlu diambil dengan secepat mungkin.

315.1 Adalah diperakukan bahawa sistem menyampaikan laporan mengikut peringkat yang baru dimulakan itu hendaklah diteruskan tetapi selepas beberapa ketika sistem ini hendaklah dinilai dan jika perlu disemak semula untuk menentukan sama ada ianya benar-benar berkesan atau tidak. Adalah diperakukan juga bahawa tindak-ikut yang lebih berkesan perlu diambil mengenai setiap laporan yang dikemukakan.

## 5.8 BAHAGIAN PELAJARAN TEKNIK DAN VOKASIONAL

316. Bahagian Pelajaran Teknik dan Vokasional ditubuhkan pada tahun 1964 dengan tujuan memperkembangkan pendidikan teknik dan vokasional serta mempertingkatkan mutunya dalam sistem pendidikan. Pendidikan teknik dan vokasional bertujuan menyediakan murid-murid untuk memasuki bidang pekerjaan, di samping sebagai satu langkah menyokong dan mempergiatkan lagi usaha Kerajaan memajukan bidang ekonomi dan perindustrian berasaskan pengetahuan teknik dan vokasional. Di samping itu latihan teknik dan vokasional juga menjadi asas kepada latihan tambahan atau lanjutan kepada mereka yang memerlukan. Penekanan yang diberikan ke atas sesuatu corak pendidikan teknik dan vokasional itu adalah berbeza mengikut kehendak, bakat, kecenderungan dan minat murid-murid.

317. Pelajaran teknik dan vokasional yang terdapat sekarang diajar di beberapa peringkat dan jenis sekolah seperti di bawah ini:

### (a) Sekolah Menengah Rendah (Tingkatan I—III)

Pendidikan teknik dan vokasional di peringkat ini terdiri daripada matapelajaran pilihan seperti Seni Perusahaan, Sains Rumahtangga, Perdagangan dan Sains Pertanian yang merupakan sebahagian daripada pendidikan umum dan bercorak pra vokasional.

(b) Sekolah Menengah Atas (Tingkatan IV-V)

(i) Sekolah Menengah Teknik:

Tujuan sekolah menengah teknik ialah untuk menyediakan pelajaran teknik, pertanian dan perdagangan di samping matapelajaran am yang diberikan kepada murid-murid yang mempunyai kecenderungan dan minat supaya membolehkan mereka menyambung pelajaran ke peringkat pendidikan tinggi atau bekerja dalam sektor perindustrian dan perdagangan. Di samping menawarkan matapelajaran teknik, 16% daripada kurikulumnya adalah sama seperti pelajaran akademik jurusan sains. Pada masa ini terdapat sembilan buah sekolah menengah teknik di seluruh negara.

(ii) Sekolah Menengah Vokasional:

Kurikulum sekolah menengah vokasional adalah lanjutan daripada kurikulum aneka jurusan di sekolah menengah rendah, yang bertujuan terutama sekali untuk melatih murid-murid dalam bidang pekerjaan yang memerlukan kemahiran di samping memberikan pendidikan umum. Sekolah ini tidaklah lagi seperti mula dirancangkan iaitu untuk menampung murid yang tidak berpeluang menyambung pelajaran ke peringkat menengah atas biasa bahkan telah juga mengambil murid-murid yang mendapat keputusan cemerlang dalam peperiksaan SRP/LCE. Pada masa ini terdapat 28 buah sekolah menengah vokasional di seluruh negara.

(iii) Sekolah Menengah Biasa:

Setengah-setengah sekolah menengah biasa menyediakan matapelajaran amali mengikut kemampuan mereka dari segi tenaga pengajar dan kemudahan fizikal. Matapelajaran yang berkenaan ialah Pertukangan



Kayu, Pertukangan Logam, Lukisan Teknik, Perdagangan, Prinsip-prinsip Akaun, Trengkas, Taip-menaip, Masakan, Jahitan dan Sains Pertanian. Kesemua matapelajaran ini merupakan sebahagian daripada pendidikan umum.

(c) **Politeknik**

Politeknik Ungku Omar Ipoh ditubuhkan pada tahun 1969 dan Politeknik di Kuantan pada tahun 1976. Tujuannya ialah untuk memberikan pengetahuan dan kemahiran amali sebagai persediaan kepada juruteknik peringkat menengah dalam bidang kejuruteraan dan pegawai kerja muda (junior executives) dalam bidang perdagangan dan perusahaan. Semua kursus dijalankan dalam tempoh masa selama dua tahun, kecuali kursus-kursus diploma dalam bidang Akauntansi yang memakan masa tiga tahun dan dalam bidang Perkapalan selama lima tahun.

318. Bahagian Pelajaran Teknik dan Vokasional menjalankan tugas pentadbiran dan ikhtisas yang di antara lainnya ialah pengurusan dan pengembangan kakitangan seperti penempatan, pertukaran dan penyelarasan latihan guru teknik, guru vokasional dan pensyarah Maktab Perguruan Teknik. Bahagian ini merancang, mengembang dan menilai kursus pengajian dan kurikulum pendidikan teknik dan vokasional bagi semua peringkat persekolahan. Bahagian ini juga bertanggungjawab atas perkembangan fizikal berkaitan dengan sekolah baru dan pembekalan alat kelengkapan.

319. Adalah didapati peranan pendidikan teknik dan vokasional adalah penting dalam sistem pendidikan negara bukan sahaja untuk menampung sebilangan murid yang berminat dalam bidang-bidang ini tetapi juga untuk memenuhi permintaan keperluan tenaga mahir. Selaras dengan cadangan baru hendak mewujudkan satu sistem persekolahan kebangsaan yang mengandungi dua jenis persekolahan di peringkat

menengah atas iaitu sekolah akademik dan vokasional, maka adalah difikirkan wajar bahawa pendidikan teknik dan vokasional digabung dan diserapkan ke dalam bidang kurikulum kedua-dua sekolah menengah akademik dan vokasional supaya dapatlah semua murid di sekolah-sekolah itu tadi mengikutnya.

- 319.1 Dalam keadaan pembangunan negara pada hari ini yang menggalakkan penyertaan yang lebih luas di dalam bidang perusahaan dan perdagangan, peranan pendidikan teknik dan vokasional menjadi lebih penting. Untuk mencapai tujuan ini adalah diperakukan supaya pendidikan teknik dan vokasional hendaklah diperluas dan dimajukan lagi.
320. Adalah didapati bilangan sekolah menengah biasa yang menawarkan matapelajaran amali dan bilangan murid yang mengambilnya adalah sangat kecil. Ini adalah disebabkan oleh kekurangan kemudahan fizikal dan lain-lain kelengkapan.
- 320.1 Untuk mengatasi kekurangan kemudahan fizikal ini, adalah diperakukan supaya lebih banyak sekolah menengah biasa diberikan kemudahan tersebut di atas bagi memudahkan pengajaran matapelajaran-matapelajaran amali yang merupakan sebahagian daripada pendidikan umum.
321. Adalah didapati kemudahan yang terdapat di Politeknik adalah memuaskan. Tambahan pula sambutan pihak swasta dari segi pembiayaan kursus dan penawaran pekerjaan adalah menggalakkan. Didapati juga permintaan terhadap tenaga mahir semakin bertambah akibat perkembangan perdagangan dan perindustrian yang pesat. Bilangan permohonan untuk memasuki politeknik jauh lebih banyak daripada tempat yang dapat disediakan.
- 321.1 Untuk menambah pengeluaran tenaga mahir peringkat pertengahan yang diperlukan adalah diperakukan supaya bilangan pengambilan pe-

nuntut-penuntut ke politeknik ditambah. Pengambilan ini adalah berasaskan kepada perangkaan dan unjuran jangka panjang mengenai keperluan tenaga rakyat yang perlu dibuat dengan kerjasama dari pihak awam dan swasta.

322. Kami juga dapati kekurangan pegawai ikhtisas berpengalaman dalam bidang tertentu di Bahagian Teknik dan Vokasional ini adalah satu faktor yang menyukarkan pencapaian matlamat Bahagian ini.

322.1 Supaya mutu pengurusan dapat ditingkatkan lagi adalah diperakukan agar kekurangan pegawai-pegawai di Bahagian Pelajaran Teknik dan Vokasional hendaklah diatasi. Peluang untuk mengikuti kursus pengkhususan bagi pegawai-pegawai Bahagian itu hendaklah juga ditambah.

## 5.9 BAHAGIAN PERKHIDMATAN SEBARAN PENDIDIKAN

323. Bahagian ini telah ditubuhkan pada awal tahun 1972. Ia mempunyai tiga unit iaitu Unit TV Pendidikan, Unit Radio Pendidikan dan Unit Alat Pandang-Dengar.

324. Objektif Bahagian ini ialah:

- (a) Membantu memperlengkapkan rancangan pelajaran di sekolah-sekolah terutama sekolah-sekolah di luar bandar.
- (b) Meninggikan mutu pelajaran dengan cara menunjukkan contoh kaedah mengajar yang baik dan mengadakan bahan pandang-dengar sebagai tambahan.
- (c) Membantu usaha pembaharuan dalam bidang pelajaran melalui penyampaian yang cepat dan berkesan.
- (d) Mendorong murid-murid melalui bahan penga-

- jaran yang menarik minat dengan cara menggunakan teknik pandang-dengar yang baik dan membolehkan guru menumpukan lebih perhatian kepada murid-murid di dalam kelas.
- (e) Menawarkan bantuan dalam rancangan latihan guru, pra khidmat dan dalam perkhidmatan, menerusi penggunaan teknik sebaran yang baru.
  - (f) Membantu dalam pengajaran matapelajaran teknikal dan vokasional.
  - (g) Menggalakkan kesedaran kemasyarakatan dan perpaduan rakyat melalui rancangan pelajaran tatarakyat.
  - (h) Meninggikan mutu pelajaran Bahasa Malaysia dan bahasa Inggeris melalui 'Rancangan Bahasa'.
  - (i) Meningkatkan dan memperluaskan lagi mutu pengajaran matapelajaran kemasyarakatan dan matapelajaran lain seperti lukisan dan kraft tangan, pendidikan jasmani dan muzik.
  - (j) Menghasilkan buku panduan guru dan bahan pembelajaran murid-murid dalam bentuk grafik, patung, pita, filem dan animasi.
  - (k) Menyalurkan penerangan berkenaan dengan pembaharuan dan kemajuan dalam bidang pendidikan kepada guru, ibu bapa dan masyarakat melalui rancangan Alam Pendidikan.

325. Semenjak ditubuhkan pada tahun 1972, Bahagian ini telah menyelenggarakan rancangan sebaran pendidikan melalui Radio dan TV Pendidikan serta Pusat Alat Pandang-Dengar. Bahagian ini menyediakan dan menerbitkan rancangan untuk sekolah rendah dan menengah di seluruh tanahair melalui Radio dan TV. TV Pendidikan menitikberatkan rancangan sains, hisab dan perdagangan, manakala rancangan matapelajaran kemasyarakatan pula disiarkan melalui Radio Pendidikan. Unit Alat Pandang-Dengar menerbitkan bahan-bahan dalam bentuk carta dan mengadakan perkhidmatan pinjaman

untuk filem slaid dan pita perakam. Di samping itu unit ini juga membantu mengendalikan kursus dalam penggunaan bahan pengajaran dan pembelajaran.

326. Dalam keadaan sekarang, adalah didapati bahawa objektif Bahagian ini tidak dapat dicapai dengan sepenuhnya kerana :

- (a) masa siaran bagi rancangan Radio dan TV Pendidikan amat terhad,
- (b) kekurangan kakitangan khas di peringkat negeri dan di peringkat sekolah,
- (c) kekurangan bahan dan kelengkapan di peringkat negeri dan sekolah,
- (d) penggunaan alat sebaran pendidikan di peringkat negeri dan sekolah tidak dititikberatkan,
- (e) masalah mengintegrasikan jadual waktu sekolah dengan jadual rancangan Radio dan TV Pendidikan, dan
- (f) masalah kewangan di peringkat sekolah untuk mengadakan bahan-bahan sokongan.

326.1 Walaupun jelas terdapat kemajuan dan perkembangan kegiatan Bahagian Perkhidmatan Sebaran Pendidikan semenjak ianya ditubuhkan dalam tahun 1972 baik dari segi penerbitan rancangan mahupun penggunaannya di sekolah, namun demikian adalah perlu beberapa perkara lagi dipertimbangkan sebagai langkah tegas untuk Bahagian ini menjalankan kegiatannya dengan lebih berkesan lagi demi untuk mencapai objektifnya. Langkah-langkah tersebut adalah seperti berikut:

- (a) Mewujudkan penglibatan dan sokongan yang lebih tegas terhadap kegiatan dan rancangan Bahagian ini oleh semua pihak yang berkenaan di peringkat Kementerian, negeri dan sekolah.

- (b) Menjalankan penilaian rancangan yang lebih kerap sama ada secara formatif atau sumatif dan juga mengadakan kegiatan tindak-ikut.
- (c) Mengadakan kemudahan di setiap sekolah untuk kegiatan teknologi pendidikan.
- (d) Mensesuaikan jadual waktu sekolah dengan masa siaran, dan mengatasi masalah yang dihadapi oleh sekolah-sekolah yang tidak mudah menerima gambar siaran TV Pendidikan dengan memuaskan.

## 5.10 BAHAGIAN KEWANGAN DAN AKAUN

327. Bahagian Kewangan dan Akaun bertanggungjawab merancang, mengurus, mengawal dan menentukan kaedah pentadbiran kewangan dan perbelanjaan pengurusan Kementerian Pelajaran supaya dapat dilaksanakan dengan cekap dan berkesan. Tanggungjawab ini meliputi pengurusan kewangan di sekolah-sekolah, maktab-maktab, institusi-institusi dan Bahagian-bahagian di bawah Kementerian Pelajaran. Bagi mencapai objektif ini, Bahagian ini dibahagikan kepada dua unit, iaitu Unit Kewangan dan Unit Akaun.

### 328. Unit Kewangan

Tugas utama unit ini ialah menyediakan anggaran belanjawan tahunan serta mengawal perbelanjaan pengurusan tahunan Kementerian Pelajaran. Unit ini juga bertanggungjawab mengelolakan perkara-perkara bersabit dengan pelaksanaan sistem belanjawan Program dan Prestasi di Kementerian Pelajaran dengan tujuan untuk memperbaiki lagi sistem yang diamalkan sekarang. Selain dari itu ianya juga ditugaskan untuk mengkaji dan meninjau beberapa aspek pentadbiran sekolah termasuk pengurusan kewangan dengan tujuan untuk menyediakan satu peraturan baru bagi semua sekolah yang diberi bantuan Kerajaan apabila Lembaga Pengurus/Pentadbir Sekolah dibubarkan mengikut Seksyen 26 (a) Akta Pelajaran, 1961.

### 329. Unit Akaun

Unit ini berfungsi mengurus dan memperakaunkan segala pembiayaan perbelanjaan Kementerian Pelajaran termasuklah segala perbelanjaan projek dan rancangan yang dilaksanakan di bawah Kementerian ini. Ianya juga bertanggungjawab mengutip semua hasil dari harta Kerajaan di bawah Kementerian Pelajaran dan memperakaunkan segala kutipan hasil dan bayaran termasuk hasil tunggakan dan bayaran tunggakan mengikut peraturan yang ditetapkan. Di samping itu unit ini bertanggungjawab menentukan perakaunan sekolah-sekolah supaya mengikut peraturan kewangan sambil memberi bimbingan dan latihan kepada guru besar dan kerani sekolah yang menerima bantuan Kerajaan.

### 330. Unit Odit Dalam

Buat masa ini Unit Odit Dalam adalah di bawah Bahagian ini yang pada amnya menguatkuasakan pengawalan terhadap hal ehwal kewangan dan perakaunan Bahagian-bahagian di Kementerian Pelajaran, maktab-maktab dan sekolah-sekolah di bawah Kementerian. Tugas-tugasnya ialah membuat Post Audit terhadap akaun sekolah rendah, odit semasa bagi semua Bahagian, Jabatan-jabatan Pelajaran Negeri, Maktab-maktab serta membuat Odit Siasatan dan Odit Khas apabila timbul aduan-aduan oleh mana-mana pihak di Kementerian Pelajaran mengenai kemungkinan penyelewengan.

331. Kementerian Pelajaran membelanjakan lebih kurang 20% daripada jumlah peruntukan pengurusan Kerajaan dan sebanyak lebih kurang 10% daripada jumlah peruntukan pembaikan Kerajaan dari tahun-tahun 1976 sehingga 1979. Oleh kerana perbelanjaannya adalah besar dan kegiatan-kegiatan yang dijalankan begitu kompleks maka satu sistem kewangan dan perakaunan yang berkesan adalah diperlukan. Walaupun didapati ada kelemahan namun usaha memperbaiki tetap dijalankan, dan kini satu kajian sedang dijalankan oleh Unit Pemodenan Tadbiran Perancangan Tenaga Manusia (MAMPU) dengan tujuan menyusun semula organisasi Bahagian ini supaya dapat mewujudkan satu sistem kewangan dan perakaunan yang lebih licin dan cekap.

332. Adalah didapati pada masa akan datang Bahagian Ke-

wangan dan Akaun perlu menguasai masalah-masalahnya dengan pendekatan yang baru. Ia dikehendaki membuat ramalan perbelanjaan untuk beberapa tahun terdahulu, mengkaji semula peruntukan dalam sektor pelajaran selaras dengan perkembangan ekonomi, taraf kehidupan dan lain-lain perkembangan dalam aspek-aspek yang berkaitan.

332.1 Untuk membantu perancangan dasar bagi membolehkan Bahagian Kewangan dan Akaun membuat ramalan perbelanjaan yang tepat, maka perlulah diasaskan kepada satu sistem maklumat kewangan yang lengkap. Oleh itu adalah diperakukan supaya kemudahan perkhidmatan komputer disediakan untuk Bahagian ini.

#### 5.11 BAHAGIAN PEMBANGUNAN DAN BEKALAN

333. Bahagian Pembangunan dan Bekalan (dahulunya Unit Pembangunan dan Bekalan di bawah Bahagian Kewangan dan Unit Akaun) mempunyai tugas-tugas seperti berikut:-

- (a) Menyediakan rancangan pembangunan lima tahun Kementerian Pelajaran bagi semua projek di semua peringkat pendidikan dengan menggunakan petunjuk dan garis panduan yang telah ditetapkan bersama dengan Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Pelajaran.
- (b) Mengawal anggaran dan mengagihkan peruntukan pembangunan tahunan.
- (c) Membuat kajian semula terhadap perancangan dan pelaksanaan projek-projek pembangunan.
- (d) Merancang dan menyelenggarakan pinjaman dari negara luar untuk membiayai projek-projek pembangunan.
- (e) Membekalkan perabot dan alat-alat kelengkapan kepada sekolah-sekolah, maktab-maktab, Jabatan-jabatan Pelajaran Negeri dan lain-lain institusi di bawah Kementerian Pelajaran.



- (f) Menjadi urusetia kepada Jawatankuasa Pembangunan Kementerian Pelajaran.

334. Tugas-tugas tersebut di atas adalah untuk mencapai matlamat menyediakan kemudahan fizikal untuk menampung keperluan pelajaran dan pendidikan negara. Dalam usaha memberi kemudahan fizikal, Bahagian Pembangunan dan Bekalan bekerjasama rapat dengan Bahagian-bahagian lain di Kementerian Pelajaran seperti Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Pelajaran, Bahagian Sekolah-sekolah dan Pusat Perkembangan Kurikulum. Ini adalah bagi menentukan kesesuaian dan menjamin mutu kemudahan fizikal supaya selaras dengan keperluan-keperluan pendidikan.

335. Dari segi bentuk bangunan sekolah-sekolah dan bangunan maktab-maktab perguruan, Kementerian Pelajaran harus mengikuti pelan piawai yang disediakan oleh Jabatan Kerja Raya (JKR). Adalah didapati bahawa dengan menggunakan pelan piawai pelaksanaan boleh dipercepatkan, namun begitu Kementerian Pelajaran terpaksa bertolak ansur dan sedikit sebanyak mengorbankan keperluan-keperluan pendidikan. Sikap mengutamakan pelan piawai melebihi kepentingan-kepentingan pendidikan ini sudah tentu menjejaskan proses pengajaran-pembelajaran.

335.1 Untuk melicinkan rancangan-rancangan pembangunan fizikal serta mempercepatkan masa pembinaan, adalah diperakukan supaya reka-bentuk bangunan-bangunan pelajaran sebaik-baiknya tidak menggunakan pelan piawai. Sekiranya pelan piawai digunakan maka beberapa pelan piawai hendaklah direka agar menepati kehendak pelajaran dan keadaan tempatan.

336. Adalah didapati juga bahawa pelaksanaan rancangan pembangunan fizikal tidak dapat dijalankan dalam jangka masa yang ditentukan kerana berbagai-bagai masalah yang dihadapi. Masalah-masalah ini termasuklah kekurangan kakitangan, terutama dari pihak JKR, bahan-bahan binaan, kemampuan pemborong-pemborong sendiri dan lain-lain lagi.

- 336.1 Untuk membantu JKR dan mengurangkan beban kerjanya, adalah diperakukan supaya satu sistem grant kepada sekolah-sekolah termasuk sekolah-sekolah milik Kerajaan hendaklah diluluskan bagi projek-projek yang mampu dilaksanakan oleh sekolah-sekolah tersebut (lebih kurang \$50,000). Ini bermakna Jemaah Pengurus/Pengelola sekolah tersebut boleh melantik juru rundingannya sendiri dengan pengawasan yang minima dijalankan oleh pihak JKR. Dengan cara ini kerja-kerja dapat dijalankan segera kerana saluran-saluran kerja rasmi dapat dikurangkan.
- 336.2 Memandangkan keperluan sekolah-sekolah baru dan bangunan-bangunan tambahan adalah amat mendesak dan ditambah pula dengan kemampuan pemborong yang terhad, adalah juga diperakukan supaya beberapa projek Kementerian Pelajaran dibenar dilaksanakan di bawah sistem tawaran pilihan. Sistem package deal yang disyorkan terdahulu dari ini nampaknya belum dapat dilaksanakan lagi oleh sebab beberapa masalah tertentu.
337. Unit Bekalan, Kementerian Pelajaran adalah bertanggungjawab untuk mengurus bekalan barang-barang dan alat-alat kelengkapan yang dibiayai daripada peruntukan pembangunan kepada sekolah-sekolah dan jabatan-jabatan di bawah Kementerian Pelajaran. Di samping itu juga unit tersebut menyelia semua pembelian daripada peruntukan mengurus pembelian (grants) yang biasanya dibuat oleh sekolah-sekolah dan jabatan sendiri. Pada masa ini Kementerian Pelajaran tidak mempunyai stor bagi melicinkan lagi pembekalan alat-alat kelengkapan ke sekolah-sekolah. Dari semasa ke semasa unit ini menghadapi beberapa kesulitan membekal dan adalah dirasakan sebahagian besar daripada kesulitan-kesulitan itu dapat diatasi dengan penubuhan Stor Pusat dan Stor-stor Kawasan.

338. Kesulitan utama yang dihadapi oleh Kementerian Pelajaran disebabkan ketiadaan stor-stor tersebut adalah seperti berikut:-

(a) Tarikh penyiapan sekolah-sekolah.

Kesulitan timbul kerana tarikh penyiapan pembinaan sekolah-sekolah selalunya tidak dapat dijangkakan oleh Jabatan Kerja Raya dengan tepat. Untuk mengatasi masalah ini alat-alat kelengkapan yang sepatutnya dibekalkan ke sekolah yang dijangka siap itu terpaksa disimpan di caretaker schools yang berhampiran ataupun di Jabatan-jabatan Pelajaran Negeri untuk sementara waktu. Kesulitan yang dihadapi oleh caretaker schools dan Jabatan-jabatan Pelajaran Negeri ialah mengenai tempat menyimpan, kerosakan yang berlaku ke atas alat-alat kelengkapan yang disimpan dan tanggungjawab untuk menjaga alat-alat kelengkapan berkenaan.

(b) Pembekalan lewat.

Dari semasa ke semasa Kementerian Pelajaran menghadapi kesulitan timbul daripada bekalan lewat oleh pembekal-pembekal yang mengikat kontrek dengan Unit Bekalan terutama bagi barang-barang yang diimpot seperti alat-alat sains, seni perusahaan dan mesin-mesin berat. Pada kebiasaannya pembekal-pembekal adalah merupakan Trading Agent yang selalunya tidak mempunyai stok yang tersedia bagi alat-alat berkenaan dan terpaksa membuat pesanan daripada luar negeri apabila dipohon. Penggunaan alat-alat kelengkapan ini terpaksa ditangguh bila barang-barang itu lewat dibekalkan oleh pembekal-pembekal. Terdapat juga kes-kes di mana barang-barang yang tidak penting dibekalkan dahulu oleh pembekal-pembekal kerana barang itu yang lebih awal diterima. Untuk mendapatkan sepenuhnya bekalan yang

dipesan, kontrek yang telah ditandatangani kadang-kadang terpaksa dilanjutkan tempohnya.

- (c) Pengawasan mutu alat-alat yang dibekalkan.

Mengikut sistem yang berjalan sekarang barang-barang dibekalkan terus ke sekolah-sekolah oleh pembekal-pembekal selepas kontrek ditandatangani oleh Unit Bekalan. Pada amnya tidak ada pengawasan mutu ke atas alat-alat yang dibekalkan itu. Pihak sekolah tidak berkemampuan untuk memeriksa mutu barang-barang itu dan ianya lebih mementingkan kuantiti alat-alat yang dibekalkan. Pengawasan mutu barang-barang yang dibekalkan tidak mungkin dapat dibuat oleh Unit Bekalan disebabkan kakitangannya yang terhad untuk mengadakan pemeriksaan di tiap-tiap sekolah yang menerima bekalan itu. Kesulitan yang biasa dihadapi oleh sekolah-sekolah ialah barang-barang yang dibekalkan rendah mutunya dan kadang-kadang tidak mengikut ketetapan yang ditentukan.

- (d) Bekalan bagi pesanan-pesanan runcit oleh sekolah-sekolah.

Beberapa jenis barang-barang bagi keperluan sekolah boleh diuruskan pembeliannya menerusi Kontrek Pusat Perbendaharaan. Walau bagaimanapun disebabkan keperluan tahunan bagi sekolah-sekolah adalah terlalu kecil, sekolah-sekolah tidak dapat menggunakan kemudahan-kemudahan yang boleh didapati itu untuk membeli melalui pembekal-pembekal Kontrek Pusat. Bila membeli tanpa melalui kontrek selalunya harga mahal dan masalah lain timbul. Sekolah yang boleh membuat pesanan minima daripada Kontrek-kontrek Pusat selalunya menerima pesannya lewat dan kadang-kadang pembekal-pembekal tidak langsung membekalkan barang-barang yang dipesankan itu

oleh kerana pesanan yang dibuat dianggap terlalu kecil.

338.1 Untuk menjadikan sistem pembekalan barang-barang dan alat-alat kelengkapan ke sekolah-sekolah lebih licin, cekap dan segera, adalah diperakukan bahawa hendaklah ditubuhkan Stor Pusat dan Stor-stor Kawasan untuk Kementerian Pelajaran.

339. Pada masa ini terdapat banyak bangunan sekolah yang usang. Selain daripada itu terdapat juga alat kelengkapan yang bukan sahaja usang bahkan tidak boleh digunakan lagi. Penggantian kepada bangunan dan alat-alat kelengkapan ini tidak dilaksanakan secepat yang diperlukan. Keadaan seumpama ini yang berlarutan telah mengakibatkan banyak kesukaran yang dihadapi oleh pihak sekolah dalam usaha meningkatkan mutu pendidikan.

339.1 Untuk mengatasi masalah penggantian bangunan dan alat kelengkapan yang usang, adalah diperakukan supaya satu peruntukan khas diadakan untuk tujuan ini.

## 5.12 BAHAGIAN PELAJARAN TINGGI

340. Bahagian Pelajaran Tinggi telah ditubuhkan pada penghujung tahun 1972 untuk menjadi urusetia kepada Majlis Penasihat Pelajaran Tinggi. Tugas utama Majlis itu adalah untuk menasihatkan Menteri Pelajaran berhubung dengan perkembangan universiti-universiti yang ada dan juga tentang penubuhan, susunan serta perkembangan universiti-universiti baru dan memberi nasihat mengenai lain-lain perkara yang dirujukkan oleh Menteri dari semasa ke semasa. Kedudukan Majlis ini adalah hanya sebagai badan penasihat sahaja dan tidak mempunyai kuasa eksekutif. Ia juga tidak mempunyai kuasa mengawal ke atas peruntukan kewangan yang diberikan kepada universiti-universiti. Ini menyebabkan Majlis itu tidak dapat mengawal perkembangan yang dijalankan oleh semua universiti di negara ini. Oleh kerana kelemahan ini perkhid-

matan Majlis tersebut telah tidak diperbaharui semula apabila tempoh perkhidmatannya tamat pada 21 Oktober, 1976.

341. Sejak tamatnya perkhidmatan Majlis ini tugas-tugas Bahagian Pelajaran Tinggi telah bertambah. Pada masa ini tugas Bahagian ini adalah seperti berikut:-

- (a) Menyelaras dasar perkembangan universiti-universiti dan institusi-institusi pendidikan tinggi melalui kuasa-kuasa yang diperuntukkan oleh undang-undang yang berkaitan.
- (b) Mengawal pemberian kewangan dari Kerajaan kepada universiti-universiti dan institusi-institusi pendidikan tinggi.
- (c) Menjadi urusetia kepada Persidangan Naib Canselor-Naib Canselor dan jawatankuasa-jawatankuasa yang berkaitan dengan institusi-institusi pendidikan tinggi.
- (d) Mengikuti kegiatan pelajar-pelajar universiti dan institusi pendidikan tinggi.
- (e) Menyelaraskan kemasukan pelajar-pelajar ke universiti tempatan melalui Unit Pusat Universiti (UPU). Universiti-universiti yang terlibat ialah Universiti Kebangsaan Malaysia, Universiti Malaya, Universiti Pertanian Malaysia dan Universiti Sains Malaysia. Unit Pusat Universiti juga menyelaraskan pengambilan pelajar-pelajar peringkat diploma dan untuk kursus matrikulasi di kelima-lima universiti tempatan dan termasuk juga ke Institut Teknologi MARA.
- (f) Mengumpul maklumat pelajar-pelajar yang menuntut di institusi-institusi pendidikan tinggi di dalam dan di luar negeri.
- (g) Bertanggungjawab mengenai hal ehwal keba-  
jikan pelajar-pelajar di luar negeri.

342. Universiti-universiti dan institusi-institusi pendidikan tinggi adalah menjadi alat penting dalam proses penyusunan semula masyarakat serta pembangunan negara. Kini perkembangan di bidang pengajian tinggi berlaku dengan pesatnya.

Bagi tahun-tahun akan datang pula keperluan terhadap pendidikan tinggi dijangkakan akan berlipat ganda dan kemampuan Kerajaan untuk memenuhi permintaan tersebut adalah terhad. Oleh hal yang demikian satu badan yang bertanggungjawab untuk mengawas dan menyelaras segala perkembangan pendidikan tinggi di negara ini perlu diadakan. Pada masa ini pengawasan dan penyelarasan dijalankan oleh Persidangan Naib Canselor-Naib Canselor tetapi kerana hal ini dikendalikan tanpa satu tatakkerja yang tetap maka urusan ini didapati kurang memuaskan dan kurang berkesan.

342.1 Kementerian Pelajaran adalah bertanggungjawab menentukan corak, arah dan matlamat pendidikan tinggi di negara ini. Walau bagaimanapun adalah diperakukan bahawa Persidangan Naib Canselor-Naib Canselor diberi tugas sebagai badan penasihat dan penyelarasa kepada Kementerian Pelajaran agar usaha-usaha mengawas dan menyelaras dapat berjalan dengan lebih berkesan. Untuk tujuan ini adalah diperakukan juga bahawa satu tatakkerja yang lebih lengkap bagi badan ini hendaklah difikir dan diwujudkan.

### 5.13 BAHAGIAN PENDIDIKAN UGAMA ISLAM

343. Mengikut Perlembagaan Malaysia, hal ehwal Ugama Islam adalah di bawah kuasa Raja-Raja Melayu. Berdasarkan ini dan juga Akta Pelajaran, 1961, terdapat dua pihak yang mentadbirkan pendidikan Ugama Islam. Kementerian Pelajaran mentadbirkan pendidikan Ugama Islam di sekolah menengah bantuan Kerajaan dan Kerajaan Negeri pula mentadbirkan pendidikan Ugama Islam di sekolah-sekolah rendah Kerajaan dan sekolah-sekolah ugama swasta. Tetapi pada tahun 1974, hampir semua Kerajaan Negeri telah bersetuju menyerahkan pentadbiran pendidikan Ugama Islam di peringkat sekolah rendah kebangsaan dan sekolah kebangsaan kepada Kementerian Pelajaran. Dengan hal yang demikian Kemente-

rian Pelajaran telah menyerapkan perkhidmatan guru-guru agama sekolah rendah tersebut ke dalam Perkhidmatan Pelajaran Persekutuan. Di samping itu dengan persetujuan Kerajaan-kerajaan Negeri yang berkenaan Kementerian Pelajaran juga telah mengambilalih 14 buah sekolah menengah agama di lapan buah negeri. Sekolah-sekolah yang diambilalih ini kini dikenali sebagai Sekolah Menengah Kebangsaan (Agama).

344. Dengan perkembangan baru ini, kurikulum sekolah-sekolah agama yang baru diambilalih tadi dapat diselaraskan oleh Kementerian Pelajaran dengan kurikulum yang digunakan di semua sekolah kebangsaan (agama). Begitu juga sukatan pelajaran matapelajaran Pengetahuan Agama Islam di semua sekolah rendah telah dikaji semula dan hasilnya satu sukatan pelajaran Pengetahuan Agama Islam yang baru telah diadakan. Di samping itu Kementerian Pelajaran juga menyelaraskan sukatan pelajaran agama di semua maktab perguruan.

345. Adalah didapati walaupun pendidikan agama diberi secara formal dalam bilik darjah di semua sekolah rendah dan menengah kecuali Sekolah Menengah Kebangsaan (Agama) dengan waktu belajar 120 minit seminggu, kemudahan untuk menjalankan kegiatan amali agama yang sesuai tidak diadakan. Sementara itu pendidikan agama secara non-formal, baikpun di dalam atau di luar bilik darjah tidak dijalankan secara berkesan. Walaupun Akta Pelajaran, 1961 memperuntukan bahawa pelajaran agama mesti diadakan sekiranya terdapat sekurang-kurangnya 15 orang murid Islam di sesebuah sekolah itu, namun demikian tidak semua sekolah ini mematuhi peruntukan Akta tersebut. Penyampaian pendidikan Agama Islam sepatutnya menggunakan pendekatan yang lebih positif supaya dengan ini bolehlah menarik minat murid-murid serta menggalakkan kecenderungan mereka memahami dan menghayati Agama Islam dengan sebenar-benarnya.

346. Pendidikan Agama Islam melibatkan latihan amali yang memerlukan tempat, peralatan-peralatan dan lain-lain kemudahan yang sesuai. Di samping itu bahan-bahan sokongan untuk pengajaran dan pembelajaran yang berkesan pula perlu diadakan. Dengan bantuan yang ada pada hari ini



rancangan pendidikan Ugama yang dinyatakan tadi tidak dapat dijayakan dengan sepenuhnya.

347. Sebelum ini Kerajaan Negeri melatih guru-guru ugama masing-masing. Oleh kerana latihan ikhtisas yang diberikan ini berbeza-beza, Kementerian Pelajran perlu mengambilalih rancangan latihan ini untuk mencapai keseragaman latihannya.

348. Dalam menyelaras dan mengukuhkan pendidikan Ugama Islam, adalah diperakukan:-

348.1 Usaha-usaha dan langkah-langkah yang sesuai hendaklah dijalankan untuk memperkuatkan pendidikan Ugama Islam di sekolah. Pengajaran dalam aspek-aspek yang masih perlu diberi liputan hendaklah diadakan secara non-formal dengan menggunakan masa di luar sekolah. Segala kegiatan non-formal ini perlu dirancang, diatur dan diawasi pelaksanaannya. Untuk maksud ini, dan juga untuk mengawas perjalanan pendidikan ugama yang formal dalam waktu bersekolah, tiap-tiap negeri hendaklah diperuntukkan dengan seorang pegawai ugama (dakwah) yang juga dipertanggungjawabkan untuk menyelia dan mengawas pendidikan akhlak.

348.2 Peruntukan khas yang sewajarnya hendaklah diberikan untuk pendidikan Ugama Islam supaya latihan-latihan amali yang diperlukan dapat dijalankan dengan lebih berkesan.

348.3 Pendidikan Ugama Islam sepertimana yang dijalankan pada masa ini kurang menitik-beratkan aspek-aspek amali sebagaimana yang dijangka dan dikehendaki. Dengan yang demikian kelemahan ini hendaklah diatasi. Untuk mengelakkan sebarang bentuk penyelewengan pula, penyeliaan dan pengawasan yang rapi ke atas pelaksanaan sukatan pelajaran dan segala kegiatan Ugama hendaklah

diadakan. Ini boleh dicapai sama ada dengan cara mengekalkan jawatan-jawatan nazir peringkat negeri yang ada sekarang atau mengadakan jawatan-jawatan nazir ugama dalam Jemaah Nazir Sekolah.

- 348.4 Guru ugama sekolah rendah yang tidak terlatih dengan cukup hendaklah diberi latihan semula agar pengetahuan ikhtisas mereka yang berbeza-beza itu dapat diselarasakan. Sementara itu pemilihan calon-calon guru ugama di masa akan datang hendaklah diperkemaskan dengan berasaskan kepada suatu kriteria pemilihan yang dapat menjamin kesesuaian mereka yang dipilih dari segi kelayakan, minat dan kecenderungan, sikap dan peribadi. Perkara ini hendaklah dirundingkan dengan pihak Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran.
- 348.5 Kemudahan yang perlu hendaklah diberikan kepada sekolah menengah ugama yang diambilalih supaya kemajuan pelajaran, terutama di bidang pendidikan ugama dan bahasa Arab dapat ditingkatkan.
- 348.6 Kementerian Pelajaran menyediakan pelan yang seragam untuk pembinaan 'Bilik Uga-ma' atau surau yang terasing bagi sekolah-sekolah yang ingin mendirikan bilik atau surau seumpama ini. Pembinaan pula hendaklah diuruskan oleh pihak sekolah dengan melibatkan Persatuan Ibu Bapa dan Guru serta masyarakat sekelilingnya.

#### 5.14 BAHAGIAN PERJAWATAN DAN PERKHIDMATAN

349. Bahagian ini adalah bertanggungjawab menguruskan semua hal yang berkaitan dengan perjawatan dan perkhidmatan bagi Pegawai-pegawai Perkhidmatan Pelajaran yang

berjumlah 118,302 orang dan Pegawai-pegawai bukan Perkhidmatan Pelajaran berjumlah 43,495 orang di bawah Kementerian Pelajaran. Bahagian ini melaksanakan tugas-tugasnya menerusi empat unit iaitu Unit Perjawatan, Unit Perkhidmatan, Unit Naik Pangkat dan Tatatertib dan Unit Hal Ehwal Tuntutan Kesatuan. Dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawabnya, Bahagian ini saling berhubung dengan semua Bahagian dan Jabatan di semua peringkat dalam Kementerian Pelajaran.

350. Secara ringkas tugas-tugas dan tanggungjawab tiap-tiap unit itu adalah seperti berikut:-

(a) **Unit Perjawatan**

Unit ini bertanggungjawab menyediakan dan memproses anggaran tahunan, kedudukan jawatan-jawatan, gred-gred sekolah, sekim perkhidmatan, urusan peperiksaan jabatan dan hal-hal pelbagai elain yang tidak dinyatakan di bawah mana-mana peraturan.

(b) **Unit Perkhidmatan**

Di antara tugas-tugas dan tanggungjawab unit ini ialah menguruskan penempatan kakitangan bukan Perkhidmatan Pelajaran, pengesahan ke dalam jawatan, kemasukan ke dalam jawatan, kemasukan ke dalam jawatan berpenecen, pertukaran Pegawai-pegawai Perkhidmatan Pelajaran yang melibatkan dua atau lebih jabatan pelajaran negeri dan maktab, penggantungan perjanjian, pengiktirafan ijazah atau kelayakan, permohonan berbagai cuti, penecen dan pengambilan kakitangan rendah dan buruh kasar bagi Kementerian dan maktab.

(c) **Unit Kenaikan Pangkat dan Tatatertib**

Unit ini adalah bertanggungjawab memproses dan menguruskan segala perkara yang berkaitan dengan kenaikan pangkat dan tata-tertib pegawai-pegawai dan kakitangan Kementerian Pelajaran. Ia adalah bertanggungjawab

terus kepada Lembaga Kenaikan Pangkat dan Tatatertib sama ada di Kementerian Pelajaran, Jabatan Perkhidmatan Awam atau Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran. Di samping itu unit ini adalah bertanggungjawab kepada semua Bahagian dan Jabatan di bawah Kementerian Pelajaran dalam hal-hal yang berbangkit akibat kenaikan pangkat dan tatatertib.

(d) **Unit Hal Ehwal Tuntutan Kesatuan**

Unit ini bertanggungjawab mengurus dan menyelesaikan semua perkara yang berkaitan dengan tuntutan-tuntutan Kesatuan dan juga masalah-masalah gaji akibat pelaksanaan Laporan-laporan Suruhanjaya Gaji Di Raja yang berkaitan dengan Perkhidmatan Pelajaran.

351. Adalah didapati bahawa pada masa ini ruang pejabat bagi pegawai-pegawai dan kakitangan serta bilik stor, bilik mesyuarat, bilik-bilik fail/fail sulit adalah tidak mencukupi bagi menempatkan pegawai-pegawai, kakitangan dan alat perkakas kegunaan Bahagian ini. Jumlah pegawai dan kakitangan Bahagian ini adalah 100 orang dan mungkin akan bertambah pada masa hadapan. Jumlah fail yang disimpan dan digunakan adalah lebih kurang 60,000 naskhah dan bilangan ini sentiasa bertambah pada tiap-tiap tahun apabila adanya pegawai-pegawai baru dilantik, manakala jumlah surat-surat keluar dan masuk setiap hari ke Bahagian ini adalah tidak kurang daripada 400 pucuk. Bilangan pegawai-pegawai dan kakitangan, alat-alat perkakas, fail-fail dan surat-menyurat bagi Bahagian ini akan sentiasa bertambah apabila berlakunya perkembangan dalam kegiatan-kegiatan di Bahagian-bahagian lain di bawah Kementerian Pelajaran. Perkembangan yang pesat ini boleh menimbulkan berbagai kerumitan dalam penyimpanan rekod seperti berhubung dengan maklumat perjawatan dan perkhidmatan.

351.1 Salah satu faktor yang boleh menjamin kecukupan Bahagian ini ialah penyimpan rekod-rekod yang baik, cepat dan teratur. Dengan itu adalah diperakukan supaya ianya

disediakan dengan kemudahan-kemudahan menggunakan komputer untuk menguruskan kerja-kerja tersebut.

352. Pada masa ini adalah didapati bahawa Bahagian ini kurang berupaya dari segi kecapaiannya yang berpunca daripada tidak cukup kuasa yang diperturunkan kepadanya. Bahagian ini, umpamanya, banyak mengalami masalah terutama berhubung dengan hal ehwal perkhidmatan dan perjawatan yang keputusannya hanya boleh dibuat oleh pihak yang berkuasa tertentu sahaja. Badan-badan ini adalah di luar daripada Kementerian Pelajaran seperti Jabatan Perkhidmatan Awam, Perbendaharaan dan Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran.

352.1 Kejayaan dan kecapaian yang tinggi tidak mungkin dapat dihasil dengan memuaskan dalam suasana kerja yang terhalang. Bahagian ini juga tentulah tidak dapat membuktikan kecekapannya jika suasana kerja yang sama juga wujud. Untuk mengatasi masalah ini, adalah diperakukan bahawa kuasa membuat keputusan yang pada masa ini berada di tangan pihak-pihak di luar Kementerian Pelajaran seperti di Jabatan Perkhidmatan Awam, Perbendaharaan dan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam perlu dipindahkan kepada Kementerian Pelajaran. Bidang kuasa itu ialah seperti kuasa Lembaga Kenaikan Pangkat bagi Kumpulan Ikhtisas dan Pengurusan, iaitu untuk jawatan-jawatan tingkatan-kanan dan tingkatan-tertinggi 'E' diturunkan kepada Kementerian Pelajaran untuk menentukan kenaikan pangkat kepada jawatan-jawatan tersebut. Begitulah dengan beberapa perkara lain termasuklah hal-hal perletakan jawatan (Bahagian Tiga Perintah Am Bab A 1973), penetapan jumlah wang yang boleh disimpan oleh seorang pegawai berikutan membuat kerja-kerja sambilan di luar waktu pejabat (Perkara 4 (4) Perintah Am

Bab D 1969), menetapkan bayaran gaji kepada seseorang pegawai semasa ia ditahan kerja oleh pihak berkuasa tatatertib (Peraturan 34 (5) Perintah Am Bab D 1969), permohonan cuti separuh gaji di bawah Peraturan 13 (Perintah Am Bab C 1974), cuti sakit lanjutan di bawah Peraturan 22 (Perintah Am Bab C 1974), urusan memproses, melulus dan membayar pencen (Ordinan Pencen 1954) hendaklah dipindahkan juga.

#### 5.15 BAHAGIAN HAL EHWAL LUAR NEGERI

353. Bahagian Hal Ehwal Luar Negeri telah ditubuhkan pada tahun 1974 untuk menguruskan hal-hal yang berkenaan dengan pertubuhan United Nations Educational, Scientific and Cultural Organisation (*UNESCO*) dan menguruskan kerjasama serantau dan kerjasama dengan negara-negara lain dalam bidang pendidikan.

354. Bahagian ini menjadi uarusetia kepada Suruhanjaya Kebangsaan UNESCO bagi Malaysia. Dalam urusan ini Bahagian ini berfungsi sebagai agensi perhubungan, penerangan dan pelaksanaan di antara UNESCO dengan Kementerian Pelajaran dan agensi-agensi Kerajaan yang lain yang terlibat di dalam bidang pendidikan, sains, kebudayaan dan komunikasi. Di samping itu Bahagian ini menyelaraskan segala hubungan dengan Pertubuhan Menteri-Menteri Pelajaran Tenggara Asia (Southeast Asian Ministers of Education Organisation – SEAMEO) mengenai kegiatan-kegiatan pertubuhan serantau ini dalam bidang pendidikan, sains dan kebudayaan. Selain daripada itu, Bahagian ini juga menguruskan hal-hal pendidikan di bawah pertubuhan-pertubuhan lain seperti ASEAN, KOMONWEL dan RANCANGAN COLOMBO. Dalam melaksanakan fungsi yang tersebut di atas, Bahagian ini menjalankan antara lain, kegiatan-kegiatan berikut:-

- (a) Menggalakkan kerjasama di antara agensi Kerajaan yang berkenaan dengan UNESCO dan SEAMEO dengan mengedarkan penerbitan

dan penerangan mengenai kegiatan pertubuhan-pertubuhan ini.

- (b) Menguruskan penyertaan peserta-peserta ke persidangan, mesyuarat, seminar, bengkel dan kursus latihan yang dianjurkan oleh pertubuhan-pertubuhan antarabangsa dan serantau.
- (c) Membuat persediaan untuk persidangan, seminar atau bengkel antarabangsa yang diadakan oleh Kementerian Pelajaran.
- (d) Memproses permohonan bagi bantuan UNESCO dalam bentuk kewangan, teknik dan fellowship.
- (e) Mengaturkan acara lawatan pelawat-pelawat dari luar negeri.

355. Untuk maksud melibatkan agensi Kerajaan yang ada kaitan dengan kerja UNESCO, beberapa jawatankuasa khas di dalam bidang pendidikan, sains, kebudayaan dan komunikasi telah ditubuhkan oleh Suruhanjaya Kebangsaan UNESCO. Adalah didapati bahawa jawatankuasa-jawatankuasa ini tidak dapat bergerak serta menjalankan tugas masing-masing dengan berkesan.

355.1 Adalah diperakukan supaya satu tindakan segera diambil untuk meninjau serta meneliti bagi maksud menggerakkan semula perjalanan jawatankuasa khas di bawah Suruhanjaya Kebangsaan UNESCO agar dapat memainkan peranan masing-masing dengan lebih cergas dan berkesan.

355.2 Adalah diperakukan juga supaya Bahagian Hal Ehwal Luar Negeri memperkemaskan lagi jenteranya sebagai agensi seranta di antara semua Bahagian di Kementerian Pelajaran agar penyelarasan kerjasama dalam bidang pendidikan, sains, kebudayaan dan komunikasi di antara Kementerian Pelajaran dengan pertubuhan-pertubuhan serantau dan negara-negara lain dapat ditingkatkan lagi.

## 5.16 BAHAGIAN BIASISWA DAN LATIHAN

356. Bahagian ini mula ditubuhkan selepas Merdeka dengan nama Bahagian Biasiswa dan Latihan. Mulai tahun 1973 ia dijadikan satu unit yang diberi nama Seksi Biasiswa dan Taja di bawah Bahagian Pelajaran Tinggi. Pada awal tahun 1976 Bahagian ini dijadikan sebagai satu Bahagian dengan nama Bahagian Biasiswa dan Taja tetapi dalam hal ehwal kewangan masih di bawah Bahagian Pelajaran Tinggi. Pada bulan Mac tahun 1978 Kementerian Pelajaran telah memutuskan supaya Bahagian ini dijadikan satu Bahagian penuh mulai tahun 1979 dan dinamakan Bahagian Biasiswa dan Latihan.

357. Bidang tugas Bahagian Biasiswa dan Latihan ialah untuk mengeluarkan Biasiswa dan Dermasiswa Perguruan Persekutuan bagi membolehkan pelajar-pelajar dan pegawai-pegawai dalam Perkhidmatan Pelajaran mengikuti kursus-kursus di universiti-universiti tempatan dan di luar negeri.

358. Rancangan-rancangan biasiswa dan dermasiswa yang ditadbirkan oleh Bahagian ini ialah:-

- (a) Biasiswa Kecil Persekutuan dan Biasiswa Tingkatan VI.
- (b) Biasiswa Pra Universiti di Universiti Malaya dan Universiti Sains Malaysia.
- (c) Biasiswa untuk penuntut-penuntut Sekolah Menengah Teknik, Vokasional dan Politeknik.
- (d) Dermasiswa untuk penuntut-penuntut kelulusan HSC dan SPM/MCE untuk kursus-kursus ijazah pertama dan diploma di universiti-universiti tempatan.
- (e) Biasiswa untuk pegawai-pegawai dalam Perkhidmatan Pelajaran di bawah Sekim Latihan Pegawai-Pegawai Perkhidmatan Pelajaran untuk kursus-kursus diploma dan ijazah.
- (f) Biasiswa Malaysia kepada negara-negara Komonwel di bawah Rancangan Biasiswa/Fellowship Komonwel dan juga tawaran negara-negara Komonwel dan badan-badan asing kepada Malaysia.



- (g) Biasiswa kepada warganegara Indonesia untuk mengikuti kursus-kursus ijazah lanjutan atau penyelidikan di universiti-universiti di Malaysia.
- (h) Hadiah-hadiah biasiswa daripada negara asing.

Semua hadiah pelajaran di bawah sesuatu rancangan ini adalah diluluskan oleh Lembaga Biasiswa Kementerian Pelajaran yang dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Kementerian Pelajaran. Seorang daripada ahli Lembaga ini ialah wakil dari Jabatan Perkhidmatan Awam.

359. Selain daripada mengeluarkan biasiswa dan dermasiswa Bahagian ini juga bertanggungjawab mengawasi pemegang-pemegang biasiswa supaya tidak melanggar syarat-syarat perjanjian mereka.

360. Satu daripada rancangan-rancangan biasiswa yang ditadbirkan oleh Bahagian Biasiswa dan Latihan ialah Rancangan Latihan Pegawai-pegawai Perkhidmatan Pelajaran yang telah dimulakan dalam tahun 1977. Tujuan rancangan ini ialah untuk mendapatkan tenaga kepakaran yang diperlukan oleh Kementerian Pelajaran. Pegawai yang terpilih di bawah rancangan ini dihantar untuk mengikuti berbagai kursus pengkhususan dalam bidang pendidikan di peringkat diploma, ijazah dan ijazah lanjutan sama ada di dalam mahupun di luar negeri.

361. Bahagian ini juga menyimpan rekod dan data-data semua penuntut dan pegawai yang menerima Biasiswa dan Dermasiswa Perguruan Persekutuan di dalam dan luar negeri.

362. Biasiswa, dermasiswa dan juga bantuan-bantuan kewangan lain yang dikeluarkan oleh Kementerian Pelajaran adalah bertujuan untuk mendapatkan tenaga rakyat terlatih mengikut keperluan Kementerian Pelajaran. Keseluruhan usaha ini merupakan sebahagian daripada usaha Kerajaan mengadakan tenaga rakyat terlatih untuk sektor awam. Adalah didapati amalan Kementerian Pelajaran dalam memberi biasiswa atau dermasiswa memperlihatkan seolah-olah rancangan yang dikendalikannya itu tidak diselaraskan dengan rancangan-rancangan latihan yang dikendalikan oleh lain-lain agensi Kerajaan. Penyelarasan ini penting untuk men-

dapatkan suatu gambaran yang menyeluruh mengenai perancangan tenaga terlatih negara dan juga untuk mengelakkan pergandaan. Malah di Kementerian Pelajaran sendiri pun terdapat beberapa Bahagian lain yang mengendalikan rancangan-rancangan biasiswa dan dermasiswa secara berasingan.

362.1 Untuk mewujudkan pengurusan rancangan-rancangan biasiswa dan dermasiswa yang lebih berkesan, adalah diperakukan bahawa semua rancangan biasiswa dan dermasiswa Kementerian Pelajaran hendaklah dipusat dan ditadbirkan di Bahagian Biasiswa dan Latihan, Kementerian Pelajaran. Mengenai biasiswa dan dermasiswa di bawah agensi dan Kementerian lain yang juga dihadaiahkan untuk memenuhi permintaan tenaga rakyat terlatih negara, Bahagian ini pula perlu mendapatkan gambaran yang menyeluruh agar ianya dapat menyelaraskan dan mengawasi pengurusan rancangan-rancangan biasiswa dan dermasiswa yang dikendalikannya sendiri.

363. Bahagian ini membantu Yayasan Tunku Abdul Rahman yang ditubuhkan di bawah Akta Parlimen Bil. 43 Tahun 1966, melaksanakan rancangan-rancangannya dengan menyediakan seorang setiausaha kepada Lembaga Amanah yang bertanggungjawab dalam segala urusan Yayasan ini. Lembaga Amanah tersebut dipengerusikan oleh Menteri Pelajaran dan dianggotai oleh enam orang ahli yang dilantik oleh pengerusi sendiri dan pegawai-pegawai dari Kementerian Pelajaran dan Perbendaharaan sebagai wakil.

364. Dengan perlantikan Menteri Pelajaran oleh Kabinet sebagai Pengerusi Yayasan Tunku Abdul Rahman, adalah jelas bahawa Kerajaan yakin tujuan-tujuan Yayasan tersebut akan dapat dicapai dengan lebih berkesan lagi sekiranya pengurusannya ditempatkan di Kementerian Pelajaran. Berdasarkan kepada hakikat ini Menteri Pelajaran yang menjadi Pengerusi Yayasan ini telah membentuk satu Lembaga Amanah dengan setiausahanya terdiri daripada salah seorang pegawai dari

Bahagian Biasiswa dan Latihan. Adalah dirasai juga pengurusan Lembaga Amanah ini akan dapat diselaraskan dengan pengurusan rancangan-rancangan biasiswa dan dermasiswa lain sekiranya urusetia Lembaga tersebut diletakkan di Bahagian Biasiswa dan Latihan.

- 364.1 Untuk pengurusan dan penyelarasan yang lebih berkesan adalah diperakukan supaya Bahagian Biasiswa dan Latihan, Kementerian Pelajaran dijadikan urusetia kepada Yayasan Tunku Abdul Rahman.

#### 5.17 BAHAGIAN PENDAFTARAN SEKOLAH DAN GURU

365. Mengikut Akta Pelajaran, 1961 semua sekolah atau institusi pelajaran, guru, ahli Jemaah Pengurus/Pengelola dan kakitangan sekolah hendaklah didaftarkan. Perkara ini diuruskan oleh Bahagian Pendaftaran Sekolah dan Guru.

366. Tugas-tugas Bahagian ini di antara lain ialah seperti berikut:-

- (a) Mengendalikan semua perkara yang berkaitan dengan pendaftaran sekolah dan institusi pelajaran sama ada bantuan penuh atau swasta, guru, ahli Lembaga Pengurus/Pengelola dan kakitangan sekolah.
- (b) Tugas-tugas tambahannya ialah:-
  - (i) Memproses perlantikan ahli Lembaga Pengurus/Pengelola sebagai wakil Menteri Pelajaran.
  - (ii) Memproses permohonan untuk menubuhkan sekolah dan kelas-kelas pelajaran tambahan dari pihak swasta.
  - (iii) Menyediakan perangkaan berkenaan sekolah swasta.
  - (iv) Mengkaji rayuan berhubung dengan pembatalan pendaftaran dan menyediakan memorandum yang berkaitan.

- (v) Menjalankan penyiasatan ke atas aduan mengenai sekolah-sekolah dan guru-guru swasta.
- (vi) Mengadakan penyiasatan ke atas sekolah-sekolah haram dan bogus.
- (vii) Menyimpan rekod guru yang telah didaftarkan.

367. Di dalam beberapa tahun kebelakangan ini, sekolah swasta telah berkembang dengan pesatnya. Perkembangan ini perlu diawasi menerusi syarat-syarat pendaftaran yang kemas. Tetapi tugas pengawasan ini menjadi rumit dan sukar dilaksanakan oleh kerana ada di antara penganjur sekolah tersebut lebih mementingkan keuntungan mereka dan memilih mendaftarkan sekolah mereka dengan Kementerian Perdagangan dan Perindustrian dan bukan dengan Kementerian Pelajaran.

367.1 Untuk memastikan supaya sekolah-sekolah swasta mematuhi syarat-syarat yang ditetapkan oleh Kementerian Pelajaran, maka satu peruntukan baru hendaklah diadakan bagi menentukan pihak-pihak yang hendak membuka sekolah tadi terlebih dahulu mendapat kebenaran atau lesen dari Kementerian Pelajaran sebelum mereka mendaftar dengan Kementerian lain. Hanya selepas kebenaran ini diberi barulah pihak berkenaan boleh memulakan kegiatan rancangan mereka seperti pembinaan atau penyewaan bangunan sekolah.

368. Berhubung dengan Pegawai-Pegawai Perhubungan Sekolah yang mengendalikan tugas-tugas Bahagian ini di peringkat negeri, adalah didapati bahawa pengiktirafan tugas dari segi pembayaran dan status yang diberikan kepada mereka tidaklah setimpal dengan beban kerja dan tanggungjawab yang terpaksa dipikul oleh pegawai-pegawai ini. Mereka pada mulanya telah dilantik oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Awam sebagai pegawai dalam Bahagian I, tetapi dalam penyemakan semula tangga gaji berikutnya seperti Suruhanjaya

Gaji Aziz dan Jawatankuasa Gaji Kabinet, mereka didapati seolah-olah telah diturunkan pangkat menjadi pegawai Bahagian III. Manakala jawatan yang dipegang oleh mereka selama ini sangat-sangat memerlukan pengalaman kerja yang luas, kebolehan dan kecekapan yang tinggi, dan yang paling penting ialah pengetahuan bahasa Cina. Oleh kerana pegawai-pegawai yang terlibat ini telah lama berkhidmat dalam jawatan ini serta mempunyai kemahiran dan kelulusan yang diperlukan tadi, maka adalah dirasai bahawa mereka patut terus kekal dalam jawatan tersebut.

- 368.1 Pegawai-pegawai Perhubungan Sekolah menjalankan tugas-tugas yang rumit dan tanggungjawab yang berat. Adalah diperakukan supaya kedudukan pegawai-pegawai ini dikaji semula dengan tujuan memperimbangan beban tugas mereka dengan tangga gaji yang diberikan, sama seperti yang telah diperakukan bagi Setiausaha Peperiksaan.

#### 5.18 BIRO BUKU TEKS

369. Biro ini ditubuhkan sebagai satu unit di Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Pelajaran pada 15hb. Mei, 1967. Tugasnya pada masa itu ialah untuk mengawal dan menentukan bahawa semua sekolah di Malaysia Barat mematuhi peraturan Kementerian Pelajaran mengenai pembelian, penjualan dan penggunaan buku-buku teks. Di samping itu Biro juga mempunyai tugas merancang dan mengelolakan rancangan memajukan perpustakaan sekolah. Pada tahun 1969 Biro ini diletakkan di bawah Bahagian Sekolah-Sekolah, tetapi dua tahun kemudiannya ia telah dipindahkan semula kepada Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Pelajaran. Oleh kerana tugas-tugasnya telah bertambah maka pada 7hb. Februari, 1972 Biro ini telah berkembang menjadi satu Bahagian yang tersendiri di Kementerian Pelajaran. Dengan beban tugasnya yang bertambah, pada tahun 1973 Biro terpaksa melepaskan tugas memajukan perpustakaan sekolah untuk diambilalih oleh Bahagian Sekolah-Sekolah.

370. Pada masa sekarang tugas Biro ini ialah menilai buku-

buku teks bagi semua matapelajaran yang diajar di sekolah rendah dan di Kelas Peralihan hingga ke Tingkatan V di sekolah menengah. Selain dari mematuhi kehendak sukatan pelajaran, buku-buku teks hendaklah juga mematuhi kehendak dan kepentingan Rukunegara, ditulis dalam bahasa yang baik dan dipersembahkan mengikut prinsip pembelajaran yang berkesan. Sekolah Kebangsaan dan Sekolah Rendah Kebangsaan dikehendaki menggunakan hanya buku Kementerian Pelajaran yang diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka, manakala Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Cina), Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Tamil), Sekolah Menengah Kebangsaan (Ugama) dan sekolah Menengah Jenis Kebangsaan dibenarkan memilih satu judul daripada beberapa judul yang telah diperakukan.

371. Dengan terlaksananya Sekim Pinjaman Buku Teks Kerajaan pada tahun 1975, Biro ini telah pula dipertanggungjawabkan untuk melaksanakannya. Tanggungjawab ini meliputi tugas-tugas berikut:-

- (a) Menjadi urusetia kepada Jawatankuasa Teknik Sekim Pinjaman Buku Teks yang dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Kementerian Pelajaran.
- (b) Membantu Unit Akaun menyediakan peraturan menyimpan rekod.
- (c) Memproses permohonan sekolah-sekolah mengenai keperluan buku-buku teks mereka dengan bantuan Unit Komputer.
- (d) Membuat pesanan kepada penerbit.
- (e) Memproses bil-bil tuntutan penerbit untuk dibayar oleh Unit Akaun.
- (f) Memeriksa pelaksanaan Sekim Pinjaman Buku Teks di sekolah-sekolah.
- (g) Mengagihkan buku-buku daripada sekolah yang mempunyai stok buku yang terlebih kepada sekolah-sekolah yang kekurangan buku.

372. Adalah didapati satu penyusunan semula struktur Biro ini yang berhubung terus dengan tugas-tugas pelaksanaan

Sekim Pinjaman Buku Teks telah dilaksanakan. Ini dijalankan untuk memperkemas dan melicinkan lagi pengurusan Sekim Pinjaman Buku Teks.

373. Pada hari ini didapati bahawa ada penilai-penilai buku yang juga menjadi penulis. Dalam keadaan ini penilai tentulah lebih mengutamakan pengeluaran buku-buku yang dituliskannya, oleh itu penilaian yang dilakukannya tidaklah jujur dan kurang objektif.

373.1 Untuk menjamin kualiti penilaian buku-buku teks, adalah diperakukan langkah-langkah diambil supaya Biro Buku Teks bebas sama sekali dari sebarang tekanan atau kuasa dalam urusannya menilai buku-buku teks yang bakal digunakan di sekolah-sekolah. Penghasilan buku-buku teks oleh penulis-penulis yang terlibat dalam pengurusan Biro ini hendaklah dilarang sama sekali.

374. Pada hari ini terdapat kelewatan dalam pengeluaran buku-buku teks dalam Bahasa Malaysia untuk kegunaan Tingkatan VI khasnya dalam jurusan sains. Jika keadaan ini berterusan, adalah dikhuatiri murid-murid aliran Bahasa Malaysia dalam jurusan sains akan kecewa apabila rancangan alihbahasa dilaksanakan dengan sepenuhnya di peringkat ini kelak. Pada masa ini tanggungjawab merancang pengeluaran buku-buku teks aliran Bahasa Malaysia untuk Tingkatan VI diuruskan oleh sebuah jawatankuasa yang dianggotai bersama oleh pihak Pusat Perkembangan Kurikulum dan Dewan Bahasa dan Pustaka. Didapati keadaan ini kurang memuaskan kerana kedua-dua pihak tersebut masing-masing tidak dapat dipertanggungjawab dengan sepenuhnya dalam perkara ini.

374.1 Sebagai satu langkah jangka panjang, adalah diperakukan supaya pengeluaran dan pengurusan buku-buku teks dalam Bahasa Malaysia untuk kegunaan Tingkatan VI dipertanggungjawabkan terus kepada Biro Buku Teks. Walau bagaimanapun, kekurangan yang dihadapi sekarang hendaklah diatasi dengan cara mencepatkan urusan-urusan

yang berkaitan seperti pemilihan, penterjemahan dan pencetakan. Satu strategi jangka pendek untuk mengatasi masalah ini ialah dengan menterjemahkan buku-buku teks yang berkenaan Bab demi Bab, dan mengedarkan Bab-Bab yang telah selesai diterjemahkan itu untuk kegunaan serta-merta.

#### 5.19 BAHAGIAN PENTADBIRAN

375. Tugas utama Bahagian Pentadbiran ialah untuk menyelaraskan segala perkara mengenai pentadbiran am di semua Bahagian di Kementerian Pelajaran. Tugas penyelarar ini di antara lain meliputi perkara berikut:-

- (a) Menyelaraskan kegiatan Kementerian Pelajaran yang ada hubungan dengan Kementerian-Kementerian lain seperti majlis perayaan rasmi negara dan hari keraian yang lain.
- (b) Melayan dan memproses pengaduan yang diterima dari orang ramai mengenai Kementerian Pelajaran.
- (c) Menyelaraskan semua perkara berhubung dengan persidangan Parlimen.
- (d) Memproses, menyelaraskan dan seterusnya mengemukakan semua perkara dan kertas yang akan dibentangkan di Persidangan-Persidangan Jemaah Menteri, Majlis Raja-Raja, Menteri Besar, Mesyuarat Perhubungan di antara Kerajaan Pusat dengan Kerajaan Negeri dan beberapa mesyuarat lain.
- (e) Menyelaraskan dan menguruskan pencalonan bagi Penganugerahan bintang-bintang kebesaran sempena Hari Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, Sultan dan Yang Di Pertua Negeri.
- (f) Memproses dan menguruskan sebahagian daripada jawatan-jawatan yang perlantikannya perlu dibuat oleh badan pelantik tertentu mengikut peruntukan undang-undang.



- (g) Menjadi urusetia kepada mesyaurat Ketua-Ketua Bahagian Kementerian Pelajaran.
- (h) Bertanggungjawab mengendalikan hal-hal keselamatan bagi Bahagian-Bahagian di Kementerian pelajaran.
- (i) Mendapat dan menyediakan ruang pejabat dan lain-lain kemudahan fizikal untuk Bahagian-Bahagian di Kementerian Pelajaran.

376. Adalah didapati bahawa fungsi dan tanggungjawab Bahagian ini adalah jelas dan cara Bahagian ini mengendalikan tugas pengurusannya adalah memuaskan. Akan tetapi Bahagian ini kini menghadapi beberapa masalah pengurusan akibat kedudukan beberapa Bahagian yang berselerak dan jauh di antara satu dengan lain. Keadaan seumpama ini menyulitkan perhubungan antara Bahagian-Bahagian tersebut, lebih-lebih lagi jika ada perkara yang hendak diuruskan segera tetapi tidak boleh dirundingkan melalui telefon kerana ianya merupakan sesuatu yang dianggap sulit. Keadaan penempatan Bahagian-Bahagian yang berselerak ini menyukarkan perhubungan dan meninggikan kos pengurusan.

376.1 Untuk mengatasi tambahan perbelanjaan pengurusan yang terutamanya berpunca dari masalah perhubungan seperti yang tersebut di atas, adalah diperakukan supaya sebolehnya semua Bahagian di Kementerian Pelajaran ditempatkan dalam sebuah bangunan yang sama.

## BAB VI

### 6. KEMUDAHAN DAN PERBEKALAN

#### 6.1 PENDAHULUAN

377. Bab ini mengemukakan dapatan dan perakuan mengenai usaha-usaha menyediakan kemudahan dan perbekalan pelajaran oleh Kementerian Pelajaran.

378. Kemudahan dan perbekalan pelajaran yang disediakan adalah banyak serta beraneka jenis masing-masing mempunyai hubung-kait yang tersendiri dengan kegiatan pengajaran dan pembelajaran yang dijalankan di sekolah-sekolah. Kajian ini tidak membincangkan kesemua kemudahan dan perbekalan ini, tetapi hanya menumpukan perhatian kepada aspek-aspek yang penting seperti berikut:

- a) Kemudahan fizikal
- b) Asrama
- c) Buku teks
- d) Perpustakaan
- e) Biasiswa dan lain-lain bantuan
- f) Bantuan Makanan Tambahan
- g) Sekolah Rendah Pusat
- h) Pendidikan kanak-kanak cacat.

#### 6.2 KEMUDAHAN FIZIKAL

379. Kerajaan bertanggungjawab terhadap pembangunan pelajaran dengan menyediakan kemudahan fizikal kepada semua institusi pendidikan termasuk sekolah-sekolah rendah

dan menengah bantuan penuh, sekolah-sekolah menengah teknik dan vokasional, dan institusi-institusi pelajaran tinggi kerajaan, kecuali sekolah bantuan penuh yang bangunan serta kawasan tanahnya bukan hak milik Kerajaan. Peruntukan kewangan untuk rancangan pembangunan di bawah tanggungan Kerajaan meliputi:

- a) Peruntukan untuk tapak (tanah) dan pembinaan bangunan.
- b) Peruntukan bagi pembaharuan, penggantian dan pembesaran bangunan.
- c) Peruntukan mengadakan perabot atau kemudahan alat kelengkapan untuk bangunan baru dan bangunan yang telah diperbaharui atau diperbesarkan.

380. Kemudahan-kemudahan fizikal yang biasa disediakan oleh Kerajaan bagi sekolah rendah dan menengah meliputi bilik darjah, makmal sains, bengkel seni perusahaan, bilik sains rumahtangga, kantin, dewan, bilik perpustakaan, bilik TV pendidikan, tandas, padang permainan, perabot, pagar, bekalan air dan bekalan elektrik. Dalam Rancangan Malaysia Kedua (1971-1975) sejumlah \$225 juta telah diperuntukkan untuk membiayai rancangan pembangunan pelajaran bagi Semenanjung Malaysia. Daripada jumlah tersebut \$90 juta telah diperuntukkan bagi pembangunan sekolah rendah dan \$135 juta bagi sekolah menengah.

381. Dalam Rancangan Malaysia Kedua, Kementerian Pelajaran telah mengadakan kemudahan-kemudahan fizikal seperti berikut:-

	Semenanjung	Sarawak	Sabah	Jumlah
a) Bilik darjah sekolah rendah	2,600(65.0%)	652(16.0%)	736(19.0%)	3,988(100%)
b) Bilik darjah sekolah menengah	1,631(77.9%)	351(16.8%)	111(05.3%)	2,093(100%)
c) Makmal sains am dan sains paduan	353(76.6%)	79(17.1%)	29(06.3%)	461(100%)
d) Makmal sains tulen	197(98.5%)	- ( - )	3(01.5%)	200(100%)
e) Bilik sains rumahtangga	76(91.5%)	- ( - )	7(08.5%)	83(100%)

f) Bilik perpustakaan	173(91.1%)	8(04.2%)	9(04.7%)	190(100%)
g) Bengkel seni perusahaan	145(89.0%)	12(07.4%)	6(03.6%)	163(100%)
h) Dewan	- ( - )	2(20.0%)	8(80.0%)	10(100%)

Dalam jangkamasa 1970-1975 bilangan murid di sekolah rendah dan menengah telah meningkat dengan pesatnya seperti di bawah:-

Sekolah Rendah	1970 Jumlah (Bil. Murid)	1975 Jumlah (Bil. Murid)	% Pertambahan
a) Semenanjung	1,421,469	1,586,909	11.64%
b) Sabah	113,582	152,093	10.14%
c) Sarawak	143,245	173,422	21.07%
<b>Jumlah</b>	<b>1,678,296</b>	<b>1,912,424</b>	<b>14.0%</b>

#### Sekolah Menengah

a) Semenanjung	468,104	722,479	54.3%
b) Sabah	27,744	43,398	56.42%
c) Sarawak	21,685	50,826	134.38 %
<b>Jumlah</b>	<b>517,533</b>	<b>816,703</b>	<b>57.9%</b>

#### Sekolah Menengah Teknik & Vokasional

a) Semenanjung	5,183	11,667	125.1%
b) Sabah (Vokasional sahaja)	180	314	74.44%
c) Sarawak (Vokasional sahaja)	209	328	56.74%
<b>Jumlah</b>	<b>5,572</b>	<b>12,309</b>	<b>120.9%</b>

382. Didapati penambahan bilik darjah dan kemudahan-kemudahan lain yang diadakan telah tidak mencukupi untuk menampung jumlah bilangan murid yang kian bertambah dengan pesatnya dari setahun ke setahun. Pertam-

bahan yang pesat ini memaksa setengah-setengah sekolah mengadakan sidang pagi dan petang. Di samping itu ada juga terdapat amalan di mana dua buah sekolah yang berasingan berkongsi menggunakan bangunan yang sama, iaitu satu di waktu pagi dan satu di waktu petang. Pada tahun 1978, dari jumlah 4,341 buah sekolah rendah di Semenanjung Malaysia sebanyak 1,255 atau 28.9% mengadakan dua sidang atau berkongsi sekolah pagi dan petang, dan bagi sekolah menengah pula, jumlah sekolah yang terlibat ialah 594 daripada 771 buah sekolah bersamaan 77.0%.

382.1 Masalah yang sedia wujud di sekolah dua sidang menjadi bertambah buruk lagi dengan adanya pertambahan murid yang pesat dari setahun ke setahun. Oleh yang demikian adalah diperakukan supaya perkembangan pembangunan fizikal hendaklah seimbang dengan kadar pertambahan murid.

383. Keadaan dua sidang ini juga menyulitkan pentadbiran sekolah serta mengganggu pengajaran dan pembelajaran. Murid-murid yang datang dari kawasan-kawasan yang terpencil di luar bandar pula menghadapi berbagai masalah kerana mereka terpaksa pergi ke sekolah terlebih awal dan selepas sekolah pula mereka sampai ke rumah pada waktu malam. Keadaan demikian telah juga menimbulkan berbagai masalah disiplin.

383.1 Memandangkan gangguan kepada pengajaran dan pembelajaran akibat dari amalan menggunakan bangunan sekolah pagi dan petang, adalah diperakukan Kementerian Pelajaran mencari penyelesaian segera dengan mewujudkan perancangan khas untuk mengatasi masalah ini. Dalam perancangan tersebut perhatian utama hendaklah diberikan kepada sekolah-sekolah luar bandar yang mempunyai murid-murid dari kawasan jauh dan berselerak.

384. Adalah didapati juga bahawa setengah-setengah kawasan di Sabah dan di Sarawak masih belum lagi diberikan

kemudahan-kemudahan fizikal yang asas seperti bilik darjah, bilik makmal dan bengkel.

- 384.1 Untuk Sabah dan Sarawak, terutama di kawasan-kawasan yang belum diberikan kemudahan-kemudahan fizikal asas, adalah diperakukan peruntukan khas diadakan bagi membebankan kemudahan-kemudahan ini.

385. Kemudahan fizikal tambahan seperti dewan, padang dan gelanggang permainan selalunya diberikan kepada sekolah-sekolah besar. Pengagihan kemudahan-kemudahan seperti ini telah menguntungkan lagi sekolah-sekolah besar dan menjadikan sekolah-sekolah kecil lebih tertinggal dari segi pembahagian kemudahan-kemudahan.

- 385.1 Memandangkan sekolah-sekolah kecil selalunya rugi dalam pengagihan kemudahan-kemudahan fizikal maka adalah diperakukan bahawa dalam pengagihan kemudahan-kemudahan fizikal ke sekolah, sekolah-sekolah kecil hendaklah dilengkapi dengan kemudahan-kemudahan yang biasanya perlu ada supaya sekolah-sekolah kecil ini mendapat bukan sahaja peluang yang sama bahkan lebih untuk meninggikan mutu kadar pencapaiannya berbanding dengan sekolah-sekolah besar.

386. Pembinaan sekolah-sekolah terlalu berpandukan kepada pelan piawai walaupun keadaan sekitar berbeza-beza. Oleh kerana kurangnya kelonggaran dalam penggunaan pelan piawai tadi, kadangkala didapati keadaan sekolah yang didirikan di sesuatu tempat tidak sesuai dengan keadaan keliling dan kehendak-kehendak setempat. Di samping itu dalam kemajuan dan perkembangan pendidikan pada hari ini terdapat beberapa jenis pendekatan yang boleh dijalankan untuk menjadikan pengajaran dan pembelajaran lebih berkesan dan untuk memenuhi situasi pembelajaran yang berbeza-beza. Didapati pelan piawai yang ada sekarang ini tidak membolehkan pendekatan-pendekatan ini dilakukan dengan berkesan.

- 386.1 Untuk memenuhi keperluan keadaan persekitaran yang berbeza-beza, adalah diperakukan Kementerian Pelajaran menyediakan beberapa pelan piawai sekolah yang sesuai bagi keadaan dan suasana yang berbeza-beza ini. Di samping itu pelan-pelan ini hendaklah juga fungsional untuk membolehkan pendekatan-pendekatan yang sesuai dilakukan bagi memenuhi keperluan pengajaran dan pembelajaran yang berbeza-beza.

### 6.3 ASRAMA

387. Asrama dibina dengan tujuan untuk memberi kemudahan tempat tinggal yang berdekatan dengan sekolah kepada murid-murid yang datang dari jauh, terutamanya mereka yang miskin. Dengan adanya kemudahan asrama ini murid-murid mendapat peluang untuk menumpukan perhatian mereka kepada pelajaran tanpa banyak gangguan. Di samping itu, secara tidak langsung, mereka dapat hidup cara bermasyarakat. Dalam jangka masa yang panjang pula, kemudahan asrama ini membantu mengurangkan masalah murid-murid yang ketinggalan dalam pelajaran.

388. Pada hari ini ada tiga jenis asrama. Asrama di sekolah-sekolah harian adalah khas untuk murid-murid sekolah itu, manakala asrama pusat pula adalah untuk keperluan bersama beberapa buah sekolah, sementara asrama di sekolah asrama penuh adalah untuk semua murid sekolah itu sahaja. Kakitangan yang mengurus dan mengawas asrama di sekolah ialah guru asrama manakala bagi asrama pusat, tanggungjawab ini diserahkan kepada warden asrama. Guru-guru asrama mengendalikan tugas yang meliputi beberapa bidang seperti kewangan, pemeliharaan dan keselamatan bangunan, penyeliaan kakitangan dan pengawasan penghuni seperti soal-soal yang bersabit dengan kemasukan, tata tertib, keselamatan, kemajuan pelajaran, perkembangan jasmani, rohani dan sosial penghuni, di samping tugas biasa mereka sebagai guru.

389. Dasar Kerajaan yang mengutamakan kemudahan asrama lebih kepada murid luar bandar adalah baik. Namun

begitu adalah didapati sebahagian penduduk bandar yang tinggal di kawasan setinggan dan di kawasan sesak mengalami keadaan hidup yang serba kurang sama seperti penduduk di luar bandar. Murid-murid dari kawasan ini telah tidak diberikan peluang untuk mendapatkan kemudahan tinggal di asrama.

389.1 Memandangkan faedah yang begitu besar yang boleh didapati dari kemudahan asrama ini, maka adalah diperakukan supaya kemudahan asrama diadakan dengan lebih meluas lagi. Di samping itu kemudahan-kemudahan ini hendaklah juga diadakan di kawasan bandar untuk faedah murid-murid miskin dari kawasan setinggan dan kawasan sesak.

390. Pengurusan dan pengawasan asrama seperti yang dilakukan pada hari ini belumlah lagi memuaskan. Walaupun diakui bahawa guru adalah orang yang sesuai untuk mengawas asrama namun demikian, memandangkan beban pengurusan asrama yang semakin berat maka mereka yang dipilih seharusnya terdiri daripada guru-guru yang berkebolehan bukan sahaja kelabu untuk membimbing murid-murid bahkan juga menanamkan unsur-unsur disiplin dan menjadi tauladan yang baik kepada murid-murid itu. Perlantikan guru-guru asrama pada hari ini lebih bertujuan untuk menolong guru-guru bujang mendapatkan tempat tinggal daripada untuk mendapatkan guru-guru yang benar-benar sesuai sebagai guru-guru asrama. Di samping itu elaun yang diberikan kepada guru-guru asrama pada hari ini adalah terlalu kecil dan tidak setimpal dengan beban tugas yang berat yang perlu diuruskannya bukan sahaja di luar waktu sekolah bahkan juga pada hari-hari kelepasan am.

390.1 Untuk meningkatkan taraf pengurusan dan pengawasan asrama, adalah diperakukan supaya guru-guru yang dipilih sebagai guru-guru asrama hendaklah terdiri daripada mereka yang berkebolehan bukan sahaja untuk membimbing murid-murid bahkan juga menanamkan unsur-unsur disiplin dan menjadi tauladan kepada murid-murid itu.



390.2 Memandangkan bahawa beban tugas pengu-  
rusan dan pengawasan asrama semakin berat  
yang memerlukan perhatian sepanjang masa  
termasuk hari-hari kelepasan am, maka ada-  
lah diperakukan bahawa claun untuk guru-  
guru asrama hendaklah setimpal dengan be-  
ban tugas dan tanggungjawab mereka.

391. Di kawasan-kawasan pendalaman di Sabah dan  
Sarawak keadaan fizikal merupakan masalah besar dari segi  
pengangkutan dan perhubungan. Oleh itu sekolah-sekolah di  
kawasan-kawasan ini menyediakan asrama untuk sebilangan  
daripada murid-muridnya. Didapati juga bahawa sekolah-  
sekolah rendah di kawasan-kawasan ini lebih memerlukan ke-  
mudahan asrama daripada sekolah-sekolah menengah. Usaha-  
usaha untuk membina asrama-asrama di kawasn-kawasan  
terpencil ini memang dilakukan tetapi kemudahan-kemu-  
dahan yang telah diadakan masih belum mencukupi.

391.1 Walaupun asrama biasanya dibina untuk ke-  
perluan murid-murid sekolah menengah na-  
mun demikian adalah diperakukan di tem-  
pat-tempat pendalaman di Sabah, Sarawak  
dan di Semenanjung asrama-asrama hendak-  
lah dibina bagi sekolah-sekolah rendah  
untuk mengumpulkan murid-murid dari  
kawasan-kawasan terpencil. Di Sabah dan  
Sarawak di mana kemudahan-kemudahan ini  
telahpun diadakan, langkah-langkah untuk  
memperbaiki dan menambahkannya hen-  
daklah diambil.

#### 6.4 BUKU TEKS

392. Buku-buku teks merupakan bahan-bahan pembela-  
jaran yang penting untuk murid-murid dan sumber rujukan  
yang penting bagi membantu guru-guru dalam proses penga-  
jaran. Peri mustahaknya peranan buku teks dan pengaruhnya  
dalam bidang pendidikan telahpun dijelaskan dalam Laporan  
Jawatankuasa Pegawai-pegawai yang dilantik oleh Kabinet  
untuk mengkaji syor-syor Laporan Keciciran:

“Buku teks merupakan satu penentuan yang penting mengenai pencapaian murid-murid.”\*

Untuk memenuhi keperluan ini, Kementerian Pelajaran telah mengambil daya utama menubuhkan Biro Buku Teks pada tahun 1974. Biro ini berfungsi seperti berikut:

- a) Mengawal dan meninggikan mutu buku-buku teks.
- b) Mengawal penggunaan dan pertukaran buku-buku teks di sekolah-sekolah.
- c) Mengawal harga buku-buku teks.
- d) Mengawal pembekalan dan penjualan buku-buku teks.

393. Buku-buku yang digunakan di sekolah-sekolah rendah dan menengah adalah buku-buku yang telah dipilih oleh pihak sekolah dari senarai buku-buku yang telah diperakukan oleh Biro Buku Teks, Kementerian Pelajaran.

394. Memang tidak dapat dinafikan bahawa mutu buku-buku teks adalah bergantung kepada penulisnya. Buku-buku yang bermutu tinggi hanya dapat dihasilkan oleh penulis-penulis yang mahir, cekap dan berpengalaman luas. Penulis-penulis berpandukan sukatan pelajaran untuk menulis buku-buku teks. Sukatan pelajaran menentukan kandungan sesuatu matapelajaran itu tetapi oleh kerana sukatan pelajaran itu kadang-kadang terlalu umum maka penulis-penulis pula membuat tafsiran yang berbeza-beza. Ini jelas kelihatan di sekolah-sekolah jenis kebangsaan kerana di sekolah-sekolah ini buku-buku teks ditulis oleh pengarang-pengarang bebas yang memberi tafsiran yang berbeza-beza kepada sesuatu sukatan pelajaran. Keadaan ini tidaklah sihat kerana di sekolah-sekolah rendah keseragaman kandungan dan cara penulisan buku-buku teks adalah penting. Di samping itu keadaan ini juga menyulitkan Biro Buku Teks dalam usahanya memilih buku-buku yang sesuai.

---

\**Laporan Jawatankuasa Pegawai-Pegawai Mengkaji Syor-syor Laporan Keciciran, Kementerian Pelajaran, 1975, Para 19.*

394.1 Kita menerima hakikat bahawa penulisan buku-buku teks patut dijalankan secara liberal bagi mencapai keragaman dan kekayaan bahan yang ditulis. Namun begitu adalah diperakukan bahawa di peringkat rendah buku-buku teks yang digunakan dalam semua aliran persekolahan mestilah dijamin keseragamannya melalui pembetulan satu badan penulis. Melalui terjemahan, buku-buku yang dihasilkan ini hendaklah digunakan di sekolah-sekolah rendah jenis kebangsaan.

395. Pada tahun 1975 Kerajaan telah melaksanakan rancangan Sekim Bantuan Buku Teks ke seluruh negara. Objektif sekim ini ialah untuk membantu murid-murid miskin mendapatkan buku-buku teks secara pinjaman dan untuk mengelakkan mereka dari tertinggal dan tercalar dalam pelajaran. Peruntukan yang telah diberikan untuk rancangan tersebut berjumlah \$62 juta, termasuk \$4.5 juta untuk Sabah dan \$4.2 juta untuk Sarawak. Pada tahun 1978 peruntukan ini berjumlah \$28,361,200.00 keseluruhannya dengan Sabah mendapat \$1,990,660.00 dan Sarawak \$2,742,180.00.

396. Selaras dengan objektif rancangan Sekim Bantuan Buku Teks, semua murid di sekolah kebangsaan dan sekolah rendah kebangsaan diberikan kemudahan pinjaman ini. Di samping itu kemudahan bantuan ini juga diberikan kepada murid-murid dari sekolah rendah dan menengah jenis kebangsaan berasaskan kepada syarat-syarat berikut:

Pendapatan Ibubapa/Penjaga	Bilangan Anak Yang Layak Mendapat Pinjaman
1. Kurang daripada \$200.00 sebulan.	Semua
2. Antara \$201.00 hingga \$300.00 sebulan.	Semua kecuali satu.
3. Antara \$301.00 hingga \$500.00 sebulan.	Semua kecuali dua.
4. Lebih dari \$500.00 sebulan.	Tiada.

397. Sekim pinjaman ini dikelolakan oleh sebuah Jawatankuasa Teknikal yang ditubuhkan pada tahun 1975. Ianya dilaksanakan dengan penglibatan Biro Buku Teks, Bahagian Sekolah-Sekolah, Unit Akaun dan Unit Kontrek di Kementerian Pelajaran serta Jabatan-Jabatan Pelajaran Negeri.

398. Didapati Sekim Bantuan Buku Teks dapat membantu murid-murid dalam pembelajaran mereka, khasnya bagi murid-murid dari keluarga yang kurang berada. Pada peringkat awal sekim ini diadakan, ianya telah menghadapi beberapa masalah. Kini kebanyakan daripada masalah pelaksanaan ini telah dapat diatasi.

398.1 Walaupun masalah-masalah besar yang dihadapi dalam pelaksanaan rancangan Sekim Bantuan Buku Teks kebanyakannya telah diatasi, namun demikian cara pembahagian buku serta sistem pembekalan dan pengedaran yang digunakan hendaklah dinilai dari masa ke semasa supaya prestasi pelaksanaan rancangan bantuan ini dapat ditingkatkan lagi.

399. Pada hari ini terdapat kelewatan dalam penerbitan buku-buku teks dalam bidang-bidang tertentu yang diterjemahkan ke dalam Bahasa Malaysia untuk kegunaan kelas-kelas tingkatan atas di sekolah menengah. Tugas untuk memilih dan menterjemah buku-buku yang sesuai adalah diberikan kepada satu jawatankuasa yang dianggotai bersama oleh pihak Pusat Perkembangan Kurikulum dan Dewan Bahasa dan Pustaka tetapi jawatankuasa ini tidak dapat bergerak dengan lebih berkesan. Keadaan ini diburukkan lagi oleh ketiadaan sesuatu badan atau agensi yang bertanggungjawab sepenuhnya dalam perkara ini. Didapati jawatankuasa yang dianggotai bersama oleh pihak Pusat Perkembangan Kurikulum dan Dewan Bahasa dan Pustaka yang ditugaskan memikul tanggungjawab tersebut tidak dapat bergerak secara lebih berkesan.

399.1 Untuk mempercepatkan pengeluaran buku-buku teks dalam Bahasa Malaysia bagi sekolah menengah, khasnya untuk Tingkatan VI,

adalah diperakukan supaya Biro Buku Teks dipertanggungjawabkan mengendalikan segala urusan berhubung dengan pemilihan buku-buku teks dalam bahasa asing dan menterjemahkan ke dalam Bahasa Malaysia untuk kegunaan sekolah-sekolah menengah atas dan Tingkatan VI.

## 6.5 PERPUSTAKAAN

400. Laporan Jawatankuasa Pegawai-pegawai yang dilantik oleh Kabinet untuk mengkaji syor-syor Kajian Keciciran menyatakan:

“ . . . Kami kesal mendapati bahawa perkhidmatan perpustakaan di sekolah-sekolah hari ini adalah terbiar sahaja di kebanyakan sekolah terutama yang di kawasan-kawasan luar bandar. Ini akan mengakibatkan kekurangan minat untuk membaca, yang akan menyebabkan pula pencapaian yang rendah dalam pelajaran dan selanjutnya akan menawarkan semangat belajar.”\*

401. Dalam Laporan Tinjauan Perpustakaan Sekolah (1974) adalah juga dinyatakan kelemahan yang terdapat tentang perpustakaan di sekolah. Mengikut laporan tersebut, 10% daripada 3,949 sekolah rendah yang ditinjau tidak mempunyai perpustakaan langsung dan 71% pula tidak mempunyai perpustakaan yang memuaskan atau perpustakaan pusat. Di sekolah menengah 82.2% daripada 643 buah sekolah yang ditinjau mempunyai perpustakaan pusat dan 15.3% tidak mempunyai perpustakaan pusat. Keadaan ini menjadi bertambah baik sedikit pada tahun 1977. Daripada 3,794 buah sekolah rendah yang ditinjau hanya 13.2% sahaja yang tidak mengadakan kemudahan-kemudahan meminjamkan buku kepada murid. Bagi sekolah menengah pula, daripada 582 buah sekolah yang ditinjau hanya 5.2% sahaja yang tidak mengadakan kemudahan-kemudahan meminjamkan buku ini.

---

\**Laporan Jawatankuasa Pegawai-Pegawai Mengkaji Syor-Syor Laporan Keciciran, Kementerian Pelajaran, 1975. (Para 47).*

402. Didapati bahawa kemudahan fizikal bagi perpustakaan sekolah masih belum memuaskan. Kementerian Pelajaran ada membuat usaha bagi menyediakan perpustakaan untuk semua sekolah menengah. Bagi sekolah-sekolah rendah, sebilangan sahaja sekolah yang telah disediakan dengan bilik perpustakaan. Sekolah-sekolah rendah yang disediakan dengan bilik perpustakaan ini pula adalah sekolah-sekolah baru yang mempunyai sekurang-kurangnya enam buah bilik darjah dan mempunyai lebih dari 200 orang murid. Dalam Rancangan Malaysia Ketiga 621 buah sekolah rendah akan dilengkapi dengan bilik perpustakaan.

402.1 Kekurangan kemudahan perpustakaan di sekolah rendah sangatlah jelas dan masalah yang ketara ialah tidak adanya bilik perpustakaan yang tersendiri di kebanyakan sekolah. Oleh itu adalah diperakukan supaya tiap-tiap sekolah dilengkapi dengan bilik/ruang yang sesuai untuk mengadakan kemudahan perpustakaan. Bilik/ruang ini tidak semestinya seragam tetapi perlu fungsional.

403. Adalah didapati, menurut amalan biasa, hanya sekolah ini diberikan pula peruntukan wang untuk membeli buku. sahaja dibekalkan dengan alat perabot perpustakaan. Sekolah-sekolah yang tidak disediakan perpustakaan memang tidak dibekalkan dengan perabot perpustakaan tetapi sekolah-sekolah ini diberikan pula peruntukan wang untuk membeli buku. Oleh yang demikian timbullah masalah menyimpan buku-buku bagi sekolah-sekolah ini kerana perabot-perabot yang diperlukan tidak ada.

403.1 Perpustakaan adalah suatu keperluan bagi tiap-tiap sekolah. Selama ini jika sesebuah sekolah itu mempunyai ruang/bilik khas untuk perpustakaan, perabot untuk perpustakaan ini adalah dibekalkan tetapi untuk sekolah-sekolah yang tidak ada ruang/bilik hanya bantuan kewangan diberikan untuk

membeli buku sahaja. Memandangkan bahawa langkah ini tidak memuaskan sama sekali maka adalah diperakukan sekolah-sekolah ini dibekalkan dengan ruang/bilik yang sesuai serta dilengkapi dengan kemudahan-kemudahan termasuk perabut.

404. Mulai tahun 1974 Kementerian Pelajaran telah meluluskan bantuan perpustakaan kepada semua sekolah bantuan penuh. Purata pemberian ini ialah \$1.20 bagi seorang murid sekolah rendah setahun dengan pemberian minima sebanyak \$200.00 bagi sekolah rendah yang mempunyai 100 orang murid atau kurang. Pemberian untuk sekolah menengah ialah \$2.00 bagi seorang murid setahun dengan pemberian minima sebanyak \$300.00 kepada sekolah-sekolah yang mempunyai 100 orang murid atau kurang.

405. Adalah didapati secara pemberian bantuan perpustakaan yang berasaskan jumlah bilangan murid seperti yang dijalankan pada masa ini menguntungkan sekolah besar sahaja manakala sekolah kecil sentiasa mendapat peruntukan kewangan yang kecil. Masalah kekurangan kewangan ini menjadi penghalang yang besar kepada sekolah-sekolah kecil dalam usahanya untuk mengadakan perpustakaan yang memuaskan.

405.1 Memandangkan keadaan yang serba kurang di sekolah-sekolah kecil, adalah diperakukan supaya setiap sekolah kecil dilengkapi dengan kemudahan-kemudahan asas untuk perpustakaannya. Ini termasuklah pemberian kewangan permulaan supaya sekolah tersebut dapat melancarkan atau memulakan perpustakaannya dengan mengadakan bilangan buku yang berpatutan. Seterusnya sekolah-sekolah kecil hendaklah diberi peruntukan tahunan yang lebih agar bilangan buku tadi dapat ditambah dan perpustakaan diperbesarkan dari semasa ke semasa.

406. Pada masa ini sekolah-sekolah mendapatkan buku-buku terbitan luar negeri melalui beberapa pembekal yang

telah ditetapkan oleh Kerajaan. Pembekal-pembekal ini pula tidak dapat memenuhi pesanan-pesanan dari sekolah dalam masa yang berpatutan. Keadaan ini menjadi lebih buruk apabila pesanan-pesanan ini dibuat oleh sekolah-sekolah yang jauh di kawasan luar bandar. Di luar bandar pula jarang-jarang didapati kedai-kedai buku yang lengkap.

406.1 Untuk mengadakan perkhidmatan perpustakaan yang memuaskan, perpustakaan sekolah perlu mempunyai bilangan buku yang cukup iaitu untuk sekolah-sekolah rendah sekurang-kurangnya lima buah buku bagi seorang murid dan untuk sekolah menengah sepuluh buah buku bagi setiap murid. Oleh yang demikian adalah diperakukan Kementerian Pelajaran hendaklah mencari jalan untuk membantu sekolah-sekolah membeli buku-buku perpustakaan dengan lebih mudah dan cepat, khususnya bagi sekolah-sekolah di luar bandar.

407. Pentadbiran dan pengurusan perpustakaan sekolah keseluruhannya adalah dikelolakan oleh guru-guru dengan pertolongan pengawas perpustakaan atau murid-murid lain. Guru-guru perpustakaan ini, di samping menguruskan hal-hal perpustakaan, dikehendaki juga mengajar sekurang-kurangnya 25 waktu seminggu seperti yang disyaratkan oleh Pekeliling Pentadbiran Bil. 3/67. Keadaan seumpama ini tentulah terlampau membebankan guru-guru berkenaan dan boleh menjejaskan kecekapan bekerja serta mengurangkan sumbangannya bukan sahaja sebagai guru bahkan sebagai seorang pustakawan.

408. Didapati pada hari ini keadaan pengurusan perpustakaan di sekolah kurang memuaskan. Guru-guru yang menguruskan perpustakaan sekolah memerlukan masa yang cukup untuk kerja-kerja seperti memilih, menyusun dan mengkatalog buku, membaiki buku yang rosak, mengajar mengenai penggunaan perpustakaan dan mengatur rancangan dan kegiatan-kegiatan perpustakaan. Didapati guru-guru perpustakaan tidak mempunyai masa yang cukup untuk melaksanakan tugas-tugas tersebut dan di samping itu kebanyakan dari-



pada mereka pula tidak diberi latihan dalam pengurusan perpustakaan. Di setengah-setengah sekolah, terutama di sekolah rendah, didapati kelonggaran yang diberikan menerusi Pekeliling Pentadbiran Bil. 3/67 terhadap beban kerja guru perpustakaan tidak dipatuhi dan guru perpustakaan terpaksa mengajar sepenuh masa.

409. Guru-guru yang menjalani latihan pra khidmat turut diberi kursus ilmu perpustakaan tetapi didapati kursus ini hanyalah satu pendedahan yang terhad. Sementara itu pula kursus dalam perkhidmatan yang dijalankan di peringkat kebangsaan dan daerah, sungguhpun berguna dari segi memperkembangkan pengetahuan mengenai pengurusan perpustakaan, adalah satu kursus pengenalan yang singkat dan tidak lengkap untuk betul-betul membolehkan guru-guru mengendalikan perpustakaan sekolah secara teratur, cekap dan berkesan.

409.1 Peruntukan bagi guru-guru perpustakaan seperti yang dinyatakan dalam Pekeliling Pentadbiran 3/67 kini didapati kurang sesuai lagi. Oleh itu adalah diperakukan supaya Pekeliling ini disemak serta dipinda supaya guru-guru perpustakaan mendapat jumlah waktu yang sewajarnya untuk menguruskan perpustakaan. Dengan ini dapatlah guru itu menumpukan minat dan khidmat ke arah pengurusan perpustakaan yang lebih berkesan. Di samping itu satu garis panduan hendaklah diberikan kepada guru besar agar ia betul-betul memahami bukan sahaja pentingnya perpustakaan bahkan juga bagaimana perpustakaan itu diuruskan.

409.2 Khidmat yang cekap dan berkesan bergantung kepada kemahiran yang tinggi serta kefahaman yang mendalam mengenai tugas yang dilaksanakan. Dengan demikian adalah diperakukan latihan yang lebih intensif dan mendalam dan mungkin memakan masa yang lebih panjang mengenai pengurusan perpustakaan, hendaklah diberikan kepada

guru-guru baik melalui kursus pra khidmat mahupun kursus-kursus dalam perkhidmatan.

410. Perpustakaan ialah sebuah institusi kecil pelajaran di sesebuah sekolah yang bertujuan untuk memberi perkhidmatan. Berjaya atau tidaknya perkhidmatan perpustakaan ini bergantung bukan sahaja kepada bilangan buku-bukunya yang cukup atau pengurusannya yang cekap, bahkan lebih-lebih lagi bergantung kepada kemampuannya untuk menamakan tabiat membaca di kalangan murid-murid dan kebolehannya memberi menafaat yang maksima kepada pengguna-penggunanya. Peranan perpustakaan ini menjadi penting kerana pada hari ini terdapat ramai murid-murid yang tidak begitu gemar membaca.

410.1 Masalah yang besar hari ini ialah murid-murid tidak gemar membaca. Sebagai satu cara untuk menyelesaikan masalah ini adalah diperakukan supaya satu rancangan yang berterusan dilancarkan untuk membina dan memupuk tabiat suka membaca di kalangan murid-murid. Rancangan ini boleh dijalankan melalui projek-projek dan program-program yang disusun oleh guru-guru darjah sendiri.

## 6.6 BIASISWA DAN LAIN-LAIN BANTUAN KEWANGAN

411. Kerajaan, agensi-agensi Kerajaan dan beberapa badan swasta ada memberi biasiswa dan bantuan wang kepada murid-murid di peringkat sekolah menengah. Di samping itu ada juga murid-murid yang dikecualikan daripada membayar yuran sekolah.

412. Biasiswa dan bantuan kewangan di peringkat sekolah menengah terdiri dari jenis-jenis yang berikut:

- a) Biasiswa Kecil Persekutuan.
- b) Biasiswa Kecil Kerajaan Negeri.

- c) Biasiswa Sekolah Menengah Berasrama Penuh.
- d) Biasiswa Sekolah Menengah Teknik dan Sekolah Menengah Vokasional.
- e) Biasiswa atau wang Saku Sektor Swasta.
- f) Biasiswa Kelas Persediaan Universiti.

413. Biasiswa Kecil Persekutuan ialah bantuan kewangan yang dihadiahkan kepada murid-murid sekolah menengah yang dipilih dari Kelas Peralihan hingga ke Tingkatan Lima. Biasiswa ini merupakan satu bantuan kepada murid-murid yang cerdas tetapi datangnya dari keluarga yang miskin. Begitu juga Biasiswa Kecil Kerajaan Negeri yang dihadiahkan kepada murid-murid sekolah menengah berasaskan kepada pencapaian akademik yang baik dan pendapatan keluarga. Akan tetapi nilai biasiswa jenis ini adalah berbeza di antara satu negeri dengan negeri yang lain. Biasiswa Sekolah Menengah Berasrama Penuh dan Biasiswa Sekolah Menengah Teknik dan Sekolah Menengah Vokasional pula, dengan nilai-nilai yang berlainan, diberikan kepada murid-murid terpilih di sekolah-sekolah tersebut.

414. Murid-murid sekolah menengah berasrama penuh yang tidak mendapat biasiswa, diberikan pula wang saku, tetapi mereka dikehendaki membayar wang makan dan lain-lain yuran seperti yuran perpustakaan dan sukan yang dikenakan oleh pihak sekolah. Di samping itu badan-badan swasta juga menghadaiahkan biasiswa, bantuan kewangan dan lain-lain jenis bantuan kepada murid-murid sekolah mengikut syarat-syarat mereka sendiri.

415. Pengecualian dari membayar yuran sekolah diberikan kepada murid-murid di sekolah menengah jenis kebangsaan kerana murid-murid di sekolah rendah dan juga di sekolah menengah kebangsaan memang sudah sedia mendapat kemudahan pelajaran percuma. Bagi murid-murid di sekolah menengah jenis kebangsaan tersebut, pengecualian dari membayar yuran diberikan kepada sejumlah murid yang tidak melebihi 10% dari jumlah bilangan murid yang membayar yuran di sekolah itu. Pengecualian dari membayar yuran ini akan berakhir mulai tahun 1980 apabila rancangan alihbahasa selesai dilaksanakan sepenuhnya di seluruh peringkat perse-

kolahan dan semua murid akan menikmati kemudahan pelajaran percuma.

416. Pada masa ini adalah didapati konsep 'biasiswa' telah disalahertikan. Amalan yang dijalankan sekarang tidak menepati pengertian sebenarnya mengenai biasiswa. Biasiswa membawa erti suatu hadiah atau penganugerahan dalam bentuk kewangan yang dihadiahkan kepada seseorang murid berdasarkan kepada pencapaian akademik yang cemerlang. Kemudahan bantuan pelajaran yang disediakan pada hari ini bukanlah hadiah biasiswa mengikut konsep di atas, tetapi sebenarnya ialah bantuan kewangan kerana kriteria pemilihan untuk mendapatkannya adalah merangkumi kedua-dua faktor kecemerlangan akademik dan juga latarbelakang sosio-ekonomi murid itu sekali. Adalah dirasai di samping bantuan kewangan, hadiah biasiswa dalam erti kata yang sebenarnya perlu juga dikeluarkan kepada murid-murid yang mendapat kejayaan akademik yang cemerlang sebagai tanda penghargaan dan pengiktirafan terhadap pencapaian mereka. Langkah ini juga boleh memperkukuhkan keyakinan dan mempergiatkan lagi daya usaha mereka dengan gigih dalam bidang pelajaran.

416.1 Sebagai menghargai murid-murid yang mendapat kejayaan akademik yang cemerlang, adalah diperakukan satu sistem pemberian biasiswa mengikut konsepnya yang sebenar, iaitu berdasarkan kepada kecemerlangan akademik, hendaklah diadakan juga. Dengan ini semua biasiswa dan bantuan kewangan yang ada sekarang adalah digolongkan sebagai bantuan kewangan.

417. Sumbangan bantuan kewangan adalah bertujuan untuk meluaskan peluang belajar, terutama kepada murid-murid miskin di luar bandar. Jenis-jenis bantuan kewangan yang ada sekarang adalah dirasai sudah mencukupi untuk memenuhi permintaan sekadar yang berpatutan. Akan tetapi dengan bertambahnya bilangan murid-murid yang memerlukan bantuan kewangan untuk belajar adalah didapati peruntukan kewangan bagi bantuan kewangan tersebut tidak

lagi mencukupi. Oleh itu banyak permohonan daripada murid-murid yang layak menerima bantuan kewangan terpaksa ditolak. Peruntukan tambahan perlu diadakan supaya pemberian bantuan kewangan dapat diberikan kepada lebih ramai murid-murid yang memerlukannya.

417.1 Dengan bertambahnya bilangan murid-murid yang layak menerima bantuan kewangan, maka adalah diperakukan supaya tambahan peruntukan bagi semua jenis bantuan kewangan bagi murid-murid sekolah hendaklah diadakan.

418. Pada masa ini semua permohonan Biasiswa Kecil Persekutuan adalah diproses oleh Jabatan Pelajaran Negeri masing-masing. Dalam menjalankan urusan ini, Jabatan Pelajaran Negeri lazimnya menghadapi beberapa masalah yang sebahagian besarnya disebabkan oleh sebilangan pemohon-pemohon yang kian bertambah dan kini telah meningkat kepada satu bilangan yang begitu besar. Oleh sebab itu Jabatan Pelajaran Negeri yang juga menghadapi kesukaran memproses permohonan-permohonan, khasnya untuk mengesahkan butir-butir permohonan murid-murid. Ini bermakna Jabatan Pelajaran Negeri terpaksa mengambil masa yang panjang untuk memproses permohonan-permohonan sebelum disampaikan ke Kementerian Pelajaran. Ini menyebabkan murid-murid tidak dapat menerima bantuan pada awal tahun. Akibatnya ada di antara murid-murid yang betul-betul miskin tidak mampu meneruskan pelajaran mereka ke peringkat sekolah menengah.

418.1 Setiap tahun bilangan permohonan untuk mendapatkan Biasiswa Kecil Persekutuan bertambah, dan urusan memproses permohonan ini mengikut cara lama memakan masa yang panjang serta menimbulkan berbagai kerumitan. Untuk mengatasi masalah ini adalah diperakukan kemudahan komputer digunakan untuk mempercepatkan pemilihan calon-calon yang layak.

419. Bantuan kewangan yang dihadiahkan kepada murid-

murid oleh Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan Negeri adalah dalam berbagai bentuk dan jenis. Bantuan ini dikeluarkan secara berasingan dan diuruskan oleh badan yang berlainan pula. Biasiswa Kerajaan Negeri ada yang diuruskan oleh Jabatan Pelajaran Negeri dan ada pula yang dikelolakan oleh Badan Biasiswa Kerajaan Negeri. Keadaan ini menimbulkan ketidakselarasan dan jika tidak berhati-hati mungkin ada murid-murid yang mendapat dua bantuan kewangan dari dua punca yang berlainan pada satu masa.

419.1 Memandangkan kepada masalah-masalah yang mungkin timbul akibat dari ketidakselarasan dalam pemberian bantuan kewangan oleh Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri maka adalah diperakukan supaya diwujudkan satu sistem penyelarasan di antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri. Sistem ini juga hendaklah menjamin nilai hadiah yang seragam serta mengelakkan seseorang murid daripada menerima bantuan kewangan dari dua punca.

420. Pemberian Biasiswa Sekolah Menengah Berasrama Penuh tidak menghadapi sebarang masalah kerana Kementerian Pelajaran menyalurkan peruntukan bantuan kewangan itu terus ke sekolah-sekolah yang berkenaan. Didapati peraturan ini dapat menentukan pengurusan biasiswa ini pada keseluruhannya berjalan dengan baik.

420.1 Adalah diperakukan cara pengurusan pemberian bantuan kewangan di sekolah-sekolah menengah berasrama penuh seperti yang berjalan sekarang hendaklah diteruskan.

421. Murid-murid di sekolah menengah teknik dan vokasional yang tidak berpeluang mendapatkan biasiswa atau bantuan kewangan diberi wang saku yang sama nilainya untuk semua tingkatan. Wang saku ini diberikan hanya kepada 10% dari jumlah semua murid dalam sesebuah sekolah itu. Murid-murid ini tidak dikecualikan daripada membayar yuran sekolah. Adalah didapati bantuan kewangan ini adalah terlalu kecil dan tidak pula dapat mengatasi masalah kewangan

murid. Tambahan pula bantuan kewangan lain seperti belanja pengangkutan pergi dan balik pada awal dan penghujung penggal tidak diadakan.

- 421.1 Untuk membantu murid-murid dalam masalah kewangan di samping memberi galakan dalam pelajaran mereka, adalah diperakukan bahawa murid-murid di sekolah menengah vokasional hendaklah diberikan bantuan kewangan serta lain-lain kemudahan sama seperti yang diberikan kepada murid-murid sekolah menengah berasrama penuh.

## 6.7 BANTUAN MAKANAN TAMBAHAN

422. Objektif utama Rancangan Amalan Makanan dan Pemakanan (AMP) ialah untuk meninggikan taraf kesihatan masyarakat melalui pemakanan yang sempurna dan amalan kesihatan yang baik.

423. Salah satu daripada projek Amalan Makanan dan Pemakanan ialah Projek Makanan Tambahan untuk murid-murid sekolah rendah bagi semua murid Darjah Satu dan lebih kurang 25% dari jumlah murid dari Darjah Dua sehingga Darjah Enam di sekolah-sekolah dalam daerah-daerah Amalan Makanan dan Pemakanan.

424. Tujuan projek ini adalah seperti berikut:

- a) Membaiki secara langsung keadaan pemakanan dan mencegah salah pemakanan di kalangan murid-murid.
- b) Memberi tunjuk ajar mengenai makanan dan pemakanan dari segi kebersihan, pemilihan, simpanan, awetan dan penyediaan makanan yang berzat serta seimbang.
- c) Menggalakkan guru-guru, ibubapa dan orang-ramai supaya berminat tentang pemakanan.
- d) Melibatkan guru-guru, ibu bapa dan orang-ramai secara bekerjasama dalam usaha menye-

diakan makanan tambahan untuk murid-murid dan dalam lain-lain kegiatan.

- c) Mengaitkan Rancangan Makanan Tambahan ini dengan pelajaran pemakanan dan lain-lain matapelajaran yang berkaitan.

425. Laporan kajian Jawatankuasa Bersama Kesihatan Sekolah, Jawatankuasa Perunding Belia, Institut Penyelidikan Perubatan dan juga beberapa badan yang lain (1972) berhubung dengan keadaan salah pemakanan dan kelaparan tidak ketara (hidden hunger) di kalangan murid-murid sekolah rendah menunjukkan bahawa 1/6 hingga 1/3 daripada jumlah murid sekolah rendah mengalami keadaan salah pemakanan dan kelaparan tidak ketara.

426. Kerajaan telah mula melancarkan satu rancangan memberi makanan tambahan secara terhad kepada murid-murid selepas Perang Dunia Kedua. Hanya dari tahun 1969 Kementerian Pelajaran mula merancang secara tersusun memberi bantuan makanan ke sekolah-sekolah rendah, di Mukim Tanjung Dua Belas, Kuala Langat. Ini adalah sebagai satu projek perintis di bawah Rancangan Perintis Amalan Makanan dan Pemakanan. Pada akhir 1976 pula dan selaras dengan Rancangan Malaysia Ketiga, Kementerian Pelajaran telah mula memperbesarkan rancangan Makanan Tambahan ini dengan kerjasama beberapa Kementerian yang melaksanakan Rancangan Amalan Makanan dan Pemakanan dan keseluruhan kegiatan ini diselaraskan oleh Bahagian Penyelarasan Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri. Pada tahun 1978, rancangan Makanan Tambahan ini telah diperluaskan lagi dan kesemuanya sebanyak 45 daerah di sepuluh buah negeri di Semenanjung Malaysia dan keseluruhan negeri Sabah dan Sarawak telah dimasukkan ke dalam rancangan ini.

427. Selain daripada projek Makanan Tambahan, Rancangan Amalan Makanan dan Pemakanan juga menjalankan kegiatan-kegiatan berikut di sekolah-sekolah:

- (a) Mengaitkan Projek Makanan Tambahan dengan pelajaran Pendidikan Kesihatan dan Pemakanan secara formal dan tidak formal.



- (b) Membaiki keadaan kesihatan dan kebersihan di sekolah dan secara tidak langsung di rumah.
- (c) Mengadakan kegiatan tanaman sayur dan buah-buahan.
- (d) Menjalankan kegiatan ternakan ayam dan ikan di sekolah.

428. Rancangan Amalan Makanan dan Pemakanan untuk sekolah-sekolah dikelolakan oleh Unit Kesihatan Sekolah di Kementerian Pelajaran. Rancangan ini dijalankan bersama dalam kegiatan-kegiatan Rancangan Pendidikan Kesihatan Sekolah dan Rancangan Bersama Kesihatan Sekolah. Salah satu daripada kegiatan Rancangan Bersama Kesihatan Sekolah adalah Perkhidmatan Kesihatan Sekolah. Perkhidmatan ini mempunyai program-program berikut:

- (a) Pengawasan dan pemeriksaan untuk mengesan murid-murid yang memerlukan rawatan perubatan dan rawatan pergigian.
- (b) Pelalian, projek membasmi cacang, dan projek mempertahankan gigi dengan *flouride*.
- (c) Pencegahan dan pengawalan penyakit yang berjangkit.
- (d) Pertolongan cemas.
- (e) Bimbingan dan tindak-susul yang tertentu bagi murid-murid yang memerlukannya.

429. Rancangan Makanan Tambahan yang dilaksanakan di sekolah-sekolah sekarang serta program-program dari Rancangan Bersama Kesihatan Sekolah yang menitikberatkan aspek-aspek kesihatan murid-murid merupakan langkah positif yang diambil untuk mengatasi keadaan yang tidak memuaskan mengenai kesihatan murid-murid seperti yang telah ditegaskan dalam dua laporan berikut:

- (a) Laporan Mengenai Penyiasatan Ringkas Tentang Masalah-Masalah Yang Dihadapi oleh Murid-Murid Sekolah Di Kawasan Luar Bandar, yang dikeluarkan pada tahun 1972 oleh Majlis

Perunding Belia Negara. Laporan ini menyatakan:

“ramai murid sekolah terutama di kawasan luar bandar datang ke sekolah tanpa sarapan pagi.”

- b) Laporan mengenai kanak-kanak pra sekolah di Kuala Lumpur, Kuala Langat dan Ulu Trengganu dari kajian yang dibuat oleh Y.H. Chong, D.A. McKay dan Ruth K.H. Lin (IMR) (1968-1969), Laporan ini pula menegaskan:

“ramai kanak-kanak tidak dapat makanan yang berzat dan mereka ini menunjukkan kesan kekurangan kalori, protin, bitamin A dan zat besi.”

430. Sejak rancangan AMP dimulakan di Kuala Langat pada tahun 1969, didapati keadaan telah banyak berubah di kampung-kampung dan sekolah dari segi sikap dan amalan orang ramai dan murid-murid di bidang kesihatan, pelajaran, ekonomi, sosial dan kebudayaan, dan pembangunan masyarakat. Sementara itu laporan-laporan yang diterima dari Pengarah Pelajaran Negeri dan guru besar sekolah-sekolah rendah yang menyertai Rancangan Makanan Tambahan pada penghujung tahun 1976, menyatakan bahawa taraf pemakanan serta mutu pencapaian pelajaran murid-murid yang terlibat telah meningkat. Kesihatan murid-murid juga bertambah baik dan ketidak-hadiran ke sekolah telah berkurangan.

430.1 Oleh kerana Rancangan Amalan Makanan dan Pemakanan telah dapat menghasilkan peningkatan taraf kesihatan umum, pertumbuhan tubuh badan yang tidak tergendat, pengurangan serangan penyakit dan pertambahan daya pembelajaran murid, maka adalah diperakukan supaya Rancangan Amalan Makanan dan Pemakanan dan khasnya Rancangan Makanan Tambahan diteruskan dan diperbaiki.

431. Bilangan daerah yang dapat diliputi oleh Rancangan Makanan Tambahan kini telah meningkat. Adalah diperhati-

kan strategi yang diamalkan dalam memperluaskan Rancangan Makanan Tambahan ini ialah memberi keutamaan kepada daerah-daerah yang miskin secara keseluruhannya di luar bandar. Tetapi dalam memperluaskan rancangan ini nanti adalah dipercayai kawasan-kawasan miskin di dalam bandar jua akan diliputi.

432. Kejayaan Rancangan Amalan Makanan dan Pemakanan ini adalah bergantung kepada kerjasama dari masyarakat. Masyarakat bukan sahaja perlu menerima baik rancangan ini bahkan perlu memberi segala sokongan untuk mewujudkan persekitaran yang menggalakkan kehidupan sihat.

432.1 Sebagai gerakan tambahan yang boleh melengkapi usaha ke arah pencapaian objektif Rancangan Amalan Makanan dan Pemakanan, adalah diperakukan bahawa langkah-langkah tertentu diadakan untuk membimbing murid dan ibubapa dan masyarakat supaya menggunakan sumber makanan tempatan agar pendidikan pemakanan di dalam masyarakat keseluruhannya dapat dipertingkatkan dan penyelesaian masalah pemakanan yang dihadapi dapat dicapai.

433. Sungguhpun pada ketika ini Kerajaan sedang meluaskan rancangan AMP ini ke seluruh negara, ketikanya akan sampai apabila kawasan-kawasan yang pernah mendapat bantuan tersebut tetapi kini dikira telah maju dan mampu, mungkin bantuan jenis ini boleh dikurangkan. Namun begitu bantuan hendaklah diteruskan kepada murid-murid yang masih memerlukannya.

## 6.8 SEKOLAH RENDAH PUSAT

434. Adalah ditakrifkan sekolah kecil ialah sekolah yang mempunyai bilangan murid kurang daripada 180 orang. Dalam tahun 1978 terdapat 1,468 buah sekolah jenis ini dari jumlah 4,341 buah sekolah-sekolah rendah di Semenanjung Malaysia, atau 33.8% dari jumlah kesemua sekolah rendah. Kebanyakan sekolah ini terdapat di luar bandar.

435. Usaha-usaha kerajaan hendak menyebar serta memperluaskan kemudahan-kemudahan pelajaran ke kawasan-kawasan luar bandar telah tidak dapat dilaksanakan sepenuhnya selagi masih ada sekolah-sekolah kecil dengan mutu pendidikan yang rendah. Sekolah-sekolah kecil ini menghadapi banyak masalah. Antara masalah-masalah ini ialah masalah penempatan guru, masalah suasana pembelajaran, masalah perhubungan, masalah sikap dan nilai, dan masalah kemudahan-kemudahan asas. Adanya sekolah-sekolah seperti ini menyukarkan pencapaian matlamat Dasar Ekonomi Baru. Kerajaan telah berusaha untuk mengatasi masalah ini dengan mengadakan sekolah-sekolah pusat tetapi rancangan sekolah-sekolah pusat yang telah diadakan dalam tahun enam puluhan dahulu telah tidak begitu berjaya disebabkan oleh kurangnya sambutan dari masyarakat. Sungguhpun begitu adalah dirasai bahawa rancangan pencantuman sekolah-sekolah kecil ini ialah satu strategi yang positif dalam usaha meninggikan mutu pendidikan di luar bandar. Oleh itu adalah difikirkan bahawa rancangan pencantuman ini perlu diteruskan.

435.1 Dalam usaha untuk meninggikan taraf sekolah-sekolah kecil di luar bandar, adalah diperakukan rancangan pencantuman sekolah-sekolah kecil diteruskan. Pencantuman ini boleh mengambil bentuk pembinaan asrama untuk mengumpulkan murid-murid dari sekolah-sekolah kecil ini. Murid-murid yang boleh berulang alik ke sekolah dan tidak perlu diberi tempat tinggal di asrama perlu dipertimbangkan untuk bantuan pengangkutan. Bagi sekolah-sekolah ladang, pihak majikan ladang hendaklah turut sama membantu membiayai perbelanjaan pengangkutan murid-murid sekolah yang terlibat dari ladang itu.

435.2 Sekiranya ada terdapat sekolah-sekolah yang tidak boleh dicantumkan, maka sekolah-sekolah ini hendaklah dibiarkan demikian tetapi agar sekolah-sekolah ini tidak rugi dan ketinggalan, maka adalah diperakukan per-

timbangan khas diberi untuk membekalkan sekolah-sekolah ini dengan peruntukan guru yang lebih dan segala kemudahan yang lain termasuk kemudahan-kemudahan fizikal, dan bahan-bahan kurikulum supaya pencapaiannya nanti tidak jauh berbeza dengan sekolah-sekolah yang maju.

## 6.9 PENDIDIKAN KANAK-KANAK CACAT

436. Kajian ini menyentuh tiga jenis atau kumpulan kanak-kanak cacat iaitu kanak-kanak spastik dan tergentak akal, kanak-kanak pekak, dan kanak-kanak buta; tiap-tiap satunya dihubungkan dengan corak kemudahan pelajaran yang disediakan.
437. Pada masa ini pendidikan kanak-kanak pekak dan buta boleh dikatakan hampir kesemuanya diuruskan oleh pihak Kerajaan, tetapi kedudukan tentang pendidikan kanak-kanak spastik dan tergentak akal tidak sedemikian. Sebahagian besar daripada tanggungjawab untuk menyediakan kemudahan pelajaran bagi kanak-kanak spastik dan tergentak akal diserahkan kepada pihak persatuan atau pertubuhan sukarela dan bantuan Kerajaan hanya berupa pemberian kewangan dan bantuan tenaga pengajar oleh Kementerian Kebajikan dan Kementerian Pelajaran. Peranan yang telah dimainkan oleh badan-badan sukarela ini dalam memajukan pendidikan kanak-kanak cacat ialah sesuatu yang boleh dipuji terutama apabila difikirkan bahawa badan-badan ini sering menghadapi rintangan-rintangan seperti kekurangan kewangan, kemudahan, tenaga pengajar dan sebagainya. Bantuan yang diterima dari Kerajaan selalunya tidak mencukupi.
438. Memandangkan betapa pentingnya pendidikan kanak-kanak cacat ini dan tanggungjawab baginya menjadi semakin berat, maka adalah dirasai Kerajaan sendiri perlu memikul tanggungjawab ini sepenuhnya. Di samping itu penyertaan oleh badan-badan sukarela hendaklah terus digalakkan.
- 438.1 Dengan adanya kesedaran bahawa Kerajaan seharusnya bertanggungjawab terhadap pen-

didikan kanak-kanak cacat, adalah diperakukan Kerajaan hendaklah mengambilalih sepenuhnya tanggungjawab pendidikan itu dari pihak-pihak persatuan yang mengendalikannya pada masa ini. Di samping itu penyertaan oleh badan-badan sukarela dalam memajukan pendidikan kanak-kanak cacat hendaklah terus digalakkan.

439. Pendidikan kanak-kanak pekak yang dikelolakan oleh Kerajaan bermula dalam tahun 1954 dan pada tahun 1971 rancangan ini meliputi 45 buah sekolah yang mempunyai kelas rendah paduan dan tiga buah sekolah yang mengadakan kelas menengah paduan. *Federation School For The Deaf* ialah sebuah sekolah berasrama penuh yang mempunyai kelas rendah dan menengah. Dalam tahun 1978 jumlah murid-murid pekak di bawah rancangan ini ialah 1,276 orang terdiri dari 1,064 orang di peringkat rendah dan 212 orang di peringkat menengah.

440. Adalah menjadi satu kenyataan bahawa pendidikan kanak-kanak pekak itu melibatkan perbelanjaan yang besar kerana ia memerlukan alat dan kemudahan-kemudahan khas. Walaupun peruntukan kewangan cukup adalah didapati kebanyakan sekolah masih lagi tidak mempunyai alat kelengkapan yang mencukupi. Keadaan ini disebabkan oleh peraturan-peraturan yang melewatkan tindakan memberi kelulusan kepada sesuatu pesanan untuk membeli alat kelengkapan yang diperlukan. Tatacara birokratik ini juga menjadi penghalang kepada sekolah dalam memperbaiki atau mengganti dengan segera alat-alat yang rosak.

441. Adalah didapati juga kebanyakan daripada bilik-bilik yang kini digunakn untuk kanak-kanak pekak tidak sesuai. Pendidikan untuk kanak-kanak pekak ini bukan sahaja memerlukan pendekatan-pendekatan khas dan alat-alat khas bahkan juga bilik khas.

441.1 Untuk menolong menghapuskan beberapa kerumitan yang kini dihadapi dalam rancangan pendidikan kanak-kanak pekak, adalah diperakukan Kementerian Pelajaran hendak-

lah mengadakan satu unit bergerak untuk mengawasi penggunaan dan memperbaiki alat-alat kelengkapan di sekolah-sekolah kanak-kanak pekak. Bilik khas juga hendaklah dibina sesuai dengan keperluan pendidikan di sekolah-sekolah itu.

442. Biasanya semua kanak-kanak memulakan persekolahan mereka apabila meningkat umur enam tahun, demikian juga sepatutnya semua kanak-kanak pekak, tetapi yang sering berlaku ialah ramai kanak-kanak pekak memulakan persekolahan mereka selepas berumur enam tahun. Mengikut peraturan sekarang mereka ini diberikan masa lapan tahun untuk menjalani kursus enam tahun di peringkat sekolah rendah, iaitu dua tahun lebih daripada kanak-kanak biasa. Di peringkat menengah pula mereka dibenarkan mengambil peperiksaan SRP/LCE sehingga mereka berumur 16 tahun berbanding dengan murid-murid biasa yang dibenarkan sehingga berumur 14 tahun. Ini bererti murid-murid pekak menjalani masa persekolahan yang panjang di peringkat rendah dan menengah.

443. Adalah didapati ramai kanak-kanak pekak mula bersekolah pada peringkat umur yang tinggi dan ini adalah disebabkan oleh ibubapa mereka kurang mengetahui tentang kemudahan yang boleh didapati dan peraturan-peraturan yang dikenakan. Kelewatan memasuki sekolah ini dengan sendirinya menyingkatkan masa persekolahan mereka dan ini menimbulkan beberapa masalah pembelajaran kepada kanak-kanak itu sendiri. Sekiranya mereka masuk sekolah apabila berumur enam tahun dan diletakkan pula pada peringkat permulaan yang sama dengan murid-murid biasa, maka dari segi pembelajaran memanglah sukar bagi mereka mengikuti pelajaran oleh kerana kemampuan mereka yang terhad, walaupun mereka kemudiannya diberi tambahan masa belajar selama dua tahun lagi. Ada baiknya jika kanak-kanak pekak ini memasuki sekolah sebelum mereka berumur enam tahun supaya dapat guru-guru menumpukan pengajaran mereka kepada latihan-latihan bertutur, sebelum kanak-kanak itu mengikut kurikulum biasa bersama-sama murid-murid lain.

443.1 Kemampuan kanak-kanak pekak di bidang

pelajaran memang terhad. Untuk menolong mereka mengatasi rintangan-rintangan pembelajaran ini, adalah diperakukan bahawa mereka dibenarkan memulakan persekolahan mereka sebelum berumur enam tahun agar masa persekolahan yang lebih lama itu dapat digunakan untuk latihan-latihan bertutur pada awal-awal lagi.

444. Kerajaan juga mengadakan kemudahan untuk pendidikan kanak-kanak buta. Di peringkat rendah, murid-murid ditempatkan di dua buah sekolah berasrama penuh iaitu Sekolah St. Nicholas di Pulau Pinang dan Sekolah Princess Elizabeth di Johor Bahru. Selain daripada itu Sekolah Rendah Kebangsaan Batu Road, Kuala Lumpur merupakan sebuah sekolah rendah yang tunggal di seluruh Malaysia yang mendidik murid-murid buta bersama-sama dengan murid-murid biasa. Bagi peringkat menengah pula, pendidikan kanak-kanak buta diberikan di beberapa buah sekolah seperti Sekolah Menengah Jalan Temerloh, Sekolah Menengah Tinggi Setapak, Sekolah Menengah St. John dan Sekolah Menengah Ayer Panas dan di Sekolah Menengah Buta Setapak. Kesemua murid buta dari sekolah-sekolah tersebut tinggal di asrama di Sekolah Menengah Buta Setapak. Darjah-darjah menengah bagi murid-murid buta juga terdapat di Muar dan di Alor Setar. Pada tahun 1978 terdapat 368 orang murid buta iaitu seramai 182 orang bersekolah di peringkat rendah dan 186 orang di peringkat menengah.

445. Adalah didapati kemudahan bagi kanak-kanak buta yang disediakan oleh Kerajaan amatlah terhad berbanding dengan keperluan sebenar. Oleh yang demikian bilangan kanak-kanak buta yang dapat diberikan pendidikan formal sangatlah kecil. Didapati kebanyakan sekolah-sekolah yang mengendalikan pendidikan murid-murid buta mempunyai bilik kegiatan yang tidak selesa dan tidak sesuai. Biliknya sempit dan ruang udaranya pula tidak cukup kerana kebanyakan bilik-bilik ini dahulunya adalah bilik-bilik setor.

445.1 Oleh kerana keadaan dan kemudahan mengenai pendidikan murid-murid buta yang diadakan sekarang tidak mencukupi dan tidak



begitu sempurna, adalah diperakukan:

- a) Kerajaan menambahkan lagi kemudahan bagi pendidikan murid-murid buta.
- b) Membina bilik sumber dan bilik gerakerja yang sempurna di sekolah-sekolah yang mengendalikan pendidikan murid-murid itu.

446. Murid-murid buta menggunakan mesin braille dan buku braille yang dicetak oleh Unit Braille kepunyaan Persatuan Orang-Orang Buta, Malaysia.

447. Adalah didapati amalan sekarang yang membuatkan sekolah-sekolah yang mempunyai murid-murid buta bergantung kepada badan-badan luar Kerajaan untuk mendapatkan bahan-bahan pembelajaran tidaklah sesuai. Amalan ini menjadikan sekolah-sekolah ini menghadapi berbagai kesulitan pada tiap-tiap tahun. Buku-buku tidak mencukupi dan bahan-bahan pembelajaran braille tidak dapat diadakan segera. Akibatnya pengajaran dan pembelajaran murid-murid tersebut menjadi tergendala terutama bagi murid-murid yang berada di sekolah-sekolah menengah.

447.1 Langkah untuk menyediakan kemudahan braille untuk pendidikan murid-murid buta memerlukan kelengkapan dan kepakaran yang khusus, oleh itu adalah diperakukan Kementerian Pelajaran mengadakan satu unit khas untuk mengatasi masalah percetakan buku-buku braille dan juga untuk membaiki alat braille yang rosak.

## BAB VII

### PENUTUP

448. Dasar ekonomi baru melambangkan matlamat negara. Dalam bidang ekonomi, dasar ekonomi baru bertujuan, antara lain, untuk mengurangkan jurang perbezaan di antara yang berada dan yang kurang berada. Dalam pembangunan sosial pula dasar ekonomi baru mengutamakan perpaduan negara.

449. Perkembangan ekonomi pada hari ini adalah pesat. Demikian juga dalam bidang sosial. Dalam perkembangan sosial masyarakat kita berhadapan dengan berbagai unsur dari dalam dan dari luar. Walaupun kebanyakan daripada unsur-unsur ini adalah baik, tetapi ada juga di antara unsur-unsur itu, terutama yang didatangkan dari luar, yang tidak menyenangkan. Oleh itu kita menghadapi satu cabaran lain, iaitu pembangunan kemanusiaan.

450. Dengan menyedari matlamat negara pada keseluruhannya, Jawatankuasa ini telah menggunakan matlamat ini sebagai latarbelakang dalam membuat pengkajian dengan berlandaskan bidang tugas yang telah ditetapkan. Dalam hubungan ini Jawatankuasa ini telah memulakan kajiannya dengan mengupas sistem pendidikan negara pada hari ini. Sistem persekolahan telah dikaji peringkat demi peringkat, iaitu dari peringkat rendah, peringkat menengah, Tingkatan VI sehinggalah ke peringkat maktab-maktab. Dari peringkat permulaan sekolah hingga ke peringkat maktab ialah satu tempoh yang panjang, dan dalam jarak waktu pendidikan yang panjang ini murid-murid didedahkan kepada berbagai

pengalaman dalam suasana alam persekitaran sekolah. Ia juga ialah suatu aspek orientasi sosial dan pendidikan yang berupa asas pengetahuan dan asas kemahiran bagi murid-murid sebagai satu persediaan untuk memasuki pasaran pekerjaan. Bagi mereka yang lebih berkebolehan pendidikan semasa tempoh persekolahan ini merupakan suatu persediaan untuk mereka meneruskan pelajaran ke peringkat pendidikan tinggi.

451. Sistem persekolahan juga dikaji dari segi penghasilan tenaga rakyat kerana bilangan dan mutu tenaga rakyat yang dapat dihasilkan adalah bergantung kepada tempoh persekolahan dan jenis pendidikan yang diterima.

452. Untuk kepentingan pembangunan negara tenaga rakyat yang diperlukan bukan sahaja perlu dilihat dari segi bilangan, jenis pengetahuan dan kemahiran yang dimiliki bahkan perlu dilihat juga dari segi nilai-nilai disiplin yang perlu diterima. Dari segi sikap, mereka perlu jujur dan dedikasi terhadap kerja. Mereka bukan sahaja perlu cekap bahkan perlu boleh berfikir dan bertindak dengan baik sama ada secara sendiri mahupun secara beramai-ramai dengan berpandukan kepada punca-punca akhlak yang mulia. Tegasnya, individu yang dilahirkan dari sistem persekolahan negara perlu selaras dengan tujuan pembangunan kemanusiaan.

453. Usaha-usaha untuk melahirkan masyarakat yang ber-satupadu melalui satu sistem pendidikan memang jelas. Langkah-langkah ini dapat dilihat bukan sahaja dari segi sistem bahkan dari segi kurikulum yang dilaksanakan dan kegiatan-kegiatan persekolahan yang lain. Usaha ini perlu diteruskan dan dimampatkan lagi supaya lebih berkesan dan dapat dipercepatkan lagi.

454. Kesan sistem kurikulum dan segala kegiatan persekolahan akan hanya terjamin sekiranya jentera pelaksanaan sistem itu kuat dan kaedah pelaksanaannya kemas. Jawatankuasa ini mengkaji pengurusan pelajaran, juga kelengkapan yang ada dengan tujuan memperbaiki dan memperkemaskannya, bukan sahaja dalam usaha mengekal serta menjamin mutu pendidikan yang terdapat pada hari ini bahkan meningkatkannya lagi.

455. Kurikulum ialah teras kepada sesuatu sistem pendidikan. Kurikulum menentukan jenis dan mutu tenaga rakyat yang pada akhirnya boleh menentukan jenis sumbangan yang boleh diberikan dalam penghasilan tenaga rakyat untuk pembangunan negara. Kurikulum juga menentukan kejayaan dalam pembangunan kemanusiaan. Kurikulum juga menentukan unsur-unsur yang perlu disampaikan kepada murid-murid dalam usaha membentuk dan memupuk perpaduan negara.

456. Dengan menyedari matlamat negara dan tujuan bidang tugas yang telah ditetapkan, dan setelah mengkaji berbagai aspek yang berkaitan, maka Jawatankuasa ini telah mengemukakan beberapa perakuan. Ada di antara perakuan-perakuan ini yang memerlukan tindakan serta-merta. Ada pula yang mudah dilaksanakan dan ada yang lainnya memerlukan perhatian yang lebih rapi dan teliti.

## SENARAI PERAKUAN-PERAKUAN

### BAB II

1. Pada masa ini sekolah-sekolah menggunakan tiga bahasa pengantar. Sekolah Kebangsaan dan Sekolah Rendah Kebangsaan menggunakan Bahasa Malaysia sebagai bahasa pengantar, SRJK(C) menggunakan bahasa Cina dan SRJK(T) pula menggunakan bahasa Tamil sebagai bahasa pengantar. Memandangkan keadaan sekarang ini, adalah diperakukan supaya sistem persekolahan peringkat rendah yang sedia ada diteruskan. Rujuk para 31
2. Sesuai dengan dapatan mengenai corak pendidikan rendah yang ada sekarang ini, adalah diperakukan: Rujuk para 32
  - (a) Kementerian Pelajaran mengambil langkah tertentu supaya pendidikan di peringkat rendah bercorak pendidikan asas dengan memberi penegasan kepada pendidikan dalam bidang 3M iaitu membaca, menulis dan mengira.
  - (b) Kurikulum untuk pendidikan asas hendaklah juga ditinjau dari segi jenis kemahiran yang diperlukan dan bukannya dari segi kepentingan tiap-tiap satu matapelajaran. Kemahiran-kemahiran tersebut hendaklah dicapai menerusi bidang-bidang pelajaran yang berkenaan tanpa mengakibatkan pengurangan masa belajar seperti yang ada sekarang.
3. Adalah diperakukan supaya kenaikan darjah secara automatik seperti yang berjalan sekarang dikekalkan. Walau bagaimanapun, mereka yang lemah dalam bidang kemahiran tertentu hendaklah diberi pengajaran pemulihan secara teratur dan bagi mereka yang terlalu lemah pada keseluruhannya, kemudahan hendaklah diberi untuk membolehkan mereka mengulangi tahun pengajiannya. Adalah dirasakan langkah ini tidak akan menjejaskan prinsip kenaikan darjah secara automatik kerana pada amnya hampir semua akan naik darjah pada tiap-tiap tahun. Rujuk para 33
4. Memandangkan kepada kekurangan dan kelemahan dalam usaha menjalankan pengajaran pemulihan, Rujuk para 34-35

## SENARAI PERAKUAN-PERAKUAN

adalah diperakukan supaya kerja-kerja untuk membina Ujian Rujukan-Kriteria (Criterion Referenced Test) yang telahpun dimulakan oleh Kementerian Pelajaran di peringkat ini, diperluaskan lagi. Apabila kerja-kerja ini telah lengkap dan sempurna kelak ujian tersebut hendaklah menggantikan Ujian Diagnostik Darjah III serta Peperiksaan Penilaian Darjah V.

5. Adalah juga diperakukan supaya perkara-perkara yang berkaitan dengan langkah-langkah mengadakan pengajaran pemulihan selepas daripada Ujian Rujukan Kriteria dijalankan, diteliti dan diperbaiki. Antara lain perkara-perkara tersebut termasuklah kaedah-kaedah mengajar, bahan-bahan bantu mengajar yang sesuai, saiz kelas yang lebih kecil, peruntukan guru bagi mengendalikan pengajaran pemulihan serta penggunaan bahan-bahan tertentu. Rujuk para 34-35
6. Pendedahan murid-murid kepada bidang teknik dan vokasional di peringkat menengah rendah amatlah terpisah sehinggakan ia merupakan suatu usaha ke arah pengkhususan. Oleh yang demikian adalah diperakukan supaya kurikulum matapelajaran-matapelajaran elektif di peringkat ini diubah pada strukturnya. Sukatan pelajaran-sukatan pelajaran yang ada hendaklah digubal semula dengan tujuan supaya pendedahan murid-murid kepada pelajaran teknik dan vokasional tidak hanya terhad kepada bidang satu matapelajaran elektif sahaja tetapi juga kepada ilmu pengetahuan yang penting dari bidang-bidang elektif lain. Rujuk'para 47
7. Oleh kerana pelajaran perdagangan adalah penting dalam pembangunan negara, dan oleh kerana kemudahan yang didapati di sekolah-sekolah berhubung dengan pendidikan ini tidak memuaskan, maka adalah diperakukan agar pendidikan dalam jurusan perdagangan ini diberi perhatian khas. Rujuk para 48
8. Adalah diperakukan supaya Peperiksaan Sijil Rendah Pelajaran diteruskan, tetapi cara mencatatkan keputusan peperiksaan hendaklah diubah daripada sistem mencatatkan pangkat pencapaian keseluruhan dalam peperiksaan kepada sistem yang mencatatkan pangkat pencapaian dalam tiap-tiap mata-pelajaran yang lulus sahaja. Rujukan para 49
9. Ujian Rujukan Kriteria yang diikuti dengan pengajaran pemulihan, seperti yang telah diperakukan untuk sekolah rendah hendaklah diteruskan ke peringkat menengah rendah. Rujuk para 50
10. Adalah juga diperakukan, sebagai satu langkah jangka panjang iaitu masa persekolahan untuk Rujuk para 51

## SENARAI PERAKUAN-PERAKUAN

- pendidikan umum bagi semua murid dilanjutkan dari 9 tahun hingga ke 11 tahun. Pelaksanaan perakuan ini adalah tertakluk kepada kemampuan dan keperluan Kementerian Pelajaran. Walau bagaimanapun dari segi taraf pendidikan keseluruhannya, keutamaan hendaklah diberikan dahulu kepada usaha-usaha untuk membaiki dan meninggikan taraf pendidikan di sekolah-sekolah di kawasan-kawasan yang mundur sejajar dengan dasar Kerajaan.
11. Adalah diperakukan supaya penjurusan kepada sastera, sains dan teknik di peringkat pendidikan menengah atas dimansuhkan. Murid-murid di peringkat ini hendaklah terus diberi pendidikan umum. Namun begitu adalah diperakukan juga sekolah menengah vokasional hendaklah diteruskan. Rujuk para 68
  12. Sekolah-sekolah vokasional di Semenanjung dapat menampung hanya 4.6% daripada murid-murid Tingkatan III pada tahun 1978. Peratus ini amatlah kecil. Oleh itu adalah diperakukan supaya lebih banyak lagi sekolah vokasional didirikan. Rujuk para 69
  13. Adalah diperakukan supaya kurikulum pendidikan vokasional dikaji semula agar kurikulum itu diubahsuaikan supaya ia lebih mirip kepada penyediaan murid-murid memasuki pasaran pekerjaan sebagai pekerja mahir dalam bidang-bidang tertentu. Rujuk para 70
  14. Oleh kerana latihan amali bagi murid-murid sekolah menengah vokasional tidak mencukupi, adalah diperakukan supaya mereka diberi latihan amali di kilang-kilang. Ini membolehkan mereka memahami dan menyesuaikan diri dengan kehendak-kehendak sektor perusahaan. Rujuk para 70
  15. Memandangkan kepada kelemahan sistem pensijilan yang ada pada peperiksaan di akhir Tingkatan V sekarang, maka adalah diperakukan perubahan dilakukan kepada syarat-syarat mengambil Peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia atau Malaysia Certificate of Education dan Peperiksaan Sijil Pelajaran Vokasional Malaysia. Calon-calon untuk peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia atau Malaysia Certificate of Education hendaklah memenuhi syarat-syarat berikut:- Rujuk para 71
    - (a) Wajib mengambil Bahasa Malaysia dan bahasa Inggeris.  
dan
    - (b) Syarat dan peraturan-peraturan lain seperti yang ditetapkan oleh Pengarah Peperiksaan.
  16. Calon-calon untuk Peperiksaan Sijil Pelajaran

## SENARAI PERAKUAN-PERAKUAN

- Vokasional Malaysia diperakukan agar memenuhi syarat-syarat yang akan ditentukan kelak iaitu sesuai dengan semakan semula kurikulum yang berkenaan seperti yang diperakukan dalam perenggan 70.1.
17. Berikut dari perubahan dalam pelaporan gred dalam Peperiksaan Sijil Rendah Pelajaran atau *Lower Certificate of Education* adalah diperakukan juga supaya sistem memberi gred Sijil Pelajaran Malaysia atau *Malaysia Certificate of Education* dan Sijil Pelajaran Vokasional Malaysia diganti dengan sistem pensijilan terbuka dalam bentuk yang mencatatkan pangkat pencapaian bagi tiap-tiap mata-pelajaran yang lulus sahaja.
18. Sistem persekolahan menengah sekarang mengandungi dua peringkat yang memakan masa selama lima tahun. Pada penghujung peringkat pertama iaitu selama tiga tahun, semasa murid-murid berumur 15-16 tahun mereka mengambil peperiksaan SRP/LCE. Selepas peringkat ini mereka mendapat pendedahan selama dua tahun lagi yang berakhir dengan peperiksaan SPM/MCE. Untuk menentukan supaya calon-calon persendirian mendapat perseediaan yang sewajarnya, maka adalah juga diperakukan supaya mereka hanya dibenarkan mengambil peperiksaan SPM/MCE dua tahun selepas mereka mengambil peperiksaan SRP/LCE.
19. Adalah diperakukan supaya pendidikan Tingkatan VI diteruskan. Akan tetapi memandangkan kepada syarat-syarat yang ketat dalam penjurusan sekarang, corak pendidikan di peringkat ini hendaklah dikaji semula untuk membolehkan penuntut-penuntut jurusan sains diberi juga peluang mendapatkan pendedahan dalam bidang sastera. Sebaliknya juga penuntut-penuntut sastera diberi peluang untuk mendapatkan pendedahan di bidang sains.
20. Adalah diperakukan sesuai dengan kehendak-kehendak pembangunan negara, rancangan pelajaran Lanjutan hendaklah lebih mengutamakan pelajaran teknik dan perdagangan daripada pelajaran akademik. Langkah-langkah tertentu hendaklah diambil supaya orang ramai lebih berminat kepada pelajaran tersebut.
21. Adalah diperakukan, sesuai dengan hasrat untuk membangunkan kawasan-kawasan luar bandar, Pelajaran Lanjutan dalam bidang teknik dan perdagangan diperbanyakkan lagi di kawasan-kawasan tersebut. Walau bagaimanapun penyediaan kemudahan jenis ini hendaklah dikendalikan bukan

Rujuk para  
68.1 dan para  
71

Rujuk para  
71

Rujuk para  
72

Rujuk para  
76-77

Rujuk para  
80

Rujuk para  
81



## SENARAI PERAKUAN-PERAKUAN

sahaja oleh Kementerian Pelajaran bahkan juga oleh agensi-agensi lain yang berkaitan.

22. Memandangkan kelemahan-kelemahan ini adalah diperakukan supaya semua kelas, sekolah atau institusi pendidikan swasta yang belum berdaftar dikehendaki mendaftar dengan Kementerian Pelajaran. Sekolah-sekolah yang telah berdaftar tidak perlu mendaftar lagi. Seperti mana yang diamalkan sekarang, apabila didaftarkan semula hendaklah ditentukan bagi pendidikan hingga ke Tingkatan V, agar kelas, sekolah atau institusi swasta itu hendaklah mengandungi sukatan pelajaran yang sama kandungannya seperti yang digunakan dalam sistem pendidikan kebangsaan. Rujuk para 92-94
23. Oleh kerana syarat-syarat pendaftaran mengenai sekolah-sekolah swasta yang ada sekarang tidak mencukupi, syarat-syarat ini perlu diperkemas. Tujuannya bukanlah untuk menyekat perjalanan sekolah-sekolah tersebut tetapi untuk membolehkan sekolah-sekolah itu menyumbangkan khidmat yang lebih positif kepada masyarakat dan negara. Dengan itu adalah diperakukan syarat-syarat pendaftaran hendaklah diperkemas supaya antara lain:- Rujuk para 94
- (a) Ditentukan sekolah atau institusi pendidikan swasta berdaftar terlebih dahulu dengan Pendaftar Sekolah dan Guru sebelum berdaftar dengan Pendaftar Perniagaan atau Pendaftar Syarikat.
  - (b) Diberi kuasa kepada Pendaftar Besar Sekolah dan Guru untuk menutup dengan serta-merta sesebuah sekolah atau institusi pendidikan swasta yang tidak berdaftar ataupun melanggar syarat pendaftarannya.
  - (c) Apabila timbul sesuatu kekeliruan berhubung dengan kedudukan sesuatu organisasi, Menteri Pelajaran diberi kuasa menentukan sama ada badan atau organisasi itu dianggap sekolah atau institusi pendidikan atau sebaliknya.
  - (d) Pendaftar Besar Sekolah dan Guru diberi kuasa untuk mengawas kurikulum, yuran sekolah, bahasa pengantar dan peperiksaan yang dijalankan.
  - (e) Pendaftar Besar Sekolah dan Guru diberi kuasa untuk menolak pendaftaran sesebuah sekolah atau institusi pendidikan swasta tanpa memberi sebab.

## SENARAI PERAKUAN-PERAKUAN

24. Adalah diperakukan juga langkah-langkah diambil supaya sekolah-sekolah swasta diberi penyeliaan yang sewajarnya. Rujuk para 93
25. Memandangkan bahawa pada ketika ini berjenis-jenis peperiksaan dikendalikan oleh banyak institusi, terutama di peringkat selepas Tingkatan V, dan ada di antara peperiksaan-peperiksaan ini tidak berfaedah kepada murid-murid dan negara, maka adalah diperakukan bahawa Pengarah Peperiksaan diberi kuasa untuk melarang sesuatu peperiksaan daripada dikendalikan sekiranya peperiksaan itu difikirkan bertentangan dengan atau menjejaskan kepentingan negara, kecuali peperiksaan-peperiksaan yang di bawah kuatkuasa Majlis Peperiksaan Malaysia. Rujuk para 93, 95
26. Kita sedang mengalami kekurangan guru terlatih dalam bidang-bidang tertentu seperti sains, hisab, perdagangan dan sebagainya. Pada masa ini kekurangan itu diatasi dengan melantik guru-guru sementara. Guru-guru tersebut tidak mempunyai latihan dan pengajaran mereka sudah tentu mempengaruhi mutu pelajaran. Oleh kerana itu adalah diperakukan supaya langkah tertentu diambil dengan segera bagi mencukupkan bilangan guru yang terlatih dengan tujuan untuk mengatasi kekurangan sekarang dan mencapai matlamat hendak mengecikkan saiz kelas di semua peringkat persekolahan. Pengeluaran guru-guru terlatih ini hendaklah mengikut pengkhususan dalam bidang yang mengalami kekurangan sekarang. Rujuk para 98-101
27. Adalah diperakukan agar kerjasama yang rapat serta penyelarasan hendaklah diadakan antara maktab perguruan dan universiti yang turut melatih guru-guru. Untuk melaksanakan cadangan ini sebuah badan penasihat mengenai hal ikhtisas dalam latihan perguruan hendaklah ditubuhkan. Memandangkan kemajuan dan perkembangan pendidikan pada masa ini, adalah juga diperakukan bahawa kemudahan hendaklah diadakan untuk guru-guru terlatih mendapatkan latihan lanjutan dalam bidang-bidang tertentu untuk tugas-tugas tertentu. Rujuk para 102
28. Adalah diperakukan supaya tempoh latihan mengajar sama ada bagi guru-guru dari maktab mahupun dari universiti diselaraskan dengan tujuan untuk memastikan bahawa tempoh latihan mengajar guru-guru tersebut benar-benar mencukupi. Memandangkan tempoh kursus latihan perguruan yang berjalan sekarang tidak mencukupi, adalah diperakukan supaya kursus dua tahun itu dilanjutkan menjadi tiga tahun. Rujuk para 103

## SENARAI PERAKUAN-PERAKUAN

29. Memandangkan bahawa negara ini amat memerlukan tenaga rakyat mahir di peringkat pertengahan untuk pembangunan negara, maka adalah diperakukan agar pengeluaran tenaga rakyat di peringkat pertengahan ini dipertingkatkan. Rujuk para 112
30. Adalah diperakukan juga supaya bilangan politeknik ditambah dengan tujuan untuk melatih dan mengeluarkan bilangan juruteknik yang cukup untuk keperluan negara. Rujuk para 112
31. Adalah diperakukan bahawa kursus-kursus yang diberi di politeknik hendaklah dipelbagaikan untuk meliputi semua bidang yang diperlukan dengan berasaskan keperluan pembangunan negara. Pengendalian kursus-kursus di politeknik hendaklah ditinjau kembali dengan tujuan supaya lebih ramai lagi penuntut-penuntut dapat mengikutinya. Dalam konteks ini, adalah juga diperakukan bahawa politeknik mengendalikan kursus yang boleh diikuti sama ada secara penuh masa atau secara sambilan. Rujuk para 112
32. Akhirnya, adalah diperakukan juga bahawa kursus-kursus di politeknik dibuka kepada bukan sahaja lepasan-lepasan sekolah bahkan kepada mereka yang sudah bekerja termasuk pegawai-pegawai Kerajaan. Rujuk para 112

## BAB III

33. Dengan tujuan untuk mewujudkan keperibadian kebangsaan, maka adalah diperakukan supaya pendidikan yang diberikan kepada semua murid hingga ke Tingkatan V di sekolah-sekolah, termasuk sekolah-sekolah swasta, hendaklah menggunakan sukatan pelajaran yang sama kandungannya serta mengambil peperiksaan awam yang sama iaitu SRP/LCE dan SPM/MCE. Rujuk para 122
34. Memandangkan bahawa pada ketika ini berjenis-jenis peperiksaan dikendalikan oleh banyak institusi terutama di peringkat selepas Tingkatan V, dan ada di antara peperiksaan-peperiksaan ini tidak berfaedah kepada murid-murid dan negara, maka adalah diperakukan bahawa Pengarah Peperiksaan diberi kuasa untuk melarang sesuatu peperiksaan itu daripada dikendalikan sekiranya peperiksaan itu difikirkan bertentangan dengan atau menjejaskan kepentingan negara, kecuali peperiksaan-peperiksaan yang di bawah kuatkuasa Majlis Peperiksaan Malaysia. Rujuk para 123

## SENARAI PERAKUAN-PERAKUAN

- |  |                       |
|--|-----------------------|
| 35. Memandangkan pentingnya matapelajaran Pengetahuan Ugama Islam ini, maka diperakukan semua murid Islam bukan sahaja mesti mengikuti matapelajaran ini tetapi hendaklah diwajibkan mengambilnya dalam peperiksaan awam.  | Rujuk para<br>126     |
| 36. Untuk membina sebuah masyarakat yang berdisiplin, bertatasusila dan bersatupadu, adalah diperakukan bahawa semasa murid-murid Islam mengikuti matapelajaran Pengetahuan Ugama Islam dan ini termasuklah murid-murid yang lain yang memilih mengikuti matapelajaran Pengetahuan Ugama Islam, murid-murid bukan Islam hendaklah diberi pendidikan moral dan etika. Semua murid yang mempelajari matapelajaran moral dan etika ini diwajibkan mengambilnya di dalam peperiksaan. Dalam kedua-dua matapelajaran ini hendaklah disemaikan perasaan untuk menghormati kebebasan masyarakat yang berbilang agama mengani uti agama masing-masing. | Rujuk para<br>127     |
| 37. Untuk membolehkan murid-murid mempelajari bahasa ibunda* masing-masing, satu peruntukan masa baru hendaklah diadakan. Pada masa yang sama ini, murid-murid Melayu/Bumiputera pula diajar bahasa ketiga.  | Rujuk para<br>128     |
| 38. Untuk meninggikan lagi mutu pengajaran dan pembelajaran matapelajaran Pengetahuan Ugama Islam, adalah diperakukan bahawa guru-guru yang mengajar mata pelajaran ini hendaklah diberikan latihan ikhtisas yang cukup. Seterusnya tugas-tugas penyeliaan juga perlu ditingkatkan lagi.   | Rujuk para<br>129     |
| 39. Sesuai dengan hasrat untuk membaiki mutu pendidikan sivik di semua peringkat persekolahan, maka diperakukan bahawa:-   | Rujuk para<br>131-133 |
| (a) Pelajaran sivik hendaklah dimasukkan ke dalam kursus dalam perkhidmatan bagi guru dan guru besar dan juga dengan cara yang lebih berkesan lagi ke dalam kursus latihan perguruan pra khidmat.  |                       |
| (b) Di samping sivik diajar sebagai satu matapelajaran, unsur-unsur sivik hendaklah juga diserapkan ke dalam pengajaran matapelajaran-matapelajaran lain yang sesuai.  |                       |

---

\*Dalam konteks Semenanjung Malaysia Bahasa Ibunda meliputi bahasa Cina dan bahasa Tamil sahaja. Peraturan ini hendaklah disesuaikan bagi negeri Sabah dan Sarawak.

## SENARAI PERAKUAN-PERAKUAN

- (c) Untuk meningkatkan lagi kepentingan pendidikan sivik, pencapaian murid-murid dalam matapelajaran ini baikpun meliputi aspek-aspek kognitif dan afektif hendaklah dimasukkan ke dalam kriteria pemberian hadiah di sekolah. Pendidikan sivik hendaklah disampaikan melalui amalan sehari-hari seperti dalam perhimpunan mingguan, upacara menaikkan bendera, menyanyi serta menghormati lagu kebangsaan.
- (d) Kegiatan-kegiatan sivik di luar bilik darjah yang berbentuk perkhidmatan dan pembangunan masyarakat hendaklah digalakkan.
40. Untuk melahirkan rakyat Malaysia yang memahami sejarah tanahairnya dan juga sejarah rantau ini, maka diperakukan:-
- (a) Supaya sukatan pelajaran sejarah yang baru hendaklah menitikberatkan sejarah rakyat Malaysia dan perjuangannya; demikian jugalah hendaknya dilakukan kepada sejarah negara-negara Asia Tenggara.
- (b) Peruntukan masa yang telah ditetapkan bagi matapelajaran sejarah hendaklah dipatuhi oleh semua sekolah.
41. Untuk mempercepatkan proses ke arah perpaduan adalah diperakukan bahawa pendidikan ilmu alam hendaklah memberi tumpuan yang lebih kepada hal ehwal tempatan secara menyeluruh dan juga mempunyai objektif yang jelas, khasnya bertujuan untuk membolehkan murid-murid memahami latarbelakang alam sekeliling fizikal dan sosial.
42. Untuk memperbaiki mutu pengajaran dan pembelajaran ilmu hisab di sekolah-sekolah khasnya di luar bandar, maka adalah diperakukan supaya langkah-langkah berikut diambil:-
- (a) Pendidikan ilmu hisab di peringkat rendah hendaklah bertujuan memberi kemahiran kira-mengira secara spontan yang kemudiannya diikuti dengan penguasaan terhadap kefahaman secara rasional. Di samping menggunakan pendekatan yang baru dalam pengajaran ilmu hisab, guru-guru hendaklah sama sekali jangan mengenyepikan cara tradisional.
- (b) Lebih ramai lagi guru terlatih dalam mata-pelajaran ilmu hisab hendaklah dihantar ke sekolah-sekolah rendah dan menengah rendah di luar bandar. Di samping itu, lebih ramai guru siswazah ilmu hisab hendaklah

Rujuk para  
137-139

Rujuk para  
141

Rujuk para  
143-144

## SENARAI PERAKUAN-PERAKUAN

juga dihantar ke sekolah-sekolah menengah atas di luar bandar.

- (c) Guru-guru yang terlibat dalam pengajaran ilmu hisab hendaklah diberi pendedahan ikhtisas yang cukup dan lebih intensif dalam pengajaran matapelajaran itu sama ada di peringkat pra dan/atau dalam perkhidmatan.
  - (d) Kurikulum ilmu hisab moden yang baru dilaksanakan di negara ini hendaklah dikaji semula selepas satu jangka masa yang ditentukan untuk menentukan kesesuaiannya dalam konteks negara ini.
43. Untuk meningkatkan lagi mutu pengajaran dan pembelajaran matapelajaran-matapelajaran sains di sekolah-sekolah luar bandar, maka langkah-langkah berikut adalah diperakukan:-
- (a) Lebih ramai lagi guru-guru sains terlatih hendaklah dihantar untuk berkhidmat di sekolah-sekolah menengah luar bandar.
  - (b) Taraf latihan ikhtisas guru-guru sains ini hendaklah ditingkatkan lagi kerana sekim latihan yang dijalankan sekarang ini didapati belum lagi memadai.
  - (c) Kemudahan-kemudahan yang cukup untuk kepentingan pendidikan sains hendaklah diberikan kepada semua sekolah menengah terutama sekolah-sekolah di luar bandar.
  - (d) Untuk menjamin mutu pendidikan sains di sekolah-sekolah, suatu penilaian yang menyeluruh ke atas rancangan dan program sains paduan dan sains moden hendaklah diadakan pada suatu masa yang difikirkan sesuai.
44. Memandangkan bahawa muzik, lagu dan tarian di sekolah boleh merapatkan hubungan murid-murid daripada berbagai kaum, dan seterusnya menjalinan perpaduan maka adalah diperakukan:-
- (a) Unsur-unsur kebudayaan kebangsaan seperti yang terdapat dalam muzik, lagu, tarian dan lakunan hendaklah dipupuk dan digalakkan di sekolah dengan menjadikannya sebahagian daripada kegiatan sekolah. Sebagai satu langkah ke arah pencapaian matlamat ini, maka sekolah-sekolah adalah digalakkan menubuhkan kelab seni tari atau seni muzik, seperti kelab angklung, seni lakun, pasukan pancaragam dan koir.

Rujuk para  
149-150

Rujukan para  
152-156

## SENARAI PERAKUAN-PERAKUAN

- (b) Bahan-bahan alat bantu mengajar untuk matapelajaran muzik yang bermutu tinggi hendaklah dibekalkan ke sekolah. Selain daripada itu, alat-alat seperti radio transistor, alat rakaman (tape recorder) dan peti televisyen hendaklah dibekalkan ke sekolah supaya murid-murid dapat mengikuti pelajaran muzik, lagu dan tarian yang disiarkan melalui Rancangan Perkhidmatan Sebaran Pendidikan.
  - (c) Siaran televisyen pendidikan hendaklah digunakan untuk memperkenalkan dan mengajar tarian kebangsaan.
  - (d) Lebih ramai lagi calon guru yang berkelayakan dalam bidang muzik hendaklah diambil mengikuti kursus latihan perguruan.
  - (e) Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan bersama-sama Kementerian Pelajaran hendaklah mengadakan Pesta Kebudayaan bagi murid-murid.
45. Untuk memastikan Bahasa Malaysia akan terus memainkan peranan yang penting di sekolah dan seterusnya digunakan dengan lebih meluas dalam masyarakat, dan untuk meninggikan lagi mutu pengajaran bahasa ini maka tindakan-tindakan berikut adalah diperakukan:-
- (a) Matlamat pendidikan Bahasa Malaysia sebagai bahasa ilmu pengetahuan, bahasa perhubungan utama dan bahasa perpaduan hendaklah dijelaskan secara lebih terperinci supaya guru-guru mendapat panduan yang tegas dan tepat dalam pengajaran mereka sehari-hari.
  - (b) Guru-guru yang mengajar matapelajaran ini di semua peringkat persekolahan hendaklah diberi latihan khas. Ini termasuklah guru-guru siswazah dalam bidang Pengajian Melayu kerana mereka biasanya disalahanggapkan sebagai telah mendapat latihan ikhtisas yang cukup sebagai guru-guru bahasa.
  - (c) Kursus Bahasa Malaysia untuk guru-guru dalam perkhidmatan hendaklah dikaji semula dan satu penilaian kecekapan mereka yang menerima kursus Bahasa Malaysia di bawah rancangan kursus dalam perkhidmatan hendaklah dijalankan secepat mungkin.
46. Oleh kerana bahasa Inggeris merupakan bahasa antarabangsa dan penting dalam bidang ilmu penge-

Rujuk para  
158-160

Rujuk para  
161-167

## SENARAI PERAKUAN-PERAKUAN

tahuan, perhubungan dan perdagangan, maka adalah diperakukan:-

- (a) Bahasa Inggeris hendaklah diajar sebagai bahasa kedua, sesuai dengan objektif pengajaran bahasa itu sebagai bahasa kedua dan selaras dengan peranan yang akan dimainkannya seperti yang dijelaskan dalam perenggan 161 dan 162.
  - (b) Peringkat bagi bahasa Inggeris mula diajarkan di sekolah-sekolah rendah adalah seperti yang berjalan sekarang. Pengajarannya di peringkat Darjah I hingga Darjah III hendaklah ditumpukan kepada perkara-perkara lisan terutama sekali dalam pengenalan bunyi-bunyi bahasa, nama benda-benda yang biasa dilihat dan perbendaharaan kata yang mudah.
  - (c) Kementerian Pelajaran hendaklah menubuhkan pusat-pusat sumber bahasa Inggeris di peringkat negeri untuk memastikan supaya sekolah dibekalkan dengan bahan-bahan mengajar yang cukup dan untuk menjamin guru didedahkan kepada cara mengajar bahasa Inggeris yang paling berkesan. Pusat-pusat ini hendaklah dilengkapi dengan bahan-bantu mengajar, perpustakaan, unit membuat persediaan dan pengedaran bahan-bantu mengajar. Ia juga patutlah dipertanggungjawabkan dengan tugas membuat penilaian terhadap pengajaran dan pembelajaran bahasa tersebut. Pusat-pusat ini hendaklah dikelolakan oleh kakitangan yang terlatih.
  - (d) Guru-guru terlatih yang mempunyai kelayakkan mengajar bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua hendaklah dihantar ke sekolah-sekolah di kawasan luar bandar untuk memberi peluang kepada murid-murid di luar bandar menerima pelajaran bahasa Inggeris dengan lebih sempurna.
47. Sesuai dengan peruntukan dalam Akta Pelajaran 1961, maka pengajaran bahasa Cina hendaklah diikhtiarkan dan guru-guru baginya disediakan. Rujuk para 168
48. Dengan itu adalah diperakukan supaya murid-murid lain bukan dari keturunan Cina hendaklah diberi peluang belajar bahasa Cina di sekolah sekiranya ada permohonan daripada mereka dan sekiranya ada kemudahan untuk mempelajari bahasa itu di sekolah berkenaan. Rujuk para 169



## SENARAI PERAKUAN-PERAKUAN

49. Dengan itu adalah diperakukan supaya murid-murid lain bukan dari keturunan India hendaklah diberi peluang belajar bahasa Tamil sekiranya mereka memohon dan ada kemudahan untuk mempelajari bahasa itu di sekolah berkenaan. Rujuk para 171
50. Semua murid hendaklah digalakkan supaya mengambil bahagian secara lebih aktif dalam kegiatan ko-kurikulum. Guru-guru hendaklah didedahkan kepada pendekatan yang menarik dalam pengendalian kegiatan-kegiatan ko-kurikulum apabila mereka menjalani kursus latihan perguruan. Guru-guru yang telah banyak berjasa dalam kegiatan-kegiatan ko-kurikulum hendaklah diberi pengiktirafan yang sewajarnya. Rujuk para 174-175
51. Untuk meninggikan lagi m-stu kegiatan pasukan pakaian seragam di sekolah-sekolah, maka adalah diperakukan supaya guru-guru yang memimpin pasukan tersebut hendaklah terdiri daripada mereka yang telah menerima latihan kepimpinan dan pengendalian dalam pergerakan-pergerakan tersebut. Rujuk para 177
52. Memandangkan latihan Pasukan Kadet Tentera dan Pasukan Kadet Polis adalah sangat berfaedah untuk menyemai disiplin dan semangat berdikari, maka adalah diperakukan supaya pasukan-pasukan tersebut hendaklah diperluaskan ke seberapa banyak sekolah yang boleh. Rujuk para 178
53. Untuk menjamin supaya persatuan-persatuan atau kelab-kelab di sekolah-sekolah dapat memainkan peranan dalam pembentukan perpaduan di kalangan murid-murid, adalah diperakukan bahawa:- Rujuk para 181-182
- (a) Sekolah-sekolah digalakkan menubuhkan persatuan/kelab yang boleh mendatangkan faedah kepada murid-murid. Pemilihan persatuan/kelab yang hendak ditubuhkan itu hendaklah berasaskan kepada kemudahan yang ada dan kesesuaiannya dengan suasana dan persekitaran serta keperluan tempatan.
  - (b) Persatuan bahasa seperti Persatuan Bahasa Malaysia, Persatuan Bahasa Inggeris, Persatuan Bahasa Cina, Persatuan Bahasa Tamil dan sebagainya, hendaklah ditubuhkan dengan tujuan untuk menyemai, memupuk dan menanam minat murid-murid dan meningkatkan kemajuan mereka dalam penggunaan sesuatu bahasa itu. Murid-murid dari berbagai kaum hendaklah juga digalakkan menyertai persatuan bahasa selain daripada persatuan bahasa ibunda mereka sendiri.

## SENARAI PERAKUAN-PERAKUAN

54. Untuk memastikan supaya kegiatan sukan dan olahraga dapat mencapai matlamat yang ditentukan adalah diperakukan:—
- Rujuk para  
184-187
- (a) Sekolah-sekolah hendaklah mengadakan se-naman beramai-ramai yang melibatkan penyertaan semua murid. Pertandingan se-naman beramai-ramai di antara pasukan-pasukan di sesebuah sekolah dan di antara sekolah-sekolah hendaklah dijalankan.
  - (b) Permainan-permainan di sekolah seberapa yang boleh hendaklah melibatkan penyertaan murid yang ramai seperti dalam perlumbaan merentas desa, jalan kaki dan sebagainya. Di samping itu mereka yang hendak diberikan latihan atau kemahiran peringkat tinggi hendaklah dilayani juga.
  - (c) Kegiatan sukan dan olahraga di peringkat sekolah, daerah, negeri dan kebangsaan hendaklah terus dipergiatkan supaya matlamat perpaduan di antara murid-murid berbilang kaum dan lapisan masyarakat dapat dicapai.
55. Adalah diperakukan bahawa kurikulum sekolah rendah hendaklah dikaji semula supaya pendidikan yang diberi berkemampuan untuk memenuhi kehendak pendidikan bagi perkembangan individu yang menyeluruh yang merangkumi aspek-aspek pendidikan asas (membaca, menulis dan mengira) dan perkembangan bakat kanak-kanak.
- Rujuk para  
191-192
56. Cara-cara mengajar yang sesuai dengan pendekatan pendidikan yang baru hendaklah digunakan di dalam dan di luar bilik darjah supaya murid-murid mampu mengingat pelajaran mereka serta boleh juga menaakul.
- Rujuk para  
192
57. Untuk mencapai matlamat pendidikan bagi perkembangan individu yang menyeluruh, maka perubahan-perubahan dalam kurikulum yang disarankan di bawah ini hendaklah dilakukan:—
- Rujuk para  
193-196
- (a) Kurikulum sekolah rendah itu hendaklah dirancang untuk membolehkan murid-murid mencapai kemahiran dalam tiga bidang asas, iaitu bidang komunikasi, bidang manusia dengan alam kelilingnya dan bidang perkembangan diri individu sesuai dengan keperluan, minat, bakat dan kemampuan mental serta kesediaan murid-murid itu.
  - (b) Kurikulum yang ada sekarang ini hendaklah disusun semula supaya dapat diubah-suaikan bagi membolehkan bukan sahaja

## SENARAI PERAKUAN-PERAKUAN

- untuk memenuhi keperluan murid-murid yang lemah mencapai kemahiran-kemahiran asas bahkan juga membolehkan murid-murid yang cerdas terus maju.
- (c) Selaras dengan perubahan-perubahan yang dicadangkan berhubung dengan kurikulum tadi, maka satu kajian semula hendaklah dilakukan untuk menentukan cara penyediaan guru-guru dan jenis perkhidmatan yang perlu diadakan di sekolah-sekolah rendah.
- (d) Pelan dan rekabentuk sekolah hendaklah dikaji semula sesuai dengan kehendak-kehendak pendekatan moden dalam pengajaran dan pembelajaran. Di samping itu perabut yang sesuai hendaklah diadakan.
58. Adalah diperakukan bahawa kurikulum peringkat menengah rendah hendaklah berupa perkembangan dari kurikulum sekolah rendah, iaitu memperkukuhkan lagi pendidikan asas dan memperkenalkan pendidikan umum yang juga merangkumi aspek-aspek pendidikan pra vokasional. Rujuk para 200
59. Pendedahan murid-murid kepada bidang teknik dan vokasional di peringkat menengah rendah amatlah terpisah sehingga ia merupakan suatu usaha ke arah pengkhususan. Oleh yang demikian adalah diperakukan supaya kurikulum matapelajaran-matapelajaran elektif di peringkat ini diubah pada strukturnya. Sukatan pelajaran-sukatan pelajaran yang ada hendaklah digubal semula dengan tujuan supaya pendedahan murid-murid kepada pelajaran teknik dan vokasional tidak hanya terhad kepada bidang satu matapelajaran elektif sahaja tetapi juga kepada ilmu pengetahuan yang penting dari bidang-bidang elektif lain. Rujuk para 200
60. Peperiksaan Sijil Rendah Pelajaran yang berjalan sekarang hendaklah disesuaikan dengan kurikulum baru yang dicadangkan bagi peringkat ini. Peperiksaan itu juga hendaklah disesuaikan supaya bukan sahaja dapat mengukur pencapaian murid-murid dalam bidang akademik tetapi juga mengukur bakat, minat, kecenderungan dan sikap mereka. Penyesuaian ini hendaklah dilakukan sejajar dengan perubahan sistem pensijilan keputusan peperiksaan yang telah diputuskan. Rujuk para 201
61. Kurikulum di peringkat sekolah menengah atas hendaklah bercorak pendidikan umum sesuai bukan sahaja bagi murid-murid yang akan bekerja bahkan bagi mereka yang akan terus menyambung pelajaran. Oleh itu adalah diperakukan bahawa Rujuk para 204-205

## SENARAI PERAKUAN-PERAKUAN

- penjurusan kepada jurusan sastera, jurusan sains dan jurusan teknik dalam pendidikan di peringkat menengah atas ini dihapuskan. Pendidikan di peringkat ini diadakan dalam dua jurusan sahaja iaitu jurusan akademik dan jurusan vokasional.
62. Diperakukan juga kurikulum baru bagi jurusan akademik ini digubal semula dengan mengambil pertimbangan bahawa kurikulum menengah atas ini merupakan sambungan daripada 9 tahun pendidikan di peringkat-peringkat sebelumnya. Langkah ini adalah satu usaha ke arah perkembangan pendidikan seumur hidup. Rujuk para 206
63. Memandangkan masalah-masalah di atas adalah diperakukan, sebagai satu langkah jangka panjang, masa persekolahan bagi semua murid hendaklah dilanjutkan dari 9 tahun ke 11 tahun. Pelaksanaan langkah di atas adalah tertakluk kepada kemampuan dan keperluan Kementerian Pelajaran. Walau bagaimanapun dari segi taraf pendidikan keseluruhannya, keutamaan hendaklah diberi terlebih dahulu kepada usaha-usaha untuk memperbaiki dan meninggikan taraf pendidikan di sekolah-sekolah di kawasan-kawasan mundur sejajar dengan dasar kerajaan. Rujuk para 207
64. Adalah diperakukan supaya kurikulum sekolah menengah vokasional yang ada sekarang disemak dan digubal semula sesuai dengan permintaan yang semakin mendesak sejajar dengan perkembangan perindustrian yang pesat. Langkah ini adalah sesuai bagi meningkatkan imej dan status sekolah ini. Rujuk para 209
65. Pendidikan vokasional akan diasaskan kepada satu kurikulum yang dibahagikan kepada dua komponen; komponen umum dan komponen vokasional. Komponen vokasional bertujuan melatih murid-murid menguasai kemahiran dan kecekapan tertentu sesuai dengan perkembangan perindustrian dan pembangunan negara. Isi kandungan kurikulum ini seharusnya lebih cenderung kepada penekanan terhadap aspek-aspek amali dari aspek-aspek teori. Penekanan ini juga hendaklah dicerminkan dalam segala peperiksaan yang diambil oleh murid-murid. Liputan kurikulum yang baru ini hendaklah luas serta anjal pula strukturnya. Kurikulum tersebut hendaklah sanggup memenuhi kemungkinan berbagai permintaan yang timbul akibat dari perubahan teknologi yang tidak dapat dijangkakan. Rujuk para 209
66. Sesuai dengan perakuan hendak mengadakan pendidikan umum di peringkat sekolah menengah atas, maka adalah diperakukan jurusan teknik di sekolah menengah atas dimansuhkan. Rujuk para 211

## SENARAI PERAKUAN-PERAKUAN

67. Guru-guru perlu boleh memberi perhatian yang rapi kepada setiap orang muridnya. Dalam hubungan ini, iaitu untuk meninggikan taraf pendidikan pada keseluruhannya, maka adalah diperakukan, di antara lain, Pekeliling Pentadbiran Bil. 3/67 hendaklah dikaji semula. Rujuk para 212
68. Adalah diperakukan semua sekolah swasta hendaklah menggunakan kurikulum Kementerian Pelajaran bagi semua peringkat persekolahan sehingga ke Tingkatan V dan mengambil peperiksaan awam yang seragam yang dianjurkan oleh Lembaga Peperiksaan. Selepas Tingkatan V, sekolah-sekolah swasta boleh menggunakan kurikulum lain mengikut peperiksaan yang hendak diambil dengan syarat Pengarah Peperiksaan boleh menggunakan kuasanya untuk melarang sesuatu peperiksaan, kecuali peperiksaan-peperiksaan yang di bawah kuasa Majlis Peperiksaan Malaysia. Kuasa melarang ini hanya boleh digunakan sekiranya peperiksaan itu difikirkan bertentangan dengan dan menjejaskan kepentingan negara. Rujuk para 215

### BAB IV

69. Dalam usaha untuk merapatkan hubungan di antara sekolah dengan masyarakat, adalah diperakukan supaya diperkemaskan lagi kegiatan-kegiatan PIBG agar tujuan-tujuan pertubuhan itu dapat dicapai dengan lebih memuaskan, dan ini termasuklah soal mewujudkan disiplin yang diingini di kalangan murid-murid. Rujuk para 220-221
70. Sungguhpun pengaruh luar itu tidak kesemuanya buruk, adalah diperakukan langkah-langkah hendaklah diambil agar murid-murid sekolah tidak dipengaruhi oleh anasir-anasir kebudayaan luar yang kurang sihat. Rujuk para 222
71. Memandangkan bahawa mematuhi peraturan-peraturan sekolah itu merupakan satu latihan disiplin yang baik kepada murid-murid, maka adalah sangat-sangat mustahak segala peraturan di sekolah diterangkan kepada murid-murid supaya mereka betul-betul faham dan mematuhi peraturan-peraturan itu dengan penuh tanggungjawab. Rujuk para 223-224
72. Untuk menghindarkan kekeliruan di kalangan murid-murid, adalah diperakukan langkah-langkah diambil untuk menjelaskan kenapa kadang-kadang terdapat perbezaan antara amalan orang dewasa dengan nilai yang diajar di sekolah. Murid-murid perlu tahu bahawa geraklaku dan perbuatan yang sesuai bagi alam orang dewasa ada kalanya diangap tidak sesuai bagi kanak-kanak atau murid-murid. Rujuk para 225-226

## SENARAI PERAKUAN-PERAKUAN

- |  |                       |
|--|-----------------------|
| 73. Namun demikian mereka yang sentiasa rapat berdamping dengan murid-murid seperti ibubapa dan guru-guru hendaklah seboleh-bolehnya menunjukkan contoh dan tauladan yang baik.  | Rujuk para<br>225-226 |
| 74. Adalah diperakukan semua sekolah hendaklah menggunakan perhimpunan murid-murid untuk menyemai, menanam dan memupuk perasaan cintakan negara di kalangan murid-murid.   | Rujuk para<br>228-229 |
| 75. Adalah diperakukan bahawa semua sekolah memperkemas lagi program-program ko-kurikulum dan dalam pelaksanaan program-program ini keutamaan hendaklah juga diberikan kepada kegiatan-kegiatan yang boleh memupuk disiplin di kalangan murid-murid. Di samping itu guru-guru yang mengendalikan kegiatan ko-kurikulum hendaklah diberi pengiktirafan yang sewajarnya supaya mereka lebih bergiat lagi terutama dari segi penyeliaan kegiatan-kegiatan tersebut. | Rujuk para<br>230     |
| 76. Adalah diperakukan bahawa:-  | Rujuk para<br>233     |
| (a) Langkah-langkah yang positif hendaklah diambil untuk menyemai dan mengawas disiplin murid-murid di sekolah dengan melibatkan semua guru, dan bukan setakat guru-guru pengawas disiplin dan pengawas murid-murid sahaja.  |                       |
| (b) Hukuman dera kepada murid-murid seperti merotan hendaklah dikekalkan. Guru Besar dan guru-guru lain yang tertentu diberi kuasa untuk merotan. Di samping itu guru-guru tersebut hendaklah diberi garis-garis panduan dalam menggunakan hukuman dera serta cara dan bila hukuman itu boleh dikenakan.   |                       |
| 77. Oleh kerana disiplin merupakan satu masalah di sekolah-sekolah pada hari ini, maka adalah diperakukan Kementerian Pelajaran menyegerakan perancangannya untuk:-  | Rujuk para<br>235     |
| (a) Mengkaji semula nisbah guru/kelas seperti yang diperakukan dalam Pekeliling Pentadbiran Bil. 5/67.   |                       |
| (b) Mengkaji semula saiz kelas dan sekolah.  |                       |
| (c) Mengkaji semula kedudukan sekolah-sekolah yang mengadakan dua sidang.  |                       |
| 78. Adalah diperakukan bahawa guru-guru hendaklah menunjukkan tauladan yang baik supaya murid-murid sentiasa dapat mencontohi mereka. Guru Besar hendaklah memainkan peranannya memperbaiki sikap guru-guru yang kurang memberi  | Rujuk para<br>236-237 |

## SENARAI PERAKUAN-PERAKUAN

sumbangan dalam pembentukan persekitaran pendidikan yang baik di sekolah. Jika perlu, tindakan disiplin hendaklah diambil terhadap guru-guru yang menunjukkan tingkahlaku dan sifat peribadi yang tidak diinginkan.

79. Adalah diperakukan Perkhidmatan Panduan dan Kerjaya di sekolah-sekolah hendaklah dilaksanakan dengan sepenuhnya. Perkhidmatan ini hendaklah menitikberatkan kegiatan-kegiatan bimbingan dan tidak semata-mata kegiatan-kegiatan panduan kerjaya sahaja. Rujuk para 239
80. Adalah diperakukan murid-murid sendiri hendaklah dilibatkan dalam tanggungjawab membentuk disiplin di kalangan mereka. Hubungan antara murid dengan guru hendaklah sentiasa rapat dan saling bantu membantu khasnya apabila murid-murid menghadapi suasana kemusykilan. Rujuk para 241
81. Adalah diperakukan bahawa langkah-langkah hendaklah diambil supaya peranan peperiksaan dalam sistem persekolahan tidak melibatkan kemerosotan disiplin. Bentuk dan corak peperiksaan awam hendaklah dikaji semula supaya bukan sahaja murid-murid yang pandai merasai kejayaan dalam sesuatu peperiksaan bahkan murid-murid yang lemah juga boleh merasainya. Rujuk para 242-243
82. Dari segi pembentukan disiplin pertumbuhan sifat-sifat yang diinginkan mengenai sikap, perasaan, semangat dan sebagainya (bidang afektif) lebih penting daripada penguasaan bidang ilmu pengetahuan semata-mata (bidang kognitif). Oleh yang demikian adalah diperakukan kurikulum sekolah hendaklah juga menitikberatkan perkembangan sikap, minat, perasaan, value judgement, dan semangat yang diinginkan dari segi disiplin. Rujuk para 244-245
83. Adalah diperakukan bahawa kurikulum sekolah menengah hendaklah jangan terlalu ketat dan terlampau terikat kepada jadual waktu supaya membolehkan murid-murid di peringkat sekolah menengah meneroka, mengkaji dan memahami isu-isu yang berkaitan dengan moral dan etika. Rancangan-rancangan Radio dan TV Pendidikan serta bahan-bahan bacaan yang mempunyai nilai-nilai moral hendaklah juga digunakan untuk mencapai matlamat ini. Rujuk para 247
84. Adalah diperakukan supaya konsep kebebasan individu hendaklah dinilai semula dalam konteks kehidupan rumahtangga, sekolah dan masyarakat sekeliling murid-murid supaya kebebasan individu yang diberikan kepada mereka dapat digunakan Rujuk Para 250

## SENARAI PERAKUAN-PERAKUAN

dengan sepenuh kebijaksanaan. Di samping itu nilai-nilai tradisional yang menggalakkan sikap bersopan santun dan sikap hormat menghormati di antara golongan muda dengan golongan tua hendaklah terus disemai dan dipupuk.

### BAB V

85. Sesuai dengan fungsinya sebagai payung dan pusat nadi, adalah diperakukan supaya BPPP:—
- (a) Menjadi agensi utama untuk merancang segala kegiatan pendidikan bagi seluruh negara. Selepas menentukan perancangan ini BPPP juga bertanggungjawab menyelaras dan mengawas supaya pelaksanaannya lebih berkesan. Dalam hubungan ini, BPPP menentukan garis panduan untuk diikuti oleh Bahagian-bahagian lain dalam melaksanakan kegiatan-kegiatan perancangan. Kesemuanya ini adalah perlu dalam usaha untuk menghasilkan satu perancangan pelajaran yang menyeluruh dan bersepadu.
- (b) Mempunyai sekumpulan pegawai-pegawai yang berpengalaman serta dilatih khas dalam bidang-bidang yang berkaitan dengan perancangan. Untuk mengelakkan pegawai-pegawai ini daripada ditukarkan ke Bahagian-bahagian lain apabila wujudnya peluang-peluang kenaikan pangkat, adalah diperakukan juga supaya satu sistem kenaikan pangkat diadakan yang membolehkan mereka menerima tawaran kenaikan pangkat itu di dalam BPPP sendiri.
86. Adalah diperakukan supaya BPPP diberi kemudahan dan keupayaan yang lebih untuk menjalankan tugasnya. Di samping itu kedudukan BPPP hendaklah diletakkan di peringkat yang setanding dengan fungsi dan peranannya sebagai payung dan pusat nadi kepada Kementerian Pelajaran.
87. Oleh sebab pentingnya maklumat, data dan idea pelajaran sebagai faktor pembantu kepada perancangan pelajaran, adalah diperakukan supaya Unit Data Pelajaran (Unit Data Bank) bukan sahaja menjadi unit data bahkan juga sebagai unit idea. Untuk menjadikan unit ini sebagai unit yang berkesan, keupayaan tenaga pegawai serta sistem simpanan dan dapatanbalik hendaklah diperkukuhkan.
88. Untuk mengesimbangkan kemahiran dan kepakaran pegawai dengan satu-satu jawatan adalah diperakukan supaya diadakan satu kajian yang
- Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Pelajaran
- Rujuk para 261
- Rujuk para 262
- Rujuk para 264
- Bahagian Sekolah-Sekolah



## SENARAI PERAKUAN-PERAKUAN

- menyeluruh terhadap pengurusan supaya struktur, keperluan pengurusan dan pegawai yang sesuai serta seimbang untuk Bahagian ini dapat ditentukan. Malah kajian menyeluruh ini diperakukan juga supaya dijalankan bagi semua Bahagian di Kementerian Pelajaran. Rujuk para  
267
89. Usaha untuk menyatukan sekolah-sekolah kecil hendaklah diteruskan di mana yang mungkin. Jika penyatuan ini menimbulkan masalah pengangkutan murid-murid, maka kemudahan yang sewajarnya hendaklah disediakan dan sekolah yang menampung murid-murid itu hendaklah diberi kemudahan yang diperlukan. Rujuk para  
270
90. Jika penyatuan tidak dapat dijalankan adalah diperakukan:— Rujuk para  
270
- (a) Bilangan guru yang sewajarnya hendaklah ditambah, dan peruntukan Surat Pekeliling Pentadbiran Bil. 3/67 hendaklah disemak semula.
- (b) Diadakan peruntukan khas bertujuan untuk memperbaiki keadaan pengajaran dan pembelajaran, dan bantuan ini hendaklah diasaskan mengikut keperluan setiap sekolah itu secara berasingan.
91. Dalam konteks pengurusan sekolah-sekolah yang bertambah sukar dan rumit, maka adalah diperakukan supaya sekolah-sekolah perlu digredkan mengikut beban peranan masing-masing. Langkah pengredan sekolah-sekolah ini memang sesuai dengan syor Suruhanjaya Gaji Aziz, dan hendaklah dilakukan dari semasa ke semasa mengikut keperluan keadaan. Rujuk para  
271
92. Adalah diperakukan supaya satu kajian yang menyeluruh dijalankan ke atas struktur dan organisasi Jabatan Pelajaran Negeri dengan memberi tumpuan khas kepada aspek menentukan struktur yang mencukupi supaya keperluan kepegawaian yang sebenar dapat diketahui selaras dengan fungsi dan beban tugas yang kian bertambah. Rujuk para  
276
93. Untuk memelihara perpaduan negara adalah diperakukan supaya sistem pengurusan yang diarahkan dari pusat dikekalkan. Ini bermakna perancangan pelajaran hendaklah dari pusat dengan menggunakan *input* dan maklumat yang dibekalkan dari peringkat negeri menerusi Jawatankuasa Perancangan Pelajaran Negeri yang perlu ditubuhkan di setiap Jabatan Pelajaran Negeri. Rujuk para  
277
94. Untuk menjaga taraf pengurusan di peringkat sekolah adalah diperakukan guru besar hendaklah Rujuk para  
279

## SENARAI PERAKUAN-PERAKUAN

diberi latihan dalam bidang pengurusan. Kursus ini hendaklah juga mendedahkan perkembangan baru dalam bidang pengurusan kepada semua guru besar itu agar mereka dapat memberi kepimpinan ikhtisas yang lebih berkesan.

95. Dalam hal ini adalah diperakukan:—
- (a) Kerani baru hendaklah diberi kursus pra khidmat sebelum ia dihantar ke sekolah.
- (b) Kerani-kerani yang sedang bertugas di sekolah hendaklah diberi latihan dalam perkhidmatan yang cukup dalam bidang perkeranian dan yang berkaitan dengan dasar pelajaran. Langkah ini sangatlah perlu untuk membina kesedaran di kalangan mereka melalui orientasi yang betul.
96. Adalah diperakukan supaya satu kajian dijalankan untuk mengetahui keadaan sebenar mengenai tugas pentadbiran dan perkeranian di sekolah supaya dapat digunakan sebagai asas bagi menentukan peruntukan pegawai kerani.
97. Untuk memastikan kecekapan guru-guru bukan Melayu mengajar dalam Bahasa Malaysia maka adalah diperakukan penilaian berterusan dibuat untuk mengetahui penguasaan dan kecekapan dalam penggunaan Bahasa Malaysia. Sekiranya perlu, latihan selanjutnya sebagai usaha pengukuh hendaklah diberi agar guru yang telah mengikuti kursus dalam perkhidmatan ini akan lebih mahir mengajar dalam Bahasa Malaysia.
98. Memandangkan betapa pesatnya perkembangan pendidikan di negara ini, dan perlunya latihan bagi pegawai ikhtisas dan kakitangan lain di bawah Kementerian Pelajaran untuk menghasilkan kerja dan *output* yang lebih bermutu, maka sudah sampailah masanya supaya sebuah Institut Latihan Kakitangan Pendidikan Negara (National Educational Staff Training Institute) ditubuhkan.
99. Pemilihan bakal-bakal guru ke dalam Perkhidmatan Pelajaran mestilah berasaskan kepada kesesuaian calon-calon dari segi kebolehan, minat, sikap, dedikasi, sahsiah dan watak calon-calon tersebut. Kelulusan dalam latihan perguruan sahaja tidaklah memadai dan boleh menjamin bahawa mereka itu akan dilantik sebagai pegawai Perkhidmatan Pelajaran. Dengan itu diperakukan bahawa pemilihan calon-calon untuk masuk ke maktab-maktab perguruan dilakukan oleh Kementerian Pelajaran sendiri. Selepas guru-guru pelatih ini lulus latihan perguruan barulah mereka boleh memohon untuk memasuki Perkhidmatan Pelajaran.

Rujuk para  
280

Rujuk para  
281

Bahagian  
Latihan  
Guru

Rujuk para  
284

Rujuk Para  
285

Rujuk para  
287

## SENARAI PERAKUAN-PERAKUAN

- |      |  |  |
|------|--|--|
| 100. | Adalah diperakukan satu sistem pemilihan pensyarah-pensyarah perlu diadakan supaya pegawai-pegawai yang dipilih itu bukan sahaja sesuai dari segi kelayakan akademik dan iktisias tetapi juga dari segi peribadi dan sahsiah. Calon-calon yang terpilih hendaklah diberi peluang berkhidmat sebagai pensyarah dalam satu tempoh jangka waktu percubaan, jika didapati tidak layak mereka hendaklah dihantar balik memegang jawatan asal mereka.  | Rujuk para<br>288  |
| 101. | Untuk menjamin dan meninggikan mutu rancangan kurikulum yang diusahakan di Pusat Perkembangan Kurikulum, adalah diperakukan bahawa pegawai-pegawai yang dipilih untuk bertugas di Pusat Perkembangan Kurikulum mestilah mempunyai kelayakan dan pengalaman mengajar di bilik darjah yang cukup. Latihan yang sesuai hendaklah diberikan kepada mereka. Untuk menentukan bahawa pegawai-pegawai ini dapat berkhidmat di Pusat Perkembangan Kurikulum dalam jangka masa yang sesuai, satu sistem kenaikan pangkat yang membolehkan mereka mendapat dan menerima tawaran kenaikan pangkat dan terus berkhidmat di Pusat Perkembangan Kurikulum hendaklah diwujudkan.  | <p style="text-align: center;"><b>Pusat<br/>Perkembangan<br/>Kurikulum</b></p> <p>Rujuk para<br/>291-293</p> |
| 102. | Untuk menentukan supaya setiap rancangan kurikulum yang dihasilkan oleh Pusat Perkembangan Kurikulum itu sesuai untuk dilaksanakan di sekolah-sekolah, adalah diperakukan supaya kumpulan yang menjalankan sesuatu projek itu terdiri daripada pegawai-pegawai yang terlatih serta guru-guru yang berpengalaman. Satu peraturan hendaklah diadakan untuk membolehkan guru-guru ini berkhidmat dalam jangka masa pendek di Pusat Perkembangan Kurikulum dan sekolah-sekolah yang berkenaan mendapatkan guru-guru ganti.   | Rujuk para<br>291-293  |
| 103. | Untuk mempelbagaikan dan meninggikan mutu bahan kurikulum yang dihasilkan, Bahagian-Bahagian lain yang menjalankan tugas yang hampir sama atau berkaitan dengan penyediaan kurikulum hendaklah terus menjalankan kegiatan-kegiatan ini, tetapi kegiatan-kegiatan tersebut hendaklah bertasarkan pakatan dan kerjasama yang erat di antara Bahagian-Bahagian yang berkenaan. Adalah diperakukan supaya Pusat Perkembangan Kurikulum menjalankan tugas penyelarasan kepada semua kegiatan perkembangan kurikulum yang dilakukan oleh Bahagian-Bahagian lain di Kementerian Pelajaran. Satu sistem penyelarasan yang berkesan hendaklah diwujudkan di Pusat Perkembangan Kurikulum dengan Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Pelajaran memainkan peranan untuk | Rujuk para<br>294  |

## SENARAI PERAKUAN-PERAKUAN

- menjamin penghasilan kurikulum supaya selaras dengan dasar pelajaran bersepadu bagi seluruh negara. Untuk tujuan ini hendaklah ditentukan supaya Pusat Perkembangan Kurikulum mempunyai keupayaan dari segi kepegawaian dan cara kerja.
104. Dalam usaha mengambilalih tanggungjawab mengendalikan semua peperiksaan awam, adalah diperakukan supaya usaha ditumpukan kepada langkah-langkah untuk menjamin kelicinan pengurusan dan taraf peperiksaan yang diuruskan supaya keyakinan masyarakat terhadap peperiksaan sentiasa teguh. Lembaga Peperiksaan Rujuk para 299
105. Untuk membolehkan Lembaga ini berkhidmat dengan lebih cekap maka adalah diperakukan supaya sebuah Tabung Amanah diadakan bagi semua peperiksaan yang dikendalikan oleh Lembaga Peperiksaan. Peraturan bagi Tabung Amanah ini hendaklah juga disesuaikan untuk membolehkan Lembaga Peperiksaan menggunakan wang itu pada bila-bila masa sahaja diperlukan dan dengan sekatan atau kawalan yang minima supaya tidak menghindarkan pentadbiran kewangan peperiksaan yang memerlukan tindakan segera. Rujuk para 300
106. Untuk mengekalkan peperiksaan sebagai alat penilaian yang berkesan adalah diperakukan supaya kakitangan Lembaga Peperiksaan diberi latihan dengan tujuan menokok dan mengemaskinikan kemahiran dan keupayaan mereka mengendalikan kerja-kerja yang berhubung dengan peperiksaan, sesuai dengan perkembangannya yang pesat pada hari ini. Rujuk para 301
107. Kementerian Pelajaran tidaklah berniat untuk menolak atau menyekat sama sekali segala peperiksaan awam luar negeri daripada dikendalikan oleh berbagai pihak swasta di negara ini, sekiranya peperiksaan-peperiksaan itu tidak menyusahkan Kementerian Pelajaran. Oleh itu adalah diperakukan bahawa Pengarah Peperiksaan diberi kuasa pembatal ke atas sesuatu peperiksaan, kecuali peperiksaan-peperiksaan yang di bawah kuatkuasa Majlis Peperiksaan Malaysia. Kuasa membatalkan ini hanya boleh digunakan sekiranya sesuatu peperiksaan itu difikirkan boleh menggugat imej Kementerian Pelajaran dan menjejaskan kepentingan negara. Rujuk para 302
108. Setiausaha Peperiksaan Negeri hendaklah terdiri dari pegawai-pegawai yang mempunyai kelayakan, pengalaman dan kepakaran dalam bidang pengurusan peperiksaan. Walau bagaimanapun jawatan ini telah dinaikkan tarafnya dan pemegangnya sekarang tidak mempunyai kelayakan akademik seperti yang disyaratkan. Oleh itu adalah diperaku- Rujuk para 303

## SENARAI PERAKUAN-PERAKUAN

- kan satu tangga gaji khas sebagai alternatif hendaklah diadakan bagi mereka setimpal dengan beban tugas yang dipertanggungjawabkan kepada mereka.
109. Bilangan ahli Jemaah Nazir yang ada sekarang adalah terlalu kecil. Dengan itu adalah diperakukan supaya bilangan ahli Jemaah Nazir ditambah sepadan dengan beban tugas yang dipertanggungjawabkan kepada mereka. Sebahagian daripada mereka hendaklah ditempatkan di setiap buah negeri untuk memudahkan tugas naziran di peringkat ini. Jemaah Nazir Sekolah  
Rujuk para 311 - 314
110. Adalah diperakukan bahawa sistem menyampaikan laporan mengikut peringkat yang baru dimulakan itu hendaklah diteruskan tetapi selepas beberapa ketika sistem ini hendaklah dinilai untuk menentukan sama ada ianya benar-benar berkesan atau tidak. Adalah diperakukan juga bahawa tindak-ikut yang lebih berkesan perlu diambil mengenai setiap laporan yang dikemukakan. Rujuk para 315
111. Dalam keadaan pembangunan negara pada hari ini yang menggalakkan penyertaan yang lebih luas di dalam bidang perusahaan dan perdagangan, peranan pendidikan teknik dan vokasional menjadi lebih penting. Untuk mencapai tujuan ini adalah diperakukan supaya pendidikan teknik dan vokasional hendaklah diperluaskan dan dimajukan lagi. Bahagian Pelajaran Teknik dan Vokasional  
Rujuk para 319
112. Untuk mengatasi kekurangan kemudahan fizikal ini, adalah diperakukan supaya lebih banyak sekolah menengah biasa diberikan kemudahan tersebut di atas bagi memudahkan pengajaran matapelajaran-matapelajaran amali yang merupakan sebahagian daripada pendidikan umum. Rujuk para 320
113. Untuk menambahkan pengeluaran tenaga mahir yang diperlukan adalah diperakukan supaya bilangan pengambilan penuntut-penuntut ke politeknik ditambah. Pengambilan ini hendaklah berasaskan kepada perangkaan dan unjuran jangka panjang mengenai keperluan tenaga rakyat yang perlu dibuat dengan kerjasama dari pihak awam dan swasta. Rujuk para 321
114. Supaya mutu pengurusan dapat ditingkatkan lagi adalah diperakukan agar kekurangan pegawai-pegawai di Bahagian Pelajaran Teknik dan Vokasional hendaklah diatasi. Pehuang untuk mengikuti kursus pengkhususan bagi pegawai-pegawai Bahagian itu hendaklah juga ditambahkan. Rujuk para 322
115. Walaupun jelas ternampak akan kemajuan dan perkembangan kegiatan Bahagian Perkhidmatan Se-

## SENARAI PERAKUAN-PERAKUAN

- baran Pendidikan semenjak ianya ditubuhkan dalam tahun 1972 baik dari segi penerbitan rancangan mahupun penggunaannya di sekolah, namun demikian adalah perlu beberapa perkara lagi dipertimbangkan sebagai langkah tegas untuk Bahagian ini menjalankan kegiatannya dengan lebih berkesan lagi demi untuk mencapai objektifnya. Langkah-langkah tersebut adalah seperti berikut:-
- (a) Mewujudkan penglibatan dan sokongan yang lebih tegas terhadap kegiatan dan rancangan Bahagian ini oleh semua pihak yang berkenaan di peringkat Kementerian, negeri dan sekolah.
- (b) Menjalankan penilaian rancangan yang lebih kerap sama ada secara formatif atau sumatif dan juga mengadakan kegiatan tindak-ikut.
- (c) Mengadakan kemudahan di setiap sekolah untuk kegiatan teknologi pendidikan.
- (d) Mensesuaikan jadual waktu sekolah dengan masa siaran, dan mengatasi masalah yang dihadapi oleh sekolah-sekolah yang tidak mudah menerima gambar siaran TV Pendidikan dengan memuaskan.
116. Untuk membantu perancangan dasar bagi membolehkan Bahagian Kewangan dan Akaun membuat ramalan perbelanjaan yang tepat, maka perlulah disaskan kepada satu sistem maklumat kewangan yang lengkap. Oleh itu adalah diperakukan supaya kemudahan perkhidmatan komputer disediakan untuk Bahagian ini.
117. Untuk melicinkan rancangan-rancangan pembangunan fizikal serta mempercepatkan masa pembinaan, adalah diperakukan supaya rekabentuk bangunan-bangunan pelajaran sebaik-baiknya tidak menggunakan pelan piawai. Sekiranya pelan piawai digunakan maka beberapa pelan piawai hendaklah direka agar menepati kehendak pelajaran dan keadaan tempatan.
118. Untuk membantu JKR dan mengurangkan beban kerjanya, adalah diperakukan supaya satu sistem grant kepada sekolah-sekolah termasuk sekolah-sekolah milik Kerajaan hendaklah dituluskan bagi projek-projek yang mampu dilaksanakan oleh sekolah-sekolah tersebut (lebih kurang \$50,000). Ini bermakna Jemaah Pengurus/Pengelola sekolah tersebut boleh melantik juru rundingnya sendiri dengan pengawasan yang minima dijalankan oleh pi-

Bahagian Perkhidmatan Sebaran Pendidikan

Rujuk para 326

Bahagian Kewangan dan Akaun

Rujuk para 331, 332

Bahagian Pembangunan dan Bekalan

Rujuk para 334, 335

Rujuk para 336

## SENARAI PERAKUAN-PERAKUAN

- hak JKR. Dengan cara ini kerja-kerja dapat dijalankan segera kerana saluran-saluran kerja rasmi dapat dikurangkan.
119. Memandangkan keperluan sekolah-sekolah baru dan bangunan-bangunan tambahan adalah amat mendesak dan ditambah pula dengan kemampuan pemborong yang terhad, adalah juga diperakukan supaya beberapa projek Kementerian Pelajaran dibenar dilaksanakan di bawah sistem tawaran pilihan. Sistem *package deal* yang disyorkan terdahulu dari ini nampaknya belum dapat dilaksanakan lagi oleh sebab beberapa masalah tertentu. Rujuk para 336
120. Untuk menjadikan sistem pembekalan barang-barang dan alat-alat kelengkapan ke sekolah-sekolah lebih licin, cekap dan segera, adalah diperakukan bahawa hendaklah ditubuhkan Setor Pusat dan Setor-Setor Kawasan untuk Kementerian Pelajaran. Rujuk para 337, 338
121. Untuk mengatasi masalah penggantian bangunan dan alat kelengkapan yang usang, adalah diperakukan supaya satu peruntukan khas diadakan untuk tujuan ini. Rujuk para 339
122. Kementerian Pelajaran adalah bertanggungjawab menentukan corak, arah dan matlamat pendidikan tinggi di negara ini. Walau bagaimanapun adalah diperakukan bahawa Persidangan Naib Canselor-Naib Canselor diberi tugas sebagai badan penasihat dan penyelarasa kepada Kementerian Pelajaran agar usaha-usaha mengawas dan menyelarasa dapat berjalan dengan lebih berkesan. Untuk tujuan ini adalah diperakukan juga bahawa satu tatakerja yang lebih lengkap bagi badan ini hendaklah difikir dan diwujudkan. Bahagian Pelajaran Tinggi Rujuk para 342
123. Usaha-usaha dan langkah-langkah yang sesuai hendaklah dijalankan untuk memperkuatkan pendidikan Ugama Islam di sekolah. Pengajaran untuk aspek-aspek yang masih perlu diberi liputan hendaklah diadakan secara non-formal dengan menggunakan masa di luar sekolah. Segala kegiatan non-formal ini perlu dirancang, diatur dan diawasi pelaksanaannya. Untuk maksud ini, dan juga untuk mengawas perjalanan pendidikan ugama yang formal dalam waktu bersekolah, tiap-tiap negeri hendaklah diperuntukkan dengan seorang pegawai ugama (dakwah) yang juga dipertanggungjawabkan untuk menyelia dan mengawas pendidikan akhlak. Bahagian Pendidikan Ugama Islam Rujuk para 345-347
124. Peruntukan khas yang sewajarnya hendaklah diberikan untuk pendidikan Ugama Islam supaya Rujuk para 345

## SENARAI PERAKUAN-PERAKUAN

- latihan-latihan amali yang diperlukan dapat dijalankan dengan lebih berkesan.
125. Pendidikan Agama Islam sepertimana yang dijalankan pada masa ini kurang menitikberatkan aspek-aspek amali sebagaimana yang dijangka dan dikehendaki. Dengan yang demikian kelemahan ini hendaklah diatasi. Untuk mengelakkan sebarang bentuk penyelewengan pula penyeliaan dan pengawasan yang rapi ke atas pelaksanaan sukatan pelajaran dan segala kegiatan agama hendaklah diadakan. Ini boleh dicapai sama ada dengan cara mengekalkan jawatan-jawatan nazir peringkat negeri yang ada sekarang atau mengadakan jawatan-jawatan nazir agama dalam Jemaah Nazir Sekolah.
126. Guru agama sekolah rendah yang tidak terlatih dengan cukup hendaklah diberi latihan semula agar pengetahuan ikhtisas mereka yang berbeza-beza itu dapat diselaraskan. Sementara itu pemilihan calon-calon guru agama hendaklah diperkemaskan dengan berasaskan kepada suatu kriteria pemilihan yang dapat menjamin kesesuaian mereka yang dipilih dari segi kelayakan, minat dan kecenderungan, sikap dan peribadi. Perkara ini hendaklah dirundingkan dengan pihak Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran.
127. Kemudahan yang perlu hendaklah diberikan kepada sekolah menengah agama yang diambilalih supaya kemajuan pelajaran terutama di bidang pendidikan agama dan bahasa Arab dapat ditingkatkan.
128. Kementerian Pelajaran menyediakan pelan yang seragam untuk pembinaan 'Bilik Agama' atau surau yang terasing bagi sekolah-sekolah yang ingin mendirikan bilik atau surau seumpama ini. Pembinaan pula hendaklah diuruskan oleh pihak sekolah dengan melibatkan Persatuan Ibubapa dan Guru serta masyarakat sekelilingnya.
129. Salah satu faktor yang boleh menjamin kecekapan Bahagian ini ialah penyimpanan rekod-rekod yang baik, cepat dan teratur. Dengan itu adalah diperakukan supaya Bahagian ini disediakan dengan kemudahan-kemudahan menggunakan komputer untuk menguruskan kerja-kerja tersebut.
130. Kejayaan dan kecapaian yang tinggi tidak mungkin dapat dihasil dengan memuakan dalam suasana kerja yang terbalang. Bahagian ini juga tentulah tidak dapat membuktikan kecekapannya jika suasana kerja yang sama juga wujud. Untuk mengatasi masalah ini, adalah diperakukan bahawa kuasa

Rujuk para  
345-347

Rujuk para  
345-347

Rujuk para  
345-347

Rujuk para  
345-347

Bahagian  
Perjawatan dan  
Perkhidmatan

Rujuk para  
351

Rujuk para  
352



## SENARAI PERAKUAN-PERAKUAN

- membuat keputusan yang pada masa ini berada di tangan pihak-pihak di luar Kementerian Pelajaran seperti di Jabatan Perkhidmatan Awam, Perbendaharaan dan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam perlu dipindahkan kepada Kementerian Pelajaran. Bidang kuasa itu ialah seperti kuasa Lembaga Kenaikan Pangkat bagi Kumpulan Ikh-tisas dan Pengurusan, iaitu untuk jawatan-jawatan tingkatan-kanan dan tingkatan tertinggi 'E' di-turunkan kepada Kementerian Pelajaran untuk menentukan kenaikan pangkat kepada jawatan-jawatan tersebut. Begitulah dengan beberapa per-kara lain termasuklah hal-hal perletakan jawatan (Bahagian Tiga Perintah Am Bab A 1973), penetapan jumlah wang yang boleh disimpan oleh seorang pegawai berikutan membuat kerja-kerja sambilan di luar waktu pejabat (Perkara 4 (4) Perintah Am Bab D 1969), menetapkan bayaran gaji kepada seseorang pegawai dalam masa ia ditahan kerja oleh pihak berkuasa tatatertib (Peraturan 34 (5) Perintah Am Bab D 1969), permohonan cuti separuh gaji di bawah Peraturan 13 (Perintah Am Bab C 1974), Cuti Sakit lanjutan di bawah Peraturan 22 (Perintah Am Bab C 1974), urusan memproses, melulus dan membayar pencen (Ordinan Pencen 1954), hendaklah dipindahkan juga.
131. Adalah diperakukan supaya satu tindakan segera diambil untuk meninjau serta meneliti bagi maksud menggerakkan semula perjalanan jawatankuasa khas di bawah Suruhanjaya Kebangsaan UNESCO agar dapat memainkan peranan masing-masing dengan lebih cergas dan berkesan.
132. Adalah diperakukan juga supaya Bahagian Hal Ehwal Luar Negeri memperkemaskan lagi jenteranya sebagai agensi seranta di antara semua Bahagian di Kementerian Pelajaran agar penyelarasan kerjasama dalam bidang pendidikan, sains dan kebudayaan di antara Kementerian Pelajaran dengan pertubuhan-pertubuhan serantau dan negara-negara lain dapat ditingkatkan lagi.
133. Untuk mewujudkan pengurusan rancangan-rancangan biasiswa dan dermasiswa yang lebih berkesan, adalah diperakukan bahawa semua rancangan biasiswa dan dermasiswa Kementerian Pelajaran hendaklah dipusat dan ditadbirkan di Bahagian Biasiswa dan Latihan, Kementerian Pelajaran. Mengenai biasiswa dan dermasiswa di bawah agensi dan Kementerian lain yang juga dihadiahkan untuk

Bahagian Hal  
Ehwal Luar  
Negeri  
Rujuk para  
355

Bahagian Bia-  
siswa dan La-  
tihan  
Rujuk para  
362

## SENARAI PERAKUAN-PERAKUAN

- memenuhi permintaan tenaga rakyat terlatih negara, Bahagian ini pula perlu mendapatkan gambaran yang menyeluruh agar Bahagian ini dapat menyelaras dan mengawas pengurusan rancangan-rancangan biasiswa dan dermasiswa yang dikendalikannya sendiri.
134. Untuk pengurusan dan penyelarasan yang lebih berkesan adalah diperakukan supaya Bahagian Biasiswa dan Latihan, Kementerian Pelajaran dijadikan urusetia kepada Yayasan Tunku Abdul Rahman. Rujuk para 364
135. Untuk memastikan supaya sekolah-sekolah swasta mematuhi syarat-syarat yang ditetapkan oleh Kementerian Pelajaran, maka satu peruntukan baru hendaklah diadakan bagi menentukan pihak-pihak yang hendak membuka sekolah tadi terlebih dahulu mendapat kebenaran atau lesen dari Kementerian Pelajaran sebelum mereka mendaftar dengan Kementerian lain. Hanya selepas kebenaran ini diberi, pihak berkenaan boleh memulakan kegiatan rancangan mereka seperti pembinaan atau penyewaan bangunan sekolah. Bahagian Pendaftaran Sekolah dan Guru Rujuk para 367
136. Pegawai-pegawai Perhubungan Sekolah menjalankan tugas-tugas yang rumit dan tanggungjawab yang berat. Adalah diperakukan supaya kedudukan pegawai-pegawai ini dikaji semula dengan tujuan memperimbangankan beban tugas mereka dengan tangga gaji yang diberikan, sama seperti yang telah diperakukan bagi Setiausaha Peperiksaan. Rujuk para 368
137. Untuk menjamin kualiti penilaian buku-buku teks adalah diperakukan langkah-langkah diambil supaya Biro Buku Teks bebas sama sekali dari sebarang tekanan atau kuasa dalam urusannya menilai buku-buku teks yang bakal digunakan di sekolah-sekolah. Penghasilan buku-buku teks oleh penulis-penulis yang terlibat dalam pengurusan Biro ini hendaklah dilarang sama sekali. Biro Buku Teks Rujuk para 373
138. Sebagai satu langkah jangka panjang, adalah diperakukan supaya pengeluaran dan pengurusan buku-buku teks dalam Bahasa Malaysia untuk kegunaan Tingkatan VI dipertanggungjawabkan terus kepada Biro Buku Teks. Walau bagaimanapun, kekurangan yang dihadapi sekarang hendaklah diatasi dengan cara mencepatkan urusan-urusan yang berkaitan seperti pemilihan, penterjemahan dan pencetakan. Satu strategi jangka pendek untuk mengatasi masalah ini ialah dengan menterjemahkan buku-buku teks yang berkenaan Bab demi Bab, dan mengedarkan Bab-bab yang Rujuk para 374

## SENARAI PERAKUAN-PERAKUAN

telah selesai diterjemahkan itu untuk kegunaan serta merta.

139. Untuk mengatasi tambahan perbelanjaan pengu-  
rusan yang terutamanya berpunca dari masalah  
perhubungan seperti yang tersebut di atas, adal-  
ah diperakukan supaya seboleh-bolehnya semua  
Bahagian di Kementerian Pelajaran ditempatkan  
dalam sebuah bangunan yang sama. Bahagian Pen-  
tadbiran Rujuk para  
376

### BAB VI

140. Masalah yang sedia wujud di sekolah dua sidang  
menjadi bertambah buruk lagi dengan adanya  
pertambahan murid yang pesat dari setahun ke  
setahun. Oleh yang demikian adalah diperakukan  
supaya perkembangan pembangunan fizikal hend-  
daklah seimbang dengan kadar pertambahan  
murid. Rujuk para  
382
141. Memandangkan gangguan kepada pengajaran dan  
pembelajaran akibat dari amalan menggunakan  
bangunan sekolah pagi dan petang, adalah diper-  
akukan Kementerian Pelajaran mencari penyele-  
saan segera dengan mewujudkan perancangan khas  
untuk mengatasi masalah ini. Dalam perancangan  
tersebut perhatian utama hendaklah diberikan  
kepada sekolah-sekolah luar bandar yang mempun-  
yai murid-murid dari kawasan jauh dan ber-  
selerak. Rujuk para  
383
142. Untuk Sabah dan Sarawak, terutama di kawasan-  
kawasan yang belum diberikan kemudahan-kemu-  
dahan asas fizikal, adalah diperakukan peruntukan  
khas diadakan bagi membekalkan kemudahan-  
kemudahan ini. Rujuk para  
384
143. Memandangkan sekolah-sekolah kecil selalunya  
rugi dalam pengagihan kemudahan-kemudahan fi-  
zikal maka adalah diperakukan bahawa dalam  
pengagihan kemudahan-kemudahan fizikal ke se-  
kolah, sekolah-sekolah kecil hendaklah dileng-  
kapkan dengan kemudahan-kemudahan yang biasa-  
nya perlu ada supaya sekolah-sekolah kecil ini  
mendapat bukan sahaja peluang yang sama bahkan  
lebih untuk meninggikan mutu pencapaiannya  
berbanding dengan sekolah-sekolah besar. Rujuk para  
385
144. Untuk memenuhi keperluan keadaan persekitaran  
yang berbeza-beza, adalah diperakukan Kement-  
erian Pelajaran menyediakan beberapa pelan  
piawai sekolah yang sesuai bagi keadaan dan sua-  
sana yang berbeza-beza ini. Di samping itu pelan-  
pelan ini hendaklah juga fungsional untuk mem-

## SENARAI PERAKUAN-PERAKUAN

bolehkan pendekatan-pendekatan yang sesuai dilakukan bagi memenuhi keperluan pengajaran dan pembelajaran yang berbeza-beza.

- |      |   |                   |
|------|---|-------------------|
| 145. | Memandangkan faedah yang begitu besar yang boleh didapati dari kemudahan asrama ini, maka adalah diperakukan supaya kemudahan asrama diadakan dengan lebih meluas lagi. Di samping itu kemudahan-kemudahan ini hendaklah juga diadakan di kawasan bandar untuk faedah murid-murid miskin dari kawasan setingan dan kawasan sesak.   | Rujuk para<br>389 |
| 146. | Untuk meningkatkan taraf pengurusan dan pengawasan asrama, adalah diperakukan supaya guru-guru yang dipilih sebagai guru-guru asrama hendaklah terdiri daripada mereka yang berkebolehan bukan saja untuk membimbing murid-murid bahkan juga menanamkan unsur-unsur disiplin dan menjadi tauladan kepada murid-murid itu.   | Rujuk para<br>390 |
| 147. | Memandangkan bahawa beban tugas pengurusan dan pengawasan asrama semakin berat yang memerlukan perhatian sepanjang masa termasuk hari-hari kelepasan am, maka adalah diperakukan bahawa claun untuk guru-guru asrama hendaklah setimpal dengan beban tugas dan tanggungjawabnya.  | Rujuk para<br>390 |
| 148. | Walaupun asrama biasanya dibina untuk keperluan murid-murid sekolah menengah namun demikian adalah diperakukan di tempat-tempat pendalaman di Sabah, Sarawak dan di Semenanjung asrama-asrama hendaklah dibina bagi sekolah-sekolah rendah untuk mengumpulkan murid-murid dari kawasan-kawasan terpencil. Di Sabah dan Sarawak di mana kemudahan-kemudahan ini telah pun diadakan, langkah-langkah untuk memperbaiki dan menambahkannya hendaklah diambil.        | Rujuk para<br>391 |
| 149. | Kita menerima hakikat bahawa penulisan buku-buku teks patut dijalankan secara liberal bagi mencapai keragaman dan kekayaan bahan yang ditulis. Namun begitu adalah diperakukan bahawa di peringkat rendah buku-buku teks yang digunakan dalam semua aliran persekolahan mestilah dijamin keseragamannya melalui pembentukan satu badan penulis. Melalui terjemahan, buku-buku yang dihasilkan ini hendaklah digunakan di sekolah-sekolah rendah jenis kebangsaan. | Rujuk para<br>394 |
| 150. | Walaupun masalah-masalah besar yang dihadapi dalam pelaksanaan rancangan Sekim Bantuan  | Rujuk para<br>398 |

## SENARAI PERAKUAN-PERAKUAN

Buku Teks kebanyakannya telah diatasi, namun demikian cara pembahagian buku serta sistem pembekalan dan pengedaran yang digunakan hendaklah dinilai dari masa ke semasa supaya prestasi pelaksanaan rancangan bantuan ini dapat ditingkatkan lagi.

151. Untuk mempercepatkan pengeluaran buku-buku teks dalam Bahasa Malaysia bagi sekolah menengah, khasnya untuk Tingkatan VI, adalah diperakukan supaya Biro Buku Teks dipertanggungjawab mengendalikannya segala urusan berhubung dengan pemilihan buku-buku teks dalam bahasa asing dan menterjemahkannya ke dalam Bahasa Malaysia untuk kegunaan sekolah-sekolah menengah atas dan Tingkatan VI. Rujuk para 399
152. Kekurangan kemudahan perpustakaan di sekolah rendah sangatlah jelas dan masalah yang ketara ialah tidak adanya bilik perpustakaan yang tersendiri di kebanyakan sekolah. Oleh itu adalah diperakukan supaya tiap-tiap sekolah dilengkapi dengan bilik/ruang yang sesuai untuk mengadakan kemudahan perpustakaan. Bilik/ruang ini tidak semestinya seragam tetapi perlu fungsional. Rujuk para 402
153. Perpustakaan adalah suatu keperluan bagi tiap-tiap sekolah. Selama ini jika sesebuah sekolah itu mempunyai ruang/bilik khas untuk perpustakaan, perabot untuk perpustakaan ini adalah dibekalkan tetapi untuk sekolah-sekolah yang tidak ada ruang/bilik hanya bantuan kewangan diberikan untuk membeli buku sahaja. Memandangkan bahawa langkah ini tidak memuaskan sama sekali, maka adalah diperakukan sekolah-sekolah ini dibekalkan dengan ruang/bilik yang sesuai serta dilengkapi dengan kemudahan-kemudahan termasuk perabot. Rujuk para 403
154. Memandangkan keadaan yang serba kurang di sekolah-sekolah kecil, adalah diperakukan supaya setiap sekolah kecil dilengkapi dengan kemudahan-kemudahan asas untuk perpustakaan. Ini termasuklah pemberian kewangan permulaan supaya sekolah tersebut dapat melancarkan atau memulakan perpustakaan dengan mengadakan bilangan buku yang berpatutan. Seterusnya sekolah-sekolah kecil hendaklah diberi peruntukan tahunan yang lebih agar bilangan buku tadi dapat ditambah dan diperbesar dari semasa ke semasa. Rujuk para 404 - 405
155. Untuk mengadakan perkhidmatan perpustakaan yang memuaskan, perpustakaan sekolah perlu Rujuk para 406

## SENARAI PERAKUAN-PERAKUAN

- mempunyai bilangan buku yang cukup iaitu untuk sekolah-sekolah rendah sekurang-kurangnya lima buah buku bagi seseorang murid dan untuk sekolah menengah sepuluh buah buku bagi setiap murid. Oleh yang demikian adalah diperakukan Kementerian Pelajaran hendaklah mencari jalan untuk membantu sekolah-sekolah membeli buku-buku perpustakaan dengan lebih mudah dan cepat, khususnya bagi sekolah-sekolah di luar bandar.
156. Peruntukan bagi guru-guru perpustakaan seperti yang dinyatakan dalam Pekeliling Pentadbiran 3/67 kini didapati kurang sesuai lagi. Oleh itu adalah diperakukan supaya Pekeliling ini disemak serta dipinda supaya guru-guru perpustakaan mendapat jumlah waktu yang sewajarnya untuk menguruskan perpustakaan. Dengan ini dapatlah guru itu menumpukan minat dan khidmat ke arah pengurusan perpustakaan yang lebih berkesan. Di samping itu satu garis panduan hendaklah diberikan kepada guru besar agar ia betul-betul memahami bukan saja pentingnya perpustakaan bahkan juga bagaimana perpustakaan itu diuruskan. Rujuk para 408
157. Khidmat yang cekap dan berkesan bergantung kepada kemahiran yang tinggi serta kefahaman yang mendalam mengenai tugas yang dilaksanakan. Dengan demikian adalah diperakukan latihan yang lebih intensif dan mendalam dan mungkin memakan masa yang lebih panjang mengenai pengurusan perpustakaan, hendaklah diberikan kepada guru-guru baik melalui kursus pra khidmat mahupun kursus-kursus dalam perkhidmatan. Rujuk para 409
158. Masalah yang besar hari ini ialah murid-murid tidak gemar membaca. Sebagai satu cara untuk menyelesaikan masalah ini adalah diperakukan supaya satu rancangan yang berterusan dilancarkan untuk membina dan memupuk tabiat suka membaca di kalangan murid-murid. Rancangan ini bolehlah dijalankan melalui projek-projek dan program-program yang disusun oleh guru-guru darjah sendiri. Rujuk para 410
159. Sebagai menghargai murid-murid yang mendapat kejayaan akademik yang cemerlang, adalah diperakukan satu sistem pemberian biasiswa mengikut konsepnya yang sebenar, iaitu berdasarkan kepada kecemerlangan akademik, hendaklah diadakan. Dengan ini semua biasiswa dan bantuan kewangan yang ada sekarang adalah digolongkan sebagai bantuan kewangan. Rujuk para 416
160. Dengan bertambahnya bilangan murid-murid yang layak menerima bantuan kewangan, maka adalah Rujuk para 417

## SENARAI PERAKUAN-PERAKUAN

- diperakukan supaya tambahan peruntukan bagi semua jenis bantuan kewangan bagi murid-murid sekolah hendaklah diadakan.
161. Setiap tahun bilangan permohonan untuk mendapatkan Biasiswa Kecil Persekutuan bertambah, dan urusan memproses permohonan ini mengikut cara lama memakan masa yang panjang serta menimbulkan berbagai kerumitan. Untuk mengatasi masalah ini adalah diperakukan kemudahan komputer digunakan untuk mempercepatkan pemilihan calon-calon yang layak.
162. Memandangkan kepada masalah-masalah yang mungkin timbul akibat dari ketidakselarasan dalam pemberian bantuan kewangan oleh Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri maka adalah diperakukan supaya diwujudkan satu sistem penyalarsan di antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri. Sistem ini juga hendaklah menjamin nilai hadiah yang seragam serta mengelakkan seseorang murid menerima bantuan kewangan dari dua punca. Rujuk para 419
163. Adalah diperakukan cara pengurusan pemberian bantuan kewangan di sekolah-sekolah menengah berasrama penuh seperti yang berjalan sekarang hendaklah diteruskan. Rujuk para 420
164. Untuk membantu murid-murid dalam masalah kewangan di samping memberi galakan dalam pelajaran mereka, adalah diperakukan bahawa murid-murid di sekolah menengah vokasional hendaklah diberikan bantuan kewangan serta lain-lain kemudian sama seperti yang diberikan kepada murid-murid sekolah menengah berasrama penuh. Rujuk para 421
165. Oleh kerana Rancangan Amalan Makanan dan Pemakanan telah dapat menghasilkan peningkatan taraf kesihatan umum, pertumbuhan tubuh badan yang tidak tergendat, pengurangan serangan penyakit dan pertambahan daya pembelajaran murid, maka adalah diperakukan supaya Rancangan Amalan Makanan dan Pemakanan dan khasnya Rancangan Makanan Tambahan diteruskan dan diperbaiki. Rujuk para 430
166. Sebagai gerakan tambahan yang boleh melengkapi usaha ke arah pencapaian objektif Rancangan Amalan Makanan dan Pemakanan, adalah diperakukan bahawa langkah-langkah tertentu diadakan untuk membimbing murid dan ibubapa dan masyarakat supaya menggunakan sumber makanan tem-

## SENARAI PERAKUAN-PERAKUAN

- patan agar pendidikan pemakanan di dalam masyarakat keseluruhannya dapat dipertingkatkan dan penyelesaian masalah pemakanan yang dihadapi dapat dicapai.
167. Dalam usaha untuk meninggikan taraf sekolah-sekolah kecil di luar bandar, adalah diperakukan rancangan pencantuman sekolah-sekolah kecil diteruskan. Pencantuman ini boleh mengambil bentuk pembinaan asrama untuk mengumpulkan murid-murid dari sekolah-sekolah kecil ini. Murid-murid yang boleh berulang ke sekolah dan tidak perlu diberi tempat tinggal di asrama perlu dipertimbangkan untuk bantuan pengangkutan. Bagi sekolah-sekolah ladang, pihak majikan ladang hendaklah turut sama membantu membiayai perbelanjaan pengangkutan murid-murid sekolah yang terlibat dari ladang itu. Rujuk para  
434 - 435
168. Sekiranya ada terdapat sekolah-sekolah yang tidak boleh dicantumkan, maka sekolah-sekolah ini hendaklah dibiarkan demikian tetapi agar sekolah-sekolah ini tidak rugi dan ketinggalan, maka adalah diperakukan pertimbangan khas diberi untuk membekalkan sekolah-sekolah ini dengan peruntukan guru yang lebih dan segala kemudahan yang lain termasuk kemudahan-kemudahan fizikal, dan bahan-bahan kurikulum supaya pencapaiannya nanti tidak jauh berbeza dengan sekolah-sekolah yang maju. Rujuk para  
434 - 435
169. Dengan adanya kesedaran bahawa Kerajaan seharusnya bertanggungjawab terhadap pendidikan kanak-kanak cacat, adalah diperakukan Kerajaan hendaklah mengambilalih sepenuhnya tanggungjawab pendidikan itu dari pihak-pihak persatuan yang mengendalikannya pada masa ini. Di samping itu penyertaan oleh badan-badan sukarela dalam memajukan pendidikan kanak-kanak cacat hendaklah terus digalakkan. Rujuk para  
458
170. Untuk menolong menghapuskan beberapa kerumitan yang kini dihadapi dalam rancangan pendidikan kanak-kanak pekak, adalah diperakukan Kementerian Pelajaran hendaklah mengadakan satu unit bergerak untuk mengawasi penggunaan dan membaiki alat-alat kelengkapan di sekolah-sekolah kanak-kanak pekak. Bilik khas juga hendaklah dibina sesuai dengan keperluan pendidikan di sekolah-sekolah itu. Rujuk para  
440 - 441
171. Kemampuan kanak-kanak pekak di bidang pelajaran memang terhad. Untuk menolong mereka mengatasi rintangan-rintangan pembelajaran ini, Rujuk para  
443



## SENARAI PERAKUAN-PERAKUAN

adalah diperakukan bahawa mereka dibenarkan memulakan persekolahan mereka sebelum berumur enam tahun agar masa persekolahan yang lebih lama itu dapat digunakan untuk latihan-latihan bertutur pada awal-awal lagi.

172. Oleh kerana keadaan mengenai pendidikan murid-murid buta yang diadakan sekarang tidak mencukupi dan tidak begitu sempurna, adalah diperakukan:-
- (a) Kerajaan menambahkan lagi kemudahan bagi pendidikan murid-murid buta.
  - (b) Membina bilik sumber dan kegiatan yang sempurna di sekolah-sekolah yang mengendalikan pendidikan murid-murid itu.
173. Langkah untuk menyediakan kemudahan braille untuk pendidikan murid-murid buta memerlukan kelengkapan dan kepakaran yang khusus, oleh itu adalah diperakukan Kementerian Pelajaran mengadakan satu unit khas untuk mengatasi masalah percetakan buku-buku braille dan juga untuk memperbaiki alat braille yang rosak.

Rujuk para  
445

Rujuk para  
447

## HUJUNGAN I

### SENARAI MAKNA PERKATAAN

- |  |   |   |
|--|---|---|
| 1. Afektif<br>— sifat-sifat<br>— ciri-ciri<br>— bidang | — | Sesuatu yang meliputi emosi, sentimen, perasaan, sikap, semangat dan yang seumpamanya.  |
| 2. Age of Freedom                                      | — | Paras umur apabila kanak-kanak diberi kebebasan daripada jagaan ibubapa.  |
| 3. Aneka Jurusan                                       | — | Satu rancangan pelajaran meliputi bidang mata pelajaran pilihan dan pendidikan umum.  |
| 4. Anjal   | — | Boleh diubahsuai.   |
| 5. Asas kemahiran amali                                | — | Dasar atau permulaan kecekapan praktikal.   |
| 6. Awetan (to preserve)                                | — | Suatu kaedah menyimpan supaya makanan tahan lama dan tidak mudah busuk.   |
| 7. Bahan pandang dengar                                | — | Alat bantu mengajar yang berasaskan deria pemerhatian dan pendengaran, seperti pita, slaid, gambar dan lain-lain.   |
| 8. Bengkel seni perusahaan                             | — | Bilik-bilik amali bagi mata pelajaran Seni Perusahaan yang dilengkapi dengan alat-alat dan mesin untuk pengajaran pertukangan kayu, pertukangan logam dan sebagainya. |
| 9. Belajar cara pos                                    | — | Belajar melalui pos. Nota pelajaran dikirim melalui pos.  |
| 10. Berkeperibadian seimbang                           | — | Perimbangan pengetahuan dan sahsiah dalam/antara bidang sastera dan bidang sains.   |

- |   |   |  |
|---|---|--|
| 11. Bertatasusila                                   | — | Berbudi pekerti yang baik, ber-sopan santun.   |
| 12. Biasiswa dan Derma-siswa Perguruan Per-sekutuan | — | Bantuan kewangan yang diberi kepada bakal guru dan guru-guru terlatih untuk mendapatkan latihan ikhtisas dan akademik di insti-tusi-institusi pelajaran tinggi.            |
| 13. Bidang afektif                                  | — | Bidang emosi, sentimen, perasaan, sikap, semangat dan yang se-umpamanya.   |
| 14. Bidang kognitif                                 | — | Bidang akal, daya/tenaga pemikir-an.   |
| 15. Bidang Psikomotor                               | — | Bidang jasmani.  |
| 16. Braille   | — | Lambang-lambang nombor dan abjad yang timbul untuk orang buta yang boleh dirasai dengan jari.  |
| 17. Caretaker schools                               | — | Sekolah yang memberikan ke-mudahan-kemudahan penyimpa-nan kepada sebuah sekolah baru yang sedang dibina sementara me-nunggu sekolah tersebut siap.                         |
| 18. Ciri-ciri unggul                                | — | Sifat-sifat yang dicita-citakan atau yang diharap-harapkan oleh se-luruh masyarakat.   |
| 19. Data asas pelajaran                             | — | Butir-butir perangkaan yang boleh digunakan sebagai asas dalam pe-rancangan pelajaran misalnya pe-rangkaan bilangan guru yang ter-latih, bilangan sekolah dan se-bagainya. |
| 20. Dihayati  | — | Dipupuk dan dikembangkan.  |
| 21. Dimansuhkan                                     | — | Dihapuskan, dibatalkan.  |
| 22. Dipertingkatkan                                 | — | Ditambah lagi, dinaikkan lagi.   |
| 23. Elektif (matapelajaran)                         | — | Matapelajaran pilihan.   |
| 24. Emosi   | — | Rasa hati, perasaan.   |
| 25. <i>Espirit de corps</i>                         | — | Perasaan kekitaan.   |
| 26. Etika   | — | Tatasusila ikhtisas.   |
| 27. Fluoride  | — | Sejenis bahan kimia yang dicam-purkan ke dalam bekalan air mi-numan untuk menjaga kesihatan gigi.  |

- |     |   |   |  |
|-----|---|---|--|
| 28. | Formatif<br>- Ujian<br>- Penilaian            | - | Ujian yang bertujuan memperbaiki kelemahan-kelemahan sama ada di pihak murid atau program yang dilaksanakan dengan berpandukan kepada keputusan-keputusan ujian yang dijalankan semasa program-program tersebut masih dalam pelaksanaan. |
| 29. | Fungsional                                    | - | Memenuhi serta menepati keperluan.   |
| 30. | Hippies                                       | - | Segolongan individu dalam masyarakat moden yang hidup sebebaskan tanpa terikat kepada pertimbangan moral dan kerukunan hidup manusia sejagat.  |
| 31. | Hukuman dera                                  | - | Denda dengan cara memukul.   |
| 32. | Ilmu Hisab tradisional                        | - | Mata pelajaran Ilmu Hisab yang diajar mengikut sukatan pelajaran lama yang dikeluarkan dalam tahun 1956.   |
| 33. | Kanak-kanak spastik                           | - | Kanak-kanak yang cacat anggota dan urat sarafnya.  |
| 34. | Kebudayaan kuning                             | - | Unsur-unsur amalan yang bercanggah dengan kemurnian nilai akhlak dan tradisi masyarakat setempat.  |
| 35. | Kelaparan tidak ketara                        | - | keadaan kelaparan yang disebabkan oleh kekurangan zat-zat makanan yang diperlukan.   |
| 36. | Kelas Peralihan                               | - | Kelas persediaan selama setahun untuk murid-murid sekolah rendah dari sesuatu aliran bahasa yang akan memasuki sekolah menengah yang menggunakan bahasa pengantar yang lain.   |
| 37. | Kelas Rendah Paduan,<br>Kelas Menengah Paduan | - | Kelas yang mengandungi murid-murid biasa dan murid-murid pekak di sekolah rendah/menengah.   |
| 38. | Kemahiran asas                                | - | Kemahiran dasar atau kecekapan permulaan di dalam sesuatu bidang matapelajaran.  |
| 39. | Kemampuan penaakulan                          | - | Kebolehan seseorang itu untuk  |

		memahami dan seterusnya membuat tanggapan.
40.	Keperibadian	- Sifat-sifat diri individu.
41.	Keutuhan peperiksaan	- Kesempurnaan peperiksaan yang tidak boleh dipertikaikan lagi.
42.	Kognitif:	- Bidang akal.
	- aspek	
	- bidang	
43.	Ko-kurikulum	- Bidang pengajian luar bilik darjah atau yang tidak formal.
44.	Konflik	- Pertelingkahan, pertentangan.
45.	Kuasa tempatan	- Kuasa-kuasa membuat keputusan berkait dengan dasar diserahkan sepenuhnya kepada Jabatan Pelajaran Negeri.
46.	Kursus Matrikulasi	- Kursus persediaan untuk masuk ke universiti.
47.	Kursus pengajian	- Peraturan-peraturan dan sukatan pelajaran sesuatu matapelajaran.
48.	Kursus pra-khidmat	- Kursus-kursus yang diadakan untuk bakal-bakal guru yang sedang dalam latihan dan belum memasuki perkhidmatan pelajaran.
49.	Latihan asas	- Latihan awal, dasar atau permulaan.
50.	Liberal	- Tidak terikat kepada tradisi.
51.	Lingua Franca	- Bahasa perhubungan utama.
52.	Maklumbalik	- Pelbagai data atau maklumat yang didapati hasil daripada satu-satu kajian, tinjauan, ujian atau percubaan.
53.	Mata pelajaran amali	- Bidang pelajaran yang memberi latihan dan pengalaman praktikal di dalam sesuatu kemahiran.
54.	Matapelajaran elektif	- Matapelajaran pilihan
55.	Mass-media	- Alat perantaraan, alat sebaran am, alat perhubungan awam.
56.	Masyarakat progresif	- Masyarakat yang maju.
57.	Maujud	- Sungguh ada, benar-benar ada,

		konkerit, benda yang boleh dipegang.
58.	Memenfaatkan	- Menggunakan, mendapat faedah.
59.	Mirip	- Hampir serupa, mendekati.
60.	Mesin Braille	- Mesin taip khas untuk menaip lambang-lambang nombor dan abjad untuk orang-orang buta.
61.	Mujarad	- Abstrak, tidak nampak dan tidak dapat dirasa.
62.	Nisbah	- Kadar
63.	Norma-borma sosial	- Paras pelakuan atau nilai sosial yang diterima oleh masyarakat.
64.	Package deal	- Beberapa projek pembangunan fizikal yang digabung dan diserahkan kepada satu badan perunding/pemborong, terutama di peringkat negeri.
65.	Pegawai-pegawai ikhtisas	- Pegawai-pegawai di dalam Perkhidmatan Pelajaran.
66.	Pegawai-pegawai tadbir	- Pegawai-pegawai di dalam Perkhidmatan Tadbir dan Diplomatik.
67.	Pelajaran Lanjutan	- Pelajaran untuk orang-orang yang telah lebih umurnya yang diadakan di luar waktu persekolahan di sekolah-skolah kerajaan.
68.	Pelalian	- Bahan dadah yang digunakan dalam bidang perubatan supaya pesakit tidak sedarkan diri untuk sementara waktu.
69.	Pengajaran pemulihan	- Sesuatu pengajaran yang bertujuan untuk memulihkan kelemahan murid dalam sesuatu bidang mata-pelajaran.
70.	Pengkhususan	- Pembelajaran yang lebih mendalam dalam sesuatu bidang tertentu.
71.	Peperiksaan Penilaian Darjah V	- Peperiksaan awam bagi mengukur kecapaian murid-murid di sekolah rendah.

- |     |                                     |   |   |
|-----|-------------------------------------|---|---|
| 72. | Peraturan Kursus Pengajian          | - | Garis panduan mengenai penentuan masa dan matapelajaran yang diajarkan di sekolah-sekolah.  |
| 73. | Perhubungan kuantitatif             | - | Melahirkan fikiran melalui lambang-lambang nombor.  |
| 74. | Perkembangan estatika               | - | Membentuk sifat-sifat menghargai nilai-nilai keindahan dan kemurnian.   |
| 75. | Perkhidmatan bimbingan              | - | Perkhidmatan untuk memandu dan menasihati sekolah-sekolah dalam hal-hal pelajaran, pengurusan dan pentadbiran.  |
| 76. | Perkhidmatan bimbingan dan kerjaya  | - | Khidmat untuk memberi penasihatan pelajaran dan peribadi, dan memberi maklumat mengenai alam pekerjaan.   |
| 77. | Perwatakan                          | - | Sahsiah, sifat lahiriah seseorang individu, personaliti.  |
| 78. | Pusat kegiatan teknologi pendidikan | - | Satu tempat di mana kegiatan-kegiatan berkaitan dengan rancangan bantu mengajar dijalankan, dan tempat mengumpul bahan-bahan bantu mengajar untuk dipinjamkan kepada guru-guru sekolah. |
| 79. | Rancangan alam pendidikan           | - | Satu rancangan televisyen yang dikelola oleh Bahagian Perkhidmatan Sebaran Pendidikan mengandungi tajuk-tajuk darihal pendidikan yang am.   |
| 80. | Rancangan alihbahasa                | - | Rancangan penukaran bahasa pengantar dari bahasa Inggeris ke Bahasa Malaysia.   |
| 81. | Sekolah bantuan penuh               | - | Sekolah-sekolah yang dibiayai sepenuhnya oleh Kerajaan.   |
| 82. | Sekolah dua sidang                  | - | Sekolah yang mengadakan persekolahannya di sebelah pagi dan juga petang.  |
| 83. | Sekolah-sekolah swasta              | - | Sekolah yang dibiayai oleh orang perseorangan atau syarikat perendirian.  |
| 84. | Separa ikhtisas                     | - | Pegawai-pegawai golongan pertengahan yang mahir di bidang-bidang tertentu.  |

85. **Setingan** - Orang-orang yang tinggal secara haram di kawasan tanah yang bukan hak milik mereka.
86. **Sifat-sifat semula jadi** - Sifat-sifat asal.
87. **Sistem pengurusan pusat** - Satu sistem pengurusan di mana semua keputusan berkaitan dengan membuat dasar dan melaksanakannya dibuat di Kementerian Pelajaran dan kemudian disalurkan ke Jabatan-Jabatan Pelajaran Negeri.
88. **Sistem pensijilan** - Cara-cara pemberian markah dan penulisan keputusan ujian dalam sijil.
89. **Sistem simpanan dan dapatan balik** - Satu peraturan yang rapi untuk menyusun satu kumpulan data supaya memudahkan data-data itu disimpan dan dikeluarkan balik apabila dikehendaki.
90. **Soalan objektif aneka pilihan** - Bentuk ujian yang diberi beberapa jawapan, di antara jawapan-jawapan itu hanya satu sahaja yang tepat atau betul untuk dipilih oleh calon-calon.
91. **Spastik** - Orang yang cacat anggota tubuh badan.
92. **Spontan** - Sesuatu yang berlaku atau dijalankan serta-merta dengan tidak ada perancangan sebelumnya.
93. **Standard Plan** - Pelan untuk bangunan-bangunan sekolah serta bilik-biliknya untuk berbagai kegunaan yang serupa untuk semua sekolah.
94. **Suasana pengajaran dan pembelajaran** - Keadaan dalam bilik darjah termasuk perhubungan guru dengan murid, bahan-bahan pembelajaran dan organisasi pengajaran.
95. **Sumatif** - Ujian untuk mengetahui pencapaian murid-murid keseluruhannya yang diperolehi di akhir pendudukan kepada sesuatu program dan ujian itu dikenakan di akhir sesuatu program itu.
96. **Sumber** - Punca.



97. Taakul (bertaakul) - Pengertian, kebolehan berfikir dengan logik, pertimbangan yang teliti.
98. Tatacara birokratik - Tatakkerja mengikut cara-cara serta saluran-saluran tertentu dan berperingkat-peringkat mengikut peraturan yang telah ditetapkan.
99. Tawaran Pilihan - Tawaran yang diberikan kepada pemborong-pemborong yang mempunyai rekod kerja yang baik dan dijangka dapat memberikan hasil kerja yang bermutu tinggi.
100. Teknik pandang dengar - Cara-cara mengajar yang menggunakan bahan-bahan/alat-alat pandang dengar.
101. Tidak fungsional - Tidak memenuhi keperluan yang dikehendaki/dimaksudkan.
102. Timbal balik - Hubungan yang saling berbalas di antara kedua-dua pihak atau lebih.
103. Tindak-ikut - Langkah-langkah seterusnya, langkah-langkah susulan.
104. Ujian Diagnostik Darjah III - Ujian-ujian yang dibina untuk mengesan kelemahan-kelemahan murid bagi maksud pengajaran pemulihan.
105. Ujian kecapaian - Ujian kebolehan untuk menentukan tahap pencapaian.
106. Ujian Kelayakan - Peperiksaan untuk menentukan kelayakan seseorang calon bagi mengambil Peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia/Malaysia Certificate of Education.
107. Ujian Rujukan Kriteria - Ujian untuk mengesan bidang-bidang kelemahan murid di dalam sesuatu matapelajaran dengan menggunakan norma-norma tertentu sebagai asas.
108. Value judgement - Kebolehan menelaah, kemampuan membuat penentuan yang tepat.

## HUJUNGAN 2

### KEANGGOTAAN JAWATANKUASA PEGAWAI-PEGAWAI

1. YB. Dato' Ab. Kadir bin Talib, — Pengerusi  
Ketua Setiausaha,  
Kementerian Pelajaran.
2. YB. Tan Sri Hj. Hamdan Sheikh Tahir, — Naib  
Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia. Pengerusi
3. Ketua Pengarah,  
Jabatan Perkhidmatan Awam.
4. Ketua Setiausaha,  
Perbendaharaan Malaysia.
5. Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran  
Malaysia.
6. Ketua Pengarah,  
Bahagian Perancang Ekonomi,  
Jabatan Perdana Menteri.
7. Ketua Setiausaha,  
Kementerian Perancangan Am dan  
Penyelidikan Sosio Ekonomi.
8. Ketua Setiausaha,  
Kementerian Perdagangan dan Perindustrian.
9. Ketua Setiausaha,  
Kementerian Pertanian dan  
Pembangunan Luar Bandar.

10. Ketua Setiausaha,  
Kementerian Kesihatan.
11. Ketua Setiausaha,  
Kementerian Perhubungan.
12. Ketua Setiausaha  
Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat.
13. Ketua Setiausaha,  
Kementerian Kerjaraya dan Pengangkutan.
14. Pengarah,  
Bahagian Penyelarasan,  
Pelaksanaan dan Kemajuan Pentadbir,  
Jabatan Perdana Menteri.
15. Timbalan Ketua Setiausaha,  
Kementerian Pelajaran.
16. Ketua Setiausaha,  
Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.
17. Setiausaha Kerajaan Negeri Sarawak.
18. Pengarah Perjawatan  
Kerajaan Negeri Sabah.
19. Ketua Pengarah  
Lembaga Perpaduan Negara.
20. Naib Canselor,  
Universiti Malaya.
21. Naib Canselor,  
Universiti Kebangsaan Malaysia.
22. Naib Canselor,  
Universiti Sains Malaysia.
23. Naib Canselor,  
Universiti Pertanian Malaysia.
24. Naib Canselor  
Universiti Teknologi Malaysia.

- |     |   |   |                        |
|-----|---|---|------------------------|
| 25. | YB. Dato' Abd. Rahman Hj. Arshad<br>Pengarah Perancangan dan<br>Penyelidikan Pelajaran.       | — | Setiausaha             |
| 26. | Encik Ishak bin Hashim,<br>Penolong Pengarah Penilaian, BPPP.<br>(Hingga 30.5.75)             | — | Penolong<br>Setiausaha |
| 27. | Encik Mohd. Nashir b. Hj. Ibrahim,<br>Penolong Pengarah Penyelidikan, BPPP.<br>(Mulai 1.6.75) | — | Penolong<br>Setiausaha |
| 28. | Encik Eddy Chung,<br>BPPP, Kementerian Pelajaran.   | } | Urusetia               |
| 29. | Encik Wan Abd. Aziz bin W. Hamzah,<br>BPPP, Kementerian Pelajaran.                            |   |                        |
| 30. | Encik Mohd. Noh Bidin,<br>BPPP, Kementerian Pelajaran.  |   |                        |
| 31. | Encik Ashaari Che Mat,<br>BPPP, Kementerian Pelajaran.  |   |                        |
| 32. | Encik Ahmad Mohd. Said,<br>BPPP, Kementerian Pelajaran.                                       |   |                        |
| 33. | Encik Yusoff Hj. Hamzah,<br>BPPP, Kementerian Pelajaran.                                      |   |                        |
| 34. | Puan Hamidah bt. Othman,<br>BPPP, Kementerian Pelajaran.                                      |   |                        |
| 35. | Encik Lee Meow Fatt.<br>BPPP, Kementerian Pelajaran.  |   |                        |
| 36. | Encik Abdullah Sani Abdul Ghani,<br>BPPP, Kementerian Pelajaran.                              |   |                        |
| 37. | Encik Mohyani Razikin,<br>BPPP, Kementerian Pelajaran.  |   |                        |

38. Encik Mohd. Nasir Hj. Mohd. Som,  
BPPP, Kementerian Pelajaran.

39. Encik Abu Samah Hj. Abu Kasih,  
BPPP, Kementerian Pelajaran.



Urusetia

### HUJUNGAN 3

#### KEANGGOTAAN JAWATANKUASA KECIL TENAGARAKYAT

1. YB. Dato' Haji Murad bin Mohd. Noor, — Pengerusi  
Kementerian Pelajaran.
2. Dato' (Dr) Arshad Ayub, — — Pengerusi  
Bank Negara. Gantian
3. Encik Abd. Latiff Sahan,  
Kementerian Pelajaran.
4. Encik Ali Abul Hassan Sulaiman/  
Cik Serjeet Kaur,  
Unit Perancang Ekonomi.
5. Encik Shamsul Baharin Mat Akas,  
Jabatan Perkhidmatan Awam.
6. Cik Dorothy Zachrias Fernandez,  
Jabatan Perangkaan.
7. Encik Annuar b. Ab. Latiff,  
Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat.
8. Dr. Raja Ahmad Noordin b. Raja Shahbuddin/  
Dr. J. Varughese,  
Kementerian Kesihatan.
9. Cik Nurhayati bt. Mohamad,  
Kementerian Perancangan Am dan Penyelidikan  
Sosio-Ekonomi.

10. Encik Abdullah Hj. Ahmad,  
Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.
  11. Encik Othman b. Baba,  
Kementerian Perdagangan dan Perindustrian.
  12. Encik Abu Kassim Hj. Mohamad/  
Encik Arshad Mursidi,  
Pusat Daya Pengeluaran Negara.
  13. Dr. Abd. Halim Hj. Ismail,  
Universiti Kebangsaan Malaysia.
  14. Dr. Lee Hock Lock,  
Universiti Malaya.
  15. Prof. Sharom Ahmat,  
Universiti Sains Malaysia.
  16. Dr. Redzuan Abd. Rahman/  
Encik Abdul Aziz Yahya,  
Universiti Pertanian Malaysia.
  17. Encik Tik bin Mustapha,  
Institut Teknologi Kebangsaan.
  18. Encik Eddy Chung,  
BPPP, Kementerian Pelajaran.
  19. Encik Mohd. Nashir b. Hj. Ibrahim,  
BPPP, Kementerian Pelajaran.
  20. Encik Abdullah Sani b. Ab. Ghani,  
BPPP, Kementerian Pelajaran.
  21. Encik Abu Samah b. Hj. Abu Kasah,  
BPPP, Kementerian Pelajaran.
- } Urusetia

## HUJUNGAN 4

### JAWATANKUASA KECIL TENAGA RAKYAT AHLI-AHLI KUMPULAN KERJA A

1. Datuk (Dr.) Arshad bin Ayub, — Pengerusi  
Timbalan Gabenor Bank Negara,  
Malaysia.
2. Encik Abdul Latiff bin Sahan,  
Kementerian Pelajaran.
3. Encik Abdullah bin Haji Ahmad,  
Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.
4. Encik Ali Abul Hassan bin Sulaiman,  
Unit Perancang Ekonomi,  
Jabatan Perdana Menteri.
5. Encik Mohd. Wahidudin bin Abdul Wahab,  
Kementerian Kebudayaan,  
Belia dan Sukan.
6. Encik Aziz bin Yahya,  
Universiti Pertanian Malaysia.
7. Dr. Lee Hock Lock,  
Fakulti Ekonomi dan Pentadbiran,  
Universiti Malaya.
8. Cik Dorothy Zachrias Fernandez,  
Bahagian Banci dan Demografi,  
Jabatan Perangkaan.
9. Puan Nurhayati binti Mohamed,  
Kementerian Perancang Am dan  
Penyelidikan Sosio-Ekonomi.



10. Encik Rosti bin Saruwono,  
Institut Latihan Perindustrian,  
Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat.
  11. Encik Othman bin Baba,  
Bahagian Perindustrian,  
Kementerian Perdagangan dan  
Perindustrian.
  12. Dr. Lee Fah Onn,  
Institut Teknologi MARA.
  13. Encik Ong Kim Huah,  
Institut Teknologi MARA.
  14. Encik Mohd. Nawi bin Salleh,  
Institut Teknologi MARA.
  15. Encik Eddy Chung,  
Bhg. Perancangan dan Penyelidikan Pelajaran,  
Kementerian Pelajaran.
  16. Encik Abu Samah bin Haji Abu Kaseh,  
Bhg. Perancangan dan Penyelidikan Pelajaran,  
Kementerian Pelajaran.
- } Urusetia

## HUJUNGAN 5

### JAWATANKUASA KECIL TENAGA RAKYAT AHLI-AHLI KUMPULAN KERJA B

1. YB. Dato' Haji Murad b. Mohd. Noor, — Pengerusi  
Kementerian Pelajaran.
2. Prof. Sharom b. Ahmat, — Naib Pengerusi  
Universiti Sains Malaysia.
3. Dr. Awang Had Salleh,  
Universiti Malaya.
4. Dr. Fatimah Hamidon,  
Universiti Malaya.
5. Dr. Abdul Halim Haji Ismail/Tuan Syed Othman Alhabshi,  
Universiti Kebangsaan Malaysia.
6. Dr. Redzuan b. Abdul Rahman,  
Universiti Pertanian Malaysia.
7. Encik Tik B. Mustapha (hingga akhir May, 1975),  
Universiti Teknologi Malaysia.
8. Encik Johari b. Hassan,  
Institut Teknologi MARA.
9. Encik Ali Abul Hassan Sulaiman/Puan Serjeet Kaur,  
Unit Perancang Ekonomi,  
Jabatan Perdana Menteri.
10. Encik Shamsul Baharin b. Mat Akas,  
Jabatan Perkhidmatan Awam.
11. Encik Annuar b. Abdul Latiff,  
Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat.

12. Dr. J. Varughese,  
Kementerian Kesihatan.
  13. Encik Abu Kassim b. Haji Mohamad/  
Encik Arshad b. Marsidi,  
Pusat Daya Pengeluaran Negara.
  14. Encik Chew Tow Yow,  
Pusat Perkembangan Kurikulum,  
Kementerian Pelajaran.
  15. Encik Mohd. Khalid b. Md. Halim,  
(hingga akhir April, 1975).  
  
Encik Hashim b. Mydin (mulai 5hb. Mei, 1975)  
Lembaga Peperiksaan,  
Kementerian Pelajaran.
  16. Encik Murugesu/Encik Mohd. Rafik Khan,  
Bhg. Pelajaran Teknik dan Vokasional,  
Kementerian Pelajaran.
  17. Encik Mohd. Nashir b. Haji Ibrahim,  
(hingga akhir April, 1975)  
Bhg. Perancangan & Penyelidikan Pelajaran,  
Kementerian Pelajaran.
  18. Encik Abdullah Sani b. Hj. Ab. Ghani,  
Bhg. Perancangan dan Penyelidikan Pelajaran,  
Kementerian Pelajaran.
- } Urusetia

## HUJUNG 6

### KEANGGOTAAN JAWATANKUASA KECIL PERPADUAN

1. Tuan Syed Zainal Abidin b. S.A.M. Jamalullail,  
Lembaga Perpaduan Negara,  
Jabatan Perdana Menteri. — Pengerusi
2. Encik Ali b. Esa,  
Bahagian Penyelarasan dan  
Kemajuan Pentadbiran,  
Jabatan Perdana Menteri. — Naib Pengerusi
3. Y.M. Raja Zainal Abidin Zahid,  
Suruhanjaya Perkhidmatan Awam.  
(Hingga 23 Jun 1975).
4. Cik Asiah bt. Abu Samah,  
Pusat Perkembangan Kurikulum,  
Kementerian Pelajaran.
5. Encik Wong Mook Leong,  
Peguambela dan Peguamcara,  
Kuala Lumpur.
6. Encik Amir b. Yaacob/  
Y.M. Tg. Mustapha b. Tg. Mohamed,  
Majlis Keselamatan Negara.
7. Dr. Francis Wong,  
Universiti Malaya.
8. Encik Ismail b. Haji Zain,  
Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.
9. Encik Omar b. Osman,  
Kementerian Pelajaran.

10. Puan Nurhayati bt. Mohamed,  
Kementerian Perancang Am dan  
Penyelidikan Sosio-Ekonomi.  
(mulai 23 Jun 1975).
  11. Encik Bernard Lu,  
Lembaga Perpaduan Negara,  
Jabatan Perdana Menteri.
  12. Encik Ruslan b. Ahmad,  
Lembaga Perpaduan Negara,  
Jabatan Perdana Menteri.
  13. Puan R. Bhupalan,  
Guru Besar,  
Sekolah Menengah Perempuan Methodist,  
Kuala Lumpur.
  14. Encik Gurnam Singh,  
Guru Besar,  
Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Inggeris)  
Jalan Shaw,  
Kuala Lumpur.
  15. Encik Wan Abdul Aziz b. Wan Hamzah,  
Bhg. Perancangan dan Penyelidikan Pelajaran,  
Kementerian Pelajaran,
  16. Encik Mohd. Noh b. Bidin,  
Bhg. Perancangan dan Penyelidikan Pelajaran,  
Kementerian Pelajaran.
  17. Encik Lee Meow Fatt,  
Bhg. Perancangan dan Penyelidikan Pelajaran,  
Kementerian Pelajaran.
  18. Encik Ashaari b. Che Mat,  
Bhg. Perancangan dan Penyelidikan Pelajaran,  
Kementerian Pelajaran.
  19. Encik Ahmad b. Mohd. Said,  
Bhg. Perancangan dan Penyelidikan Pelajaran,  
Kementerian Pelajaran.
- } Urusetia

## HUJUNGAN 7

### SENARAI TAJUK DAN PENULIS MEMO-MEMO YANG DITERIMA

BIL.	TAJUK	NAMA PENULIS & ALAMAT
1	The Implementation of Bahasa Malaysia Policy of the University of Malaya	Teoh Cheng Chooi, 36, Jalan SS 3152, Sungai Way, Subang, Selangor.
2	The Education Review	Yat Leng Ho, Form 5 (Five Science) 1973, M.B.S. Sentul, Kuala Lumpur.
3	Views on Educations in Malaysia	Leong Keng Fatt, 12 Malay Street, Klang, Selangor.
4	Pandangan yang dibincang oleh guru-guru	Jit Singh, Ladang Merdeka, Pontian, Johor.
5	Memorandum Pelajaran	Buang bin Haji Awang, 82-A Kampung Tuanku Putra, Kulim, Kedah.
6	Views on Education Policy	Chin Swee Eng, B201, Batu 4, Ipoh, Kuala Lumpur.
7	Views on Education System	V. Arumugam, 79 Cheras Road, Kuala Lumpur.
8	Personal Opinion	- Tanpa Nama -
9	Personal Opinion	- Tanpa Nama -
10	Latihan Tenaga Rakyat-Disiplin	Mohd. Ramli Mohd. Noh, Kuala Lumpur.
11	Memorandum Kajian Pelaksanaan Dasar Pelajaran	Osman bin Ismail, 297 Jalan Masjid, Kuala Brang, Trengganu.
12	Percadangan Daripada Wakil Pusat Persatuan Penjaja dan Perniagaan runcit Semenanjung Malaysia	Kan Pan Kuan Chew Ming.

BIL.	TAJUK	NAMA PENULIS & ALAMAT
13	Public Opinion on Future Education	A. Balaratnum, 3½ Miles Ipoh Road, Kuala Lumpur.
14	Special Education	Chua Tee Tee, Pensyarah Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya.
15	Cadangan-cadangan tentang implementasi Policy Pelajaran	S. Sithanbaram, Pengerusi Majlis Guru-Guru Besar, Sekolah Tamil, Segamat, Johor.
16	Dasar Pelajaran	Jamaludin bin Din, AMN, Gula Perak Berhad, Pantai Remis, Dinding, Perak.
17	Pelajaran Islam	Haji Mohd. Khalil bin Haji Ashaari, Parit Baru, Sabak Bernam, Selangor.
18	Cukai Pelajaran 0.5 Peratus kepada semua pihak tiap-tiap bulan	Mahadi Omar 131, Jalan Menara, Kem Terendak, Melaka.
19	Tiada	Tanpa Nama & Alamat
20	National Unity and Schools	H.F.O., 'B, FRAILL, J.P., Bukit Blebo, Batang Berjuntai, Selangor.
21	Perlaksanaan Suruhanjaya Aziz	Yazit b. Hassan JPJ/PF, 6882/M Sekolah Dato Penggawa Barat, Pontian, Johor.
22	Matapelajaran Teknik dan Vokasional bagi Calon-calon Persendirian	Abdu Hamid b. Nor Mohamad, 56, Kawasan Miel, Phase 4, Shah Alam, Selangor.
23	Laporan Gaji Aziz	Jit Singh, T. M. I. S. (Ing.) Pontian.
24	Public Views on Education System	Amjama Koshy, 104, Jalan Dato, Kuala Kangsar, Perak.
25	Kedudukan Pelajaran Cina Dalam Sistem Pelajaran	Nga Nguk Lean, Sitiawan, Perak.
26	Formation of a State Public School	Tunku Ahmad bin Tunku Yahya, 4 Jln. Sandang, P.O. Box 66, Petaling Jaya.
27	Views on Teachers, Students and Parents	Dato' Capt. Mohamed Ali, Istana Abu Bakar, Pekan, Pahang.

BIL.	TAJUK	NAMA PENULIS & ALAMAT
28	Pandangan Mengenai Sistem Pelajaran Kebangsaan	Dr. Haji Megat Khas, 9 Jalan Foo Yat Kai, Ipoh, Perak.
29	Laporan Jawatankuasa Mengkaji semula sistem pelajaran Malaysia	Tunku Datuk Shahrizan b. Tunku Sulaiman, Ketua Pengerah ICDAU, Jab. Perdana Menteri, Kuala Lumpur.
30	Skim Gaji Guru Besar Mengikuti Gred Sekolah	Rafie b. Mat Salleh, 389 Majlis Tempatan, Jelawat, Kelantan.
31	Research in Education	Sarojah Selvaneyagam, N/V Jalan Carey, Petaling Jaya.
32	Teacher Education	Francis Wong, Professor Madya, Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya.
33	The Implementation of the Education Policy	C. Appoo, No. 5B Jalan Aji, Segamat, Johor.
34	School Review	Gan Leong Keong, Sekolah Rendah Sri Mersing, Mersing, Johor.
35	Masalah kekurangan Kelas/Guru	Sadasiah Hussin, Kampung Kemunting, Karangan, Kulim, Kedah.
36	Memo to the Fed. Minister for Education and The Cabinet Committee on Education	Dato Stephen Yong, Board of Management, Kuching Chung Hua Middle School 1, 3 & 4.
37	Some observations on the implementation of our National Education Policy	Francis Wong, Professor Madya, Fakulti Pendidikan, University Malaya.
38	Pandangan atas soal-soal Persekolahan dan Pelajaran	Datuk Wan Mohamad bin Yusoff, No. 3926H Jalan Telipot, Kota Bharu, Kelantan.
39	Syor-syor untuk Pertimbangan Jawatankuasa Kabinet Pelaksanaan Dasar	Tang Chee Yee, Sekolah Menengah Tengku Ahmad, Tanah Rata, Cameron Highland, Pahang.
40	Medium of Instruction, Moral and Ethics and Future Career	Son of Malaysia.



BIL.	TAJUK	NAMA PENULIS & ALAMAT
41	Beberapa Pengesyuran Dalam Pelaksanaan Dasar Pelajaran	Abdullah Al-Qasi, Perpustakaan Al-Qasi P-121 Kenali, Kota Bharu, Kelantan.
42	Keputusan Mesyuarat Perwakilan KGMMB 3 dan 4 Ogos, 1974	Ab. Manan Mohd. Noh, Setiausaha Agung K.G.M.M.B., 89 D-1 Jalan Raja Muda, Kuala Lumpur.
43	Semangat Islam dalam Sistem Pelajaran	- Tanpa Nama & Alamat
44	Sekolah dan Pelajaran Tamil	S. Peramasiwam, Ladang Jenderata Bhg. 1, Telok Anson, Perak.
45	Usul-usul untuk Pertimbangan Jawatankuasa	Yong Kok Keong, 31, Jalan Haji Yusoff (Belakang) Housing Trust, Jalan Kampar, Ipoh, Perak.
46	Melaksanakan Dasar Pelajaran	Megat Fadzil b. M. Abu Samah, Batu 30 Kota Lama Kiri, Kuala Kangsar, Perak.
47	Pendapat daripada ibubapa mengenai Dasar Pelajaran yang telah ditubuhkan di atas Jawatankuasa Kabinet	Y.B. Idris Haji Ibrahim, Bilik 1 Tingkat 3, Bangunan Jaya, Jalan Haji Hussain, Kuala Lumpur.
48	Mahadir calls for view school Review - What it will do (1) Write to Education Policy Call (2) Public Views sought	Hamzah bin Yaasin d/a 173C, Rumah Pangsang, Block E, Jalan Sungai Baru, Kampung Baru, Kuala Lumpur.
49	Cadangan-cadangan	Toe Teng Tee, Yang Dipertua Persatuan Ibubapa dan Guru Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Cina) Kemayang, Temerloh, Pahang.
50	Ulasan dan Cadangan tentang Dasar Pelajaran Kebangsaan	Mohd. Yunus Hj. Yaakub (Bah. Fizik) Universiti Pertanian Malaysia, Serdang, Selangor.
51	Syor-syor untuk dipertimbangkan	Awang bin Mohd. Amin, d/a Makmal Bahasa Kolej Tunku Abdul Rahman, Kuala Lumpur.

BIL.	TAJUK	NAMA PENULIS & ALAMAT
52	Usul-usul persidangan	Persidangan Kebangsaan Penge-tua Sekolah Menengah.
53	Proposals for Change	Muhamad Ariffin Zahari, Batu 4½, Kubang Krian, Kota Bharu, Kelantan.
54	Response to invitation to the public for views on the implementations of Education policy	Lam Khuan Kit, KK Lam & Co., Room 705, 7th. Floor, Lee Yan Lian Building, Jalan Tun Perak, Kuala Lumpur. 01-21.
55	English in the school system	Dr. B.H.G. McAdam, P.O. Box 539, Kuala Lumpur.
56	Syor-syor mengenai Pelajaran Malaysia yang patut dilaksanakan	En. Saleh Abdul Rahman, Kamg. Sg. Durian, Mukim Gajah Mati, Alor Star, Kedah.
57	Hal Ehwal Pelajaran B.Cina dan masalah-masalah yang dihadapi	Siow Meow Yan, Pengerusi Lembaga Pengurus Sek. R.J.K. (Cina) Chun Yin, Titi, N. Sem- bilan.
58	Persatuan Perpustakaan Sekolah	Clement Fong Kan Seng, 25, Jalan Kok Ho Teik, Canning Garden, Ipoh, Perak.
59	Masalah Bahasa, Hisab Moden dan Sains serta bilangan murid-murid dalam kelas	N.T. Rajah, P.O. Box 42, Mer- cantile Bank Building, Ipoh, Perak.
60	Pengasasan Sek. Rendah Rakyat Kebangsaan Melayu Kampung Kubang Leret, Mukim Lesong, Kota Star, Kedah	En. Mat Isa b. Mahad, Sek. Rendah Rakyat Kampung Ku- bang Leret, Mukim Lesong, Kota Star, Kedah.
61	Jadikan matlamat Dasar Pelajaran untuk bersatu- padu, berdisiplin, terlatih dan bermoral	Ayub b. Yassin, Sek. Men. Dato' Mansor, Bahau, N. Sem- bilan.
62	Penubuhan dan Perjalanan (Pentadbiran) Yayasan- yayaan Pengajian dan Sekolah-sekolah Swasta di Malaysia	Awang b. Mohamad Amin, d/a Makmal Bahasa, Kolej Tunku Abdul Rahman, Peti Surat 979, Kuala Lumpur.

BIL.	TAJUK	NAMA PENULIS & ALAMAT
63	Autonaomy, Biasiswa dan lain-lain	Hamzah b. Taasir, 173 C, Block E, Rumah-pangsa, Jalan Sungai Baru, Kampung Baru, Kuala Lumpur.
64	Pelajaran Proses pemilihan dan Persediaan untuk hidup	Roger Turton, 27 Lee Man Park, Raub, Pahang.
65	Melaksanakan Amalan Keislaman	Abd. Aziz b. Hj. Muda, Setiausaha Persatuan Guru-Guru Sekolah Agama, Trengganu.
66	Mengatasi masalah pelaksanaan Sains baru	Chuah Yok Siang, 25 Iln. Ibu Kota Kiri, Gombak, Kuala Lumpur.
67	Keadilan kemasukan ke institusi-institusi tinggi	Soong Siew Hoong, The Federation of Selangor Chinese Guilds and Associations.
68	Keperluan Perpaduan, Disiplin dan Tenaga Rakyat	Makhtaram b. Rabidin, Pejabat Setiausaha UMNO, Bahagian Pontian Selatan, No. 1, Jalan Lerimit, Pontian, Johor.
69	Perkhidmatan Pelajaran Bagi Kanak-Kanak Kurang Waras	Maureen Y.M. Hoh (N.C.T. & N.F.F.) 9C X, Falec Flats, Jln. Badak, Pudu, Kuala Lumpur.
70	Pelajaran Rohani dan Jasmani	Dari Suara Islam
71	Penukaran nama-nama sekolah Jalanraya-jalanraya dan Penggunaan tulisan Jawi	Penuntut SITC 1937 - 1940 Kad UMNO 69575
72	Pra Sekolah-Tadika, Hari Persekolahan dan lain-lain	Lee Yu, PJK, Yuh Hwa Kindergarten, Sg. Lembing, Pahang.
73	Melengkapkan alat sembahyang di sekolah dan sains dengan Pelajaran Islam di koordinasikan	Md. Shahid b. Talib, 73, Sek. Kebangsaan Kuala Pegang, Baling, Kedah.
74	Pelajaran Vokasional. Peranan Sektor Swasta, Masalah Bahasa dan gurunya. Disiplin Sekolah dan Pelajaran Tinggi.	Kod Peng Ting A.M.N. 14, Bagan Jermal Road, Pulau Pinang.
75	Pemindaan dan Pengubahsuaian Dasar Pelajaran	Chew Hock Thye, Pengarah, Biro Penyelidikan, Jawatan-

BIL.	TAJUK	NAMA PENULIS & ALAMAT
		kuasa Seranta MCA, Negeri Sembilan.
76	Kenaikan Pangkat guru/gaji dan Kelas Bimbingan Kanak-Kanak serta penghapusan SRP	Maarof b. Hj. Mohamad, Sek. Ren. Dato Klana Putra, Lenggeng, Negeri Sembilan.
77	Perkembangan rohaniyah melalui Pelajaran Seni	Ahli-ahli Panitia Pendidikan Seni, d/a Maktab Perguruan Ilmu Khas, Cheras, Kuala Lumpur.
78	Sistem Peperiksaan dan Pengeluaran Sijilnya	Encik Ong Hock Kheng, 17 Dairy Road, Ipoh, Perak.
79	Masalah Sekolah Rendah Tamil dan Bahasa Ibunda murid-muridnya	Encik S. V. Muthu, 237 Jalan Maarof, Bangsar, Kuala Lumpur.
80	Penubuhan dan penghapusan perkara-perkara yang disyorkan	Encik Chian Heng Kai, Setiausaha J/K mempertahankan Kebudayaan Tionghua, Malaysia, DAP.
81	Ugama Islam dijadikan syarat ke Maktab Perguruan	Tuan Syed Abdul Rashid bin Syed Osman, 10, Lorong 3, Jalan Padang Katong, Kangar, Perlis.
82	Pelajaran TADIKA	Encik Mat Isa b. Ahmad, Kampung Banggul Derdap, Sik, Kedah.
83	Rukunegara dan Pengajaran Ugama Buddha	Persatuan Budhist Malaysia, 182, Burmah Road, Penang.
84	Menambahkan SRJK (Cina) dan membaikinya	Persatuan Perniagaan P.J. No. 10, Jalan Yong Shook Lin, Petaling Jaya.
85	Masa di Sekolah Rendah disingkatkan dan buku teks disamakan	Encik Md. Daud b. Ahmad, 205, Kubang Krian, Kota Bharu, Kelantan.
86	Wajibkan Ugama Islam serta menitikberatkan tokoh-tokohnya	Encik Mohd. Saad Abdul Ghani, No. 360, Jalan Pantai Acheh, Mukim A, Sungai Pinang, Balik Pulau, Pulau Pinang.
87	Menitikberatkan Bahasa Cina	Encik Thian Sin Liang, Pemangku Pengerusi, The Federa-

BIL.	TAJUK	NAMA PENULIS & ALAMAT
		tion of Foo Chow Association, No. 315A Jalan Tuanku Abd. Rahman, Kuala Lumpur.01-02
88	Pandangan-Pandangan Mengenai Dasar Pelajaran	Encik Onn Hock Sun, 20A, Jalan Chan Sow Lin, Kuala Lumpur.
89	Pelajaran Vokasional	Dr. I. Lourdesamy, Fakulti Ekonomi dan Pentadbiran, Universiti Malaya.
90	Menempatkan Guru-guru siswazah universiti Nanyang, Maktab Ngee Ann yang Berdiploma Pendidikan ke Tanggagaji D3	Liew Chok Yee, 28-A, Kg. Enam, Jalan Bacang, Melaka.
91	Masalah Sekolah-Sekolah Luar Bandar dan cara-cara mengatasinya	Hamid b. Mamat, Bukit Panau, Tanah Merah, Kelantan.
92	Memasukkan Pelajaran Agama Buddha dan lain-lain Agama dalam sukatan pelajaran	Tan Ah Yee @ Tan Yok Jin, Persatuan Belia-Belia Buddhist, Malaysia.
93	Pelajaran Bagi orang-orang Cacat Mata	Chua Tee Tee, b/p Persatuan Pendidikan Orang Buta Malaysia, Universiti Malaya.
94	Sistem Persekolahan	Pengerusi Biro Pelajaran UMNO Bahagian Nilam Puri, Kelantan.
95	Menyusun semula Sukatan Pelajaran Sains	Muhammad b. Abd. Aziz, Eastern Garden, Telok Anson, Perak.
96	Sekolah Khas dan Mengajar Sains dalam Bahasa Inggeris	Pethaperumal Muthiah, 59/22 Jalan Klang Gate, Kuala Lumpur.
97	Baiki Mutu B. Inggeris dan Kurangkan Sukan	Goh Chee Soon, 5, Quarantine Road, Taiping, Perak.
98	Kemerosotan Akhlak dan Pelajaran Agama Kristian	St. Anthony's Church, Nibong Tebal, P. Wellesley, Pulau Pinang.
99	Cadangan mengatasi masalah di sekolah rendah	Ghazali b. Haji Amin, 24, Rumah Murah Serom, Wakil Pos, Serom, Muar, Johor.

BIL.	TAJUK	NAMA PENULIS & ALAMAT
100	Cadangan-cadangan untuk Pelajaran	K.R. Ramasamy, Pusat Persatuan Dravidian Malaysia, 53, Jln. Berangan, Port Klang.
101	Pelajaran Sains di Malaysia	Ariaratham, 51, Jln. Grentong, Kelang, Kuala Lumpur.
102	Pengecualian Ujian Kelayakan	Abdul Jalil b. Mat, 21, Mukim A, Sungai Pinang, Balik Pulau, Pulau Pinang.
103	Nilai mata pelajaran Agama Islam dalam Sijil SRP dan SPM/MCE	Tengku Baharum b. T. A. Hamid, 322A, Jln. Pejabat Pos, Sungai Bakap, Seberang Prai Selatan, Pulau Pinang.
104	Pembaharuan Di Dalam Pelajaran	Sarjit Singh, 23 Jalan Thambipillai, Kuala Lumpur.
105	Cadangan-cadangan berkenaan akhlak, agama, buku teks dan dakwah	Osman b. Ismail, 297, Jalan Masjid, Kuala Brang, Trengganu.
106	Syor-syor berhubung dengan Pelaksanaan Dasar Pelajaran Kebangsaan Malaysia	Biro Pelajaran UMNO, Bahagian Besut, Trengganu.
107	Guru-guru Sekolah Menengah Bantuan Penuh	Guru Besar Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan, Tapah, Perak.
108	Pelajaran moral dan agama serta lain-lain cadangan	Setiausaha, Pendidikan, Gereja Katholik, Sabah.
109	Adakan Kursus Pegawai bukan guru di INTAN	Mohd. Karim b. Abdullah Omar, No. 2, Jalan 14/57, Petaling Jaya, Selangor.
110	Pelajaran dan kepentingan Buku	Persatuan Penerbit Buku Malaysia, Peti Surat 335, Kuala Lumpur.
111	Kurikulum dan lain-lain cadangan	PIBG Sek. Rendah H.I.J. Convent, Jalan Yahaya Awal, Johor Bahru.
112	Pertukaran nama sekolah dan lain-lain cadangan	Pergerakan Pemuda UMNO, Bahagian Tampin.
113	Aspek-aspek Pelajaran di Malaysia di masa hadapan	Loh Hoong Heng, 146, Jalan Tuanku Abdul Rahman, Kuala Lumpur.

BIL.	TAJUK	NAMA PENULIS & ALAMAT
114	Cuti Sekolah, Pakaian, Biasiswa Kecil Persekutuan	Ibubapa, dan Murid, Seluruh Malaysia.
115	Ugama, Pertukaran Guru, Kurikulum dan lain-lain cadangan	Persatuan Sekolah-sekolah Katholik Malaysia, d/a Convent Bukit Nanas, Kuala Lumpur.
116	Bentuk Persekolahan bagi Sistem Pelajaran Malaysia	Lai Sin Fah 19, Tingkat Ipoh Satu, Taman Ipoh, Ipoh, Perak.
117	Ugama Islam dan gurunya	Bekas murid, Kuala Lumpur.
118	Memberatkan 3M dan Penahanan Murid-murid Lemah di Sekolah Rendah	PIBG, SMJK Convent, Sitiawan, Perak.
119	Tenaga Pengajar dari Indonesia/Amerikan, Tulisan Jawi dan lain-lain	Baharuddin Ahmad, J/K Pelajaran dan Pendidikan Perkasa, Trengganu.
120	Ugama dan akhlak, masa mengajar guru dan lain-lain lagi	Persatuan Ibu bapa/Guru-guru SMJK, Konven, Jln. Peel, Kuala Lumpur.
121	Pelajaran Jawi, Sistem Peperiksaan dan Ujian serta lain-lain lagi	Persatuan Ibubapa/Guru-Guru Sekolah Kebangsaan, Sabak Bernam.
122	Cadangan membaiki sistem Pelajaran Malaysia	Sek. Convent (Men.) Jln. Raya Light, Pulau Pinang.
123	Membanyakkkan Pengelola, Guru Besar diberikan kursus dan lain-lain lagi	Tuan Haji Hashim bin Mohamad, Pejabat Pelajaran, Merising.
124	Memansuhkan naik darjah secara automatik, mengurangkan murid-murid di kelas Sekolah Rendah dll	Ahli-ahli Jawatankuasa P.T.A., S.M.J.K. Convent, Jalan Brewster.
125	Mengiktiraf kelulusan Universiti Normal Taiwan	Persatuan Siswazah, Taiwan Normal Universiti, P. Pinang, 22, Tingkat Tembaga, Green Lane, Pulau Pinang.
126	Kekurangan guru, alat-alat dan lain-lain cadangan	Datuk Yeap Kee Aik, Pengerusi Persatuan Panduan Kerjaya Malaysia.
127	Sedikit Pandangan mengenai Pelaksanaan Dasar Pelajaran Kebangsaan Malaysia	Hassan b. Yusof, d/a Madrasah Amir Indra Baris Kubur Besar, Bachok, Kelantan.

BIL.	TAJUK	NAMA PENULIS & ALAMAT
128	Membekalkan alat sains moden ke sekolah	Chuah Yak Siong, 25, Jln. Ibu Kota Kiri, Gombak, Kuala Lumpur.
129	Pelajaran Ugama	Ahmad Azzam, 334, Jln. Gong Kapas, Kuala Trengganu.
130	Keburukan naik darjah secara otomatik dan lain-lain cadangan	Abdul Hamid b. Adil, Setiausaha Kehormat Persatuan Ibu bapa/Guru SMJK, Teluk Anson.
131	Pendapat Mengenai Dasar Pelajaran	Syarikat Tenaga Rakyat Berkongsi Enterprise, Wakil Pos Sg. Leman, Sekincan, Selangor.
132	Organisasi Persekolahan, Peperiksaan Darjah III/V dan lain-lain cadangan	Ismail b. Idris, Pengelola Perkhidmatan Sebaran Pendidikan Kelantan.
133	Kenapa Sains mesti diajar dalam Bahasa Inggeris	Vincent Rozario, Penyelia Sekolah Sains, No. 2, Jln. 19/1 Petaling Jaya, Selangor.
134	Bertambah Rugi Kelulusan SPM	Salehudin H. Sulaiman, Sek. Keb. Durian Tunggal, Melaka.
135	Kursus latihan guru dalam Perkhidmatan	Jayapal b. Mohd. Yusof, SMJK Sultan Yusuf, Batu Gajah, Perak.
136	Guru 'Attachment' 'Generation Gap', Disiplin dan lain-lain cadangan	Mohamad b. Kasim, No. 13A, Jln. Peserai, Batu Pahat, Johor.
137	Ugama, naik darjah secara otomatik dan lain-lain	Setiausaha Persatuan, Ibubapa/Guru SRJK (T) Convent, Jln. Peel, Kuala Lumpur.
138	Pendidikan Ugama dan Kesopanan	Rev. Fr. D. Anthony, Ipoh Gardens, Ipoh.
139	Kurikulum, Peperiksaan, dan lain-lain cadangan	Sekumpulan Bekas Pelajar, Sebuah Sekolah Menengah Cina.
140	Masalah-masalah disiplin	Khaw Hoe Guan, 17, Jln. Taylor, Pulau Pinang.
141	Gerakerja luar sekolah terlalu banyak, Quata Murid/Guru, dan lain-lain cadangan	Pengetua Sekolah Menengah Sacred Heart Convent, Melaka.
142	Pandangan mengenai sistem Pelajaran dan Pelaksanaannya	Pengerusi SRJK (T) St. Joseph Sentul, Kuala Lumpur.
143	Guru sementara dan latihan baginya	Hamzah b. Sohod, 98, Jln. Shahbandar, Batu Pahat, Johor.



BIL.	TAJUK	NAMA PENULIS & ALAMAT
144	Pelajaran Ugama di sekolah-sekolah	Salehuddin b. Yusof, Sek. Men. Sultan A. Samad, Bukit Kuda, Kelang.
145	Syor-syor untuk Menambah Kecekapan dan Mutu Pelajaran Bahasa Tamil di Malaysia	Persatuan Bahasa Tamil Universiti Malaya, Jabatan Pengajian India, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
146A	Ugama/akhlak, sistem Peperiksaan dan lain-lain cadangan	S. Agnes, Lembaga Pengelola, Sek. Men. Father Barre's Convent, Sungai Patani, Kedah.
146B	Cadangan memperbaiki Sistem Pelajaran Malaysia	Persatuan Ibubapa Sek. Men. Father Barre's Convent, Sg. Patani, Kedah.
147	Masalah Sek. Ren., Sukatan Pelajaran Sivik dan Sekolah Outward Bound	Chew Yew Kai, 74, Jln. Mawar, Taman Forlong, Setapak, Kuala Lumpur. 14-11
148	Gaji Permulaan Guru-guru Sekolah Menengah	Yap Yuen Lin, 29C, Jln. Khoo Teik Ee, Off Jln. Imbi, Kuala Lumpur.
149	Kepentingan Pelajaran Kebangsaan	Rahmat b. Hj. Abd. Rahman, Sek. Men. Semerah, Keb. dan J.K. (Ing.) Batu Pahat, Johor.
150	Sistem Pepe. SPM. Had Umur Memasuki Sekolah, Sistem buku Teks dan Cuti Panjang di Universiti	Mohd. Nooraini b. Kamarun, 2797 Jln. Pegawai, Off Jln. Ampang Hilir, Kuala Lumpur.
151	Memohon Kebenaran Mengambil Guru Ugama yang layak	Cathedral of the Assumption, Leboh Farquhar, Pulau Pinang.
152	Laporan Penyemakan Semula Pelaksanaan Dasar Pelajaran	Setiausaha Persatuan, Ibubapa/Guru Sek. Men. St. Andrew, Muar, Johor.
153	Menganaktirikan guru D.2, dan ramai kecewa kerana pelaksanaan gaji guru besar	Yogeswaran s/o Maniam, Sentul Pasar, Kuala Lumpur.
154	Pendidikan akhlak, Guru Bimbingan dan lain-lain cadangan	Setiausaha Kehormat Persatuan Ibubapa/Guru Sek. Men. Convent, Green Lane, Pulau Pinang.
155	Jenis-jenis Sekolah Patut ditubuhkan di Malaysia	E. Magness, No. 54, Heeren Street, Melaka.
156	Struktur gaji mengikut kelulusan, latihan guru dan lain-lain cadangan	Abd. Aziz b. Abd. Rahman, Kampong Batu Tujuh, Simpang Renggam, Kluang, Johor.

BIL.	TAJUK	NAMA PENULIS & ALAMAT
157	Masalah-masalah Pelajaran untuk dikaji	Persatuan Ibubapa/guru SRJK St. George, Balik Pulau, Pulau Pinang.
158	Menyemak semula Dasar Pelajaran Kebangsaan	Mohd. Hol b. Jamaluddin, Setiausaha Agong, Kesatuan Guru-guru, Bumiputera, Sarawak.
159	Kajian Semula Pelaksanaan Dasar Pelajaran	Kesatuan Guru-guru Melayu, Malaysia Barat.
160	Cadangan-cadangan Guru dan ahli-ahli PTA	Ahli-ahli PTA dan Guru Besar Convent of the Holy Infant Jesus, Ayer Salak, Melaka.
161	Membina lebih banyak Maktab Perguruan dan Fasal Gaji Pensyarah.	Pensyarah Maktab Perguruan Seri Kota, Jln. Kuantan, Kuala Lumpur.
162	Memoranda dari hal Pelajaran untuk dipertimbangkan	Dato' (Dr.) Lim Kee Jin, 1853, Jln. Scudai, Johor Bahru, Johor.
163	Kelemahan Pelajaran Lanjutan	Koay Seng Kek, 607, Jln. Balik Pulau, Ayer Itam, Pulau Pinang
164	Masalah-masalah Pelajaran dan cara-cara mengatasinya	Dato' Balwant Singh J.P., PJK., SMP., yang Dipertua Persatuan Ibubapa/Guru Sekolah Rendah La Salle, Petaling Jaya.
165	Sistem Peperiksaan, Kurikulum dan lain-lain cadangan	Pengerusi PIBG, Sek. Men. St. George, Taiping.
166	Perubahan Kurikulum Pendidikan terutama sekali di Sabah	A. Vishnupathan, Maktab Perguruan Gaya, Box 491, Kota Kinabalu, Sabah.
167	Pelaksanaan Dasar Pelajaran Malaysia	Syed Zakaria b. Syed Muhammad, 124, Jln. Iskandar, Kuala Lumpur.
168	Syor penyemakan Perlaksanaan Dasar Pelajaran Kebangsaan Malaysia	Ab. Aziz b. Hj. Abdullah, Sek. Kebangsaan, Lurah Bilut.
169	Gaji Guru-guru	Shin Yuk Thong, d/a 321-D, Jln. Tunku Abdul Rahman, Kuala Lumpur.
170	Institut Pentadbir Sekolah	Leng Kuak Yang, 182, Jln. Midah Besar, Taman Midah, Batu 5, Jln. Cheras, Kuala Lumpur.
171	Perkara-perkara berkenaan sistem Pelajaran dan cadangan	S.M. Mohd. Idiri J.P. Pengerusi Persatuan Pengguna-pengguna

BIL.	TAJUK	NAMA PENULIS & ALAMAT
	cadangan untuk memperbaiki pelaksanaannya	Pulau Pinang, Tingkat 1, 306F, Jalan Burmah, Pulau Pinang.
172	Guru-guru dan latihannya, kurikulum dan pentadbiran	Guru Besar Sek. Convent Rendah Johor Bahru dan Guru Besar Sek. Ren. St. Joseph, Johor Bahru, Johor.
173	Syor-syor Perseorangan terhadap Dasar Pelajaran	Bekas Penuntut SITC 1937-1940.
174	Umur Kemasukan Kanak-Kanak ke Sekolah dan Buku Teks	J.E. Gray, 13, 6/18 Petaling Jaya, Selangor.
175	Sek. Punjabi dalam Malaysia	Yang Dipertua Sri Guru Singh Sahha Larut, Taiping.
176	Cadangan-cadangan Mempereratkan Perpaduan Rakyat	Abd. Hamid Osman, 8, Leboh Raya Madrasah Hill View Estate, Rapat Setia, Ipoh.
177A	Ketidaksahan I. Hisab sebagai Matapelajaran wajib dalam SRP/LCE	Ibrahim b. Ahmad Bajunid, Maktab Perguruan Bahasa, Lembah Pantai, Kuala Lumpur.
177B	Cadangan-cadangan secara Menyeluruh	..
177C	Sejarah Idea-idea Sainifik diadakan di sekolah-sekolah Menengah untuk Peperiksaan Tingkatan Lima dan Enam	..
177D	Falsafah Pendidikan dan ajaran U gama	..
177E	Konsep Perkhidmatan Sek. kepada Komuniti	..
177F	Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Inggeris	..
178	Memoranda Mengkaji Pelaksanaan Dasar Pelajaran	Kesatuan Guru-guru Latihan Maktab Persekutuan Tanah Melayu.
179	Pembaharuan terhadap Pendidikan	Dr. Tan Ming Kwan, 6, Jln. Hj. Hashim, Kuala Lumpur.
180	Sukatan Pelajaran, Sistem Pelajaran, Pelajaran yang Bertentangan Dengan Ajaran Islam, Buku-buku Teks dan Kursus guru-guru	Persatuan Guru-guru U gama, Sekolah-sekolah Menengah, Trengganu.
181	Penubuhan J/K tetap untuk Penyelidikan dan Perancangan,	PIBG, Sek. Men. Holy Infant Jesus, Convent, Johor Bahru.

BIL.	TAJUK	NAMA PENULIS & ALAMAT
	Latihan Guru-guru, Bidang Pelajaran dan Pengurusan	
182	Masalah Sek. Tamil, keciciran, Peperiksaan Diagnostik, Darjah 3	PIBG, SRJK (Tamil), Jalan San Peng.
183	Peperiksaan LCE/SRP	PIGB, Sek. Men. Anderson Ipoh, Perak.
184	Pandangan Dasar Pelajaran Negeri ini	Mohamed Nor b. Hj. Mohd. Hashim, 324, Jln. Pekeliling, Kuala Lumpur.
185	Pandangan Mengenai Dasar Pelajaran Kebangsaan	Hassan b. Mohd. Ali, No. 278, Taman Segamat, Jln. Buluh Kasap, Segamat.
186	Pelajaran Sek. Ren., Sistem Pengaliran dan lain-lain cadangan	Setiausaha PIGB, Sek. Men. Convent of the Holy Infant Jesus, Bukit Nanas, Kuala Lumpur.
187	Tujuan-tujuan Pendidikan, Kurikulum dan lain-lain cadangan	Jemaah Nazir Sekolah-sekolah Jalan Tun Ismail, Kuala Lumpur.
188	Pendidikan Jasmani	Persatuan Pendidikan Jasmani Malaysia.
189	Sistem Pendidikan Cara Islam	Abd. Wahab L. Yahya, 46, Jln. 28, Desa Jaya, Kepong Selangor.
190	Sistem suaikenal di sekolah-sekolah	Abdullah b. Baluddin, Jln. Parit Satu Timor, Sungai Besar.
191	Kerohanian, Moral dan U gama	Malaysia Hindu Sangam.
192A	Pentadbiran Sekolah Guru-guru lain-lain dan lain-lain	Abdul Rahman Zainal Abidin, 24, Taman Jaya, Temerloh.
192B	Sekolah-sekolah Kecil	Mahmood Othman, Biro Pelajaran UMNO, Bahagian Johor Bahru Timur.
193	Kelas Khas dan merotan murid-murid	David Tong, Sports Toto Malaysian Sendirian Berhad, Tingkat 4 dan 5, Bangunan MIC, Jln. Maxwell, Kuala Lumpur.
194	Menyusun semula kurikulum Sek., Menubuhkan sebuah Sek. latihan pusat dan lain-lain cadangan	Bala Subramaniam, Sek. Men. Dato' Sheikh Ahmad, Seremban.

BIL.	TAJUK	NAMA PENULIS & ALAMAT
195	Masalah-masalah yang dihadapi kanak-kanak India	Ibu Pejabat Malaysia India Congress.
196	Pengkajian Sistem Pelajaran dan Pelaksanaannya	Pergerakan keluarga dari Masyarakat Kristian Malaysia, 528 Jln. Bukit Nanas, Kuala Lumpur.
197	Memohon Pertimbangkan kedudukan Guru-guru yang Berasal Daripada Guru Rakyat	Pertubuhan kebangsaan Melayu Bersatu Malaysia, 9, Jln. Chendrawaseh, Larkin Jaya, Johor Bahru.
198	Gaji Guru Besar dan Penolong Kanan Sek. Vokasional	Setiausaha J/K Kecil Gaji bagi Guru Besar sekolah-sekolah Vokasional.
199	Bahasa Malaysia, struktur Persekolahan, Kurikulum dan Pentadbiran Pelajaran	Pertubuhan kebangsaan Melayu Bersatu, Biro Pelajaran UMNO, Bahagian Parit Pejabat Barisan National Jln. Kelak, Parit.
200A	Penyemakan semula Dasar Pelajaran	Ee Tiang Hong, Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
200B	Penyemakan Semula Dasar Pelajaran	Dr. T. Chelliah, Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
201	'Human and Social Biology' in Malaysian Schools	Dr. T.P. Pasan, Universiti Sains Malaysia.
202	Dasar Pelajaran Kebangsaan	A. Rahim b. Ahmad, Pengerusi Biro Pelajaran, Pergerakan Pemuda UMNO, Bahagian Johor Bahru Timor 168, Jln. Dato' Sulaiman, Taman Century, Johor Bahru.
203	Pembaharuan kurikulum dan lain-lain syor	Persatuan Pendidikan Universiti Sains, Malaysia.
204	Berbagai syor berkenaan Penyemakan semula Dasar Pelajaran Kebangsaan	Majlis Kebangsaan Pertubuhan Wanita Malaysia.
205	Views and comments on Education	Dr. C. Subramanyam 22, Jln. Tunku Abd. Halim, Alor Star, Kedah.
206	Perhatian berat kepada soal-soal Isi pelajaran dan suasana persekolahan	Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM), Peti Surat 145, Kuala Lumpur.
207	'Vacational Guidance'	G.S. Gill, President Kelab Rotari, Kuala Lumpur.

BIL.	TAJUK	NAMA PENULIS & ALAMAT
208	Pengeluaran Tenaga Rakyat dan Syor-syor memperbaiki Peraturan-peraturan sekarang	PIBG Sek. Methodist Rendah, Petaling Jaya.
209A	Adakan Tanggagaji Tingkatan Tertinggi dalam perkhidmatan Perguruan	Abdul Aziz Haji Yusof, Maktab Perguruan Bahasa, Lembah Pantai, Kuala Lumpur.
209B	"Highlights of Differences between the English-Medium and National Medium Schools"	Ibrahim Ahmad Bajunid, Maktab Perguruan Bahasa, Lembah Pantai, Kuala Lumpur.
209C	'What is the aim of Education?'	"
209D	'The Examination Syndicate and the certification of individuals'	"
209E	'Race and The Teacher'	"
209F	Penyemakan Semula Pengajaran Bahasa Malaysia	"
210	Syor-syor penting berkenaan bahasa ibunda, masalah-masalah Lembaga Pengurus dan lain-lain lagi.	Pertubuhan-pertubuhan Cina yang berdaftar seluruh Malaysia.
211	Syor-syor pengurangan murid dalam kelas, sekolah dua sidang dan lain-lain	PIBG, Sek. Men. Laki-laki Bukit Bintang, Kuala Lumpur.
212	Berbagai syor mengenai Penyemakan semula Dasar Pelajaran Kebangsaan	PIBG, Sek. Men. Convent, Bt. Mertajam, Seberang Prai, Penang.
213	Pandangan dan cadangan mengenai penyemakan semula Dasar Pelajaran Kebangsaan	Hashim b. Sohor, 363, Jln. Abdul Rahman, Muar, Johor.
214	Berbagai syor dan cadangan penyemakan semula Dasar Pelajaran Kebangsaan	Diolesan Pastoral Council, Bukit Nanas, Kuala Lumpur.
215A	Pandangan/cadangan mengenai Pelajaran Tamil	Persatuan kesusasteraan Tamil, 110, Jln. Bangau, Taman Bukit Raja, Kelang, Selangor.
215B	Syor-syor mengenai Bahasa, Guru, Sekolah, Kurikulum, peperiksaan dan lain-lain	Persatuan Kesusasteraan Tamil, 110, Jln. Bangau, Taman Bukit Raja, Kelang, Selangor.
216	Cadangan-cadangan mengenai Bahasa, Guru, Sekolah, Kurikulum dan lain-lain lagi	Kesatuan Kebangsaan Guru-guru Besar Semenanjung Malaysia, No. 20B, Jln. Istana, Kelang, Selangor.

BIL.	TAJUK	NAMA PENULIS & ALAMAT
217	Syor moral/ugama, kenaikan darjah secara otomatik dan lain-lain	D.R. Daniel, Setiausaha Pelajaran Khormat, Lembaga Pelajaran Gereja Methodist, Pusat Pelajaran Methodist 67, Jln. 5/31, Petaling Jaya.
218	Syor-syor mengenai guru/Guru Besar dan lain-lain	Majlis sekolah-sekolah Keristian Malaya, 67, Jln. 5/31, Petaling Jaya.
219	"Comments and suggestions for the improvement of the Malaysian Education System"	Mrs. Annettes Syed Mohamed, No. 12, Jln. 14/44, Petaling Jaya, Selangor.
220	Personal Psycology diajar di Sekolah Rendah	Maktab Perguruan Pendidikan Kesihatan dan Nilai pemakanan, K. Trengganu.
221	Beberapa perubahan dalam sistem Pelajaran sekarang	Lembaga Pengelola, Sekolah Rendah Barre's Convent, Sungai Patani, Kedah.
222	Rayuan untuk kebenaran mengambil guru ugama yang layak mengajar di sekolah-sekolah	Pemeluk Mazhab Gereja Immaculate conception, Pulau Tikus, Pulau Pinang.
223	Berbagai cadangan/pan-dangan terhadap Tadika, matapelajaran Sek. Rendah/Menengah dan lain-lain per-kara lagi	PIBG (Inggeris) Convents, Taiping, Perak.
224	Sekolah Tamil dan Guru besarnya	Ramon, Cadang Bagan Datoh, Perak.
225	Perkembangan senilukis di Malaysia	Akademi senilukis se-M'sia, d/a Dewan P.G.M.S. 41, Jln. Raja Muda, K. Lumpur.
226	Syor-syor Bagi Dasar Pelajaran Malaysia	Persatuan Andhra Malaysia, Peti Surat No. 2, Bagan Datoh, Perak.
227	Memorandum on the Review of the National Education System in Malaysia	Biro Pelajaran MCA.
228	Sek. Khas untuk murid-murid yang gagal peperiksaan LCE/SRP, SPM/MCE	Mohammad bin Yaacob, Setia-usaha Dewan Pemuda Pas Kelantan, N. Kelantan.
229	Perubahan-perubahan Dalam	Guru-guru, Convent of the

BIL.	TAJUK	NAMA PENULIS & ALAMAT
	Dasar Pelajaran	Holy Infant Jesus, Sek. Men. Convent, Sentul, K.L.
230	Kajian Mengenai Pelaksanaan Dasar Pelajaran	Y.B. Datuk Abdul Samad bin Idris, Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri Malaysia.
231	Kelemahan Pelaksanaan Pekeliling KP. Sulit (P.P.) 0063/32/2(3)	Sulaiman b. Mohd. Nawi.
232	Kajian Pelaksanaan Dasar Pelajaran	Kesatuan Kebangsaan Guru-Guru Bahasa Malaysia, Malaysia, Malaysia Barat.
233	"Resolutions submitted to review Educational Policy"	Malaysia Tamil Writers Association, 70, Jln. Shahbandar, Kuala Lumpur.
234	Pendidikan Rohani, Bahasa Ibunda, Pelajaran Lepas Sekolah dan Laporan Murad	Majlis Belia Hindu Malaysia, 30, Jln. Kolam Ayer Dua, Sentul, Kuala Lumpur.
235	Buruknya Pengasingan Murid-murid di sekolah rendah mengikut pencapaian dalam peperiksaan	Mui Chee Cheong, 175G, Lorong Tujuh, Jln. Panjang, Melaka.
236	Pandangan dan Cadangan Mengenai Guru	Jugh Singh, 555, Jln. Bidor Tapah, Perak.
237	"The Green Mind Plan Through Divine Knowledge"	Dhiraj Singh s/o Isher Singh, NEB, Malacca Power Station, Tanjong Kling, Melaka.
238	"Objectives of National Education Policy and Effectiveness of Interpretation and Enforcement"	Tai Chee Meng, Presiden Kesatuan Guru-Guru Malaya, 48-A, Jln. Kelawai, P. Pinang.
239	Kajian Semula Pelaksanaan Dasar Pelajaran Kebangsaan	Ismail b. Alias, Setiausaha Kerja, Bangunan UMNO, No. 120, Jalan Besar, Tampin.
240	Implementasi Dasar Pelajaran di Tanah Air	L.E. D'cruz, Setiausaha Kehormat PIBG, Sek. Men. St. Paul, Seremban, Negeri Sembilan.
241	Guru-guru lepasan Senior Normal memohon masuk ke Tanggagaji kategori C2	Kesatuan Guru-guru Chinese Senior Normal, 321D, Off Jln. Tuanku Abdul Rahman, Kuala Lumpur.



BIL.	TAJUK	NAMA PENULIS & ALAMAT
242	Semangat kerja koler putih dihapuskan. Buku-buku hendaklah berbau Malaysia	Vincent Tan, 138A, Betong Flat, Central Road, Kuching, Sarawak, Malaysia.
243	Syor mengkaji Dasar Pelajaran Malaysia	Ismail bin Muhammad, Maktab Perguruan Teknik, Jln. Cheras, Kuala Lumpur.
244	School Review	Dr. T. Ramanathan, Pejabat Haiwan, Jln. Sungai, Pulau Pinang.
245	A Review with special reference to Science and Mathematics	Awang Had Salleh, Dekan Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
246	Penyelarasan Gaji Gurubesar/Pengelola	Mohd. Khusairi b. Hj. Abdullah, 5, Jln. 237-A Section 51-A, Petaling Jaya, Selangor.
247	Penyemakan Pelaksanaan Dasar Pelajaran	Kesatuan Kebangsaan guru-guru lepasan Maktab/Pusat Latihan Harian Malaysia Barat, Bilik 5, Tingkat 2, Wisma Awal, Jln. Abdullah, Muar, Johor.
248	Syarat-syarat Perkhidmatan dan Tanggagaji Bagi Guru-Guru Vokasional dan Teknik di sekolah-sekolah Vokasional	H. Subramaniam, Sekolah Menengah Vokasional Ampangan, Seremban.
249	Kajian Pelaksanaan Dasar Pelajaran	PIBG, Sek. Men. Iskandar, Alor Star, Kedah.
250	Pandangan Polisi Pelajaran	Daniel Leow, Pengerusi Kawangan sedar MCA, Seremban, N. Sembilan.
251	Kurikulum Pelajaran	A. Sani, Sek. Ren. La Salle (1) Sek. Jenis Keb. (Inggeris) Jln. Peel, Kuala Lumpur.
252	Hapuskan naik darjah secara automatik dan lain-lain perkara	PIBG, Sek. Ren. Kebangsaan Convent, Jln. Penang, Pulau Pinang.
253	Dasar satu corak Persekolahan, Guru Ganti yang tanpa latihan dan lain-lain	Haji Hablum b. Taat, Sek. Keb. Masjid Tanah, Melaka.
254	Masalah Pelajaran, Wargane-	Dr. P.P. Narayanan, Wakil-

BIL.	TAJUK	NAMA PENULIS & ALAMAT
	gara Malaysia keturunan India	wakil, Pertubuhan Malaysia.
255	Guru, Jemaah, Matapelajaran Wajib dan sekolah	Hj. Muhammad b. Hj. Awang, 4975-E, Kg. Sireh, Kota Bharu, Kelantan.
256	Monopoli penerbitan, Peranan Penerbitan swasta dan lain-lain perkara	R. Narayan Menon, P.O. Box 335, Kuala Lumpur.
257	B. Inggeris di Sek. Cina, adakah peperiksaan Darjah 6, Tahan setahun di sekolah rendah	PIBG, SRJK(C), St. Teresa, Brickfields, K. Lumpur.
258	Perubahan Sistem Pelajaran Malaysia	Abd. Rahman Ali, Pejabat UMNO Bahagian Pasir Puteh, Kelantan.
259	Kajian Dasar Pelajaran Kebangsaan	Mahmud b. Hj. Hashim, Pengerusi Biro Pelajaran UMNO Bahagian Perlis Utara, Perlis.
260	Pandangan Polisi Pelajaran	Daniel Leow, Pengerusi Cawangan sedar MCA, No. 6, Jln. Carew, Seremban.
261	Guru Sementara dan Buku Teks	Tan Cheng Soon, Pengerusi, Kesatuan Kaum Teochew se-Malaysia; No. 91 dan 93, (Tingkat 3) Jln. Banggal, Kuala Lumpur.
262	Laporan Pelajaran bagi murid-murid	Md. Hassan b. Maarop 333B, Batu 1, Jln. Sg. Nibong, Kpg. Bahagia, Teluk Anson, Perak.
263	Syarat-syarat perkhidmatan Perjawatan Gurubesar, Cara-cara Bantuan Sekolah	Mohd. Shabar b. Kasim, Kg. Leban Chondong, Rompin, Pahang.
264	A. Jemaah Nazir Persekutuan B. Pengajar di Sek. Ren. dengan guru bukan Melayu mengajar dalam B. Malaysia C. Matlamat Pendidikan D. Politik dan Pendidikan E. Pendidikan Moral	Mokhtar b. Mohd. Zain, Sek. Men. Darulaman, Alor Star, Kedah.

BIL.	TAJUK	NAMA PENULIS & ALAMAT
265	"The Teaching of English in teacher-training Colleges and Schools"	John Samuel, Maktab Perguruan Seri Kota, Jln. Kuantan, K. Lumpur.
266	Murid-murid lemah dibenarkan mengulang, kecilkan kelas (40), Pelajaran akhlak, Sek. Ren. Kemahiran Asas	Guru Besar, Convent Balik Pulau, Pulau Pinang.
267	Teknik dan Vokasional	S. Radhakrishnan, 19, Jln. Barat, Petaling Jaya.
268	Pelaksanaan B. Malaysia, Anikajurusan, Pelajaran Vokasional, Pelajaran U gama, B. Inggeris, Sukan, Buku dan lain-lain	Kamy Suria.
269	Wajibkan Pengajaran B. Arab	Tuan Temerang b. Tuan Tengah, Kg. Petai Bubus, Manir, K. Trengganu.
270	Tadika, Guru-guru Bimbingan, Sistem kenaikan darjah, Peperiksaan dan lain-lain	Brother Lawrence, Guru Besar Sek. Men. JK/(Inggeris) La Salle, Petaling Jaya.
271	"Recognition of Degrees conferred By National Taiwan Normal University"	Leong Sik Khoon, Setiausaha Persatuan Mahasiswa Taiwan, Normal Universiti, Selangor, 16, 21/39A, Sea Park, Petaling Jaya, Selangor.
272	Masalah Pendidikan	Yap Keng Yan, Pengarah Bahagian Pelajaran Biro Pendidikan, Jawatankuasa Seranta, MCA, Perak.
273	Pengaliran Murid-murid, Peperiksaan dan lain-lain	Pertubuhan Akitek Malaysia No. 4-6, Jln. Tangsi, K. Lumpur.
274	Objektif Pendidikan Negara	Awang Had Salleh, 52, Pesiaran Bruas, Damansara Heights, Kuala Lumpur.
275	Kurikulum, Sistem Penilaian Kakitangan, Penyelidikan Pendidikan	Abu Hassan b. Ab. Rahman, Setiausaha Kehormat, P.KP. S.M. Sek. Dato' Onn, Butterworth.
276	Masalah Sekolah Tamil	Kesatuan Kebangsaan Guru-

BIL.	TAJUK	NAMA PENULIS & ALAMAT
		Guru Sekolah Tamil, Semenanjung Malaysia.
277	Educational Curricula and Facilities	I.T.M., Shah Alam, Selangor.
278	Perjalanan dan Pelaksanaan Dasar Pelajaran Kebangsaan	Hussein b. Mahmood, Biro Pelajaran UMNO, N. Kelantan.
279	"Total Communication as a Positive Approach To Deaf Education"	Tan Yap, 28 Lorong Bruas Kiri, Damansara Heights, Kuala Lumpur 23-06.
280	Permohonan Guru Ugama	Pemeluk Ugama Kristian, Saint Anne, Bukit Mertajam, P.W.
281	Mengadakan Pegawai Kebajikan di sekolah Menengah	Mohd. Hanafiah b. Sh. Hassan, d/a Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah, Pontian, Johor.
282	"Education For Malaysia"	P.C. Ratchaga, Suruhanjaya Gaji di Raja, Bangunan M.A.B.A., Jln. Davidson, Kuala Lumpur.
283	Masalah Guru, Buku Teks, Pendidikan Tinggi, Sekolah, Kecikiran dan lain-lain	Yayasan Sabah.
284	Peringkat Pengajian:	Ainuddin Abdul Wahid
	a) Rendah	
	b) Menengah	
	c) Pra-Universiti	
	d) Universiti	
285	"Attitude of Teachers Towards teaching"	Ponmugam Sahmugam, Editor 'Udhayam' Angkasapuri, K. Lumpur.
286	Kanak-kanak Cacat	S. Thamutaram, 1362, Jln. Kandang Kerbau, Brickfields, Kuala Lumpur.
287	Akhlah/Ugama	Mrs. Doris Ping, c/o No. 1 5/15C, Jln. Cantik, P. Jaya, Selangor.
288	Kurikulum, Latihan Perguruan dan Pentadbiran Sekolah	Datuk Idris b. Babjee, Pusat Pengajian Ilmu Pendidikan, Universiti Sains Malaysia.
289A	"Community Reserouces	Pusat Perkembangan Kuriku-

BIL.	TAJUK	NAMA PENULIS & ALAMAT
	for the Enrichment of the School Education Programmes"	lum, Kementerian Pelajaran.
289B	Pendidikan untuk Pembangunan	
290	Disiplin, Kurikulum peperiksaan, Guru/Latihan dan Pentadbiran	Persidangan Kebangsaan Pengetua-Pengetua Sekolah Menengah, Malaysia.
291	Pelajaran Ugama Islam dan Gurubesar	PIBG, Sek. Men. Kebangsaan, Kampung Batu, Bt. 5, Jln. Ipoh, Kuala Lumpur.
292	Kesihatan Kanak-Kanak, Tindakan Kurikulum, Siaran Radio Ke Sekolah-Sekolah, Pertukaran Guru	En. Murad Khan bin Hedayat Khan.
293	Sekolah Dua Sidang, Sekolah Berasrama, naik darjah secara automatik, Pengaliran Murid dan lain-lain	Aishah bte. Hj. Abdul Ghani, Ketua Pergerakan Wanita UMNO, Malaysia.
294	Falsafah Dasar Pelajaran Kebangsaan, sistem pelajaran Kebangsaan, Pentadbiran dan lain-lain	Professor Madya Nik Abdul Rashid dan Wan Hasmah Ibrahim, Fakulti Undang-Undang Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
295	Kurikulum Sekolah-Sekolah Kebangsaan, Sistem Pelajaran Kebangsaan, Pentadbiran dan lain-lain	George Emmanuel, Sek. Men. Vokasional, Ampangan, Seremban, N. Sembilan.
296	Guru-Guru Sekolah Rendah Kategori B Se-Malaysia	Cheong Keng Ying, 269, Jln. Lobak, Seremban, N.S.
297	Masalah Bahasa Dan Kesusasteraan Malaysia	Persatuan Penulis Nasional Malaysia.
298	Pengiktirafan Ijazah (B.Sc.) Pertanian dari Jabatan Agonomi (Maktab Pertanian), Universiti Kebangsaan Chung Hsing, Taiwan	Moey Wah Heng No. 3, Magore Road, Pulau Pinang.
299	Population, Labour Force, and Employment Estimates 1970-75	Dato Lau Foo Sun, President Kelab Rotary, Kuala Lumpur.

BIL.	TAJUK	NAMA PENULIS & ALAMAT
300	Kawalan Sekolah Swasta, Persekolahan Pentadbiran Disiplin dan Tenaga Rakyat	Hj. Abdul Rahman b. Hj. Othman, P.J.K. Pengerusi Biro Pelajaran, Alor Star, Kedah.
301	Pendidikan	Majlis Bell Kelab Belia Tamil.
302	Memorandum of the review of the implementation of the Education Policy	Kesatuan Perkhidmatan Perguruan Kebangsaan Malaysia.